05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MEMBANGUNKAN MODUL AKTIVITI IMAGINASI LAKONAN SEBAGAI PENGUKUHAN KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM KOKURIKULUM TEATER SEKOLAH MENENGAH

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

NADHILAH BINTI SUHAIMI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MEMBANGUNKAN MODUL AKTIVITI IMAGINASI LAKONAN SEBAGAI PENGUKUHAN KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM KOKURIKULUM TEATER SEKOLAH MENENGAH

NADHILAH BINTI SUHAIMI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA TEATER DALAM PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: MEMBANGUNKAN MODUL AKTIVITI IMAGINASI LAKONAN SEBAGAI PENGUKUHAN KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM KOKURIKULUM TEATER MURID SEKOLAH MENENGAH

No. Matrik /*Matric's No.*: M20171000350

Saya / *I* : NADHILAH BINTI SUHAIMI

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick (√) for category below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restircted information as specified by the organization where research was done.*
☑	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 24 FEBRUARI 2023

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)
Dr. Lena Farida binti Hussain Chin
Pensyarah Kanan
Jabatan Seni Persembahan
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim
Perak Darul Ridzuan

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)

Kertas Projek	
Sarjana Penyelidikan	✓
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus	
Doktor Falsafah	

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ..07...(hari bulan)...Ogos..... (bulan) 20.23..

i. Perakuan pelajar :

Saya, NADHILAH BINTI SUHAIMI, M20171000350, FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk MEMBANGUNKAN MODUL AKTIVITI IMAGINASI LAKONAN SEBAGAI PENGUKUHAN KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM KOKURIKULUM TEATER SEKOLAH MENENGAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. LENA FARIDA BINTI HUSSAIN CHIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk MEMBANGUNKAN MODUL AKTIVITI IMAGINASI LAKONAN SEBAGAI PENGUKUHAN KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM KOKURIKULUM TEATER SEKOLAH MENENGAH (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA TEATER DALAM PENDIDIKAN (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

07 Ogos 2023
Tarikh

Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia Nya, tesis ini telah dapat disiapkan dengan sempurna. Semoga usaha penulisan ini diterima sebagai ibadah untuk memperkayakan ilmu dan memperoleh keberkatan dari Yang Maha Esa. Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Dr. Lena Farida binti Hussain Chin selaku penyelia utama dan Prof. Zaharul Lailiddin bin Saidon selaku penyelia kedua kerana tidak pernah jemu dalam memberi tunjuk ajar dan mengemukakan cadangan-cadangan yang bernas sepanjang proses penghasilan tesis ini. Segala komitmen dan tiupan semangat yang diberikan oleh mereka telah menyemarakkan lagi usaha dalam melengkapkan penyelidikan ini. Sekalung penghargaan turut dirakamkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menghadiahkan Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada saya untuk pengajian ini. Penghargaan yang tidak ternilai ditujukan kepada ahli keluarga tercinta terutamanya ibu dan bapa saya Pn. Rahmah binti Yusoff dan En. Suhaimi bin Yaacob kerana banyak memberikan sokongan, pedoman serta inspirasi agar tesis ini dapat disiapkan dengan sempurna. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada ahli keluarga, guru-guru, para sahabat dan semua yang telah banyak menolong saya ketika bangun jatuh saya dalam usaha menyiapkan pengajian ini. Akhir sekali, tidak ketinggalan ribuan terima kasih diucapkan kepada kakitangan Fakulti Muzik dan Seni Persembahan dan Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana memberi ruang dan peluang untuk meneroka ilmu pengetahuan sehingga ke peringkat ini. Semoga Allah memberi rahmat di atas segala bantuan yang diberikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan sebagai pengukuhan kemahiran berfikir dalam kokurikulum teater sekolah menengah. Teknik Imaginasi dari Teori Lakonan Stella Adler, Teori Konstruktivisme dan Model DDR Richey dan Klein merupakan teras kepada pembangunan modul aktiviti ini. Kebolehgunaan modul ini dinilai melalui dua kitaran menggunakan Metode Delphi. Hasil dapatan dari analisis keperluan dan kajian literatur menunjukkan bahawa tiada modul khusus dan bahan rujukan yang menjadi rujukan dalam pengendalian kegiatan kokurikulum teater khususnya lakonan di sekolah menengah Malaysia. Selain itu, pembangunan kandungan modul aktiviti ini direka bentuk dan dibina untuk pengukuhan kemahiran berfikir murid yang mendukung kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Aspirasi Murid. Justeru, objektif kajian ini adalah mereka bentuk dan membangunkan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan yang menfokuskan teknik imaginasi bagi menjana kemahiran berfikir murid, serta menilai kebolehgunaan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan untuk dijadikan bahan rujukan dalam pengendalian aktiviti kokurikulum teater di sekolah menengah Malaysia. Pengukuhan kemahiran berfikir murid sekolah melalui integrasi teater dalam pendidikan dijangka menyumbang kepada penyediaan modal insan yang menyeluruh dan seimbang, kritis, kreatif, inovatif serta memiliki Aspirasi Murid unggul bagi menghadapi cabaran abad ke-21 sejajar dengan hala tuju Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

THE DEVELOPMENT OF AN ACTING IMAGINATION ACTIVITY MODULE TO IMPROVE THINKING SKILLS IN THE THEATRE CO-CURRICULAR OF SECONDARY SCHOOLS

ABSTRACT

The objective of this research is to create an Acting Imagination Activity Module that can enhance cognitive abilities in the theatre co-curricular of secondary schools. The utilisation of imagination techniques derived from Stella Adler's Acting Theory, Constructivism Theory, and Richey and Klein's DDR Model constitutes the fundamental basis for the construction of this activity module. The evaluation of the usability of this module is conducted through two cycles employing the Delphi Method. The results derived from the needs analysis and literature study indicate a lack of dedicated modules and reference materials utilised for the management of theatre co-curricular activities, specifically in relation to acting within Malaysian secondary schools. Furthermore, the design and construction of this activity module aim to enhance students' cognitive abilities in alignment with the National Education Philosophy and Student Aspirations. The aim of this study is to create and implement an Acting Imagination Activity Module that emphasises imagination techniques to enhance students' cognitive abilities. Additionally, the study aims to assess the usability of the Acting Imagination Activity Module as a resource for managing theatre co-curricular activities in secondary schools in Malaysia. The integration of theatre in education is anticipated to enhance the cognitive abilities of school students, thereby fostering the development of well-rounded human capital. This approach aims to cultivate critical thinking, creativity, innovation, and strong student aspirations, aligning with the objectives outlined in the Malaysian Education Development Plan 2013-2025.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		vii
SENARAI RAJAH		x
SENARAI SINGKATAN		xiii
BAB 1	**PENGENALAN**	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Penyelidikan	13
	1.3 Pernyataan Masalah	15
	1.4 Objektif Penyelidikan	21
	1.5 Persoalan Penyelidikan	22
	1.6 Batasan Penyelidikan	23
	1.7 Kepentingan Penyelidikan	23
	1.8 Kerangka Teori Penyelidikan	25
	1.8.1 Teori Lakonan Stella Adler	25
	1.8.2 Teori Konstruktivisme	33
	1.9 Definisi Konseptual	35
	1.9.1 Falsafah Pendidikan Kebangsaan	36
	1.9.2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia	36

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

		1.9.3 Aspirasi Murid	37
		1.9.4 Kurikulum	37
		1.9.5 Kokurikulum	38
		1.9.6 Teater	38
		1.9.7 Drama	39
		1.9.8 Lakonan	40
		1.9.9 Teater Gunaan	41
		1.9.10 Teater Dalam Pendidikan	41
		1.9.11 Drama Dalam Pendidikan	42
		1.9.12 Teater Untuk Pembangunan (TUP)	42
		1.9.13 Pemikiran Kreatif	43
		1.9.14 Pemikiran Kritis	43
		1.9.15 Modul	44
		1.9.16 Modul Pengajaran	44
		1.9.17 Modul Pembelajaran	45
		1.9.18 Modul Aktiviti	46
	1.10	Rumusan	47
BAB 2	**TINJAUAN LITERATUR**		
	2.1	Kajian Teater dan Drama Dalam Pendidikan Luar Negara	48
	2.2	Kajian Teater dan Drama Dalam Pendidikan Dalam Negara	69
	2.3	Kajian Aspirasi Murid dan Kemahiran Berfikir	78
	2.4	Kajian Konstruktivisme	85
	2.5	Rumusan	89

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	91
3.2	Pendekatan Kajian	92
3.2.1	Kualitatif	93
3.2.2	Pemilihan Masalah Kajian	95
3.2.3	Pengumpulan Data	95
3.2.4	Pengekodan dan Analisis Data	96
3.3	Reka Bentuk Kajian	98
3.4	Instrumen Kajian	102
3.4.1	Pembangunan Instrumen Analisis Keperluan	104
3.4.2	Pembangunan Instrumen Penilaian Modul Aktiviti	113
3.5	Reka bentuk dan Pembangunan Modul Aktiviti	116
3.5.1	Model DDR (Richie & Klein)	117
3.5.2	Teori Konstruktivisme Kognitif (Jean Piaget)	119
3.5.3	Kemahiran Berfikir (Aspirasi Murid)	125
3.6	Metode Penilaian Delphi	130
3.6.1	Prosedur Kajian Metode Delphi	131
3.6.2	Pemilihan Fasilitator	132
3.6.3	Pemilihan Pakar Penilai Modul	133
3.7	Kitaran Penilaian Modul Aktiviti	134
3.7.1	Kitaran 1: Pengembangan Idea	135
3.7.2	Kitaran 2: Penilaian Idea	135
3.8	Rumusan	136

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Analisis Keperluan 137

4.1.1 Dapatan Demografi Responden 138

4.1.2 Responden dan Latar Belakang 138

4.1.3 Dapatan Analisis Keperluan 144

4.1.4 Rumusan Analisis Keperluan 162

4.2 Reka bentuk dan Pembangunan Modul Aktiviti 164

4.3 Penilaian Modul Aktiviti Kitaran 1 187

4.3.1 Kandungan Modul 192

4.3.2 Aktiviti dan Latihan Modul 196

4.3.3 Rumusan 200

4.4 Penilaian Modul Aktiviti Kitaran 2 201

4.4.1 Kandungan Modul 207

4.4.2 Aktiviti dan Latihan Modul 211

4.4.3 Rumusan 215

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Perbincangan dan Kesimpulan 217

5.2 Cadangan Kajian Lanjutan 219

RUJUKAN 223

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Senarai Jadual

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Jadual Fasa, Sampel, Instrumen dan Bentuk Soal Selidik	103
3.2	Kemahiran Analisis Keperluan Untuk Pendidikan Sumber: (L&D Frameworks Archives, n.d.)	105
3.3	Jenis Soalan Analisis Kajian	106
3.4	Pembahagian Jenis Soalan	109
3.5	Topik Soalan Analisis Kajian Mengikut Jenis Soalan	109
3.6	Soalan Instrumen Penilaian Modul	114
3.7	Perbandingan Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Tradisional dan Konstruktivis	120
3.8	Empat Ciri Pemikiran Kreatif	126
4.1	Reka bentuk dan Pembangunan Modul Aktiviti	164
4.2	Kerangka Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 1	166
4.3	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 1	167
4.4	Kerangka Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 2	167
4.5	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 2	168
4.6	Kerangka Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 3	169

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 3	170
4.8	Kerangka Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 4	170
4.9	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 4	174
4.10	Kerangka Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 5	175
4.11	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 5	177
4.12	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 1	179
4.13	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 2	179
4.14	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 3	179
4.15	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 4	180
4.16	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 5	180
4.17	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 2	183
4.18	Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan	183
4.19	Aplikasi Pembelajaran Secara Konstruktivisme dalam Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan	185
4.20	Senarai lima cara bagaimana Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan mewujudkan situasi pembelajaran berpusatkan murid	186
4.21	Nilai Kesahan Pakar Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan	189
4.22	Kesahan Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan	191
4.23	Purata Kesahan Kandungan Modul	193

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.24	Purata Kesahan Aktiviti dan Latihan Modul	196
4.25	Nilai Kesahan Pakar Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Kitaran 2	201
4.26	Nilai Kesahan Kandungan, Aktiviti dan Latihan Modul	205
4.27	Purata Kesahan Kandungan Modul	208
4.28	Purata Kesahan Aktiviti dan Latihan Modul	212

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Senarai Rajah

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Kajian, Olahan Nadhilah Suhaimi (2022)	98
3.2	Carta Alir Kajian, Olahan Nadhilah Suhaimi (2022)	102
3.3	Model DDR Richey dan Klein Olahan Nadhilah Suhaimi (2022)	118
3.4	Kerangka Teori Konstruktivisme Kognitif (Jean Piaget), Olahan Nadhilah Suhaimi (2022)	122
3.5	Kerangka Penilaian Panel Berdasarkan Struktur Delphi, Olahan Nadhilah Suhaimi (2022)	131
4.1	Graf Jantina Responden	138
4.2	Graf Pengalaman Responden Dalam Bidang Teater Dan Drama	139
4.3	Carta Taburan Responden Mengikut Negeri Seluruh Malaysia	140
4.4	Graf Bidang Pekerjaan Responden	141
4.5	Carta Pengkelasan Taburan Negeri Responden Mengikut Tempat Berkhidmat	142
4.6	Pengkelasan Jawatan, Tugas & Peranan Responden dalam Bidang Kesenian Teater / Kokurikulum / Kurikulum	143
4.7	Carta Penglibatan Responden Dalam Aktiviti Kokurikulum Teater dan Drama di Sekolah	144
4.8	Graf Senarai Program / Aktiviti Luar Sekolah	145
4.9	Carta Responden Yang Memiliki Modul Aktiviti Teater Dan Drama	146

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.10	Graf Sumber Rujukan Yang Digunakan Responden Dalam Pengendalian Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Di Sekolah	147
4.11	Carta Bahan Rujukan Teater Dan Drama Dalam Bahasa Melayu Khusus Untuk Kegunaan Murid Atau Guru Sekolah Mudah Didapati Di Pasaran Malaysia	148
4.12	Carta Modul Aktiviti Teater Dan Drama Untuk Kegunaan Murid Atau Guru Sekolah Mudah Dan Senang Didapati Di Pasaran Malaysia	149
4.13	Graf Sumber Lokasi Modul Aktiviti Teater Dan Drama	150
4.14	Carta Modul Aktiviti Dapat Membantu Pengendalian Aktivti Kokurikulum Teater Dan Drama Di Sekolah	151
4.15	Carta Keperluan Pembangunan Modul Sebagai Rujukan Penting Dalam Menjalankan Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Di Sekolah	152
4.16	Rujukan Responden Dalam Mengendalikan Aktiviti Teater di Sekolah	153
4.17	Carta Pendapat Responden Terhadap Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Menyumbang Kepada Kemenjadian Murid	154
4.18	Graf Aktiviti Kokurikulum Drama Teater Di Sekolah Mengukuhkan Aspirasi Murid	155
4.19	Carta Aktiviti Kokurikulum Drama Teater Di Sekolah Dapat Melonjakkan Pembangunan Bakat Murid	156
4.20	Carta Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Di Sekolah Dapat Mengukuhkan Kemahiran Berfikir Murid	157
4.21	Graf Pilihan Komponen Dalam Teater Dan Drama Untuk Dimasukkan Ke Dalam Modul Aktiviti	158
4.22	Carta Latihan Lakonan Dalam Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Di Sekolah Merangsang Kemahiran Berfikir Secara Kreatif Dan Kritis	159
4.23	Graf 4 Pilihan Formulasi Rekabentuk Kandungan Modul Yang Sesuai Untuk Dimuatkan Dalam Modul Aktiviti Teater Dan Drama Untuk Sekolah	160
4.24	Carta Sokongan Responden Terhadap Pembangunan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Sebagai Pengukuhan Kemahiran Berfikir Murid	161

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.25	Fasa Pembangunan Modul Aktiviti Imaginasi Imaginasi Lakonan	165
4.26	10 Matlamat Yang Diasaskan Dari Teknik Imaginasi Lakonan Stella Adler Diimplementasi Dalam Pembangunan Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan	181

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
TDP	Teater Dalam Pendidikan
PdPC	Pengajaran dan Pemudahcaraan
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
BSKK	Bahagian Sukan, Kokurilukum dan Kesenian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Contoh Sebahagian Modul Unit 1
B	Contoh Sebahagian Modul Unit 2
C	Contoh Sebahagian Modul Unit 3
D	Contoh Sebahagian Modul Unit 4
E	Contoh Sebahagian Modul Unit 5

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Malaysia mempunyai sejarah teater yang agak panjang dan menarik. Namun, kita kekurangan rekod dan dokumentasi sejarah berkenaan tradisi teater di Malaysia. Walau bagaimanapun dalam Hikayat Raja-Raja Pasai ada menyebut tentang wayang kulit Jawa manakala dalam Hikayat Pattani pula menyebut tentang pelbagai muzik dan bentuk tarian. Namun demikian kebanyakan formasi persembahan tersebut tidak dapat dikenal pasti dengan tepat. Hikayat secara umumnya memfokuskan pada acara di istana diraja, sementelahan kebanyakan teater tradisional berkembang sebagai seni rakyat dan kemudian dikenali sebagai teater popular muncul pada akhir abad ke-19. Menurut Ghulam Sarwar Yousof, tradisi teater istana dalam kesultanan Melayu tidak pernah wujud (Ramlan & Quayum, 2010).

Secara kronologinya, teater proto merupakan bentuk persembahan yang paling awal. Secara asas, teater proto terbahagi kepada tiga kategori yang luas. Kategori pertama teater proto merupakan kumpulan pencerita dan bersifat ritualistik. Antara bentuk awal pencerita teater proto ini ialah selampit, tarik selampit dan awang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

batil. Manakala kategori kedua merupakan kumpulan teater boneka atau teater bayang. Di Malaysia teater bayang lebih dikenali sebagai wayang kulit. Sehingga awal 1970-an terdapat empat gaya wayang kulit yang aktif di semenanjung Malaysia iaitu Wayang kulit Siam (yang dinamakan wayang kulit Kelantan), wayang kulit gedek, Wayang Kulit Purwa dan Wayang Kulit Melayu. Kategori ketiga dikenali sebagai teater tarian dan tiga jenis utama yang terdapat di Malaysia ialah Mak Yong, Lakon Chatri (juga dipanggil Menora), Jikey dan Mek Mulung. Kewujudan teater tradisional di Malaysia menjangkau ratusan tahun dan mempunyai pelbagai fungsi sosial kepada masyarakat.

Setelah berkurun lamanya, teater popular mula menapak di Malaysia pada tahun 1870-an. Salah satunya ialah bangsawan. Bangsawan mula bertapak di Pulau Pinang, Tanah Melayu (kini Malaysia) sekitar tahun 1870-an. Teater bangsawan dikatakan berasal dari Wayang Parsi yang dibawa dari Bombay untuk menghiburkan pekerja-pekerja Sepoy di dalam Syarikat Hindia Timur Inggeris dan juga masyarakat setempat. Wayang Parsi dikatakan bermediumkan Bahasa Hindi begitu popular dalam kalangan penduduk tempatan hingga mendorong penduduk tempatan menghasilkan Teater Parsi yang menggunakan bahasa Melayu sebagai media penyampaiannya.

Selepas sekian masa, sambutan terhadap Wayang Parsi mengalami kemunduran dan tidak lagi mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat setempat. Pada peringkat awal penubuhannya, Teater Parsi mementaskan cerita-cerita dari India dan beransur-ansur menggantikannya dengan cerita-cerita saduran dan juga cerita tempatan (Bujang, 1975). Sekitar tahun 1870an, sebuah rombongan seni drama dari India tiba di Pulau Pinang untuk menunjukkan lakonan mereka. Rombongan ini dikenali sebagai rombongan Wayang Parsi atau Mendu yang terdiri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada pelakon laki-laki dan perempuan. Setiap pertunjukan yang dilakonkan mendapat sambutan hangat dalam kalangan penduduk Pulau Pinang.

Hal ini berlaku kerana bentuk persembahan belum pernah dilihat dalam persembahan-persembahan teater sebelumnya. Repertoir yang dipentaskan terdiri daripada cerita-cerita pengembaraan khayalan yang diinspirasikan berdasarkan tema berkaitan dewa-dewi. Wayang Parsi turut merangkumi tarian dan nyanyian yang bersilih ganti dengan lakonan. Bahasa yang digunakan dalam persembahan Wayang Parsi ialah bahasa Hindi. Sungguhpun bahasa ini bahasa asing tetapi senang difahami oleh penonton-penontonnya pada ketika itu. Hal ini demikian berlaku kerana telah ada keluarga-keluarga dari India yang tinggal di Pulau Pinang dan ada pula di antara mereka yang telah berkahwin dengan orang-orang Melayu tempatan. Tambahan, Pulau Pinang merupakan pelabuhan orang Inggeris berikutan dengan pembukaannya pada tahun 1786 oleh Sir Francis Light. Jadi tidaklah hairan jika Wayang Parsi ini mendapat sambutan dalam kalangan penduduk Pulau Pinang, terutama mereka yang berketurunan India. Di samping tinggal dan berkahwin dengan orang Melayu tempatan, mereka juga membawa pengaruh kebudayaan mereka dalam masyarakat setempat.

Menurut Salleh (2005), sebelum meletusnya Perang Dunia kedua, bangsawan telah mencapai zaman kegemilangannya sebagai teater komersial yang pertama di Tanah Melayu. Bangsawan berjaya menjadi daya tarikan spektrum penonton yang ramai menjangkau berbilang bangsa dan pekerjaan. Bangsawan mampu menjadi daya tarikan disebabkan format persembahannya mengandungi pelbagai unsur hiburan selaras dengan cita rasa penonton. Nyanyian, tarian, puisi, bela-diri, akrobatik dan yang pentingnya, unsur kekaguman visual dan bunyi sebagai elemen terpenting dalam format persembahannya. Persembahan *extra-turn* yang dipersembahkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semasa pertukaran babak menghidangkan aneka persembahan seperti nyanyian, tarian, sketsa dan pelbagai persembahan yang menghiburkan. Indera Bangsawan merupakan kumpulan tempatan yang pertama yang ditubuhkan di Pulau Pinang. Kumpulan ini telah membuat persembahan di seluruh Tanah Melayu dan Indonesia. Populariti kumpulan ini telah mendorongkan pembentukan kumpulan-kumpulan lain yang mengekalkan format persembahan Teater Parsi. Kemunculan bangsawan menjadi salah satu faktor teater tradisional semakin dipinggirkan. Namun begitu, apabila meletusnya peperangan dunia kedua, seni persembahan teater menjadi mundur dan mengalami zaman kesukaran. Sehinggalah selepas peperangan, teater bangsawan mula mencari modenisasi telah mula menapak kembali dalam sejarah teater Malaysia. Pada ketika itulah bentuk teater purbawara muncul dan berada pada fasa transisi antara bangsawan kepada teater realisme.

Kelahiran skrip bercetak menandakan permulaan drama kontemporari Malaysia dan titik tolak kepada fasa kemodenan. Fasa ini bermula semasa era realisme. Pada ketika itu ramai anak Melayu yang pulang dari luar negara membawa bersama tanggapan idealistik berkenaan transformasi masyarakat. Sejarah drama kontemporari Malaysia merupakan sesuatu yang menarik kerana perkembangannya sejajar mengikut aliran politik tanah air. Ideologi pengarang muda telah mencetuskan tulisan yang sering menjadi refleksi kepada aliran politik. Kecenderungan drama realisme di Malaysia mengkritik dasar kerajaan secara terbuka dengan menggunakan taktik komedi dan tragedi dalam isu sosial dan kekeluargaan. Hal ini menjadikan drama sebagai sebuah medium komentar yang efektif dalam genre seni persembahan (Hussain Chin, 2020).

Kemerdekaan negara mempengaruhi reaksi penulis drama pentas terhadap perkembangan kemajuan negara. Kesan kemerdekaan mungkin dapat diperhatikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam fokus topik dan gaya drama realistik yang dihasilkan oleh penulis pada tahun 1960-an. Situasi tersebut sama seperti era nasionalisme yang meninggalkan kesan besar pada drama 1950-an. Berikutan usaha kemerdekaan negara pada tahun 1957 yang menumpukan kepada proses pembinaan negara bangsa, objektif kemajuan dan pembinaan negara menjadi semakin jelas. Rancangan Malaysia Pertama telah dibangunkan sebagai fasa pertama menerusi Rancangan 20 tahun (1965-1970). Rancangan ini menggariskan orientasi masa depan kepimpinan baharu Malaysia. Nur Nina Zuhra (1992) menjelaskan bahawa penulis drama moden menjadikan idea pertumbuhan negara sebagai dasar utama dalam pengkaryaan dengan menyatakan kebimbangan mereka terhadap perkembangan khususnya dalam penerapan nilai dan sikap yang betul. Penulis moden ketika itu kerap menekankan kepentingan menilai dan menyelesaikan nilai-nilai sosial yang bercanggah agar fabrik sosial negara baharu itu tidak terhakis semasa pembangunan Malaysia. Keprihatinan mereka terhadap integriti dan kejayaan negara baharu ditujukan khusus kepada masyarakat Malaysia.

Tidak dapat dinafikan, pada tahun 1960-an drama pentas Malaysia dipengaruhi oleh aliran realisme drama Barat. Sejarah realisme bermula pada separuh akhir abad kesembilan belas apabila aliran ini bermula sebagai percubaan untuk menjadikan teater lebih relevan kepada masyarakat. Dari tahun 1859 hingga 1900, teater arus perdana masih didominasi oleh melodrama, drama *spectacle*, komik opera, *vaudeville* dan lain-lain. Walau bagaimanapun, peristiwa politik dunia telah mengubah suai corak politik dan cara pemikiran baharu. Revolusi 1848 di Eropah telah menunjukkan tekanan transformasi politik, sosial dan ekonomi.

Disebabkan hal inilah karya-karya realisme mula dihasilkan untuk menyedarkan masyarakat tentang kemunduran politik. Ini berlaku kerana realisme merupakan medium yang mudah difahami. Lebih penting lagi, dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memperkenalkan mod realistik dengan jelas, karya realisme bertindak sebagai teknik perkongsian konsep yang relevan untuk masyarakat sedar tentang apa yang sedang berlaku. Pada ketika itu, industri dan perdagangan juga merangsang kemajuan teknologi dan perkara ini membawa keyakinan yang lebih besar bahawa sains boleh menyembuhkan masalah manusia. Akan tetapi, beberapa kategori kelas pekerja masih perlu berjuang untuk kesaksamaan hak mereka dalam setiap kemajuan yang berlaku.

Selepas tahun 1860-an, senjata utama yang digunakan pekerja untuk menggerakkan perjuangan kesaksamaan hak melalui penyatuan kesatuan secara mogok. Walau bagaimanapun, kejayaan tidak berlaku daripada tindakan tersebut sehinggalah berlakunya kezaliman dengan pemberhentian tenaga kerja. Dalam konteks ini, orang ramai mempertahan diri mereka. Dari situ dapat dilihat bahawa idealisme romantik telah ditolak dan telah memihak kepada pragmatisme. Sebagai contoh, drama Di Balik Tabir Harapan karya Mustapha Kamil Yassin merupakan antara drama realistik luar biasa yang pertama telah ditulis dan diarahkan pada tahun 1960.

Krishen Jit (1986) berpendapat pada tahun 1963, drama kontemporari Malaysia berada di barisan hadapan gerakan drama moden. Menurut Krishen Jit, hal tersebut telah menyebabkan gaya sandiwara tidak lagi menerajui teater Melayu. Beliau menyimpulkan perkara ini selepas menyaksikan tiga persembahan drama terkumpul pada tahun 1963 iaitu drama sosial realistik oleh Awang Had Salleh berjudul Buat Menyapu Si Air Mata, drama klasik moden oleh Mustapha Kamil Yassin berjudul Atap Genting Atap Rumbia, dan drama Sial Bertuah oleh Kalam Hamidy. Salah satu drama yang paling popular pada tahun 1960-an ialah Sial Bertuah. Drama ini pertama kali dipersembahkan dalam festival drama di Singapura. Sepanjang sebahagian besar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dekad berikutan 1963, teater perwakilan menjadi gaya yang lazim dalam kalangan pengarang pentas Melayu (Nur Nina Zuhra, 1992).

Semenjak itu, teater moden berlumba dengan cabaran sosial semasa yang berkaitan dengan keadaan pembangunan negara. Tumpuan utama kerajaan baharu adalah untuk mempertingkatkan pendidikan, khususnya bagi orang Melayu luar bandar. Hal ini kerana orang Melayu luar bandar mewakili demografi yang kurang berpendidikan sepanjang zaman penjajah. Dalam persembahan moden, guru dan pelajar adalah orang yang sama. Dalam naratif drama moden yang tipikal, seorang guru atau bakal graduan memutuskan untuk membantu penduduk di lokasi luar bandar. Tema seperti ini membantu usaha pembangunan pendidikan dan luar bandar.

Menelusuri penghujung 1960-an sehingga 1980an aliran eksperimental telah mengambil alih fenomena teater realisme Malaysia. Rentetan daripada rusuhan 1969, perubahan bentuk drama moden Malaysia mula berubah. Simbolisme dalam drama moden telah menjadi titik tolak di Malaysia. Noordin Hassan menulis Bukan Lalang Ditiup Angin (BLDA) telah mengkritik kerajaan dengan lantang tapi tidak terbuka. Bermula di situ, penulis di Malaysia mula bereksperimen dan lebih gemar dalam mengkritik politik Malaysia melalui karya. Pada masa sama, karya-karya realisme terus dihasilkan dalam bentuk yang tersendiri sehingga munculnya neorealisme, absurd dan juga eksperimental yang mencetuskan pelbagai isu serta ideologi.

Sejarah perkembangan teater sangat menarik, bermula daripada fasa ritual ke tradisional, klasik, moden dan pasca moden, teater juga turut berkembang dalam dunia pendidikan. Sejarah perkembangan teater dalam pendidikan (TDP) telah bermula di Belgrade Conventry pada tahun 1965 di Britain. Pada ketika itu Teater Belgrade dibangunkan oleh sekumpulan guru dan ahli pemimpin masyarakat dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meneroka isu-isu budaya, sosial, politik dan moral yang bertujuan memberikan pendidikan percuma kepada rakyat muda di sana. Organisasi tersebut memulakan operasi dengan cara menggunakan teater dan persembahan kepada kumpulan kecil anak-anak muda dalam suasana pendidikan yang melibatkan penonton sebagai pemain aktif dalam sesebuah pementasan.

Peminat teater melihat perkembangan TDP tersebut sebagai sebahagian genre propaganda politik *(agitprop)* dan teater komuniti (Wooster, 2007). Hal ini mencetuskan pandangan berbeza terhadap teater yang sebenarnya boleh dikeluarkan daripada persekitaran konvensional (panggung) dan dipindahkan ke tempat yang boleh diakses oleh khalayak yang lebih luas dan mampu mendapat manfaat daripadanya. Pada tahun 1960, berlaku gerakan di seluruh dunia akibat Perang Dunia Kedua sehingga tercetus revolusi dalam dunia pendidikan menyebabkan tertubuhnya banyak syarikat yang menawarkan khidmat teater dalam pendidikan. Rentetan itu, masyarakat mula sedar bahawa teknik teater sangat berguna untuk memupuk pembelajaran yang lebih berkesan dalam dunia pendidikan.

Di Malaysia, tidak ada tarikh yang jelas bila TDP bermula. Namun, antara tahun 1960-an dan 1970-an, maktab perguruan dan institut pengajian tinggi di Malaysia mula memasukkan mata pelajaran seni dalam kurikulum mereka. Hasil daripada perkembangan ini, guru-guru sekolah digalakkan untuk mengikuti kursus ijazah di Universiti Malaya, United Kingdom dan Amerika Syarikat yang membolehkan mereka kemudiannya menjawat jawatan sebagai pensyarah di institusi tempatan. Antara pendidik seni terkemuka yang terlibat pada ketika itu ialah Datuk Tuan Syed Ahmad Jamal, Lee Joo For, Grace Salavnayagam, Anthony Lau, Jolly Koh, dan Yeoh Jin Leng (mengajar seni di Institut Latihan Perguruan Pakar STTI Kuala Lumpur), Vijaya Samarawickrama (mengajar bahasa dan drama di Universiti Teknologi Malaysia),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mustapha Kamal Yassin dan Noordin Hassan (mengajar drama dan bahasa di Institut Bahasa di Maktab Perguruan Lembah Pantai) dan Khoo Soon Teong, Nazri Ahmad dan Basil Jayatilaka (mengajar muzik di Institut Latihan Perguruan Pakar STTI Kuala Lumpur).

Menjadi pensyarah terlatih di institusi pengajian tinggi pada ketika itu memberi peluang kepada mereka untuk menyumbang kepada pembangunan kurikulum seni. Selain itu, pedagogi seni dan teori perkembangan kanak-kanak telah dimasukkan ke dalam kurikulum seni visual pada tahun 70-an, manakala pendidikan muzik telah beralih daripada orientasi persembahan kepada pedagogi pada akhir 80-an. Rentetan dari itu juga, pada tahun 1985, Kingham dan Pillai menghantar cadangan bertajuk Program Teater Kanak-Kanak USM kepada pengarah Pusat Pengajian Seni (Pusat Seni) di Universiti Sains Malaysia. Program tersebut dicadangkan sebagai program perkhidmatan melalui Kursus Jangka Pendek yang dijalankan khas untuk anak-anak kakitangan Universiti Sains Malaysia dan sebagai idea kepada percubaan dalam pendidikan seni bersepadu.

Walau bagaimanapun, program ini hanya bermula pada tahun 1986 dan berkembang dalam tempoh enam (6) tahun bermula dari 1986 hingga 1991. (Tempoh setiap projek adalah antara empat (4) hingga enam (6) bulan). Memandangkan program tersebut dianggap sebagai program perkhidmatan universiti, peserta pada tahun-tahun awal adalah terhad kepada anak-anak kakitangan universiti. Pengambilan peserta telah dijalankan di universiti secara lisan dan penggunaan risalah. Mulai tahun 1990 dan seterusnya, pengambilan telah diperluaskan untuk memasukkan pelajar dari sekolah-sekolah di sekitar Universiti melalui kebenaran dari Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Setiap projek yang dijalankan melibatkan penyertaan kumpulan antara tujuh (7) hingga 20 orang peserta. Peserta Program Seni Kreatif USM berumur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antara 10 hingga 14 tahun; dengan satu pengecualian kanak-kanak yang berumur 17 tahun. Kadangkala anak-anak kakitangan universiti mengambil bahagian lebih daripada satu projek dan ini membolehkan mereka mengembangkan lebih banyak kemahiran yang telah dipelajari. Kelas ini adalah percuma dan diadakan pada setiap hujung minggu dan semasa cuti sekolah (Seni Kreatif Programme, USM, Penang, n.d.).

Sejarah perkembangan TDP secara formal di Malaysia bermula pada tahun 1994 di mana Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia telah menubuhkan Akademi Seni Kebangsaan (ASK). Pada ketika itu, ASK menawarkan beberapa kursus teater gunaan antaranya teater dalam pendidikan dan teater untuk khalayak muda sebagai kursus elektif. Pada ketika itu, kursus ini diajarkan oleh pensyarah sambilan dari Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu (IPGKBM) iaitu Puan Faziah Sulaiman. Namun, kedua-dua kursus ini hanya diambil oleh segelintir mahasiswa ASK yang meminati pendekatan teater gunaan.

Semenjak itu, TDP mula berkembang secara serius dengan penubuhan program Minor Teater Dalam Pendidikan yang mula ditawarkan kepada mahasiswa UPSI bermula tahun 2004. Pada ketika itu, idea program ini telah diasaskan oleh Mohd. Zahuri Khairani dan Zolkipli Abdullah serta dibangunkan oleh Zainal Abdul Latiff yang bertitik tolak atas kepercayaan menjadikan TDP sebagai wadah pemantapan kemahiran insaniah kepada bakal-bakal guru. Program ini telah menunjukkan perkembangan yang sangat positif apabila ramai mahasiswa daripada program pendidikan memilih TDP sebagai program minor. Mereka telah membuktikan kejayaan pembangunan kemahiran insaniah dengan memenangi pelbagai pertandingan besar dan mendapat jemputan untuk beraksi di pentas kebangsaan dan antarabangsa di dalam pelbagai program. Melihat kepada perkembangan luar biasa ini, maka Naib

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Canselor pada ketika itu Prof. Emeritus Datuk Aminah Ayob telah membuka ruang untuk membangunkan teater UPSI kepada program major (Z. Abdullah, temu bual, Mei 1, 2019).

Rentetan itu, teater dalam pendidikan terus berkelangsungan dan berkesinambungan sehingga kini dalam dunia pendidikan dan semakin kuat berkembang di Malaysia. Sebagaimana yang kita sedia maklum, teater dalam pendidikan merupakan salah satu aktiviti didik hibur berpusatkan murid yang mampu meningkatkan potensi dalam diri individu merangkumi aspek bahasa, kemahiran komunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah. Dalam erti kata lain, teater dalam pendidikan bermatlamat menggunakan aktiviti seni persembahan untuk mewujudkan pembelajaran berkesan merentasi kurikulum dengan cara yang menyeronokkan sekali gus memperkayakan perkongsian budaya dan sosial murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru dengan perkembangan pesat teknologi dan peningkatan cabaran pendidikan di Malaysia, pendekatan, kaedah, strategi dan teknik pengajaran baharu sentiasa dirancang dan dirangka menggunakan kaedah teater. Tambahan cabaran pendidikan pada abad ke-21 yang menggunakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (Chin et al., 2021) telah menarik pendekatan teater sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sangat berimpak (McAvoy, et.al.,2015). Teater dan drama mempunyai pelbagai komponen yang boleh diubah suai mengikut kesesuaian dalam pendidikan. Aktiviti teater dan drama di sekolah contohnya yang melibatkan murid akan merangsang kemahiran berfikir, mencipta idea dan mengekplorasi kreativiti sekali gus akan melonjakkan domain kognitif, efektif dan psikomotor murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berbicara dengan lebih teliti tentang teater dan drama, penyelidik merumuskan bahawa teater dalam pendidikan ialah sebuah aktiviti integrasi seni dalam proses penyampaian pendidikan yang berlaku secara langsung melalui aktiviti-aktiviti merangkumi ruang dan persekitaran. Melalui aktiviti teater, murid berkebolehan meneroka sekali gus melatih mereka meningkatkan kemahiran konsentrasi, kerja berpasukan, sensitiviti, imaginasi, kreativiti dan yakin diri. Selain sebagai sebuah medium kreatif dan memiliki nilai tambah dalam pendidikan, teater dalam pendidikan juga dilihat sebagai salah satu kaedah terapi yang dapat membantu murid khususnya yang mempunyai masalah disiplin, emosi dan fizikal. Hal ini kerana, aktiviti teater merangkumi pelbagai aktiviti seperti lakonan, tarian dan nyanyian melalui proses simulasi, main peranan dan improvisasi yang dapat memberikan keseronokan kepada murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, aktiviti-aktiviti teater yang sesuai dan bermakna untuk kegunaan pendidikan di sekolah adalah penting dikenalpasti dan dirangka terlebih dahulu untuk bagi memastikan objektif teater dalam pendidikan itu sejajar dengan visi pendidikan negara. Proses pemilihan aktiviti teater yang sesuai untuk kegunaan pendidikan peringkat sekolah yang diperkenalkan oleh tokoh-tokoh bidang teater boleh digunakan mengikut kesesuaian dan mendukung Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Beberapa orang tokoh ilmuwan teater yang menyumbang kepada pembangunan kemahiran intelektual dan potensi manusia antaranya Mikhail Aleksandrovich Chekhov, Konstantin Sergeyevich Stanislavski, Sanford Meisner, Augusto Boal dan Peter Brook. Stella Adler misalnya telah memperkenalkan teknik lakonan yang membolehkan individu mengoptimumkan kemahiran berfikir menggunakan teknik imaginasi. Adler percaya bahawa pengalaman seseorang pelakon sangat bergantung kepada pengetahuan lalu yang akan bergabung dengan pemikiran baharu membentuk persembahan yang menarik. Maka, teknik lakonan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

beliau lebih menumpukan agar seseorang pelakon menggunakan kecerdasan intelektual dan berimaginasi secara bebas. Adler percaya bahawa alat yang paling penting untuk seorang pelakon ialah berimaginasi dan berfikir. Menurut Adler lagi, merealisasikan drama ke pentas teater memerlukan banyak penyelidikan, dan analisis bagi mengukuhkan struktur teater itu sendiri.

Adler merumuskan bahawa imaginasi merupakan proses yang penting kepada pelakon untuk mencipta hal yang kecil kepada hal yang besar dan kreatif, hal yang mudah menjadi hal yang kompleks serta kritis. Begitu juga halnya dalam konteks pendidikan, imaginasi dapat menggerakkan pemikiran aktif murid dalam proses pembelajaran, tingkah laku fizikal dan emosi. Sementelahan dalam konteks teater, imaginasi akan mengukuhkan keberkesanan watak yang menghasilkan lakonan yang berkualiti. Hal ini disebabkan oleh pilihan yang dibuat dalam minda berdasarkan objektif dan tindakan fizikal yang dibina hasil daripada pemikiran yang kreatif dan kritis sekali gus menjana kemahiran pelbagai demi mencapai objektif pembelajaran. Selain itu juga, melalui imaginasi murid akan merasa aktif untuk membuat analisis sepanjang latihan kerana boleh memilih untuk membuat tindakan yang berbeza.

1.2 Latar Belakang Penyelidikan

Falsafah Pendidikan Malaysia menggariskan bahawa pendidikan di Malaysia adalah satu usaha ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada tuhan. Usaha tersebut bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan mampu memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan maka lahirlah matlamat, hasrat, tunjang dan kemahiran abad ke-21 yang rata-rata menyenaraikan kemenjadian murid sebagai inti pati utama dalam pembentukan modal insan yang berkualiti.

Hal ini bertujuan untuk mempersiapkan mereka dengan cabaran yang akan ditempuhi dalam kehidupan dewasa kelak. Justeru, pembangunan murid secara holistik boleh dilakukan dengan memberi pengukuhan kepada aktiviti yang melibatkan praktikal supaya bakat, minat dan kemahiran berfikir mereka dapat dilonjakkan secara maksimum. Nadarajan (2014) dalam penyelidikannya membuktikan bahawa pengembangan aspek penaakulan akan mencungkil tahap tertinggi pemikiran, pertimbangan dan penaakulan moral. Aspirasi murid akan berjaya diaplikasikan dan disuburkan kerana teater merupakan sebuah pengisahan sosial yang secara tersiratnya dapat membangunkan pemahaman nilai kemanusiaan, berupaya meningkatkan perasaan empati terhadap orang lain dan nilai kemanusiaan dalam kalangan murid (Gamwell, 2005).

Teater dalam pendidikan berfokus kepada perkembangan ke arah membina sensitiviti daripada aspek imaginasi, persepsi, konsepsi dan intuisi dalam diri murid. Maka, secara tidak langsung akan meningkatkan kreativiti dan imaginasi sekali gus meningkatkan nilai jati diri dan murid (Babbage, 2004). TDP membolehkan murid menerokai senario sosial yang mencabar dan emosi yang terdedah dalam persekitaran yang selamat dan mempunyai sokongan. Persembahan boleh membantu mengembangkan empati murid dengan meneroka pelbagai perspektif. Selain kaedah teater dan drama, TDP boleh dilihat sebagai strategi pengajaran tambahan untuk murid memahami masalah dengan lebih baik, membina hubungan, menghasilkan dan menilai penyelesaian serta melihat peluang untuk mengesan keadaan. Moore (2004)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjelaskan bahawa penggunaan drama dalam bilik darjah sebagai cara pengajaran membantu murid belajar dalam bukan sahaja dalam bidang akademik, malah proses pembelajaran akan berlangsung dalam pembangunan mental dan sosial murid. Penggunaan drama sebagai alat pengajaran bukanlah perkara baru. Dalam konteks sejarah, drama telah lama diiktiraf sebagai medium indoktrinasi yang berkesan dalam pendidikan.

Seseorang murid akan lebih bebas dan kreatif pembelajarannya apabila diajar secara meneroka, bereksperimen dan bermain dengan ruang. Hal ini disebabkan oleh proses penerimaan dan penaakulan berlaku secara jelas hasil dari integrasi pelbagai teknik teater yang menyeronokkan. Prendergast & Saxton (2009) berpendapat bahawa teater dalam pendidikan adalah salah satu aplikasi amalan teater yang paling berkesan pernah digunakan dan dilihat sebagai satu kaedah pengajaran yang merangkumi persembahan dan pembelajaran yang interaktif. Melalui medium teater, Boal (2008) menyatakan bahawa, teater adalah lebih dekat dengan psikologi kerana pelakon akan beraksi di atas pentas, berfikir, merasai serta beremosi secara simpati dan empati serta berinteraksi dengan ruang dan persekitaran. Untuk melaksanakan sesebuah pementasan, murid harus bersedia dari segi jasmani dan mental. Latihan diperlukan bagi membangunkan nilai lakonan tersebut. Secara langsung kaedah ini dilihat mempunyai potensi yang sangat tinggi dalam pembangunan aspirasi murid.

1.3 Pernyataan Masalah

Apabila berbicara tentang hala tuju ke arah mencapai pelan Transformasi Negara 2050, Kementerian Pendidikan Malaysia terus mengorak langkah dengan memperkenalkan 11 Anjakan Utama Transformasi Pendidikan Malaysia. Anjakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut dibangunkan demi mengembangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Hal ini disokong pula dengan hasrat transformasi kurikulum iaitu dengan penambahbaikan kurikulum meliputi kokurikulum sedia ada untuk menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan dan cabaran abad ke-21. Selain itu juga, matlamat kurikulum sekolah menengah digubal antara lain untuk menyediakan modal insan yang menyeluruh dan seimbang, berakhlak mulia, kritis, kreatif, inovatif serta memiliki aspirasi murid bagi menghadapi cabaran abad ke- 21.

Merujuk Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), dasar utama menerangkan bahawa kegiatan kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum kebangsaan. Memetik kenyataan dari portal rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia, Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan melibatkan kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan bertujuan merangsang perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya daripada segi jasmani, rohani, mental dan emosi.

Selain itu, Kurikulum Kebangsaan juga bertujuan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan. Kegiatan kokurikulum bermaksud apa jua kegiatan yang dirancang daripada proses pembelajaran di luar bilik darjah (kurikulum) yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di bilik darjah. Peraturan-peraturan (Kokurikulum Kebangsaan) mentakrifkan kegiatan kokurikulum sebagai:

a) Penyertaan dalam sukan dan permainan
b) Penyertaan dalam persatuan dan kelab

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c) Penyertaan dalam pasukan pakaian seragam

d) Lain-lain kegiatan sebagaimana ditentukan oleh Menteri Pendidikan

Namun yang demikian, walaupun usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan kualiti sistem pendidikan sedang berkembang pesat, malangnya kita masih disajikan dengan isu-isu berkaitan kurangnya kemahiran berfikir dalam kalangan murid Akibatnya, murid tidak lagi berupaya untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan sekali gus tidak dapat berfikir secara kritis di luar konteks akademik sedangkan Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri menggariskan impian dalam membentuk setiap murid agar dapat menguasai pelbagai kemahiran kognitif termasuk penaakulan dan pemikiran kritis, kreatif serta inovatif.

Hakikatnya, fenomena tersebut merupakan masalah yang paling menarik perhatian dan menjadi perdebatan masyarakat kerana dilihat sebagai isu yang berat dan sensitif. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 pula menggariskan impian dalam membentuk setiap murid agar dapat menguasai pelbagai kemahiran kognitif termasuk penaakulan dan pemikiran kritis, kreatif serta inovatif. Dalam bidang pendidikan, penguasaan kemahiran berfikir secara kritis dalam kalangan para pendidik penting untuk menjadikan murid mampu mentafsir dan mempraktikkan prinsip dan subjek yang dipelajari ke dalam konteks kehidupan harian, meneliti dan membuat pertimbangan sesuai.

Persekitaran sosial memainkan peranan penting dalam membina daya rangsang berfikir seseorang individu. Menurut ahli falsafah dalam bidang pemikiran kritis melalui pembelajaran sosial yang saling berhubung kait antara faktor persekitaran dengan faktor peribadi, sebuah komuniti pemikir akan terbina sekali gus membangunkan kualiti pemikiran individu khususnya pendidik (Nurkhamimi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zainuddin, 2017). Penyelidikan tinjauan yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia (2005) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006) telah mendapati faktor utama yang menjadi punca pengangguran ialah kurang kemahiran komunikasi khususnya dalam kemahiran lisan dan kemahiran pemikiran kritikal khususnya dalam penaakulan yang berkaitan penyelesaian masalah.

Wan Mamat (2013) menyatakan bahawa menurut sumber laporan dari Kementerian Sumber Manusia (2005) dan Kementerian Pengajian Tinggi (2006), terdapat punca utama kepada masalah pengangguran iaitu kurangnya kemahiran komunikasi yang merangkumi kemahiran lisan, kemahiran pemikiran kritikal dan penaakulan dalam penyelesaian masalah. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dikesan dalam kalangan pendidik di Malaysia sama ada di peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi. Pengajaran dikendalikan bersifat dogmatik iaitu berfokus kepada teks serta penggunaan kaedah pengajaran yang kurang meningkatkan daya intelek murid.

Abdullah, et.al., (2014) menyatakan faktor kemerosotan dalam pencapaian Malaysia dalam Programme for International Students Assessment (PISA) pada 2009 adalah disebabkan oleh kelemahan pelajar Malaysia yang tidak berupaya menaakul soalan yang memerlukan mereka berfikir. Pembangunan kemahiran berfikir merupakan pembangunan sumber manusia yang paling utama dalam sesebuah organisasi. Menurutnya sumber laporan Bank Dunia, para graduan baru Malaysia mempunyai tahap kemahiran berfikir yang paling kurang berbanding negara lain (Asah Kemahiran Berfikir Dan Menyelesaikan Masalah, 2018).

Melihat kepada permasalahan tersebut, penyelidik telah melihat usaha yang boleh dilakukan terhadap pengukuhan Aspirasi Murid dalam kalangan murid iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan integrasi antara teknik teater yang digabung jalin dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah melalui aktiviti kokurikulum teater. Penyelidikan ini dijangka dapat membuktikan bahawa pengukuhan kemahiran berfikir menggunakan kaedah imaginasi daripada teknik lakonan Stella Adler bakal menjadi kaedah atau pendekatan yang paling berkesan sekali gus berjaya membina alternatif pengajaran yang berinovasi kelak. Di samping itu juga, penerapan Aspirasi Murid melalui integrasi teater dalam pendidikan secara terancang membolehkan penyampaian kandungan pelajaran berjalan dengan jelas dan lebih bermakna.

Aktiviti teater dan drama di sekolah-sekolah Malaysia semakin berkembang dari hari ke hari melalui aktiviti kokurikulum. Sejak tahun 2000, KOMSAS telah menjadi sebahagian daripada mata pelajaran Bahasa Melayu. Ini sama seperti bagaimana unsur-unsur sastera digunakan dalam mata pelajaran semasa mula-mula diajar pada tahun 1989. Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah menentukan bahan bacaan yang mengandungi ciri-ciri sastera seperti watak, tema, konsep, jalan cerita, dan latar yang diteliti dalam sukatan pelajaran KOMSAS. Tujuan utama pengajaran KOMSAS adalah untuk membantu murid menguasai aspek linguistik, seperti keindahan dan kehalusan bahasa. Semua murid mesti mempelajari status KOMSAS sebagai kursus wajib. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran direka bentuk dan masa pengajaran dijadualkan selama dua jam setiap minggu (Ahmad et al., 2010). Pada tahun 2007, buat kali pertama Drama KOMSAS telah diperkenalkan kepada murid sekolah menengah di seluruh negara. Pahang telah menjadi tuan rumah untuk pertandingan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Badan Pencegah Rasuah (BPR). Menteri Pendidikan Malaysia pada ketika itu, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, mengisytiharkan bahawa matlamat Kementerian Pendidikan adalah untuk melahirkan murid yang cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik, malah dalam apa jua aktiviti kokurikulum yang mereka ceburi. Pencapaian cemerlang dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bidang kurikulum dan kokurikulum selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bermatlamat untuk melahirkan generasi yang seimbang daripada segi jasmani, rohani, emosi dan intelek. Melalui teater, murid dapat mengenal pasti dan menghargai watak-watak sambil mengembangkan empat ciri penting tersebut dan boleh dikembangkan melalui proses membina lakonan di atas pentas menerusi siri pertandingan (Jalal, et.al., 2014).

Sehubungan dengan itu, KOMSAS menawarkan pembelajaran yang meliputi pengajian dalam sastera dan tidak melibatkan pengajaran dan pembelajaran aktiviti amali. Justeru, apabila dijadikan acara yang dipertandingkan di peringkat sekolah, maka perkara yang paling penting adalah bagaimana menterjemah teks dan drama KOMSAS sebagai sebuah pementasan teater. Sudah tentu keperluan pengasahan bakat dan kemahiran untuk persembahan memerlukan latihan dan ilmu yang spesifik. Selain itu, perkembangan aktiviti kokurikulum pelbagai pertandingan teater antaranya Pertandingan Drama KOMSAS, Jom Teater, Sayembara Teater Sekolah Menengah, Sayembara Monolog Sekolah Rendah, Semarak Teater dan Festival Teater Sekolah Menengah giat dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.. Pertandingan-pertandingan tersebut menjadi agenda utama Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha memupuk penggalakan, pembangunan dan kecemerlangan bakat murid yang dipacu oleh Aspirasi Murid yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Melihat kepada fenomena ini, guru-guru giat melatih murid untuk tujuan tersebut. Namun sebagaimana yang diperoleh dalam dapat analisis keperluan yang akan dibincangkan di dalam Bab 4, perolehan bahan untuk mengajar teater sama ada dalam bidang lakonan, pengarahan, sinografi dan seumpamanya yang sesuai sukar didapati dalam pasaran. Permasalahan tersebut telah menyukarkan para guru yang kurang atau tiada pengalaman dalam pementasan teater untuk lebih berkreativiti mengasah bakat dan potensi murid di sekolah masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Objektif Penyelidikan

Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk membangunkan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan sebagai pengukuhan kemahiran berfikir dalam kokurikulum teater dengan menggunakan teknik imaginasi lakonan Stella Adler berdasarkan objektif seperti yang berikut:

i. Mereka bentuk Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan berdasarkan model DDR Richie dan Klein yang memfokuskan kepada teknik imaginasi yang diinspirasikan daripada teknik imaginasi lakonan Stella Adler bagi mengukuhkan kemahiran berfikir murid.

ii. Membangunkan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan secara konstruktivisme yang memfokuskan kepada teknik imaginasi yang diinspirasikan daripada teknik imaginasi lakonan Stella Adler bagi mengukuhkan kemahiran berfikir murid.

iii. Menilai kebolehgunaan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan berdasarkan metode Delphi untuk dijadikan bahan rujukan dalam pengendalian aktiviti kokurikulum teater di sekolah Malaysia.

1.5 Persoalan Penyelidikan

Setelah merangka objektif penyelidikan, beberapa persoalan penyelidikan telah dikenal pasti dalam membangunkan modul ini. Antaranya ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Bagaimanakah teknik imaginasi lakonan boleh dimanfaatkan sebagai aktiviti yang mampu mengukuhkan kemahiran berfikir?

ii. Bagaimanakah aktiviti lakonan berdasarkan teknik imaginasi Stella Adler diolah untuk menjadi aktiviti mengukuhkan kemahiran berfikir?

iii. Bagaimanakah kesesuaian dan kebolehgunaan modul ini boleh diukur?

1.6 Batasan Penyelidikan

Penyelidikan ini akan menumpukan kepada aktiviti kokurikulum teater untuk murid sekolah menengah Malaysia. Penyelidik akan membangunkan sebuah modul aktiviti secara konstruktivisme berpandukan kepada model DDR Richey dan Klein yang menggunakan kaedah imaginasi daripada teknik imaginasi lakonan Stella Adler. Stella Adler mengembangkan teknik lakonan beliau dengan pelbagai kaedah. Namun pengkaji hanya akan menumpukan kepada aspek imaginasi sahaja. Modul ini dibina atas tunjang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang menyokong hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. PPPM itu juga merujuk kepada sistem pendidikan berprestasi tinggi yang lain untuk membangunkan kemahiran dan sifat khusus yang boleh diterapkan kepada murid agar mereka menerajui pembangunan ekonomi dan dunia global masa depan. Maka itu, enam (6) Aspirasi Murid digariskan untuk mencapai hasrat ini. Namun, dalam penyelidikan ini, hanya satu Aspirasi Murid yang diambil sebagai skop penyelidikan iaitu pengukuhan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Reka bentuk modul aktiviti lakonan ini mengandungi lima (5) unit. Seramai tiga (3) orang pakar yang terdiri daripada ahli akademik dan guru berpengalaman dalam bidang teater dan pendidikan telah dipilih untuk tujuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengesahan modul aktiviti. Kesahan kandungan modul aktiviti ini akan menggunakan metode Delphi.

1.7 Kepentingan Penyelidikan

Penerapan Aspirasi Murid penting untuk melahirkan modal insan yang fleksibel, berinisiatif, berkebolehan dan berkualiti bagi memenuhi keperluan sesebuah organisasi dalam menuju status negara maju menjelang tahun 2050. Justeru, sistem pendidikan kebangsaan perlu diberi nilai tambah melalui penerapan Aspirasi Murid agar dapat melahirkan modal insan yang selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan berketerampilan, berakhlak mulia, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara.

Sekolah merupakan sebuah institusi pendidikan yang berperanan penting melahirkan generasi muda dengan kelayakan akademik bermutu dan kemahiran-kemahiran yang dikehendaki oleh pasaran luar. Oleh yang demikian, guru memainkan peranan penting dalam memastikan penerapan, pemupukan dan pembinaan kemahiran berfikir berlaku seiring penyebaran ilmu pengetahuan. Kejayaan sesebuah institusi pendidikan dalam menyebarkan dan membangunkan Aspirasi Murid dalam kalangan murid sangat bergantung kepada kredibiliti dan kemahiran seseorang guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti di sekolah (Nadiha, 2011).

Oleh itu, pendekatan yang holistik perlu dijadikan pegangan bagi setiap guru agar dapat membentuk murid yang dapat bersaing di peringkat global daripada segi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ilmu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. Sebagai contoh, The American Association of School Administration 3 (AASA) menyatakan bahawa sekolah seharusnya menyediakan peluang pendidikan dengan kurikulum berasaskan projek yang autentik dengan keadaan kehidupan sebenar, yakni melibatkan murid menangani dan menyelesaikan masalah kehidupan sebenar serta isu yang penting dalam kehidupan sejagat. Pendidikan yang diberikan harus meningkatkan pengetahuan dan kreativiti murid dan pada masa yang sama membolehkan murid berfikir, menaakul, membuat keputusan yang bijak, bekerja sebagai ahli pasukan dan melihat perhubungan dan perkaitan antara ilmu yang dipelajari merentas kurikulum.

1.8 Kerangka Teori Penyelidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidikan ini menggabungkan tiga (3) integrasi teoretikal iaitu Teori Lakonan Stella Adler, Teori Konstruktivisme dan Design and Development Research dari Richey dan Klein.

1.8.1 Teori Lakonan Stella Adler

Stella Adler ialah seorang pelakon, pengarah, dan guru lakonan Amerika. Beliau dilahirkan di New York City pada tahun 1901 dan mula berlakon di pentas pada usia muda. Beliau pertama kali didedahkan kepada teori Stanislavski di Teater Makmal Amerika Syarikat. Setelah itu, beliau kemudiannya menyertai Teater Kumpulan yang berpusat di Amerika. Beliau juga merupakan salah seorang dari beberapa orang pelakon Amerika yang berpeluang belajar secara langsung dengan Stanislavski (Sheana Ochoa,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2014). Menurut Adler (1990), pelakon menggunakan imaginasi secara aktif dan menyeluruh semasa membuat persembahan. Setiap watak dan situasi dihasilkan secara kreatif dan dramatis melalui pemikiran yang berlangsung dalam minda pelakon. Aksi, tindakan atau perbuatan pelakon pergerakan mesti berpunca daripada imaginasi pelakon. Oleh yang demikian, latihan berasaskan imaginasi adalah penting bagi seorang pelakon. Adler mengemukakan empat (4) teras utama dalam teori lakonannya iaitu:

1) Kepentingan Aksi
2) Kuasa Imaginasi
3) Melatih Minda
4) Rasa Epik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bertitik tolak dari empat (4) perkara teras ini, penyelidik hanya memilih teras imaginasi untuk pembangunan modul bagi kajian ini. Melalui teras imaginasi, penyelidik memilih dan menyenaraikan lapan (8) prinsip latihan lakonan yang membantu pelakon berimaginasi dengan lebih baik:

1) Kesedaran Kolektif

   Imaginasi merupakan keupayaan pelakon untuk membayangkan idea yang menarik atau luar biasa. Daya ingatan kolektif seseorang manusia sangat luas kerana menurut Adler, manusia tidak akan melupakan apa yang pernah dilihat, didengar, dibaca, atau disentuh. Tambah Adler lagi, seseorang pelakon hanya menggunakan sebahagian kecil daripada pengetahuan dan pengalamannya itu dalam kehidupan seharian. Walau bagaimanapun, seseorang pelakon akan menyedari kembali apabila mengingatinya. Sejumlah besar pengetahuan dan pengalaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam fikiran pelakon akan digunakan untuk proses membina lakonan yang berkesan dan bermakna.

2) Melihat Secara Imaginatif

Imaginasi dalam latihan lakonan Adler ialah keupayaan seseorang pelakon untuk berangan-angan dan mencipta khalayan. Fikiran dan minda pelakon tentang perkara yang melibatkan aksi dan persembahan datang daripada imaginasi seseorang pelakon.

3) Menggambar

Adler menyatakan bahawa pelakon harus mempunyai keupayaan untuk menggambar. Menggambar dalam konteks Adler bermaksud menggambar secara visual dalam minda dan menggambar melalui lakonan. Proses menggambar melalui ucapan dialog dan aksi lakonan dianggap berkesan apabila pelakon berjaya membuat penonton percaya dan yakin dengan persembahannya.

4) Berdrama

Adler menjelaskan perbezaan antara orang biasa dan pelakon adalah, orang biasa bercakap tentang sesuatu perkara dengan fakta manakala pelakon bercakap tentang sesuatu perkara dengan penuh ‘dramatik dan pencirian yang panjang berjela. Adler menekankan pelakon boleh mencabar lakonannya dengan cara tidak hanya berpandukan kepada fakta semata-mata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh:

Seseorang pelakon diminta untuk menerangkan apa yang dilihat di kedai runcit:

"Saya melihat beberapa buah anggur, pear dan pisang."

Jawapan tersebut menunjukkan seseorang pelakon bercakap benar kerana hanya memberikan fakta tentang apa yang dilihat. Namun, penerangan tersebut adalah kurang berkesan dalam teater kerana pelakon seperti tidak berusaha untuk mencabar lakonannya sendiri.

"Saya melihat buah pear yang besar tetapi terlalu mahal untuk dibeli. Selain itu, saya juga dapat lihat anggur yang ranum, panjang dan rasanya mungkin sangat manis. Ada juga beberapa buah anggur ungu yang besar, muda serta berwarna hijau bersaiz kecil. Tentulah saya boleh makan dan habiskan kesemuanya."

5) Melihat Dengan Penuh Tumpuan

Teknik ini memerlukan kepekaan dan ketajaman deria penglihatan pelakon. Tambah Adler, hasil teknik penumpuan seseorang pelakon akan dapat memberikan huraian secara terperinci.

Contoh:

Latihan 1: Terangkan batu yang diambil dari sebuah taman.

"Ini ialah seketul batu yang diambil dari taman sana tu, nampakkan batu-batu besar di taman tu? Ada yang berwarna kelabu, coklat dan putih. Saiz batu juga pelbagai. Permukaan batu-batu tersebut tidak rata. Kasar, menggerutu dan ada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahagian yang licin juga. Di sekeliling batu-batu tersebut terdapat rumput yang menghijau, tetapi rumput yang berada betul-betul di celah batu berwarna kuning dan tompok-tompok rumput yang berada di bawah batu telah mati, telah bertukar menjadi warna coklat."

Latihan 2: Terangkan tentang sekuntum bunga mawar.

"Saya ternampak sekuntum bunga mawar. Segar dan mekar. Warnanya merah bak darah menonjolkan keindahan dan kecantikan yang mewah. Sungguh mempesonakan. Batangnya berduri tajam, dan daunnya segar berwarna hijau pekat. Tumbuh segar bersama pokok bunga yang lain yang bermacam jenis dan rupa, namun sekuntum bunga mawar yang kembang mekar tetap menjadi tumpuan."

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6) Melihat Dengan Pantas

Latihan teknik pantas merupakan latihan melihat sesuatu perkara semaksimumnya menggunakan masa yang minimum. Adler menyatakan bahawa melalui latihan melihat dengan cepat, seseorang pelakon berupaya mencabar daya fokus terhadap objektif utama sekali gus menjadikan proses menyimpan maklumat menjadi lebih bermakna.

Contoh:

Latihan 1: Membeli belah di pasar raya.

i. Lihat seberapa banyak objek yang anda boleh dalam masa sepuluh saat.

ii. Tulis apa yang telah anda lihat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Latihan 2: Melihat pasangan / rakan.

i. Lihat seberapa banyak perkara yang anda boleh dalam masa lima saat.

ii. Tulis apa yang dipakainya.

Latihan 3: Lihat di sekeliling bilik.

i. Buat kiraan satu hingga lima

ii. Sebut sepuluh buah objek yang telah anda lihat.

7) Melihat Perkara Yang Menarik Perhatian

Adler telah mencipta latihan lakonan yang dapat membantu pelakon mencetuskan idea dalam mengeksplorasi lakonan agar lebih berkembang dengan lebih baik. Jelas Adler melalui teknik ini, pelakon perlu berfikir tentang sesuatu perkara yang menarik perhatian untuk menerbitkan rasa seronok, teruja dan selesa. Hal ini bertujuan agar seseorang pelakon dapat memberikan idea-idea yang menarik dan luar biasa semasa beraksi.

Contoh:

i. Situasi A:

Seorang lelaki memanjat pokok yang sangat tinggi

ii. Situasi B:

Sebuah kereta ditemui di dasar tasik yang terbiar

iii. Situasi C:

Sehelai daun terbang melayang daripada tingkat 50

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

8) Melihat Aktiviti Manusia

Latihan ini memerlukan pelakon untuk mencirikan aktiviti manusia secara terperinci. Hal ini kerana, melalui pemerhatian dan pengamatan di kehidupan sebenar, akan membantu pelakon untuk berlakon dengan lebih realistik dan natural dalam lakonannya.

Contoh:

i. Seorang lelaki dan seekor anjing sedang berseronok bersama
ii. Seorang wanita menolak kereta sorong dengan bayi di dalamnya
iii. Seorang lelaki membeli surat khabar
iv. Dua orang kanak-kanak berpegangan tangan
v. Wanita dengan bakul pakaian kotor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.1.1 Lakonan Adalah Tindakan

Menurut Adler, lakonan merupakan tindakan atau perlakuan yang memerlukan persediaan emosi yang cukup. Seorang pelakon yang cemerlang perlu membuat kajian secara mendalam tentang perlakuan atau tindakan yang boleh dilakonkan agar memenuhi maksud sesebuah cerita. Justeru, Adler menegaskan bahawa latihan boleh menjadi ringkas atau kompleks asalkan pelakon bertindak dalam dua (2) aspek iaitu tindakan pemikiran (minda) dan tindakan aksi (perbuatan fizikal).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contoh:

“Lihat papan hitam di hadapan anda, kemudian tengok piano di penjuru kanan, Jalan ke pintu masuk dan ketuk pintu dengan kuat. Jerit tolong sekuat hati dan tutup hidung anda dengan tangan. Lari ke tingkap dan cuba buka tingkap. Tingkap terlalu ketat jadi ambil kerusi dan pecahkan tingkap. Berdiri di hadapan tingkap dan minta tolong sekuat hati.”

1.8.1.2 Membina Imaginasi

Menurut Stella Adler, sebelum membincangkan imaginasi, adalah penting untuk memberi perhatian kepada instrumen utama seorang pelakon iaitu tubuh badannya. Oleh itu, seseorang pelakon perlu memastikan tubuh sentiasa berada dalam keadaan optimum. Pelakon juga perlu mempunyai postur tubuh badan yang betul kerana memberikan kesan besar terhadap sistem pernafasan yakni penting kepada penjanaan oksigen ke otak dalam memastikan daya fikir diproses dengan baik.

Sepertimana fizikal yang sihat dan berstamina, begitu juga halnya dengan minda pelakon yang perlu berada dalam keadaan yang sangat baik. Apa sahaja aktiviti yang bakal berlaku di atas pentas, pelakon mesti terlebih dahulu bijak dan kreatif mencipta aktiviti tersebut dalam minda. Adler dalam latihan imaginasi akan meminta pelakon membaca skrip dan membayangkan watak dan situasi yang mahu dibina. Maka, untuk proses membina imaginasi tersebut, seseorang pelakon perlu membangunkan soalan yang memberi perincian kepada imaginasinya untuk menterjemahkan lakonan yang berkualiti. Justeru,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terdapat pelbagai soalan yang boleh berfungsi sebagai penjanaan dan pengembangan imaginasi

Contoh

Latihan 1:

Bayangkan anda berjalan di sepanjang jalan di sebuah desa.

i. Di bahagian manakah matahari berada?
ii. Berapakah panjang bayang anda?
iii. Bagaimanakah keadaan jalan raya?
iv. Adakah jalan tersebut berbengkang bengkok?
v. Adakah jalan tersebut memesongkan bayang anda?
vi. Apakah jenis tumbuhan atau hidupan yang anda lihat di kawasan sepanjang jalan tersebut?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Latihan 2:

Bayangkan anda berada berdekatan kawasan ladang ternakan haiwan.

i. Apakah jenis haiwan ternakan yang anda lihat?
ii. Berapa ekor kah haiwan ternakan di situ?
iii. Apakah makanan haiwan ternakan tersebut?
iv. Adakah terdapat tempat berteduh untuk haiwan ternakan tersebut jika hujan turun?
v. Berapakah keluasan ladang tersebut?
vi. Berapakah ramaikan orang yang menjaga haiwan ternakan tersebut?

Menurut Adler, mencipta secara imaginatif merupakan maksud kepada lakonan. Pelakon tidak boleh mengatakan tidak tahu, tidak pernah mengalami atau tiada pengalaman. Menurut beliau, pelakon sebaliknya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perlu tahu tentang semua perkara dengan cara mencipta imaginasi tanpa sempadan melangkaui akal fikiran. Buku latihan lakonan beliau bertajuk On Imagination menggariskan seseorang pelakon perlu sentiasa berkata "saya tahu semuanya" walaupun sebenarnya pelakon tersebut tidak tahu kesemuanya. Hal ini demikian kerana, perkara yang tidak diketahui oleh pelakon akan berjaya dicipta melalui imaginasi kreatif yang datang bersama ingatan peribadi dan pengalaman. Adler sangat percaya bahawa setiap pelakon harus menggunakan semua kehidupan, sejarah, sosiologi, seni, imaginasi kolektif sebagai bahan untuk mencipta lakonan yang sesuai dengan objektif dan menghasilkan lakonan yang cemerlang.

1.8.2 Teori Konstruktivisme

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konstruktivisme ialah falsafah pembelajaran yang digunakan oleh guru untuk membantu kefahaman murid. Konstruktivisme adalah berdasarkan prinsip bahawa individu secara aktif membina pemahaman mereka melalui pengalaman, berbanding dengan menyerap maklumat secara pasif. Apabila individu berinteraksi dengan dunia dan merenung interaksi tersebut, mereka membina pengetahuan sedia ada dan menambah butiran baharu. Teori Pembelajaran Konstruktivis menawarkan perspektif yang unik kerana mempengaruhi keupayaannya murid untuk belajar yang membina pengetahuan melalui integrasi pengalaman sedia ada dan pengetahuan baharu. (Ibrahim, 2005),

Perkataan konstruktivisme berasal daripada pinjaman perkataan Inggeris iaitu *construct* yang bermaksud membina. Jonassen (1991) menyatakan bahawa tujuan ahli psikologi kognitif mengaplikasikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konstruktivisme terhadap murid adalah untuk mengawal suasana pembelajaran mereka secara berfokus kepada pendekatan realistik bagi menyelesaikan masalah. Pedagogi ini boleh digambarkan sebagai strategi pembelajaran aktif yang terletak dalam domain sosial dan kognitif. Salah satu konsep asas konstruktivisme ialah pengetahuan dan pemahaman tentang dunia yang dibina oleh murid melalui aktiviti seperti penerokaan, pengalaman, dan interaksi.

Oleh itu, perkembangan kognitif adalah asas kepada konstruktivisme kerana pembelajaran berlaku secara aktif dan bukannya secara berasingan. Ini termasuk arahan berpandu yang bertujuan untuk membantu murid mencapai pertimbangan mereka sendiri tentang bagaimana dunia berfungsi malah pengetahuan tersebut dibina oleh pengalaman aktif. Hal tersebut memerlukan murid melibatkan diri dengan kandungan untuk membentuk tafsiran dan membuat kesimpulan mereka sendiri berbanding dengan hanya menggunakan fakta dan statistik. Dengan itu, murid mendapat pemahaman yang lebih mendalam tentang dunia di sekeliling mereka dan perkara ini dijana dalam proses pembelajaran sebagai hasilnya. Konstruktivisme juga menekankan keperluan kepada persekitaran pembelajaran yang kondusif. Oleh itu, adalah penting untuk mewujudkan persekitaran yang menarik dan dinamik untuk murid di sekolah. Oleh yang demikian, guru perlu memberi peluang kepada murid untuk bereksperimen, bekerjasama, berkomunikasi dan mencipta pengalaman pembelajaran mereka sendiri.

Hal ini demikian telah dibuktikan dalam penyelidikan yang dilakukan oleh Noor Azizah Ahmad (2006) yang menggunakan teori konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Reka Cipta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidikan tersebut menumpukan lima fasa dalam model konstruktivisme iaitu fasa orientasi, fasa pencetusan idea, fasa penstrukturan semula idea, fasa penggunaan idea dan fasa renungan kembali. Penyelidikan yang melibatkan 133 orang murid di negeri Kedah menunjukkan berlakunya pengaplikasian aspek konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Reka Cipta yang membawa kepada peningkatan kualiti akademik di dalam bilik darjah.

Briner (1999) pernah mengulas secara terperinci tentang bagaimana seseorang individu dapat membentuk dan membina pengetahuan. Menurut beliau, konstruktivisme boleh dilakukan dengan cara menguji idea dan pendekatan menggunakan pengetahuan dan pengalaman sedia ada yang kemudiannya digunakan bersama pengetahuan baharu dalam situasi yang baharu. Hal ini disokong pula dengan Nik Azis Nik Pa (1999) yang berpendapat bahawa konstruktivisme dibina melalui pelbagai komitmen sehingga terhasilnya pengalaman yang baharu. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh seseorang melalui pengalaman terpilih yang sedia ada akan menghasilkan maklumat, pengetahuan dan pengajaran yang baharu.

1.9 Definisi Konseptual

Definisi konseptual ialah "definisi kerja yang diberikan secara khusus kepada istilah atau konsep" (Bailey et al., 2002). Kaedah definisi ini digunakan dalam kekeliruan tentang maksud sesuatu istilah. Takrifan biasanya memberikan pembaca pemahaman tentang istilah atau konsep dan menyalurkan usaha dalam pembangunan langkah-langkah sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.1 Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan matlamat pendidikan di Malaysia untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani, mempunyai kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan dan berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai tahap kesejahteraan diri yang tinggi, serta mampu menyumbang kepada keharmonian dan peningkatan keluarga, masyarakat dan negara secara keseluruhannya.

1.9.2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

PPPM 2013-2025 terhasil setelah Kementerian Pendidikan Malaysia melakukan penyelidikan menyeluruh berhubung dengan sistem pendidikan Malaysia melibatkan tiga isu utama iaitu peningkatan dalam keperluan standard konteks pendidikan antarabangsa, peningkatan aspirasi negara dalam mempersiapkan murid menghadapi keperluan abad ke-21 serta peningkatan harapan ibu bapa dan masyarakat terhadap dasar pendidikan negara. Terdapat tiga perkara utama yang menjadi objektif PPPM 2013-2025 iaitu visi sistem pendidikan, Aspirasi Murid dan 11 Anjakan Transformasi sistem pendidikan negara.

1.9.3 Aspirasi Murid

Aspirasi murid merupakan salah satu visi yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Bertujuan memenuhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keperluan negara pada masa hadapan, Aspirasi Murid dilakar dengan matlamat untuk melahirkan murid yang boleh menerajui pembangunan intelektual dan global pada masa akan datang. Setiap murid harus menguasai enam perincian penting dalam Aspirasi Murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional agar berupaya bersaing pada peringkat global. Melalui kemahiran berfikir, setiap murid akan belajar bagaimana untuk menimba ilmu sepanjang hidup mereka (melalui rasa ingin tahu dan pembelajaran sepanjang hayat) untuk merapatkan bidang yang berbeza dan mengembangkan pengetahuan baharu. Setiap murid mesti menguasai pelbagai kemahiran kognitif, seperti penaakulan serta pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

1.9.4 Kurikulum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum merupakan panduan utama untuk pendidik mengenai perkara yang perlu untuk pengajaran dan pembelajaran, supaya semua murid mempunyai akses kepada pengalaman akademik yang teliti. Dalam konteks Malaysia, kurikulum merupakan asas kepada sistem pendidikan yang akan membentuk generasi akan datang. Kurikulum yang dibangunkan mestilah mencerminkan keperluan semasa dan hala tuju pendidikan, serta aspirasi negara dan keperluan global. Untuk menentukan struktur sosial dan identiti nasional, kesiapsiagaan dan pelaksanaan kurikulum mestilah futuristik, fleksibel, dan dinamik. Pembangunan kurikulum di Malaysia berpandukan pada dasar rasmi yang digariskan dalam undang-undang berkaitan yang telah diisytiharkan, seperti Ordinan Pelajaran 1952, Ordinan Pelajaran 1957,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akta Pendidikan 1961, dan Akta Pendidikan 1996. Kurikulum Kebangsaan digubal mengikut dengan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

1.9.5 Kokurikulum

Istilah aktiviti kokurikulum merujuk kepada sebarang aktiviti yang dirancang daripada proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah (kurikulum) yang memberi peluang kepada murid untuk menambah, mengukuhkan dan mengamalkan kemahiran dan nilai yang telah dipelajari di dalam bilik darjah. Kegiatan ini dikenali sebagai kegiatan berkumpulan dalam Warta Kerajaan bertarikh 28 Disember 1967, No 5652 (Peraturan Kursus Pengajian), Sekolah 1956. Kokurikulum telah ditakrifkan untuk sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Aktiviti kokurikulum termasuk penyertaan dalam sukan dan permainan, penyertaan dalam kelab dan persatuan, keahlian dalam pasukan beruniform dan aktiviti lain yang ditentukan oleh Kementerian Pendidikan.

1.9.6 Teater

Sejarah teater bermula pada abad ke-6 sebelum Masihi apabila orang Yunani Purba mempersembahkan persembahan dramatik. Teater dikatakan bermula di Athens apabila masyarakat Athens pada ketika itu melakukan acara pujian purba yang dikenali sebagai *dithyrambs. Dithyrambs* ialah acara pujian kerohanian berbentuk nyanyian sebagai penghormatan kepada Dewa Dionysus. Kemudian nyanyian puji-pujian tersebut telah disesuaikan untuk perarakan beramai-ramai dengan paduan suara peserta yang berpakaian kostum dan bertopeng. Secara jelas, teater bukan sekadar menyediakan hiburan, malah mencerminkan masyarakat dan mempengaruhi introspeksi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memerhatikan apa yang berlaku di hadapan dalam konteks teater sebenarnya telah mengajar masyarakat sesuatu yang baharu tentang diri dan dunia mereka. Dalam seni bina, istilah teater bermaksud bangunan atau ruang tempat berlangsungnya persembahan. Perkataan teater berasal daripada istilah *theatron* Yunani, yang bermaksud tempat untuk melihat. Sejak zaman purba, reka bentuk teater banyak dipengaruhi oleh keperluan fizikal penonton untuk melihat dan mendengar pelakon, serta perubahan sifat aktiviti yang dipersembahkan. Sejarah teater telah berkembang pesat dengan kelahiran genre-genre baharu menjauhi konvensional tradisi dan mempunyai fungsi dan keperluan tersendiri.

1.9.7 Drama

Drama ialah sebuah karya penulisan yang memaparkan peristiwa sebenar atau rekaan melalui dialog bertulis (sama ada prosa atau puisi). Drama boleh dizahirkan di atas pentas, difilemkan atau disiarkan di radio. Kebanyakan drama dipanggil lakon, dan orang yang menulisnya dipanggil penulis atau dramatis. Semenjak zaman Aristotle (sekitar 335 tahun sebelum Masihi), ramai orang telah menghasilkan karya berbentuk drama. Perkataan drama berasal daripada dua perkataan Yunani yang bermaksud ‘untuk dilakonkan’ dan ‘untuk melakukan tindakan’. Drama merupakan karya penulisan bertujuan untuk dipersembahkan di hadapan penonton. Perkataan drama boleh juga dirujuk dan diklasifikasikan sebagai genre, namun beberapa orang pengkritik tidak bersetuju kerana takrifan tersebut dianggap umum dan terlalu luas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.8 Lakonan

Lakonan ialah satu bentuk seni persembahan yang merangkumi elemen pergerakan, isyarat dan suara. Kesemua elemen tersebut digunakan untuk menghidupkan watak yang dibuat-buat di atas pentas atau di dalam sesebuah filem. Lakonan bukan sekadar tentang meniru, menunjuk-nunjuk atau bertindak balas terhadap perkara yang tidak wujud semata-mata. Bahkan lakonan merupakan kemahiran yang melibatkan kepekaan yang tinggi dan kecerdasan yang mendalam. Seorang pelakon Perancis iaitu Francois-Joseph Talma pada tahun 1825 mengatakan bahawa kepekaan seorang pelakon adalah apabila seseorang pelakon berupaya mempamerkan wajah sesuai dengan emosi watak yang dilakonkan, berupaya menzahirkan maksud penulis dengan jelas serta memaknakan setiap teks atau dialog yang diucapkan seiring penjiwaan watak dalam lakonan. (Collins, 1964). Kecerdasan dalam lakonan diertikan sebagai keupayaan seseorang pelakon dalam memerhati, mengkaji, menganalisis, memahami dan mengaplikasikan setiap tingkah laku manusia dalam menjalani kehidupan. Menurut Aristotle, Thespis of Icaria merupakan pelakon pertama membuat persembahan di atas pentas yang berjaya menggambarkan setiap perincian lakonan yang cemerlang. Thespis juga merupakan individu pertama yang berlakon secara solo yang telah berjaya mengubah perspektif dunia teater.

1.9.9 Teater Gunaan

Teater Gunaan ialah aktiviti yang menggunakan metodologi berasaskan teater untuk tujuan mengkaji isu-isu yang membimbangkan masyarakat, mengenal pasti masalah dan menyelesaikan masalah serta merangsang,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mencetus dan membentuk perubahan sosial. Strategi tersebut membolehkan pembangunan pandangan baharu dan konsep cara yang baharu. Teater Gunaan yang berkualiti dan berimpak tinggi bukan sahaja membantu komuniti mengatasi masalah, malah secara tidak langsung memberi perhatian kepada permasalahan, menawarkan alternatif, membantu orang berasa lebih baik, mencabar idea dan yang paling penting berperanan sebagai suara kepada individu atau masyarakat yang tercicir. Melalui Teater Gunaan, pelakon bertugas sebagai pencetus situasi yang kemudiannya diberi tindak balas oleh penonton yakni masyarakat yang menyaksikannya dan akhirnya melalui proses pemikiran yang bermanfaat untuk sesebuah komuniti. Salah satu contoh Teater Gunaan yang popular ialah Teater Komuniti. Teater Komuniti berperanan dalam membangunkan pertumbuhan dan membina perubahan meliputi isu pendidikan, politik dan sosial. (Neelands, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.10 Teater Dalam Pendidikan

Teater dalam Pendidikan (TDP) dibangunkan sebagai gabungan aliran teater dan pendidikan. Dalam konteks teater, gabungan ini telah mencipta metodologi yang menawarkan pendekatan pembelajaran berpusatkan kepada murid. Redington (1979) telah mengenal pasti sifat semula jadi seseorang murid melalui TDP antaranya termasuk pembelajaran berpusatkan murid, bermain dan belajar, pembelajaran berasaskan projek serta pendekatan didik hibur. Tambah Redington lagi, pentingnya kumpulan umur yang sesuai dalam TDP untuk mendapatkan impak yang berkualiti dan lebih berkesan. Melalui teater sebagai medium pendidikan, pemikir kritikal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kalangan murid boleh dilahirkan kerana TDP itu sendiri adalah berobjektif, kritis dan menjana idea kreatif.

1.9.11 Drama Dalam Pendidikan

Drama dalam pendidikan (DDP) ditakrifkan sebagai kaedah dan subjek dalam pendidikan. Sebagai subjek dalam kurikulum, DDP menggunakan pelbagai elemen dramatik seperti pergerakan, suara, dan main peranan untuk menggalakkan pembangunan nilai kurikulum murid. Sebagai contoh DDP membolehkan murid mempelajari butiran peristiwa sejarah dengan cara melakonkannya menggunakan teknik main peranan.

1.9.12 Teater Untuk Pembangunan (TUP)

Teater Untuk Pembangunan merupakan satu bentuk teater berdaya maju melibatkan komuniti sebagai usaha kepada perancangan pembangunan. Penglibatan komuniti dalam sesebuah program membolehkan ahli komuniti tersebut menjadi pemikir untuk melihat potensi pembangunan yang belum diteroka dan kurang digunakan dalam komuniti setempat mereka. Kesedaran, matlamat dan perubahan untuk tujuan pembangunan komuniti boleh dicapai apabila setiap ahli bekerjasama dalam mencari titik penyelesaian kepada sesuatu permasalahan yang berlaku dalam institusi masyarakat. Penglibatan komuniti secara aktif membolehkan masyarakat membangkitkan sesuatu pendapat secara harmoni, secara tidak langsung memupuk sifat kebertanggungjawaban komuniti terhadap isu sosial yang berlaku di sekeliling mereka. Hal ini disokong oleh Asante & Yirenkyi (2018) yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyatakan Teater Untuk Pembangunan merupakan medium atau pendekatan yang sesuai melibatkan komuniti kerana bersifat fleksibel untuk persembahan secara langsung dalam pembangunan komuniti secara lebih holistik.

1.9.13 Pemikiran Kreatif

Pemikiran kreatif merupakan sebuah matlamat untuk menghasilkan penyelesaian baharu kepada sesuatu masalah. Pemikiran kreatif menjana idea yang pelbagai. Sebagai contoh, pemikir kreatif akan bereksperimen dengan idea selepas sesi sumbang saran. Penelitian idea dari pelbagai sudut dan mempertimbangkan cara penyelesaian yang sesuai merupakan perkara yang diusahakan dalam pemikiran kreatif. Pemikir kreatif tidak takut untuk mengambil peluang atau mencuba perkara baharu. Keupayaan untuk mencipta, menguji dan melaksanakan penyelesaian baharu menjadikan pemikiran kreatif sebagai aset berharga.

1.9.14 Pemikiran Kritis

Pemikiran kritis merupakan idea yang kompleks yang telah berkembang sejak 2,500 tahun yang lalu. Frasa pemikiran kritis bermula pada pertengahan hingga akhir abad ke-20. Pemikiran kritis ialah proses yang pemikiran aktif yang berdisiplin melibatkan aktiviti mengkonseptualisasikan, mengaplikasikan, menganalisis, mensintesiskan dan menilai maklumat yang dikumpulkan daripada pemerhatian, pengalaman, refleksi, penaakulan atau komunikasi (Scriven & Paul, 1987). Pemikiran kritis berdasarkan nilai intelek tidak bergantung kepada kejelasan, ketepatan, konsistensi, perkaitan, bukti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang baik, alasan yang baik, kedalaman, keluasan atau keadilan tetapi melibatkan bagaimana struktur atau bahagian pemikiran yang tersirat dilihat dalam penaakulan. Hal ini termasuk tujuan, masalah atau persoalan yang dihadapi, andaian, konsep, asas empirikal, penaakulan yang membawa kepada kesimpulan, implikasi dan akibat, bantahan dari sudut pandangan yang berbeza dan kerangka rujukan.

1.9.15 Modul

Modul boleh ditakrifkan sebagai satu jenis sumber pengajaran. Modul dibangunkan bagi tujuan pembelajaran untuk kegunaan berkumpulan atau individu. Kandungan modul disusun dengan kemas dan sistematik. Modul juga akan dicetak, dan hasil cetakan akan digunakan sebagai panduan untuk kedua-dua pengguna sama ada untuk tenaga pengajar atau pelajar. Menurut Alsagoff (1981) secara umumnya istilah modul bererti unit-unit yang terkandung dalam satu keseluruhan. Secara amnya, modul biasanya dicipta untuk pembelajaran yang lebih berkesan dan bertujuan membolehkan guru untuk mengajar dengan lebih efektif.

1.9.16 Modul Pengajaran

Modul pengajaran ialah unit pendidikan serba lengkap yang biasanya memfokuskan kepada satu topik atau matlamat pembelajaran. Modul boleh digunakan dalam pelbagai persekitaran, seperti bilik darjah biasa, kursus dalam talian dan program latihan. Biasanya, modul pengajaran yang direka dengan baik akan mempunyai komponen melibatkan objektif pembelajaran. Objektif pembelajaran dirangka bertujuan menerangkan dengan jelas perkara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang murid sepatutnya boleh lakukan selepas tamat modul. Kandungan modul pula hendaklah relevan dengan objektif pembelajaran dan disediakan dengan cara yang mudah untuk difahami murid (Rothwell et al., 2016). Aktiviti yang dibangunkan dalam modul hendaklah mengandungi kepelbagaian aktiviti yang membolehkan murid mempraktikkan apa yang mereka pelajari. Selain itu, penilaian juga boleh dimasukkan. Penilaian dalam modul harus mengandungi ujian yang membolehkan murid menunjukkan pemahaman mereka tentang matlamat pembelajaran. Modul pengajaran boleh menjadi sumber yang baik untuk murid dan guru dan perlu disediakan dengan cara yang teratur. Antara kelebihan menggunakan modul pengajaran ialah ia boleh digunakan dalam pendidikan bagi memenuhi keperluan pelbagai tahap murid.

1.9.17 Modul Pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modul pembelajaran ialah medium yang menempatkan koleksi kandungan pelajaran yang telah disusun dengan rapi. Sesebuah modul yang baik membolehkan pengguna meneroka setiap bahagian kandungan ke kandungan yang lain dengan mudah, jelas dan bersistematik. Modul Pembelajaran didasari beberapa perkara penting antaranya objektif, matlamat, topik, konsep dan tema. Modul yang berkualiti ialah modul yang mengandungi hasil atau objektif pembelajaran sejajar dengan arahan dan penilaian (penjajaran konstruktif) serta mempunyai aktiviti pembelajaran yang relevan dengan hasil pembelajaran. Menurut Noah & Ahmad (2005), modul pengajaran dan pembelajaran merupakan modul yang diperkenalkan untuk membantu pelajar-pelajar yang lemah serta lebih berfokus kepada pengajaran individu kerana aktiviti pengajaran adalah berpusatkan kepada pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.18 Modul Aktiviti

Menurut (Tajudin & Tajuid, 2016), aktiviti ialah sesuatu yang dilakukan sama ada kegiatan atau usaha. Kegiatan (aktiviti) kokurikulum merujuk kepada kegiatan atau aktiviti selain mata pelajaran yang diajar di bilik darjah tetapi dianggap sebagai sebahagian daripada kursus pendidikan murid di sekolah misalnya kegiatan dalam persatuan-persatuan, kegiatan kesukanan, dan lain-lain (Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005). Istilah konseptual modul aktiviti dalam kajian ini dibangunkan dengan merujuk kepada dokumen yang terkandung dalam unit pembelajaran merangkumi kegiatan khusus. Setiap aktiviti dalam modul yang dicipta khas untuk tujuan pendidikan yang membabitkan proses pembelajaran (kurikulum dan kokurikulum). Modul aktiviti merupakan bahan rujukan pembelajaran yang digunakan untuk sesebuah pengajaran (kokurikulum dan PdPc bersesuaian). Terdapat perkara yang perlu dititikberatkan dan perlu diberi penekanan dalam membina modul iaitu:

i. Mengenal pasti hasil pembelajaran yang ingin dicapai.
ii. Isi kandungan yang disampaikan dan aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang jelas dan berstruktur.
iv. Kaedah penilaian yang mengukur sejauh mana hasil pembelajaran yang ingin dicapai telah dipenuhi.

1.10 Rumusan

Melalui penjelasan di atas, penyelidik menyedari bahawa satu strategi dan pendekatan menggunakan pembelajaran yang menyeronokkan dan lebih bersifat praktikal perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diusahakan dan dibangunkan dalam bentuk modul. Maka atas inisiatif itu, penyelidik telah membangunkan sebuah Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan bagi mengukuhkan kemahiran berfikir murid sekolah menengah untuk kegunaan aktiviti kokurikulum. Justeru bab seterusnya akan membincangkan secara terperinci fasa penyelidikan kajian ini dan proses pembangunan modul aktiviti sehingga selesai serta hala tuju kajian dan sumbangannya dalam pendidikan di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Kajian Teater dan Drama Dalam Pendidikan Luar Negara

Penggunaan teater dalam pendidikan untuk penyelidikan telah berkembang daripada kaedah baru untuk menyebarkan hasil penyelidikan kepada metodologi baru yang boleh mengumpul, menganalisis dan menyebarkan data secara serentak. Penyelidikan ini meneroka literatur tentang teater dalam pendidikan berasaskan penyelidikan dan beberapa perbahasan dan isu semasa dalam bidang tersebut. Memandangkan bidang teater berasaskan penyelidikan masih di peringkat awal, perbendaharaan katanya masih berkembang. Saldaña (2016) memperkenalkan pendekatan etnoteater dan etnodrama sebagai bentuk penyebaran data yang diperoleh dan dianalisis menggunakan kaedah kajian kualitatif dan konvensional seperti kajian tindakan, naratif, temu bual, dan nota lapangan. Sementara itu, Norris (2000) berpendapat bahawa potensi drama dan teater sebagai penyelidikan akan dipenuhi sepenuhnya bukan apabila seseorang menukar data menjadi drama, tetapi apabila tindakan dramatik mengubah suai persembahan dengan cara yang sama seperti penyelidikan kuantitatif yang menggunakan dan menunjukkan data berangka melalui semua peringkat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Adams & Kuftinec (2012) membincangkan tentang teater dalam pendidikan (TDP) yang bermula di England pada tahun 1965 sebagai penumpuan kompleks yang mendorong kepada amalan persembahan berasaskan teater. Pendekatan ini diamalkan di persekitaran sekolah sebagai satu cara untuk membolehkan transformasi kepada pendekatan pendidikan yang menyokong perubahan sosial (radikal). Walau bagaimanapun, kewujudan TDP masih mempunyai percanggahan, masalah dan kekurangan refleksiviti menyebabkan kredibiliti potensinya sebagai pendekatan yang radikal belum diterima oleh masyarakat. Kajian sejarah dan historiografi telah meneroka pendekatan pendidikan yang dikemudi oleh TDP. Penyelidikan ini memfokuskan kepada empat keraguan terhadap pendekatan TDP. Penyelidik mempersoalkan sama ada TDP berbaloi untuk diteruskan sedangkan pada abad ke-21, Amerika Syarikat dan negara-negara lain telah menggunakan ujian piawaian tinggi menerusi disiplin Foucauldian. Penyelidikan ini kemudiannya mengetengahkan beberapa cadangan kepada pengamal TDP untuk mempertimbangkan integrasi tumpuan TDP menerusi pedagogi performatif kritikal Freirean secara konsisten. Kemudian, didapati TDP telah berjaya dibangunkan menggunakan analisis Foucauldian sebagai sebuah pedagogi kritikal serta analisis kritikal. Contoh dapat dilihat melalui kajian kes khusus menerusi projek Pow Wow[1] (1973) dan Homelands (1984) daripada Coventry Belgrade TDP, The Giant's Embrace[2] (2006), Pow Wow: The Power of the Circle (2005), dan Living with Macbeth (2002) dari Theatre Powys di

[1] Program "POW WOW" telah dipersembahkan oleh pasukan Coventry Theatre in Education pada tahun 1973. Untuk tiga tahun berikutnya skrip itu digunakan oleh pasukan lain, selalunya disesuaikan sedikit agar sesuai dengan pandangan dan keadaan mereka. Redington, C. A. (1979). Redington, C. A. (1979). Theatre in education : an historical and analytical study (pp. 1–460) [PhD Thesis Theatre in education : an historical and analytical study]. https://theses.gla.ac.uk/2535/1/1979redingtonphd.pdf

[2] 'Giant's Embrace telah membuat persembahan di sekolah rendah dan teater sekitar antara tahun 2006 hingga 2014. Teater ini dicipta oleh Big Brum sebagai kisah dongeng yang meneroka hubungan antara seorang budak lelaki dan gergasi yang tamak. Pada tahun 2020 Big Brum mencipta semula cerita itu sebagai filem pendidikan yang merangkumi penceritaan dan karya seni baharu. Lihat lebih lanjut mengenai projek Teater dalam Pendidikan.Big Brum I Giant's Embrace | Schools Tour. (n.d.). Big Brum I Theatre in Education Company. Retrieved March 1, 2021, from https://bigbrum.org.uk/tours/giants-embrace

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Wales, With These Wings I Will ... (2007) dari Creative Arts Team di New York, dan Parry Jus' Once (1998) dari Arts-in-Action di Trinidad dan Tobago.

Menurut Vieites García (2014), selama berabad-abad pelbagai amalan pendidikan telah dicetuskan melalui pendidikan teater yang semakin popular di banyak negara. Sebagai contoh, di Sepanyol idea pendidikan teater yang melampaui latihan artis teater bukan bertujuan untuk mendapatkan popularititi hiburan. Sebaliknya fokus aktiviti latihan teater dan pendidikan di kolej seni drama institusi pendidikan di Eropah telah mencetuskan perkembangan kemahiran intelektual dan kerohanian murid. Perkembangan tersebut telah menyebabkan kurikulum pendidikan teater diiktiraf sebagai pedagogi yang berupaya melonjakkan amalan pendidikan sedia ada ke arah yang lebih baik.

Schonmann (2001) pula menawarkan *playback theatre* sebagai cara mempamerkan data, menganalisis dan mentafsirnya lalu menyampaikan maksud supaya menjadi jelas. Walau bagaimanapun, penggunaan teater sepanjang proses kajian tidak dinyatakan secara eksplisit dalam takrifan semasa etnodrama atau etnoteater. Semakin hari, teater semakin popular digunakan dalam penyelidikan pendidikan, namun Saldaña (2005) mengatakan bahawa ramai sarjana dalam sains sosial masih ragu-ragu terhadap etnoteater dan teater berasaskan penyelidikan sebagai bentuk pelaporan penyelidikan yang boleh dipercayai. Jika kesahihan penyelidikan seperti ini dipersoalkan, mengapakah teater berasaskan penyelidikan masih perlu dilihat sebagai satu cara untuk mengkaji pendidikan? Berbeza dengan pandangan Denzin (1997) yang melihat potensi teks persembahan sebagai satu-satunya cara yang paling berkuasa memulihkan makna pengalaman hidup, tetapi pandangan ini dibantahi oleh Saldaña. Beliau berpendapat apabila seseorang penyelidik mengekstrak data penyelidikan daripada pendekatan teater, penyelidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikatakan menunjukkan satu persembahan dan bukan memaparkan hasil penyelidikan mereka.

Mienczakowski dan Moore (2008) pula berpandangan bahawa data *theatricalizing* boleh memberikan naratif penyelidikan kualitatif berbentuk tiga dimensi kerana bentuk ini mampu mencapai standard dan dimensi yang sering hilang dalam penyelidikan biasa. Kuasa empati dipercayai dapat membantu pembentangan penyelidikan melalui pemahaman penonton. Persembahan dikatakan menjadi konteks yang dikongsi oleh pelakon dengan bantuan penyelidik manakala penonton dikatakan membina dan mengaitkannya dengan hubungan emosi mereka sendiri berdasarkan topik penyelidikan yang dipersembahkan dalam bentuk persembahan. Bentuk dramatik yang bersifat tiga dimensi ini membolehkan seseorang penyelidik mengekalkan sekurang-kurangnya paparan pengalaman hidup menerusi dimensi manusia dalam perkara yang ingin dikaji (Donmoyer & Donmoyer, 2008). Melalui pendekatan ini, teater berasaskan penyelidikan boleh memberi peluang kepada penyelidik untuk melihat karya mereka secara kritis dan memberi peluang kepada penonton untuk memberikan respons yang kritis yakni memberikan kelegaan psikologi melalui ekspresi terbuka dan emosi yang sensitif.

Daripada perspektif yang berbeza, persembahan teater dikatakan dapat membantu murid memahami sesuatu pembelajaran dengan lebih baik. Pendekatan tersebut dilihat sebagai alternatif yang positif kepada pendidikan konvensional. Kajian perubatan oleh Ünalan et al., (2009), kaedah pendidikan teater telah digunakan untuk mengajar pelajar perubatan sejak tahun 2001. Pendekatan tersebut dijalankan oleh sekumpulan sukarelawan yang terdiri daripada pelajar perubatan terlatih dan berpengalaman. Mereka telah diberi masa dua minggu untuk menulis dan melakonkan senario sakit kepala yang berbeza. Isu-isu yang dibangkitkan dalam persembahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah dibincangkan dalam perbincangan kumpulan. Keputusan menunjukkan lebih dari 90% daripada 43 orang pelajar bersetuju bahawa pendekatan persembahan teater mampu membantu mereka memahami topik dengan lebih baik. Kebanyakan pelajar menganggap menggunakan pendekatan teater dalam kuliah perubatan memberikan kesan yang baik di samping menyeronokkan dan bermanfaat.

Masih dalam konteks pendidikan perubatan, Case & Brauner (2010) mengatakan bahawa terdapat keperluan dalam pengajaran yang menggalakkan kemahiran berfikir dalam kedua-dua kurikulum perubatan prasiswazah dan pascasiswazah. Walaupun jurnal perubatan utama menyatakan bahawa aplikasi teknik lakonan teater tidak lengkap dalam pendidikan perubatan, namun sebaliknya laporan penyelidikan ini menunjukkan teknik tersebut mempunyai potensi dan kepentingan yang boleh membantu memperbaiki kecekapan bakal doktor. Menerusi pendekatan tersebut, pemahaman yang lebih luas tentang teori dapat diperoleh daripada persembahan lakonan. Pelajar didapati lebih menghargai nuansa pengalaman dan pengetahuan yang diperoleh melalui persembahan situasi bekerja menghadapi pesakit menerusi sesi latihan lakonan yang dijalankan. Disiplin akademik kajian persembahan menawarkan paradigma bukan sahaja untuk mengajar doktor cara bertindak lebih empati dan belas kasihan, tetapi juga untuk menganalisis dan menilai serta menambah baik interaksi manusia dalam persekitaran perubatan. Pemahaman yang kompleks tentang persembahan adalah penting untuk pembangunan imaginasi empati dan kognitif yang membolehkan pakar perubatan menjana tindak balas terhadap situasi tertentu dan bukannya menggunakan tindak balas yang dipelajari secara hafalan.

Menurut Sharma et al. (2021), terdapat bukti penyelidikan menunjukkan keberkesanan menggunakan metodologi pendidikan-hiburan untuk menangani

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelbagai isu kesihatan awam dengan menggunakan penyertaan teater jalanan. Metodologi ini digunakan untuk meningkatkan pemahaman masyarakat tentang pendidikan kesihatan awam. Penyelidikan yang dibangunkan oleh Sharma bertujuan untuk menilai kebolehlaksanaan, penerimaan dan impak projek Pelakon-Doktor. Projek ini merupakan sebuah projek intervensi yang melibatkan profesional teater dan pakar perubatan. Terdapat 20 persembahan teater jalanan mengenai lima tema kesihatan awam telah dibangunkan dan dipentaskan. Respons penonton menunjukkan peningkatan pengetahuan yang lebih tinggi tentang kesihatan persekitaran, anemia dan keterbukaan untuk membincangkan isu kesihatan seksual berbanding dengan kumpulan kawalan. Pelakon dan doktor yang bekerjasama untuk mencipta pendidikan kesihatan awam berasaskan teater dan impak daripada projek tersebut telah melahirkan rasa puas hati. Menerusi Projek Pelakon-Doktor telah membuktikan teater mampu memainkan peranan penting untuk meningkatkan penglibatan berkaitan kesihatan awam antara pelakon, doktor dan orang ramai.

Crossley et al. (2019) melihat kepada penyelidikan yang mengaplikasikan amalan teater gunaan dalam penyelidikan. Dalam penyelidikan ini, beliau membincangkan tentang penggunaan teater komuniti, teater dalam pendidikan, teater dalam pendidikan kesihatan dan teater untuk pembangunan yang sering menjadi pendekatan yang digunakan oleh para penyelidik. Menerusi projek penyelidikan yang dibangunkan, beliau telah menggunakan teater komuniti untuk mengkaji tahap kesihatan mental dan daya imaginasi dalam komuniti setinggan Basti di bandar Pune, Maharashtra di India. Fokus penyelidikan ini bertumpu kepada komuniti setinggan yang terdiri daripada pendatang asing. Gabungan teater gunaan diaplikasikan dalam penyelidikan ini bertujuan untuk meninjau daya imaginasi, kesihatan serta kesejahteraan mental dalam kalangan komuniti pendatang asing. Hasil dapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelidikan menunjukkan terdapatnya permasalahan yang timbul dalam hubungan sosial masyarakat tersebut.

Poskakalova (2021) sebaliknya membincangkan tentang kebanyakan teater di Rusia yang digunakan sebagai pengenalan kepada budaya dan tradisi hiburan. Namun, beliau percaya teater bukan sekadar itu malah pendekatan teater dalam pendidikan mempunyai potensi untuk dikembangkan dalam penyelidikan dan mampu memberi sumbangan dalam sosialisasi pendidikan semasa. Melalui penyelidikan yang dijalankan, beliau memberikan gambaran umum tentang evolusi sejarah teknik teater dalam pendidikan di Rusia dan di seluruh dunia. Penyelidikan ini memfokuskan kepada dimensi utama teater dan drama dalam persekolahan semasa. Penyelidikan tersebut menunjukkan bahawa pelbagai bentuk teater dalam pendidikan telah berkembang sebagai pedagogi yang digunakan untuk menyelesaikan masalah yang kompleks termasuk masalah pembangunan, pembelajaran, dan sosialisasi.

Sebagai contoh, satu penyelidikan separa eksperimen yang dijalankan oleh Mages telah melihat penggunaan teater melalui program teater dalam pendidikan (TDP) di prasekolah. Penyelidikan ini membuktikan TDP boleh meningkatkan celik huruf, mengukuhkan minda dan memperkembangkan imaginasi murid prasekolah. Penyelidikan ini merupakan sebuah kajian kuantitatif yang melibatkan 155 orang kanak-kanak di Bandar Head Start. Hasil penyelidikan ini menunjukkan implementasi kurikulum seni teater ke dalam pendidikan awal kanak-kanak telah berhasil membawa kanak-kanak meneroka imaginasi dan merasai pengalaman pembelajaran drama di prasekolah dengan seronok dan berkesan (Mages, 2018).

Sehubungan itu, Hines (2013) telah mengkaji unsur-unsur tersembunyi yang terkandung dalam kurikulum pendidikan teater. Perkara ini membolehkan pendidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teater berpeluang untuk membuat refleksi tentang pedagogi dan kesannya terhadap pelajar. Unsur-unsur tersembunyi ini merujuk kepada nilai, norma dan kepercayaan tersirat dalam pendidikan teater. Apabila kurikulum terselindung daripada nilai-nilai berkenaan, impaknya menyebabkan berlaku ketidakseimbangan sosial daripada aspek ketidaksamarataan jantina, kaum dan kelas dalam proses pendidikan sosialisasi pelajar. Maka itu, kajian ini menumpukan kepada perkembangan fungsi pedagogi teater dalam penghasilan semula, ketidaksamarataan ini melalui norma budaya yang diinstitusikan.

Manakala McCammon et al. (2010) menyatakan bahawa eksplorasi multinasional dalam sifat semula jadi kreativiti mempunyai hubungan dengan teater atau drama dalam pendidikan. Guru-guru merupakan pakar umum bagi asas dan pengetahuan sekunder di mana terdapat kebanyakan daripada mereka mempunyai pengetahuan tentang drama dalam pendidikan. Hasil penyelidikan beliau menunjukkan bahawa guru drama dan teater percaya akan kepentingan pengajaran untuk pencapaian kreativiti dalam diri murid dan diri mereka sebagai guru yang kreatif terutamanya apabila menyelesaikan masalah pengajaran. Contoh amalan dalam penyelidikan ini telah menunjukkan bahawa guru melaksanakan pelbagai pendekatan drama dan teater berpusatkan murid.

Sementelahan kajian Perry (2011) pula meneroka rekaan pedagogi berasaskan teater yang mempertimbangkan proses kreatif menerusi acara persembahan dan faktor penonton sebagai kaedah yang mempunyai potensi yang besar. Walaupun bidang pendidikan berasaskan seni semakin berleluasa dalam teori pendidikan, amalan teater kontemporari dalam konteks pedagogi dan impak sosial sebahagian besarnya masih tidak mempunyai teori khusus. Mengambil kira sejarah dan amalan teater bersama dengan pedagogi kritikal, penyelidik ini berpendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa rekaan teater menawarkan tapak untuk pedagogi kritikal yang produktif. Merujuk kepada penyelidikan yang dilakukan, penyelidik telah menggunakan amalan hiburan paksa untuk menggambarkan hujah tersebut.

Beralih pada satu kajian lain, terdapat pelaksanaan penilaian terperinci tentang inisiatif di dalam bidang pendidikan dadah melalui teater dalam pendidikan (TDP) yang dijalankan oleh pihak berkuasa pendidikan tempatan di England. Penilaian tersebut menjelaskan bahawa murid dari sekolah menengah telah mencipta dan mempersembahkan karya TDP mereka untuk kanak-kanak sekolah rendah tempatan serta turut membincangkan rasional projek pendidikan dadah dan cara pelaksanaannya. Projek ini telah menunjukkan penilaian terperinci tentang pencapaian TDP dalam pendidikan di sekolah-sekolah di England.

Menelusuri perkembangan teater dalam pendidikan di Korea pula, Kim (2009) mengisahkan dan membincangkan tentang A Big Blue Whales Dream sebagai salah satu projek TDP pertama yang ditugaskan oleh yayasan kebudayaan tempatan dan kerajaan Korea Selatan. Projek ini direka khusus untuk murid kelas inklusif lima dan enam untuk meningkatkan kesedaran dan persepsi mereka terhadap golongan kurang upaya. Kajian ini telah membuktikan program ini telah berjaya menangani realiti sensitif dan kompleks dalam bilik darjah inklusif di Korea. Penyelidikan ini juga mengkaji implikasi program TDP terhadap tiga bidang utama iaitu impak dan kemungkinan menggunakan TDP untuk pendidikan kesedaran orang kurang upaya, kekeliruan dan jangkaan dalam menerima TDP sebagai sarana teater dan pendidikan baharu di Korea menerusi perjuangan berterusan untuk mencipta dan mengekalkan perkongsian seni kolaboratif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di India pula, kajian Manna (2021) menunjukkan bahawa teknik teater dan dramatik telah lama diamalkan dalam pelbagai tetapan terapeutik dalam intuisi pendidikan, pusat kaunseling, hospital, organisasi komuniti dan rumah pemulihan. Dengan menggunakan intervensi asas pergerakan, main peranan, lakonan dan improvisasi, aktiviti berasaskan drama telah berjaya meningkatkan fungsi kognitif penghidap gangguan spektrum autisme (ASD). Projek kajian ini telah menunjukkan pencapaian positif dalam kesedaran sosial, keupayaan imaginasi, kognisi, komunikasi, simpati dan empati peserta yang terlibat. Di India, terapi seni dilakukan di kawasan yang sedang berkembang. Ramamoorthi Parasuram merupakan salah seorang ahli terapi drama di India. Beliau mengasaskan drama untuk Pusat Autisme, Velvi[3] dan bekerja untuk pembangunan kanak-kanak ASD sejak tahun 2004. Penyelidikan ini mengemukakan modul untuk terapi drama dan menganalisis cara penggunaan topeng muka, cat dan teknik latihan diri telah menunjukkan peningkatan terhadap perhatian, sentuhan mata, kemahiran motor kasar kepada penghidap ASD. Kesan terapi drama Velvi dinilai menerusi tinjauan yang dilakukan terhadap ibu bapa kanak-kanak tersebut. Hasil dapatan tinjauan diperkukuhkan menerusi ujian Chi-square dan ujian berpasangan berdasarkan 14 indikator sosial, tingkah laku dan kognitif.

Kajian Sinan Özmen (2011) pula menunjukkan sebuah model berasaskan teori lakonan berpengaruh yang dinamakan sebagai Model BEING (Believe, Experiment, Invent, Navigate, Generate) dibangunkan dalam konteks lakonan bagi memenuhi keperluan pendidikan untuk bakal guru. Reka bentuk model ini telah diinspirasikan berasaskan kesusasteraan lakonan. Kesusasteraan lakonan tidak menyediakan jurulatih sebaliknya menyediakan sebuah model untuk menjalankan dan memantau

[3] Velvi ialah sebuah rumah seni dan budaya purba serta amanah berdaftar yang diasaskan oleh Dr.Parasuram Ramamoorthi pada tahun 1998 di Madurai,. Velvi bermaksud perjalanan dalaman, tindakan penyucian untuk kesejahteraan manusia. Rujukan: Velvi - About Us. (n.d.). Velvi.in. Retrieved February 28, 2022, from http://velvi.in/about.php

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kursus lakonan tersebut. Model ini telah diuji daripada segi kebolehgunaan dan fungsinya. Berdasarkan analisis sesi temu bual, jurnal dan refleksi, dapatan lima peringkat Model BEING telah membuktikan model ini sangat sesuai dan berfungsi untuk mencerminkan proses pembangunan semula jadi pembangunan identiti guru. Dapatan juga menunjukkan perkembangan yang ketara dalam kemahiran komunikasi dan identiti profesional guru. Oleh itu, model BEING memberikan perspektif dan falsafah yang bermanfaat hasil sumbangan sastera lakonan kepada bakal pendidik.

Sedano-Solís (2019) pula mewajarkan teater gunaan sebagai bidang penyelidikan dalam pengajian teater. Pembangunan teater gunaan dalam bidang penyelidikan akan membolehkan siri sistem amalan berubah-ubah mengikut disiplin yang berbeza. Berdasarkan semakan maklumat bibliografi yang ada, beliau menganalisis asal usul konsep, ciri utamanya dan cara teater gunaan berkembang dalam bidang akademik. Penyelidikan ini bertujuan untuk mewujudkan titik permulaan yang sama yang membolehkan individu mendekati pelbagai dimensi yang terkandung dalam teater gunaan. Penyelidikan ini merumuskan bahawa teater gunaan terdiri daripada tiga bidang utama melibatkan teater gunaan dalam pendidikan, kesihatan dan komuniti. Penyelidikan ini telah mengumpulkan satu siri amalan teater dalam konteks pelaksanaan. Hasil daripada penyelidikan ini memberikan sumbangan kepada kemunculan kajian saintifik yang tepat agar lebih mudah diakses dan diamalkan oleh ahli akademik dan penyelidik.

Berghammer (1988) menyatakan, terdapat garis panduan bagi ciri-ciri teater dalam pendidikan (TDP). Beliau juga turut mencadangkan gabungan struktur peningkatan kesedaran diri, sosial, budaya dan politik melalui teater dan drama dilaksanakan. Kajian beliau juga bermatlamat menangani isu sosial masyarakat seperti seks, perkauman dan penderaan kanak-kanak. Dalam kajian yang serupa,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Österlind et al. (2016)telah menghasilkan sebuah model kebajikan dinamakan Nordic menyatakan bahawa perspektif mengenai drama dan teater dalam pendidikan bermula dari prasekolah hingga pendidikan menengah atas. Perkara yang digariskan dalam model kebajikan Nordic meliputi perspektif ekuiti, inklusif dan demokrasi yang menjamin akses percuma kepada pendidikan wajib dan pendidikan menengah atas. Sementelahan, analisis perbandingan ini melibatkan drama dan teater dalam kurikulum di Denmark, Finland, Iceland, Norway dan Sweden. Sementara itu, Anderson & Donelan (2009) membincangkan tentang peranan pendidikan drama dan bagaimana pendidikan drama dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti teknologi dan globalisasi. Mereka juga mengulas tentang perkembangan Persatuan Drama, Teater dan Pendidikan Antarabangsa (IDEA) dan kurikulum pendidikan.

Orr (2015) pula membangunkan projek sarjana beliau di CUNY School of Profesional Study. Pada masa yang sama beliau turut melatih fasilitator rakan sebaya menggunakan teater gunaan bertujuan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam pendidikan rakan sebaya. Maka, kajian beliau menumpukan peranan teater gunaan dalam persekitaran pendidikan rakan sebaya berhubung dengan matlamat untuk memperkasakan pengetahuan baharu bersama-sama. Orr juga memperluaskan penyelidikan tentang penggunaan teater gunaan dengan mengkaji kepentingan dan peranan fasilitator dalam konteks pendidikan rakan sebaya menerusi bengkel rangka kerja estetik teater gunaan. Fasilitator yang terlibat dengan projek ini terdiri daripada anak muda yang memikul tanggungjawab menguruskan bengkel yang dianjurkan.

Menurut Slate (2022) dalam kajiannya menyatakan bahawa main peranan merupakan teknik yang popular dalam kalangan gerakan hak sivil di Amerika. Aktivis menggunakan pendekatan main peranan sebagai simbolik kepada mesej dan suara yang mahu disampaikan. Terdapat aktivis menjalankan gerakan mereka secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sembunyi sebelum mempamerkannya di khalayak awam. Walau bagaimanapun, kepentingan drama kurang diberikan perhatian dalam siri kajian berbanding dengan peranan muzik dalam gerakan tersebut. Sejarah main peranan sebagai strategi pendidikan memberikan pandangan baharu tentang hubungan antara persembahan dan aktivisme tanpa kekerasan, dan menawarkan sisi alternatif teater gunaan sebagai jalan alternatif penyelesaian.

Özbek (2014) pula membincangkan konsep-konsep utama dalam kaedah drama terutamanya dalam konteks pendidikan. Beliau telah mengenal pasti secara menyeluruh tentang latar belakang, penyediaan informasi struktur drama dalam pendidikan. Hasil analisis, beliau mendapati bahawa terdapat perbezaan antara kaedah drama dengan kaedah pendidikan tradisional. Berdasarkan dapatan yang diperoleh, implikasi penggunaan kaedah drama dalam perancangan dan haluan kurikulum adalah sangat memberangsangkan. Sebagai contoh, impak drama dalam pendidikan berkenaan penerimaan agama adalah berbeza mengikut persekitaran sekolah. Dapatan ini dapat dilihat melalui hasil penyelidikan temu bual, observasi, diari dan penilaian diri dalam kalangan peserta. Dapatan penyelidikan ini telah menyumbang kepada pengiktirafan drama dalam pendidikan sebagai alat metodologi pendidikan berkesan. Di samping itu juga, melalui kaedah drama proses pendidikan menjadi lebih bermakna dan membantu memperkasakan identiti budaya murid (yang datang dari pelbagai latar belakang dan perspektif) ke arah saling menghormati, saling memahami dan hidup berharmoni antara satu sama lain (Mavroudis & Kondoyianni, 2022). Dapatan tersebut merupakan pengukuhan daripada penyelidikan Mavroudis (2021) yang memperlihatkan drama dalam pendidikan merupakan kaedah pendidikan yang berkesan. Hal ini kerana berlakunya perkembangan holistik terhadap pertuturan, ekspresi dan hala tuju murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidikan Verstegen et al. (2021) menunjukkan pendidikan drama boleh digunakan sebagai satu bentuk rawatan psikiatri bertujuan untuk mengurangkan faktor risiko keganasan. Maka, penerangan dalam bentuk drama menggunakan tema rawatan psikiatri telah diadakan. Lima asas utama yang terdiri daripada pengalaman, pengetahuan, kebahagiaan, komuniti dan pesakit dijadikan sebagai dasar penyelidikan. Peserta menyatakan bahawa mereka telah menikmati pendidikan drama tersebut dan menjelaskan bahawa program tersebut mampu melatih kebolehan sosial-emosional mereka. Selain itu, pesakit dan kakitangan menjadi lebih rapat. Ini mengurangkan jurang hubungan antara pesakit dan kakitangan. Hasil daripada penyelidikan ini menunjukkan pendidikan drama boleh dibangunkan sebagai rawatan psikiatri forensik klinikal yang amat berkesan kerana mampu memberikan pengalaman positif kepada peserta.

Menurut Dai (2020), pada era globalisasi ekonomi, kreativiti manusia dan imaginasi merupakan sumber utama. Kemahiran kreatif telah menjadi keperluan yang ditekankan oleh negara. Menggunakan idea kreativiti kanak-kanak sekolah, sebuah kajian perbandingan antara drama dalam pendidikan dan penerokaan kreativiti kanak-kanak dalam pembelajaran bahasa Inggeris telah dijalankan. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa elemen utama drama dalam pendidikan telah membantu membina kreativiti kanak-kanak dalam pembelajaran bahasa Inggeris.

Xu et al. (2022) telah melaksanakan sebuah bengkel drama dalam pendidikan dengan menumpukan perhatian kepada aktiviti dramatik untuk golongan remaja. Kajian yang menggunakan konsep drama sebagai sebuah bentuk bimbingan pendidikan telah membuktikan bahawa perspektif pembangunan budaya dan psikologi telah mempengaruhi pemikiran golongan muda. Berdasarkan analisis mikro-genetik daripada pengalaman peserta dalam bengkel tersebut, tahap hierarki pengantaraan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semiotik dalam psikologi budaya telah dikenal pasti boleh membantu menggeneralisasikan domain afektif dan kognitif.

Kajian Bakare & James (2019) memperlihatkan bahawa kadar perlakuan agresif dalam kalangan remaja di dalam dan di luar persekitaran sekolah amatlah mengejutkan bagi masyarakat Nigeria. Kesan daripada kelakuan agresif golongan remaja ini menjadi kerisauan terhadap ibu bapa, pihak pentadbiran sekolah dan pihak-pihak penting dalam pendidikan Nigeria. Satu penyelidikan menggunakan drama dalam pendidikan telah dibangunkan bagi memahami senario dan faktor berlakunya kelakuan agresif dalam diri remaja. Penyelidikan ini melibatkan tiga puluh orang remaja merangkumi 13 (43%) orang lelaki dan 17 (57%) orang perempuan berumur antara 12 hingga 20 tahun di Ado-Ekiti di daerah Ekiti. Penemuan daripada penyelidikan ini menunjukkan penggunaan drama dalam pendidikan membantu pemahaman remaja berkenaan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kelakuan agresif mereka. Menerusi penyelidikan ini juga, langkah-langkah menangani permasalahan dilaksanakan sebagai usaha memperbaiki kelakuan agresif dan keganasan dalam kalangan golongan remaja. Penyelidikan yang mengaplikasikan pendidikan drama sebagai pemulihan kelakuan agresif dan keganasan dalam kalangan remaja ini ternyata telah berhasil mencapai kejayaan.

Van de Water (2021) dalam tulisannya membincangkan percanggahan antara aplikasi drama dengan teknik persembahan dalam pendidikan daripada perspektif teori kecerdasan seperti teori kecerdasan emosi dan pembelajaran berasaskan intelek. Beliau menghubungkaitkan antara aplikasi drama sebagai teori pengajaran dan pembelajaran alternatif berdasarkan kajian neurosaintifik terkini dengan membentangkan pendekatan integrasi dalam pengajaran dan pembelajaran yang mempromosikan penglibatan diversiti dan kesedaran sosial melalui pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kontekstual. Beliau berpendapat apabila kognitif dan emosi dianggap saling berkait, maka drama sebagai bahan pendidikan adalah penting. Perkara ini mencipta metafora dalam kehidupan kerana manusia menggunakan domain kognitif dan emosi. Kesenian dan kreativiti memainkan peranan yang penting dalam menggabungkan jasmani, emosi dan intelek. Hal ini kerana, apabila pembelajaran berlaku, intelek, emosi dan psikologi manusia akan sentiasa berhubung. Selain itu, beliau juga menghujahkan kepentingan drama dan persembahan dalam mengajar disiplin atau digunakan sebagai bahan bantu mengajar untuk pendidikan kanak-kanak. Dalam erti kata lain, Van de Water berpendapat bahawa tenaga pendidik, ahli neuropsikologi dan pakar teater dan drama harus bersatu dalam membuat pelaksanaan kaedah teater dan drama sebagai cara mempertingkatkan kemahiran berfikir individu.

Sementara itu, penyelidikan pedagogi drama yang dilakukan oleh Hallgren & Österlind (2019) mengusulkan murid dan guru untuk meneroka isi kandungan sesuatu bidang secara kolektif. Perkara ini didasarkan oleh inisiatif pendidikan sekolah menengah berdasarkan pedagogi drama dalam mata pelajaran Sivik. Proses drama boleh difahami sebagai dua aktiviti yang mempunyai perbezaan motif seperti pendidikan dan fiksyen yang harus mempunyai format yang menyeronokkan. Hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa pendekatan dialog yang digunakan di dalam pedagogi drama mewujudkan peluang demokratik yang membentuk format permainan. Penglibatan murid melalui aktiviti ini adalah sangat tinggi. Walau bagaimanapun, tidak ada soalan yang mencabar yang diajukan oleh guru atau murid dalam aktiviti ini. Akibatnya, objektif pembelajaran tidak dapat dicapai. Hallgren & Österlind (2019) telah mencadangkan agar guru mendalami dan memahami pedagogi drama secara lebih mendalam bagi mengembangkan potensi drama sebagai kaedah dalam pendidikan Sivik untuk mencapai objektif pembelajaran yang holistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidikan Jarrah (2019) bertujuan mengenal pasti impak pengaplikasian drama dalam pendidikan terhadap kemahiran hidup dan pemikiran reflektif. Hasil penyelidikan yang dijalankan menunjukkan bahawa drama dalam pendidikan mempunyai impak terhadap kemahiran hidup sewaktu beliau menjalankan aktiviti melatih kemahiran membaca dan mengira murid. Pendekatan yang digunakan membolehkan mereka mengenal pasti kekuatan dan kelemahan personaliti murid dengan menghubungkaitkan pembelajaran dengan pengaplikasian ilmu dalam kehidupan seharian. Hasil kajian membuktikan, drama dalam pendidikan dapat meningkatkan kemahiran pemikiran kreatif murid dalam membuat perbezaan antara kelebihan dan kekurangan sesuatu konsep.

Seterusnya, Pilgrim et al. (2020) pula membincangkan tentang pengalaman beliau sebagai penasihat terhadap latihan drama terapi melalui kaedah hibrid berteknologi terhadap pelajar sarjana peringkat rendah kohort dan tahun pertama di Universiti Lesley. Kerja kursus dalam program ini menggabungkan kebanyakan pembelajarannya secara dalam talian dan beberapa minggu pembelajaran secara bersemuka pada setiap tahun. Ini menandakan pendekatan tersebut bercanggah daripada pendidikan drama terapi secara tradisional. Cara pembelajaran jarak jauh memberi kesan kepada pelajar. Dalam refleksi tersebut, tema khusus yang berkaitan dengan teknologi, pengalaman, arahan kursus dan keseimbangan kerja dan kehidupan telah diperiksa melalui pendekatan drama terapi yang khusus melalui pengalaman yang dilalui mereka. Cadangan diberikan untuk perlaksanaan pendidikan drama terapi secara hibrid pada masa hadapan termasuk peningkatan penggunaan persidangan video, peningkatan latihan pengajar dalam talian dan penyelidikan lanjutan berdasarkan integrasi terapi drama ke dalam teknologi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Beare (2006), memperkenalkan a/r/tography sebagai sebuah metodologi penyelidikan seni yang menekankan kajian kehidupan melalui pemeriksaan antara ruang pembuatan/penyelidikan/pengajaran – *art making/research/teaching* (a/r/t). Walaupun a/r/tografi merangkumi semua seni, banyak penerbitan menumpukan pada seni visual dan kurang perhatian diberikan kepada teater dan drama. Namun, terdapat contoh pendekatan a/r/tografi yang dijalankan menerusi kaedah teater kepada murid sekolah menengah. Pertama, melalui perkongsian kisah pengajaran yang memudahkan seramai 109 orang murid teater menengah melalui proses penciptaan drama kolaboratif selama enam bulan yang dipanggil Projek Theater of Possibilities. Beare pada tahun 2006. Dapatan projek penyelidikan ini melebarkan pemikiran tentang bagaimana a/r/tografi mampu menyatukan amalannya sebagai seorang artis/penyelidik/guru teater menengah (a/r/t). Secara umumnya, a/r/tographer ialah sebuah metodologi yang menyiasat ruang luar biasa yang tidak dapat diramalkan. Oleh itu, kajian kendiri a/r/tografi tentang amalan pengajaran teater murid menengah dikonseptualisasikan melalui salah satu daripada enam terjemahan a/r/tografi: *contiguity*—atau dikenali sebagai ruang antara. Berdasarkan refleksi amalan a/r/tographic yang dijalankan, beliau membentangkan empat ruang di antara sepuluh kualiti yang dianggap penting semasa proses pembuatan seni iaitu ruang di antara latihan pusat murid/guru/persembahan/pusat pengeluaran; ruang di antara pencipta dan penciptaan; ruang antara persaingan dan kerjasama seterusnya ruang antara masalah teater bebas dan masalah teater inklusif. Perkara ini memperlihatkan kepentingan penglibatan pelakon muda kurang upaya dalam penyelidikan teater melalui kaedah penyelidikan inklusif. Data yang digunakan dalam projek penyelidikan yang diambil daripada 128 soal selidik dan temu bual kumpulan fokus dengan 21 orang kanak-kanak. Kajian ini mendedahkan bahawa sesetengah orang dewasa cuba mengenal pasti pelakon kurang upaya di atas pentas,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manakala kebanyakan kanak-kanak ditarik ke arena mistik naratif teater dalam persembahan(Gjærum & Rasmussen, 2010).

Catterall (2007) pula telah meneroka kajian dalam pembelajaran melalui drama berdasarkan teori kontemporari. Tujuan kajian ini untuk meneroka kandungan drama dramatisasi menerusi skop pemahaman interpersonal dan peribadi yang diperoleh melalui perkembangan sikap dan motivasi diri murid. Kajian ini dijalankan di dalam sebuah projek drama yang dibangunkan khas selama 24 minggu dan melibatkan penyertaan murid sekolah. Projek ini dijalankan bertujuan meningkatkan kemahiran penyelesaian konflik rakan sebaya. Murid-murid yang terlibat tersebut telah meneroka interaksi idea dan berfikir secara kreatif dan kritis. Mereka mencipta senario di mana konflik mungkin dapat diredakan. Hasil dapatan membuktikan murid boleh menulis, menghasilkan cerita, mengarah persembahan dan berlakon dengan sangat baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebaliknya, Allen et al. (1999) kajian penilaian yang dilakukan dalam program Teater dalam Pendidikan (TDP) telah menimbulkan beberapa persoalan menarik. Artikel ini menerangkan dan menganalisis proses penilaian fasa dua yang dinamakan sebagai projek Forbidden Fire. Projek ini merupakan sebuah projek Teater dalam Pendidikan Kesihatan yang dibangunkan oleh Syarikat Teater Rent-a-Role di Teater Barbican, Plymouth dan ia dijalankan di sekolah-sekolah rendah tempatan. Pendekatan kualitatif digunakan untuk meneroka beberapa kesukaran yang timbul untuk tujuan penilaian. Mereka menunjukkan apa yang boleh dilakukan dengan merujuk kepada penilaian projek Forbidden Fire yang telah dijalankan untuk jawatankuasa pengelola pelbagai agensi di Plymouth, UK. Sesi hujahan dibangunkan berdasarkan pengalaman seni menghasilkan kemunculan momen penghayatan kognitif menerusi projek ini. Pendekatan ini dikaitkan bagaimana TDP mampu menyumbang untuk menggalakkan pembangunan moral dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TDP juga turut berkembang dalam bentuk teater dokumentari. Menurut Jang (2021) trend teater dokumentari bukan sahaja terkenal dalam kalangan teater kontemporari, malah mempunyai pelbagai ciri yang kebanyakannya boleh dikaitkan dengan kehidupan murid dan masyarakat. Pelbagai isu dan implikasi pendidikan dapat dibincangkan melibatkan kemahiran berfikir murid. Melalui aktiviti ini, murid berupaya mengalami sesuatu yang agak estetik yang mungkin mereka terlepas pandang daripada pengalaman hidup dan pembelajaran sebelum ini. Penyelidikan ini telah memberi tumpuan kepada projek Die Ermittlung dan Motivasi Bertindak. Menerusi teater dokumentari tradisional, projek Die Ermittlung menangani isu sosial dengan cara memberi peluang untuk mengiktiraf masalah sosial secara kritis. Berdasarkan teater dokumentari yang dibangunkan itu, murid mempunyai motivasi untuk berlakon dan memperluaskan konsep teater dokumentari yang telah dibincangkan sebelum ini. Murid bukan sahaja boleh memperoleh pengetahuan tentang teater, tetapi mereka juga boleh merangsang daya imaginasi melalui aktiviti yang dijalankan. Di samping itu, murid berupaya menyelesaikan masalah dengan mengekspresikan diri mereka menggunakan kaedah imaginasi.

Penyelidikan yang dijalankan oleh Rahayu et al. (2021) pula membincangkan tentang beberapa kumpulan komuniti yang membuat persembahan dan bengkel teater boneka. Salah satu kumpulan komuniti tersebut ialah Komuniti Seni Teater Boneka yang berpusat di Kota Surabaya. Selain terkenal dengan komuniti teater dan pelbagai aktiviti seni, Surabaya juga dikenali sebagai Pusat Kota Pendidikan di Jawa Timur. Apa yang menarik dengan penyelidikan oleh Rahayu ialah beliau mengkaji perkaitan perkembangan dan fungsi teater boneka di Kota Surabaya. Menurut beliau, teater boneka dilihat mampu memainkan peranan yang besar di tempat tersebut. Hal ini kerana, teater boneka merupakan medium komunikasi terbaik untuk semua peringkat umur. Namun, aktiviti ini kurang dipersembahkan sehingga menyebabkan tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapat sambutan daripada masyarakat setempat. Rentetan itu, sebuah bangunan seni budaya yang dinamakan Sarana Seni Teater Boneka Kota Surabaya telah direka bentuk bertemakan seni bina Neo Vernakular dibangunkan untuk menarik semula perhatian masyarakat setempat terhadap teater boneka. Menurut beliau lagi, pembangunan teater ini diharapkan dapat menjadi wadah bagi seniman dan masyarakat untuk berkolaborasi dan mengembangkan bentuk teater yang melibatkan elemen tradisi dan moden ini sebagai medium pendidikan baharu dengan memartabatkan inti pati tempatan. Konsep landskap mikro yang berpusat di kawasan persembahan dipilih untuk menarik perhatian pengunjung untuk menonton persembahan tersebut. Reka bentuk Istana Joglo Jawa dengan gabungan bahan tempatan dibangunkan sebagai ikon seni teater boneka ini.

2.2 Kajian Teater dan Drama Dalam Pendidikan Dalam Negara

Setakat ini, penyelidik belum menemukan hasil kajian melibatkan pendidikan di peringkat sekolah yang menggunakan teknik lakonan khusus dalam pembentukan kemahiran berfikir dalam kalangan murid sekolah. Namun begitu, penyelidik telah menemukan beberapa kajian yang berkaitan dengan pengaplikasian kaedah teater dalam pendidikan di peringkat sekolah. Berikut merupakan antara kajian yang membuktikan keberkesanan penggunaan teknik teater atau drama terhadap peningkatan pembangunan murid daripada domain kognitif, psikomotor dan afektif.

Jalal, et.al., (2014) membuktikan bahawa keberkesanan aktiviti lakonan telah berjaya memupuk nilai murni dan perpaduan kaum dalam kalangan murid di Pekan Pahang. Hal ini dibuktikan dengan hasil dapatan dalam kajian mereka yang menunjukkan telah berlakunya amalan nilai murni dalam kalangan murid. Kajian ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai lapan dapatan penting iaitu murid berupaya mengamalkan sikap bertanggungjawab dalam menjalankan amanah, menghormati arahan ketua, jujur, bekerjasama mencapai matlamat serta menghayati dan menghargai budaya masyarakat berlainan agama dan bangsa, murid berupaya mengaplikasikan kemahiran berfikir ke arah kebaikan, kebenaran, kehalusan budi pekerti, kesantunan bahasa, kecekalan hati, keindahan seni dan sekali gus menghargai kehidupan serta nilai kemanusiaan, murid berupaya berkomunikasi dengan baik dan meningkatkan tahap kecekapan dalam pemikiran dan pertuturan mereka, murid berupaya mengukuhkan lagi semangat kenegaraan, murid berupaya membentuk sifat kepimpinan, persefahaman,bertoleransi dan bekerjasama antara satu sama lain dalam kumpulan, murid berupaya melatih diri menjadi warganegara yang berdikari, tabah, sabar, bertoleransi dan berdisiplin, murid berupaya menyedari tentang kepentingan kerohanian berdasarkan prinsip Rukun Negara serta murid berupaya memupuk diri ke arah cintakan keharmonian perpaduan kaum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, kajian teater dalam pendidikan juga turut dilakukan oleh Azani Ismail, et.al., (2012) yang menggunakan aktiviti lakonan sebagai instrumen dan strategi untuk mengatasi masalah pembelajaran khususnya masalah bertutur mata pelajaran bahasa Arab. Kajian ini melibatkan responden seramai 30 orang murid tingkatan empat Sekolah Menengah Agama Kuala Lumpur. Hasil dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa penggunaan aktiviti lakonan telah menunjukkan kesan yang ketara kepada murid khususnya dalam peningkatan tahap penguasaan Bahasa Arab. Terdapat beberapa aktiviti yang jelas menunjukkan penggunaan elemen teater dalam kajian tersebut seperti menulis, mengolah skrip dan cerita dalam kumpulan, menzahirkan skrip dan cerita dalam bentuk lakonan serta berbual dalam kelompok kecil melalui aktiviti lakonan. Hasilnya, pengkaji telah menemukan lima dapatan kajian iaitu murid dalam keadaan bersedia dan mampu melakukan setiap aktiviti, murid dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menguasai Bahasa Arab dengan lebih baik, komunikasi murid yang semakin baik dan berkesan, merangsang daya kreativiti murid, tahap kemampuan psikolinguistik murid (iaitu sikap, personaliti dan motivasi) telah berjaya dibina.

Seterusnya, satu kajian kuantitatif yang telah dijalankan oleh Jamian, et.al., (2016) menjelaskan tentang perkaitan penggunaan teknik teater dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kajian tersebut bermatlamat untuk mengenal pasti strategi dan teknik lakonan untuk meningkatkan tahap penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah menengah. Sebanyak 80 orang responden di beberapa buah sekolah menengah di kawasan Putrajaya telah terlibat dengan kajian ini. Dapatan kajian telah menunjukkan strategi dan teknik pengajaran penulisan karangan yang menggunakan teknik didik hibur mencatatkan keputusan min 3.16 (S.P=0.68). Hal ini membuktikan bahawa teknik didik hibur yakni elemen teater yang diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dapat meningkatkan tahap penguasaan penulisan karangan dalam kalangan murid. Selain itu, mereka juga menyatakan bahawa aktiviti elemen lakonan dalam teknik didik hibur yang berfokus dalam kumpulan murid memerlukan tempoh masa yang sesuai dan fleksibel. Justeru, selain berlakunya peningkatan kemahiran mengarang dalam kalangan murid juga dinyatakan berasa seronok dan aktif sepanjang beraktiviti. Hal ini kerana berlangsungnya pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid yang secara tidak langsung mengekalkan motivasi mereka dan menggerakkan minda mereka untuk mencapai matlamat dalam menghasilkan idea yang lebih menarik. Elemen teater atau drama yang diguna pakai dalam kajian tersebut seperti elemen bercerita, meneroka idea melalui aktiviti tontonan drama serta melakonkan sesuatu watak dan menghasilkan karangan berdasarkan aktiviti lakonan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti lakonan yang dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran telah meningkatkan kemahiran penguasaan menulis karangan Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melayu. Selain itu, aspek perbendaharaan kata dan pengukuhan pemahaman yang semakin baik dapat dikuasai oleh murid. Murid juga dapat mengujarkan suku kata dengan sebutan dan intonasi serta mimik muka yang jelas dan bermakna di samping menggunakan gerak geri, bahasa badan yang tersendiri serta kreatif melalui aktiviti lakonan.

Begitu juga halnya dengan Irmawati Mascom (2012) dalam penyelidikannya bertajuk Drama Sebagai Pedagogi dalam Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Singapura telah membuktikan bahawa penggunaan unsur drama atau teater telah menunjukkan keberkesanan daripada segi pembelajaran secara holistik dalam kalangan murid. Hal ini disokong dengan dapatan kajian beliau yang mencatatkan peningkatan markah murid dalam pra ujian dan pasca ujian. Dapatan yang menunjukkan berlakunya kemajuan murid membuktikan bahawa kaedah drama atau teater merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan memberikan impak besar dalam menambah nilai hasil pembelajaran murid. Lima tahap pembelajaran melalui aktiviti drama yang telah digunakan oleh Irmawati Mascom ialah tahap penglibatan, tahap penerokaan, tahap penerangan, tahap penjelasan dan tahap penilaian. Pada fasa tahap penglibatan, pelajar didedahkan dengan aktiviti drama untuk merangsang, menarik minat dan kepercayaan mereka untuk melakukan aktiviti permainan watak. Fasa kedua pula melibatkan tahap penerokaan yang akan menjuruskan pelajar terlibat secara aktif dalam aktiviti drama dengan melakonkan watak yang dramatik. Semasa melalui proses ini, idea dan pengalaman murid secara langsung terjana dan berkembang hasil penerokaan bersama rakan-rakan yang lain. Seterusnya fasa ketiga meliputi tahap penerangan. Fasa ini terbina daripada hasil pengalaman melalui penerokaan pembelajaran aktiviti drama. Justeru, murid akan menceritakan kembali dan berkongsi pengalaman tentang apa yang dilalui semasa proses beraktiviti. Setelah itu, fasa keempat iaitu tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penjelasan akan memfokuskan kepada keupayaan murid dalam menjelaskan dengan lebih terperinci perkara-perkara yang telah dilakukan. Penjelasan lebih berfokus kepada idea dan pendapat berkenaan kefahaman dan rumusan mereka semasa menjalani aktiviti drama. Setelah menjalani empat fasa ini, maka fasa terakhir merujuk kepada tahap penilaian pula melibatkan penulisan penilaian hasil pembelajaran. Pada tahap ini, pelajar dikehendaki menulis penilaian hasil pembelajaran mereka dalam bentuk jurnal. Berdasarkan hasil kajian-kajian yang telah dibincangkan di atas, jelaslah bahawa aktiviti teater dalam pengajaran dan pemudahcaraan di sekolah telah menyumbang kepada pembangunan pendidikan yang berguna kepada sistem pendidikan kebangsaan. Kemenjadian dan keberhasilan kualiti peningkatan akademik murid bukan sahaja berjaya diraih daripada aspek kognitif, malah turut dicapai daripada aspek psikomotor dan afektif.

05-4506832 tbupsi

Hasil kajian dari Thambu & Balakrishnan (2014) membuktikan bahawa teater forum boleh menjadi teknik pengajaran yang berkesan untuk merangsang dan meningkatkan kesedaran dan pengiktirafan pelajar terhadap emosi mereka sendiri dalam menyelesaikan isu moral. Kajian ini menjelaskan bahawa usaha bagi melahirkan insan berakhlak menjadi keutamaan penting dalam kurikulum dan sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia. Sehubungan itu, penggunaan teknik pengajaran yang boleh merangsang perkembangan akhlak dalam kalangan pelajar menjadi tumpuan kepada kajian ini. Oleh itu, kajian ini telah memperkenalkan kaedah alternatif pengajaran dalam pendidikan moral menggunakan teater forum sebagai teknik pengajaran untuk mengembangkan emosi moral dalam kalangan murid sekolah menengah. Maka, penyelidik telah menggunakan kajian tindakan untuk mengumpul data yang berkaitan. Seramai 18 orang peserta terlibat dalam kajian ini. Data dikumpulkan melalui pemerhatian, temu bual kumpulan fokus, catatan jurnal dan rakaman video.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Thambu et al. (2020) menyatakan bahawa kekuatan teater forum dalam pendidikan dan pelbagai bidang lain sememangnya diketahui oleh warga pendidik. Namun penggunaan teater forum di Malaysia khususnya dalam bidang pendidikan moral masih terhad. Pada masa yang sama, pembangunan kemahiran berfikir merupakan salah satu matlamat kurikulum pendidikan moral Malaysia. Oleh itu, kajian ini mengkaji penggunaan teater forum sebagai alat pedagogi dalam membangunkan pelbagai tahap kemahiran berfikir dalam kalangan murid pendidikan moral. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif dan disokong oleh Taksonomi Bloom yang disemak semula sebagai kerangka teori dan analisis. Seramai 14 orang pelajar pendidikan moral telah menyertai kajian ini. Data dikumpulkan secara kualitatif menggunakan pemerhatian bilik darjah, temu bual dan penulisan jurnal. Analisis matematik digunakan untuk menganalisis dan membentangkan dapatan. Penemuan menunjukkan bahawa pelbagai aktiviti teater yang menyokong empat elemen teater forum: (i) menulis skrip, (ii) menyampaikan dialog dalam drama anti-model, (iii) perbincangan dan membuat keputusan dalam sesi forum dan (iv) improvisasi dalam lakonan intervensi, telah menunjukkan perkembangan kemahiran berfikir murid pada tahap menganalisis, menilai dan mencipta. Oleh itu, kajian ini mencadangkan bahawa teater forum boleh digunakan dalam pedagogi pendidikan moral untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi. Pedagogi instruksional Kepentingan-Bermakna mesti memberi inspirasi kepada kemahiran berfikir untuk memupuk kreativiti dan inovasi dalam kalangan pelajar. Ini dianggap sebagai kemahiran penting dalam pembelajaran abad ke-21. Thambu juga merumuskan bahawa kajian ini bermanfaat kepada guru, pensyarah, ibu bapa dan pereka bentuk pengajaran yang ingin merancang dan melaksanakan kaedah pengajaran yang sesuai seperti teater forum untuk memperkasa dan meningkatkan tahap kemahiran berfikir pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Raju (2020) pula menjalankan penyelidikan menggunakan teater forum dengan menerapkan Pendekatan Prihatin Noddings dalam Pendidikan Moral. Penyelidikan ini melibatkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral tingkatan satu (1). Tujuan penyelidikan ini dijalankan untuk menyiasat perkembangan penaakulan, emosi, dan amalan moral penyayang. Kajian ini yang melibatkan murid Pendidikan Moral dengan menggunakan reka bentuk kajian tindakan. Hanya 27 orang murid dari dua buah kelas telah dipilih sebagai peserta kajian. Temu bual, nota pemerhatian, dan catatan jurnal digunakan untuk mengumpul data kualitatif.

Dapatan temu bual kitaran pertama berdasarkan situasi penderaan haiwan menunjukkan luahan emosi seperti kesedihan, simpati dan empati murid dengan menggunakan penaakulan moral. Kitaran kedua pula menggunakan tema kemarahan ibu terhadap anak atas kecuaian anak. Kitaran satu menunjukkan tindak balas emosi murid yang melahirkan rasa bersalah dan malu. Melalui kitaran dua, murid juga telah meluahkan rasa bersalah dan insaf. Kesimpulannya, dapatan empirikal kajian menunjukkan bahawa teknik Teater Forum yang digunakan oleh guru dalam Pendidikan Moral telah meningkatkan proses penaakulan moral murid dengan memaparkan aspek pemikiran dan emosi prihatin seperti perasaan insaf, puas, gembira, bersalah dan malu.

Selain itu, Hussin (2017) dalam kajiannya juga menunjukkan kaedah teater forum boleh dijadikan sebagai sebuah terapi sosial. Orang ramai bukan sahaja digalakkan untuk menonton teater tersebut tetapi juga untuk mengambil bahagian di dalamnya dan menghasilkan idea serta bersama-sama mencari idea untuk menyelesaikan masalah tersebut. Di samping memberi murid pilihan dan cara untuk menyelesaikan masalah, teater forum juga memberi peluang kepada murid untuk bercakap dengan diri mereka sendiri dan meluahkan emosi dan perasaan dengan cara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang sesuai. Di bawah nama "Power Play," "Teater Revolusi," dan "Teater untuk Perubahan Sosial", teater forum telah mendapat sambutan yang baik di negara-negara Eropah. Beberapa kaedah terapeutik lain, seperti psikodrama dan Teater Main Semula, ia digunakan untuk membuat perubahan dan penyesuaian kepada pendekatan sedia ada supaya ia boleh digunakan di Malaysia. Bengkel bersama remaja bermasalah telah diadakan di dua buah pusat pemulihan yang dinamakan Sekolah Tunas Bakti (STB) bagi menguji sejauh mana pendekatan tersebut berfungsi. Keputusan kedua-dua bengkel ini telah dilihat dan dianalisis, dan pendekatan baharu yang sesuai dengan keadaan di Malaysia telah dibuat. Hasilnya akan menjadi panduan kepada sistem pendidikan Malaysia yang ingin menggunakan teknik tersebut pada masa hadapan.

Aktiviti pembelajaran berkonsepkan produksi teater merupakan aktiviti yang melibatkan proses gerak kerja seni. Penghasilan produksi teater ini memerlukan perancangan dan pelaksanaan yang sistematik. Sehubungan itu, kajian ini membincangkan kewajaran produksi teater diaplikasikan dalam pembelajaran genre drama menerusi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif. Implikasi pelaksanaan produksi teater bukan sahaja dapat memupuk pengalaman sosial dan sikap kerjasama antara satu sama lain, malah berupaya menarik minat pelajar dalam mempelajari genre drama. Teater atau drama dalam pendidikan makin dikenali di negara kita terutamanya dalam konteks pendidikan dan penglibatan kokurikulum di sekolah. Walau bagaimanapun, pendekatan Produksi Teater dalam pembelajaran drama masih belum dikenali. Justeru, pendekatan ini wajar dilaksanakan agar mampu diterima oleh pihak guru dan pelajar serta dapat diaplikasikan melalui pembelajaran drama di sekolah (Mohd Amir Mohd Zahari et al., 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Kamarudin (2015) pula menerangkan penggunaan teater membaca (RT) yang digunakan dalam pendekatan bilik darjah bertujuan untuk mengajar komponen kesusasteraan Bahasa Inggeris murid menengah rendah. Matlamat kajian ini adalah untuk melihat bagaimana pendekatan tersebut dapat meningkatkan kefahaman murid terhadap teks sastera serta motivasi mereka untuk mempelajari sastera. Seramai 20 orang pelajar dari sekolah seluruh Malaysia terlibat dengan kajian ini dengan menggunakan RT untuk mementaskan Angela Wright's Potato People, iaitu sebuah teks sastera tingkatan dua. Prosedur dan reka bentuk kajian adalah berdasarkan Model Pembelajaran Pengalaman Kolb (1984). Dapatan pembelajaran sastera pelajar dikumpulkan menggunakan pelbagai instrumen pada pelbagai peringkat untuk membandingkan peningkatan kefahaman dan motivasi. Sebelum menggunakan RT, pelajar diberi ujian pra, soal selidik, dan temu bual untuk menilai kefahaman dan motivasi mereka untuk belajar tentang sastera.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

De Silva (2018) menjalankan penyelidikan untuk menonjolkan kepentingan program drama sebagai alat untuk memupuk kemahiran insaniah. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti komponen dalam program drama yang secara langsung memupuk kemahiran insaniah dalam diri murid. Objektif yang kedua bagi kajian ini adalah untuk membanding bezakan kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan murid sebelum dan selepas tamat pengajian program drama. Metodologi penyelidikan adalah kualitatif dan bergantung kepada temu bual dengan fasilitator dan peserta serta pemerhatian sepanjang program drama. Kajian literatur tertumpu kepada bagaimana komponen drama dalam pendidikan berkait dengan objek kajian, iaitu Akademi The Actors Studio. Buku-buku dan bahan-bahan daripada ulasan literatur menyatakan bahawa The Actors Studio Academy menggunakan teknik inkuiri drama. Tumpuan kajian ialah kemahiran insaniah dalam kalangan anak muda Malaysia dan bagaimana kursus di The Actors Studio membantu memupuk kemahiran insaniah dalam kalangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid. Penyelidikan berusaha untuk mencapai tiga domain iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Dapatan akhir menunjukkan tindak balas positif terhadap hipotesisnya, iaitu; program drama di The Actors Studio Academy telah berjaya memupuk kemahiran insaniah dalam kalangan murid.

Alharthi (2011) pula telah meneroka bagaimana drama kreatif dan bercerita memberi impak kepada peningkatan kemahiran berfikir dalam kalangan murid-murid Masalah Pembelajaran (LD). Kajian ini juga menyiasat bagaimana drama kreatif dan bercerita boleh membantu kanak-kanak LD untuk belajar. Kajian yang dilakukan terhadap murid di sekolah rendah terkenal di Jeddah, Arab Saudi. Sekolah rendah tersebut terkenal kerana mengikuti pandangan inklusif dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Data dikumpulkan daripada lima orang kanak-kanak LD yang mendaftar di sekolah. Reka bentuk kajian kualitatif telah digunakan dalam tempoh lapan minggu untuk meneroka bagaimana drama dan penceritaan kreatif akan mewujudkan persekitaran di mana kanak-kanak LD boleh menggunakan kemahiran berfikir mereka dan mengambil bahagian dalam kerja kumpulan yang meningkatkan keupayaan kanak-kanak LD untuk belajar. Data dikumpulkan melalui pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Analisis data tersebut menunjukkan bahawa berlaku peningkatan secara positif dalam pembelajaran dan dalam menggunakan kemahiran berfikir murid terlibat. Kajian ini turut memberi penerangan tentang cara guru menggunakan drama kreatif dan bercerita untuk mewujudkan persekitaran yang membantu setiap murid LD belajar sekali gus meningkatkan kemahiran berfikir murid LD. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar melalui kaedah pengajaran kreatif dibangunkan sebuah program Pembelajaran Kurang Upaya bagi meningkatkan kemahiran berfikir murid yang berkeperluan khas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Kajian Aspirasi Murid dan Kemahiran Berfikir

Suhaimi (2018) telah menghasilkan sebuah kajian rintis tentang penggunaan aktiviti lakonan dari teknik observasi dari Method Acting Stanislavski sebagai pengukuhan kepada kemahiran berfikir. Pertama ialah pemikiran kreatif yang menumpukan kepada kesedaran dan kefahaman tentang bagaimana seseorang pelakon (murid yang terlibat) beremosi, berkomunikasi, berfikir, dan berkelakuan untuk mencipta watak yang meyakinkan. Komponen kedua ialah penaakulan dan pemikiran kritis. Tindakan melihat, memahami dan menganalisis tindak balas, interaksi dan komunikasi masyarakat dan individu sebenar dengan sentimen, emosi dan empati akan menjadi fokus utama kajian. Faktor ketiga ialah faktor kebolehan murid. Elemen ini menekankan kepada keupayaan pemikiran dan penilaian yang munasabah, logik dan rasional berdasarkan pemerhatian kerohanian, sikap, dan nilai untuk menyatakan dan menyampaikan pendapat, idea, dan fakta dengan yakin. Sembilan orang pelajar telah dipilih oleh pengkaji sebagai sampel kajian rintis yang telah dijalankan pada 26 April 2018, di SMKDHMNA. Berdasarkan pencapaian markah daripada aktiviti pengukuhan yang dijalankan, kajian rintis ini menunjukkan bahawa meningkatkan kemahiran berfikir melalui penggunaan teknik teater merupakan kaedah atau strategi yang berkesan yang akan menyumbang kepada pembangunan alternatif pengajaran yang inovatif pada masa hadapan. Selain itu, penerapan kemahiran berfikir melalui integrasi teater ke dalam pendidikan membolehkan penyampaian maklumat menjadi lebih jelas, lebih bermakna dan lebih menyeronokkan. Untuk menarik perhatian murid untuk belajar, adalah perlu untuk memupuk persekitaran pembelajaran yang kreatif di sekolah. Oleh itu, aktiviti teater dilihat sebagai medium yang sesuai digunakan dalam suasana pendidikan. Selain dapat menyampaikan mesej secara langsung, aktiviti teater juga memberi pengalaman yang menyeronokkan kepada murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Poh Swee Hang (2000) mendefinisikan pemikiran kreatif sebagai suatu pemikiran produktif yang melibatkan penjanaan, sintesis idea menjadi satu hasil yang baru, asli dan luar biasa. Pemikiran kreatif juga boleh diertikan sebagai penggunaan operasi berfikir proses menggunakan daya fikir yang paling asas untuk dikembangkan bagi mencipta idea dan hasil yang baharu, estetik dan membina. Othman (1994) pula mempunyai pendapat yang tersendiri tentang pemikiran kreatif. Beliau menyatakan bahawa pemikiran kreatif berlakunya apabila adanya proses memerhati, melihat, mencerap, menganalisis, mengolah dan mensintesiskan secara bersistematik. Tambah beliau lagi, seseorang pemikir yang kreatif akan mengambil iktibar tentang apa yang diperhatikannya lalu membuat kesimpulan dan rumusan. Hal ini sekali gus dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan sedia ada. Poh Swee Hiang (2000) menyatakan terdapat empat ciri pemikiran kreatif yang dikenal pasti iaitu keberanian, imaginatif, perkembangan idea dan reka cipta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Sulaiman, et.al, (2011) mentakrifkan pemikiran kreatif sebagai keupayaan memperluas dan mengembangkan daya imaginasi, kreativiti dan inovasi untuk memperoleh idea baharu atau ciptaan yang asli. Hal ini, merangkumi kemahiran menjana dan menghasilkan idea yang inovatif atau ciptaan yang asli seperti mencipta metafora, analogi atau definisi. Merujuk Kementerian Pendidikan Malaysia dalam standard asas pembelajaran abad ke- 21, pemikiran kritis berlaku apabila adanya penerokaan terhadap pemikiran untuk tujuan menilai sesuatu idea secara logik dan rasional melalui pertimbangan wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Chaffee (2010) menjelaskan pemikiran kritis merupakan proses meneroka pemikiran yang teliti untuk memperjelaskan pemahaman dan membuat keputusan yang lebih bijak. Manakala, Fisher (2001) memetik definisi pemikiran kritis daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Robert Ennis iaitu pemikiran kritis merupakan pemikiran reflektif dan munasabah yang berfokus dalam menentukan apa yang harus dipercayai atau dilakukan. Selain itu, Fisher juga ada menyatakan bahawa pemikiran kritis ialah cara pemikiran tentang subjek, kandungan atau masalah. Tambahnya, pada tahap tersebut seseorang pemikir akan meningkatkan kualiti tahap pemikirannya dengan menggunakan pengetahuan sedia ada untuk mencetuskan daya intelektual mereka.

Beyer (1995) menyatakan bahawa perkataan kritis berasal daripada perkataan Yunani iaitu *kriterion* yang bererti penanda aras untuk membuat keputusan yang melibatkan pemikiran kognitif tahap tinggi meliputi empat ciri iaitu pemikiran reflektif, pemikiran kreatif, penyelesaian masalah dan membuat keputusan yang relatif. Sementara itu, Hyram (1957) mengaitkan pemikiran kritis dengan keupayaan penaakulan logikal yang merangkumi aktiviti-aktiviti mental bagi tujuan merumuskan kesahan, melakukan tunjuk cara dan menyusun pengetahuan secara teratur. Harnadek (1981) pula menyatakan terdapat sembilan ciri individu pemikir kritis iaitu berfikiran terbuka, tidak berhujah tentang perkara yang tidak diketahui, peka dengan penggunaan maklumat tambahan apabila diperlukan. dapat membezakan rumusan yang mungkin atau pasti benar, sedar bahawa setiap manusia mempunyai pandangan berbeza, berusaha mengelakkan diri daripada membuat kesalahan dalam penaakulan, bertanya soalan yang tidak munasabah, cuba membandingkan pemikiran emosi dan pemikiran logikal dan berusaha untuk memperbanyakkan penguasaan perbendaharaan kata agar memahami persoalan daripada orang lain agar dapat menyatakan idea secara jelas dan terperinci.

Selain itu, Lipman (1988) menyatakan bahawa pemikiran kritis adalah bersifat sensitif terhadap sesuatu isu yang membentuk kendiri seseorang individu. Ennis (1962) pula membincangkan pemikiran kritis sebagai proses penaksiran yang tepat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap sesuatu penyataan. Tambah Ennis lagi, pemikiran reflektif dan logik merupakan aspek utama dalam proses menentukan perkara yang harus dipercayai dan perkara yang boleh dibuat. Beliau turut menyenaraikan sebanyak 12 aspek pemikiran kritis dalam membuat penilaian iaitu mencari makna kepada sesuatu penyataan, mengetahui wujudnya kekaburan dalam proses penaakulan, menentukan kewujudan percanggahan antara penyataan, menentukan keperluan susulan kesimpulan, menentukan pemerincian sesuatu penyataan, menentukan kewajaran apabila menggunakan sesuatu prinsip, menentukan kesahan sesuatu penyataan pemerhatian *(obsevation statement),* menentukan kebenaran kesimpulan induktif, mengenal pasti permasalahan, menentukan andaian, menentukan keperluan definisi dan memahami arahan.

Chiodo & Tsai (1995) pula menemukan empati jenis kemahiran yang wujud dalam proses pemikiran kritis dalam kajian Ennis (1987) iaitu kemahiran asas, kemahiran membuat inferens, kemahiran penjelasan dan kemahiran menyelesaikan masalah. Secara keseluruhannya Ponniah (2017) meringkaskan bahawa pemikiran kritis merupakan pola kepada pemikiran kognitif yang mendalam yang bukan sahaja memerlukan seseorang individu untuk membuat keputusan dan mempertimbangkan secara teliti dan serius, malah memerlukan pemikir membuat penilaian yang rasional tentang idea, objek, kejadian serta memiliki nilai untuk membuat sesuatu keputusan.

Duatepe-Paksu & Ubuz, (2009) telah menjalankan kajian perbandingan terhadap kesan pengajaran antara teater dan drama dengan pengajaran cara konvensional. Kajian yang menumpukan mata pelajaran matematik melibatkan tajuk geometri. Sampel penyelidikan melibatkan 102 orang murid gred 7 dari sebuah sekolah awam. Hasil dapatan kajian mendedahkan bahawa pengajaran berasaskan teater dan drama mempunyai kesan yang signifikan terhadap pencapaian murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengajaran berasaskan drama menjadikan pembelajaran dalam mata pelajaran matematik menjadi mudah dan pemahaman lebih baik. Hal ini kerana teknik teater dan drama yang digunakan iaitu main peranan telah menyumbang kepada hasil dapatan tersebut. Selain itu juga aktiviti yang dilakukan secara kolaboratif dan komunikasi berkesan dalam teater dan drama menjadikan murid aktif dan seronok mengikuti proses pembelajaran.

Sebuah kajian telah dijalankan untuk mengetahui kemahiran berfikir kritis dan kreativiti murid serta hubungan antara kemahiran berfikir kritis dengan kreativiti murid program pengajian Pendidikan Biologi, STKIP PGRI di Sumatera Barat. Kajian ini melibatkan 70 orang murid yang mengikuti kursus Taksonomi Tumbuhan. Reka bentuk kajian korelasi telah digunakan dalam kajian ini. Data diperoleh menggunakan ujian bertulis yang mengandungi sepuluh soalan esei. Soalan-soalan tersebut terdiri daripada lima (5) soalan esei kemahiran berfikir kritis dan lima soalan esei tentang kreativiti. Kemahiran berfikir kritis dinilai berdasarkan lima aspek iaitu: mengaplikasikan, menilai, menggunakan data untuk membangunkan pandangan kritis, menganalisis dan mensintesiskan. Kreativiti dinilai berdasarkan lima aspek: rasa ingin tahu, kelancaran, keaslian, penghuraian, dan fleksibiliti. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan diteruskan dengan analisis korelasi *product-moment* dengan analisis regresi untuk menentukan hubungan antara pemikiran kritis dan kreativiti. Keputusan menunjukkan bahawa murid mencapai markah rendah dalam pemikiran kritis dan kreativiti. Oleh itu, adalah perlu untuk memperkasakan murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif untuk mencapai prestasi akademik yang lebih baik. Juga, terdapat korelasi positif antara pemikiran kritis dan kreativiti dengan pola regresi linear $Y = 0.599 X + 14.282$. Memandangkan hubungan yang kukuh antara pemikiran kritis dan kreativiti, proses pembelajaran harus direka bentuk secara terancang dan berterusan (Rosba et al., 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Siburian et al., (2019) pula telah menjalankan kajian korelasi untuk mendedahkan perkaitan antara pemikiran kritis dan kemahiran berfikir kreatif terhadap hasil pembelajaran kognitif muird dalam strategi pembelajaran inkuiri dan untuk mendedahkan sumbangan kemahiran berfikir kritis dan kemahiran berfikir kreatif terhadap hasil pembelajaran kognitif murid. Hasil kajian menunjukkan bahawa: (1) terdapat perkaitan yang signifikan antara kemahiran berfikir kritis dan kemahiran berfikir kreatif terhadap hasil pembelajaran kognitif, (2) sumbangan kemahiran berfikir kritis dan kemahiran berfikir kreatif secara serentak terhadap hasil pembelajaran kognitif ialah 72.80%, (3), sumbangan berkesan kemahiran berfikir kreatif dan kritis kepada hasil pembelajaran kognitif masing-masing ialah 64.91% dan 7.89%.

Matlamat kajian yang dijalankan oleh Lin (2010) adalah untuk mengkaji bagaimana drama memupuk kreativiti harian kanak-kanak, hubungannya dengan pedagogi kreatif, dan apa yang guru boleh sediakan untuk perkembangan kreativiti kanak-kanak dalam konteks Asia. Satu siri pendidikan drama telah direka dan diajar kepada dua buah kelas enam darjah (11–12 tahun) dengan melibatkan strategi pedagogi yang memupuk kualiti pemikiran. Pandangan murid yang terlibat mengenai pendidikan drama dan pedagogi yang digunakan dikumpulkan melalui diari, lembaran respons, dan temu bual kumpulan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid menganggap drama berguna dalam membangunkan kebolehan dan kualiti kreatif tertentu, seperti imaginasi, pemikiran bebas dan mengambil risiko. Murid membuktikan strategi yang digunakan menerusi pendekatan drama telah mengembangkan kreativiti mereka dalam pelaksanaan tugasan dan pembelajaran kolaboratif menerusi bimbingan guru. Murid juga mengenal pasti dan menyenaraikan lima ciri pengajaran kreatif dalam drama yang disukai iaitu bermain, inovasi, fleksibiliti, ruang dan pembelajaran mendalam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun kebanyakan murid menyampaikan keseronokan mereka terhadap pelajaran, ramai di antara mereka mendapati cara pembelajaran melalui drama sedikit sukar. Mereka juga mengulas tentang strategi yang digunakan oleh drama mengakibatkan autonomi dan kebergantungan kepada guru hilang. Berdasarkan penemuan ini, Lin telah memberi cadangan kepada guru Taiwan serta Asia lain untuk mempromosikan kreativiti melalui pedagogi kreatif.

Alfonso-Benlliure et al., (2021) membuktikan pembelajaran drama boleh memberi peluang pembelajaran kepada golongan remaja dan dewasa muda yang boleh membantu mereka mengembangkan kemahiran kreatif dan sosio-emosi. Menerusi aktiviti temu bual dan perbincangan dalam kumpulan, pelajar drama ini diberi peluang untuk bercakap tentang pengalaman mereka. Pelajar juga telah menerangkan faedah dan ekspresi kreatif dan emosi yang mereka rasai dan terima daripada pengajian mereka. Alfonso-Benlliure juga menyelidik sama ada penglibatan dari semasa ke semasa menerusi drama menyumbang kepada rangsangan tingkah laku kreatif dan sosio-emosi dalam kalangan remaja. Kajian ini membandingkan tahap kreatif dan sosio-emosi remaja dan dewasa muda yang menyertai pengajian drama. Pelajar yang terlibat dalam penyelidikan ini terdiri daripada mereka yang telah menduduki pengajian ini selama dua tahun, kurang dua tahun dan mereka yang tidak mempunyai pengalaman. Sampel kajian terdiri daripada 222 orang muda berumur antara 13 dan 21 tahun. Dapatan yang dianalisis untuk sampel ini menunjukkan mereka yang telah menduduki pengajian dalam pembelajaran drama selama dua tahun atau lebih menunjukkan tahan perkembangan kefasihan, fleksibiliti, keaslian dan kreativiti yang lebih tinggi daripada mereka yang penyertaannya kurang atau tiada. Tiada perbezaan yang ketara dalam kemahiran sosio-emosi dicatatkan berhubung dengan darjah penyertaan yang berbeza.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Kajian Konstruktivisme

Zainal Abidin Zainuddin dan Afrinaleni Suardi (2010) telah menjalankan kajian kuantitatif dengan menyelidik keberkesanan kaedah konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik di sekolah Daerah Mersing. Seramai 40 orang responden iaitu murid tingkatan satu mencatatkan prestasi sederhana dalam mata pelajaran matematik. Hasil daripada tinjauan menunjukkan murid tidak memberi tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran, tidak memahami kehendak soalan serta lemah menjawab soalan yang melibatkan penggunaan formula. Justeru, pengkaji telah membahagikan sampel kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimental (melaksanakan kaedah konstruktivisme) dan kumpulan kawalan (melaksanakan kaedah tradisional). Hasil data yang diperoleh kemudiannya dianalisis dengan ujian untuk mendapatkan perbezaan terhadap penggunaan kaedah konstruktivisme dan kaedah tradisional. Perolehan hasil dapatan akhir menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap kumpulan eksperimen kerana berlakunya peningkatan sebanyak 15 peratus sekali gus menunjukkan bahawa pendekatan konstruktivisme merupakan pendekatan yang berkesan dan sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran matematik di dalam bilik darjah.

Begitu juga halnya dengan kajian oleh Syahida Nadia Zakaria (2015). Beliau turut menggunakan dua pendekatan yang berbeza dalam kajian mereka. Pendekatan yang digunakan ialah pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional yang diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera mata pelajaran Bahasa Melayu. Seramai 66 orang murid tingkatan dua menjadi responden dari sebuah sekolah di daerah Kluang telah terlibat. Murid telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen menggunakan pendekatan konstruktivisme dan kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan tradisional. Hasilnya, dapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian murid dalam ujian pra bagi kedua-dua pendekatan. Namun begitu, terdapat perbezaan dalam ujian pasca kerana kumpulan eksperimen menunjukkan min markah yang lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan. Hal ini demikian jelas menunjukkan pendekatan konstruktivisme dapat membantu murid mempelajari komponen sastera mata pelajaran Bahasa Melayu.

Seterusnya Saputro, et.al., (2021) telah membuat penyelidikan berkenaan pelaksanaan teori konstruktivisme dalam pembelajaran di peringkat sekolah menengah untuk mengetahui keberkesanan teori konstruktivisme dalam pembelajaran. Dapatan penyelidikan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan teori konstruktivisme dalam pendidikan boleh dipraktikkan dengan pelbagai model antaranya model pembelajaran asas dan model pembelajaran inkuiri. Kedua-dua model pembelajaran ini dianggap lebih berkesan dan cekap dalam membangunkan kognitif murid untuk membina domain kognitif mereka. Selain itu, konstruktivisme dalam kajian ini dilihat berkesan apabila mereka berjaya membina pengetahuan dengan baik tanpa perlu bantuan pengajaran daripada guru.

Sementelahan Kukuh Masgumelar, et. al., (2021) dalam kajiannya pula menyatakan bahawa sistem pendidikan telah berubah secara dinamik seiring dengan perkembangan zaman sehingga memerlukan pendekatan pembelajaran yang betul. Salah satu trend terkini ialah perkembangan melibatkan teori pembelajaran konstruktivisme. Kajian beliau adalah berkenaan pembelajaran konstruktivisme dalam dunia pendidikan dan pembelajaran. Dapatan dari kajian menunjukkan terdapat tujuh ciri konstruktivisme iaitu; (1) pembelajaran aktif, (2) autentik dan situasional, (3) menarik dan mencabar, (4) menghubungkan pengetahuan lama dengan maklumat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baharu, (5) mencerminkan pengetahuan, (6) guru sebagai pembimbing; dan (7) guru boleh memberi bantuan dalam proses pembelajaran.

Rasmussen (2010) telah membincangkan epistemologi dan estetika klasik dalam pendidikan teater yang membantu meningkatkan paradigma pendidikan. Pendekatan teater improvisasi berasaskan teori konstruktivisme John Dewey telah membantu keberkesanan objektif pembelajaran. Menurut Rasmussen, Dewey menyediakan kajian lengkap bagaimana pemikiran konstruktivisme telah mempengaruhi estetika, pendidikan, dan penyelidikan daripada segi struktur dan metodologi serta reka bentuk dan objektif. Pengalaman yang dibentuk oleh teater dianggap berpotensi untuk pendidikan berkonsepkan konstruktivisme.

Dack, et.al., (2005) menggunakan model pengajaran konstruktivisme dalam bentuk teknologi. Kajian menunjukkan bahawa gabungan seni bahasa dan imej digital memberikan pengalaman dan membantu murid untuk memahami cara dan fungsi pembelajaran konstruktivisme. Pada masa yang sama, mereka menggunakan pendekatan skrip teater menggunakan teknologi iMovie. Kajian tersebut telah menunjukkan keberkesanan aplikasi teater membaca sebagai medium kandungan pembelajaran konstruktivisme yang akhirnya dijadikan produk.

Wright (2007) menjelaskan konstruktivisme sebagai pendekatan tafsiran yang menekankan aktiviti membentuk makna dalam minda individu. Faktor ini amat relevan dengan drama pendidikan kerana pembelajaran dalam teater dan drama adalah berdasarkan kepada proses. Sebilangan penulis dan penyelidik telah menggunakan pendekatan ini dalam pembelajaran, tetapi hanya sebilangan kecil yang telah meluaskan pendekatan ini ke dalam perbincangan teater dan drama atau teater dalam pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Yang (2022) pula membincangkan tentang tiga masalah utama yang memberi kesan negatif terhadap pencapaian murid dalam kelas membaca bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (EFL). Masalah tersebut merangkumi masalah kurang minat dalam aktiviti bilik darjah, kesukaran memahami teks bacaan, dan tidak biasa menggunakan strategi membaca. Jadi, beliau menganjurkan kajian penyepaduan aktiviti drama ke dalam kelas membaca EFL, terutamanya dalam melihat asas konstruktivis sebagai pendekatan untuk (1) memotivasikan murid untuk membaca dan mengambil bahagian dalam kelas, (2) memudahkan pemahaman dan pembinaan makna, dan (3) membangunkan murid daripada segi strategi dan kemahiran membaca. Penggabungan aktiviti drama yang berasaskan teori pembelajaran konstruktivisme dilihat amat berkesan daripada aspek pembentukan domain kognitif dan kemahiran sosial murid. Hal ini kerana teori konstruktivisme telah menonjolkan pengetahuan sedia ada, berpusatkan murid, bersifat interaksi sosial, koperatif. Selain itu juga, aktiviti bilik darjah yang menarik telah merangsang minat dan kecenderungan murid untuk beraktiviti secara aktif. Dalam kajian tersebut, dua contoh aktiviti telah dibentangkan untuk mempamerkan keberkesanan pelaksanaan amali aktiviti teater dan drama di dalam kelas membaca EFL. Jelas dalam kajian ini, konstruktivisme telah berjaya meningkatkan pemahaman serta menajamkan strategi membaca dalam kelas membaca EFL.

2.5 Rumusan

Berdasarkan kajian literatur yang dijalankan, jelas pelbagai penyelidikan dan projek berkaitan teater dalam pendidikan telah banyak diterbitkan. Kaedah teater dan drama berkembang dalam pelbagai prospek pendidikan. Melalui kajian-kajian lepas yang dibangunkan, penyelidik melihat potensi teater dan drama sebagai pedagogi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kreatif yang boleh merangsang pembelajaran. Malah penggunaan elemen drama dan teater dilihat begitu signifikan dengan Revolusi Pendidikan 5.0. Aktiviti drama dan teater itu sendiri bertindak sebagai agen pembangunan pengajaran dan pembelajaran yang sangat reflektif. Bukan itu sahaja, teater dan drama merupakan seni kolaboratif yang mempunyai banyak cabang dan pendekatan dalam pendidikan fleksibel dan konstruktif masa kini. Begitu juga halnya perkaitan antara drama dan teater dengan teori konstruktivisme yang merupakan sebuah teori yang tidak asing lagi dalam dunia pendidikan. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam teori konstruktivisme bukan sahaja sesuai digunakan dalam semua mata pelajaran malah boleh diguna pakai dalam pembinaan program atau modul pendidikan. Ciri-ciri konstruktif dilihat selari dengan pedagogi kreatif yang melibatkan drama dan teater perlu diberi tumpuan. Penyelidik melihat pelbagai variasi dimensi penyelidikan menggunakan konstruktivisme yang telah berkembang ke pelbagai bidang teater dalam pendidikan baik dalam negara mahupun luar negara. Malah, berdasarkan penyelidikan lepas, penggunaan teknik teater dan drama serta konstruktivisme dilihat membuktikan keberkesanan sikap, disiplin, intelektual dan potensi murid dapat ditingkatkan secara holistik. Jika dilihat dalam tinjauan literatur, jelas penyelidikan yang dibangunkan penyelidik mampu mengisi jurang penyelidikan yang ada. Maka, sumbangan penyelidikan ini dilihat mampu menyumbang kepada pembangunan teater dalam pendidikan di Malaysia menerusi kaedah aktiviti lakonan menerusi pembangunan aktiviti kokurikulum teater di Malaysia. Selain itu, penyelidik juga mendapati tiada penyelidikan drama dan teater dalam konteks kokurikulum Malaysia sedangkan pelbagai sidang penganjuran aktiviti dan pertandingan teater dan drama dilaksanakan. Maka, berdasarkan perbincangan tinjauan literatur dalam bab ini dapatlah dirumuskan bahawa proses pembelajaran melalui teater dalam pendidikan secara berstruktur, terancang, berfokus dan melalui penyelidikan yang teliti bakal menyumbang kepada kemenjadian murid. Bukan itu saja, melalui penyelidikan ini, penyelidik berharap ia mampu menjadi rujukan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembangunan pelaksanaan aktiviti kokurikulum teater secara lebih terancang. Aktiviti teater dan drama juga melibatkan perbandingan, susun atur, pengelasan, sumbang saran, analisis dan kajian merupakan tunjang kepada proses pengukuhan Aspirasi Murid yang menjadi teras kepada pembangunan pendidikan yang menjadi dasar di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan metodologi yang diguna pakai oleh penyelidik sepanjang proses menjalankan kajian. Aspek yang diperkatakan dalam bab ini melibatkan kajian kualitatif, mengumpul data, reka bentuk dan pembangunan kajian, instrumen kajian dan pensampelan dan kerangka teoritikal. Chua (2014) menyatakan bahawa melalui metodologi kajian, prosedur pengumpulan data, pensampelan, menganalisis data dan instrumen kajian akan dapat diterangkan dengan jelas dan teliti. Hal ini secara langsung dapat membantu penyelidik menjalankan proses mengumpul maklumat dan bahan kajian secara teratur dan dapat menganalisis data dengan mudah dan tepat. Metodologi penyelidikan yang digunakan dalam bidang kajian ini bermula dengan idea atau konsep asas untuk mereka bentuk strategi yang memenuhi matlamat penyelidikan. Kaedah ialah instrumen dan teknik khusus yang digunakan untuk pengumpulan dan analisis data. Bagi kebanyakan penyelidikan, kekeliruan antara metodologi dan kaedah (metode) sering terjadi kerana istilah itu seringkali digunakan merujuk kepada dua konsep yang berkaitan tetapi berbeza.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah (metode) ialah alat yang digunakan untuk memperoleh maklumat, manakala metodologi adalah teori asas dan analisis bagaimana sesuatu penyelidikan itu dilakukan (Gesa Kirsch & Sullivan, 1992). Birks dan Mills (2011) mendefinisikan metodologi sebagai kumpulan prinsip dan konsep panduan untuk reka bentuk kajian penyelidikan. Kaedah (metode) pula didefinisikan sebagai prosedur praktikal yang digunakan untuk menghasilkan dan menganalisis data.

3.2 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian menerangkan bagaimana penyelidik menjalankan kajian ini. Pendekatan yang rasional dan sistematik menunjukkan bagaimana sesuatu isu penyelidikan diselesaikan. Teknik menerangkan strategi penyelidik untuk menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan keputusan yang sah dan boleh dipercayai mampu memenuhi tujuan dan objektif yang dibina. Hal ini demikian termasuk data yang akan dikumpul, di mana data tersebut akan dikumpul, dan bagaimana data akan dikumpul dan dianalisis. Bagi kajian ini, penyelidik memilih untuk menggunakan metode campuran melibatkan kualitatif, DDR (Richie dan Klein) dan juga Delphi. Reka bentuk penyelidikan metode campuran ialah satu cara untuk mengumpul, menganalisis dan mencampurkan penyelidikan bersama metodologi dalam satu kajian untuk lebih memahami masalah penyelidikan. Berikutan perbahasan yang lebih besar mengenai paradigma penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial pada pertengahan 1980-an, kaedah campuran muncul sebagai strategi penyelidikan yang sah (Johnson dan Onwuegbuzie, 2004; Tashakkori dan Teddlie, 2010; Treagust et al., 2014). Walau bagaimanapun, ahli biologi telah lama menggunakan pendekatan kaedah campuran untuk menangani persoalan berkaitan dalam sains biologi. Menurut Jennifer Greene (2008), dalam tetapan penyelidikan pendidikan, metodologi campuran menyediakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

laluan metodologi ketiga untuk menggabungkan modaliti kuantitatif dan kualitatif penyelidikan sosial.

3.2.1 Kualitatif

Penyelidik telah memilih kaedah kualitatif kerana penyelidikan yang akan dibangunkan merupakan sebuah penyelidikan berasaskan kepada keperluan analisis dokumen. Penyelidikan kualitatif adalah berdasarkan bidang sains sosial seperti psikologi, sosiologi, dan antropologi. Hasilnya, metodologi penyelidikan kualitatif membolehkan penyelidik mendalami dan menyoal responden berdasarkan respons mereka. Selain itu, penyelidik juga cuba memahami motivasi dan emosi responden, cara pakar penilai membuat keputusan yang sebenarnya membantu penyelidik dalam membuat kesimpulan dalam penyelidikan ini. Taylor dan Bogdan (1984) mentakrifkan kajian kualitatif sebagai prosedur penyelidikan yang menghasilkan data deskriptif dalam bentuk kata-kata tertulis atau lisan daripada orang dan perilaku yang dikaji. Menurut Merriam (1997), kajian kualitatif tidak menetapkan bilangan peserta dalam sesuatu kajian. Sebaliknya, bilangan yang dipilih untuk pensampelan purposif adalah kecil.

Fokus utama kajian kualitatif ialah pensampelan atau responden yang dipilih itu mempunyai maklumat yang berkaitan supaya hasil kajian menjadi lebih sistematik (Bailey, 2007). Kaedah penyelidikan kualitatif bertujuan untuk mendedahkan tingkah laku dan persepsi responden berhubung dengan topik tertentu. Sebagai contoh, beberapa kaedah yang kerap dilakukan dalam penyelidikan kualitatif antaranya temu bual mendalam, kumpulan fokus, penyelidikan etnografi, analisis kandungan dan kajian kajian kes. Hasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendekatan kualitatif adalah lebih deskriptif dan inferens diperoleh dari data yang dikumpul secara relatif. Sains sosial dan tingkah laku telah melahirkan pendekatan penyelidikan kualitatif. Psikologi manusia adalah sukar ditafsirkan, menjadikannya lebih kompleks untuk memahami apa yang dipercayai dan dirasakan oleh individu. Oleh kerana ia lebih bersifat perbualan dan deskriptif, kaedah penyelidikan kualitatif dalam talian menjadikannya lebih mudah untuk difahami.

Penyelidik memilih kaedah kualitatif sebagai salah satu kaedah dalam kajian ini disebabkan penyelidikan yang dibuat merupakan sebuah penyelidikan konseptual yang diasaskan kepada analisis teks dan dokumen dalam memahami kerangka teoretikal pembinaan modul. Kualitatif merupakan penyelidikan kandungan yang tidak diberikan ukuran nombor dalam proses menganalisis nilai-nilai ataupun mesej yang dikaji. Namun, pemaknaan yang diberi merupakan nilai penting dalam penyelidikan jenis ini. Isu menarik yang diutarakan oleh Syed Arabi Idid (1999) mengenai persoalan utama yang harus diselesaikan dalam kaedah kualitatif ialah bagaimana responden boleh berkongsi makna yang ada pada mereka dengan individu lain yakni penyelidik. Penganalisis kualitatif beranggapan bahawa makna teks tidak wujud pada teks tetapi wujud pada fikiran seseorang responden.

Cara berfikir responden juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti asuhan, pendidikan, status, budaya, pengalaman, pergaulan, minat dan kecenderungan. Hal tersebut membuat setiap responden adalah berbeza dari sudut pandangan dan pemikiran. Maka faktor-faktor tersebut telah membentuk aras kognitif dan afektif responden sekali gus memainkan peranan penting dalam proses cerapan dalam kaedah kualitatif (Chin, 2022).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.2 Pemilihan Masalah Kajian

Masalah kajian adalah teras kepada penyelidikan yang memerlukan justifikasi sehingga membawa kepada siasatan dan perlu disokong oleh bukti yang kukuh (Bryman, 2007). Masalah kajian mencetuskan persoalan dan kaedah penyelidikan. Berdasarkan konteks kajian ini, sebelum penyelidik memulakan penyelidikan, penyelidik telah mengenalpasti cabaran penyelidikan dan telah mengenalpasti sejauh mana keilmuan bidang teater dan drama dapat dipertingkatkan dengan cara membuat kajian literatur dan melaksanakan analisis keperluan korpus kajian.

3.2.3 Pengumpulan Data

Kajian perpustakaan adalah satu cara untuk mendapatkan maklumat dan bukti dengan melihat melalui dokumen dan rekod (Abu Bakar, 1987). Kaedah kajian perpustakaan adalah satu cara untuk mencari maklumat sekunder. Data sekunder berasal dari penyelidikan lalu yang diterima sebagai hasil kajian dan boleh dijadikan rujukan. Data sekunder memberi pilihan kepada penyelidik untuk memilih maklumat terbaik dari hasil penyelidikan lepas sekali gus menemukan penyelidik akan cara baru untuk melihat dan menilai data terdahulu. Kajian perpustakaan ternyata memberi banyak kelebihan seperti menjimatkan masa, mudah diakses dan mempunyai banyak pilihan bahan rujukan sekunder contohnya seperti buku, skrip, artikel, jurnal, kertas kerja, mikrofilem, latihan saintifik dan koleksi digital seperti e-buku, e-jurnal dan yang berkaitan dengannya. Selain itu juga, maklumat yang boleh didapati di perpustakaan melalui pangkalan data dan internet sangat berguna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan sistem yang berkesan serta mudah untuk mendapatkan bahan, penyelidik telah menemukan banyak bahan rujukan berguna seperti buku, kajian lepas, artikel, jurnal dan penulisan saintifik yang mempunyai maklumat berkaitan dalam penyelidikan ini. Melengkapi proses pengumpulan data bagi kajian ini, penyelidik telah pergi ke beberapa perpustakaan antaranya Perpustakaan Tuanku Bainun (UPSI), Perpustakaan Hamzah Sendut (USM), Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM), Perpustakaan Universiti Malaya (UM) dan Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Perpustakaan tersebut dipilih kerana mempunyai pelbagai bahan rujukan dalam bidang yang dikaji iaitu teater, drama, dan pendidikan.

3.2.4 Pengekodan dan Analisis Data

Pengekodan ialah pendekatan analisis data kualitatif melibatkan penghuraian label deskriptif yang dikelaskan kepada beberapa ciri data. Pengekodan membolehkan penyelidik mencari bahan penyelidikan yang berkaitan merentas data. Metodologi yang dipilih harus mendorong cara penyelidik membuat keputusan untuk mengekod. Prosedur pengekodan ialah koleksi kod yang ditentukan oleh perkataan dan frasa yang digunakan penyelidik untuk menyusun segmen data mengikut topik. Untuk mencipta skema pengekodan awal, penyelidik telah menstrukturkan dan mengelaskan data mengikut ciri label deskriptif. Hal ini demikian akan memastikan proses pengekodan seragam, teratur dan sistematik. Kesahihan proses pengekodan dipastikan apabila kod penyelidik adalah konsisten dan koheren.

Selepas menjalani proses pengekodan data, penyelidik akan meneruskan proses seterusnya dengan teknik menganalisis data atau juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikenali sebagai proses menganalisis isi kandungan. Analisis kandungan ialah teknik untuk menentukan kewujudan perkataan, tema, atau konsep tertentu dalam data kualitatif (iaitu teks). Penyelidik mengukur dan menganalisis kehadiran, makna, dan korelasi perkataan, tema atau konsep tertentu menggunakan analisis kandungan.

Analisis data merupakan metode yang diterima dalam penyelidikan yang melibatkan siasatan dapatan analisis keperluan dan penilaian kesahan pakar. Dokumen yang dikaji boleh dianalisis dengan pelbagai tujuan dari pelbagai perspektif (biasanya menginterpretasikan bahan) dengan menumpukan ketetapan yang dilakukan oleh penyelidik.


Analisis kandungan dapat dilakukan terhadap dokumen atau rekod sejarah semasa membuat penyelidikan. Berdasarkan kajian ini, penyelidik perlu merujuk kepada bahan-bahan penerbitan berkaitan teater dan drama pendidikan yang ada di Malaysia dan luar negara. Menurut Syed Arabi Idid (1992), terdapat beberapa kelebihan dalam analisis kandungan. Antaranya adalah menjimatkan masa dan wang, menumpukan dokumen dan sumber penting, pengumpulan sampel dan data yang selamat, memfokuskan isu kebolehpercayaan ukuran serta penggunaan saiz sampel yang sesuai dan berfokus. Hal tersebut menjadikan penyelidik lebih yakin untuk mendapatkan hasil-hasil penting dalam kajian kerana lebih mudah dari segi pembuktian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Reka Bentuk Kajian

Penyelidik akan menjalankan kajian ini dengan melakukan beberapa langkah utama iaitu mengenal pasti masalah, mengumpul data awal, membangunkan kerangka teori, membina objektif dan persoalan kajian, melakukan sorotan kajian lalu, membina reka bentuk kajian, mengumpul dan menganalisis data dan akhir sekali ialah membincangkan dan penutup kajian penyelidikan. Bryman (2008) menjelaskan bahawa reka bentuk kajian adalah kerangka yang diguna pakai oleh sesebuah penyelidikan bertujuan untuk mengutip dan menganalisis data. Reka bentuk kajian juga boleh ditakrifkan sebagai sebuah rancangan atau cadangan dalam menjalankan kajian yang meliputi falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metode penyelidikan (Creswell, 2005).



Rajah 3.1: Reka Bentuk Kajian, Olahan Nadhilah Suhaimi (2022)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini merupakan sebuah kajian reka bentuk dan pembangunan iaitu sebuah kajian yang bersistematik dalam mereka bentuk modul. Memetik penjelasan daripada Richey dan Klein (2007), pembangunan dan penilaian yang bermatlamat bukan sahaja dapat membina asas empirik dalam menghasilkan produk instruksional dan bukan instruksional, malah berlakunya pembaharuan dan peningkatan dari segi alat dan modul yang akan memandu sesebuah pembangunan produk atau kajian secara lebih berkesan. Richey dan Klein turut menyatakan bahawa kajian reka bentuk dan pembangunan akan membentuk proses kajian yang lebih khusus dan mementingkan usaha pembangunan dan kesan daripada proses tersebut.

Penyelidikan ini dibahagikan kepada empat (4) fasa dan setiap output fasa adalah input kepada fasa seterusnya. Fasa pertama penyelidik mendapatkan tajuk berpotensi yang diminati dan setelah itu penyelidik melakukan kajian pustaka berkenaan topik teater, drama dan lakonan, teater dan drama pendidikan, pembangunan kokurikulum, kajian reka bentuk dan pembangunan, Aspirasi Murid dan kemahiran berfikir. Penyelidik telah membuat pencarian teliti dan berterusan mengenai topik yang dikaji dengan membaca buku-buku, jurnal-jurnal penyelidikan, prosiding dan tesis-tesis berkaitan. Dari jurang penyelidikan yang diperoleh dari kajian pustaka yang dilakukan, penyelidik mendapati penyelidikan yang dibangunkan mempunyai prospek dan potensi yang tinggi untuk pembangunan bakat murid melalui aktiviti kokurikulum sekolah menengah di Malaysia.

Maka itu, pada fasa kedua, penyelidik telah membangunkan analisis keperluan. Analisis keperluan ialah prosedur yang berkaedah untuk mengenal pasti dan menilai latihan yang hendak dibangunkan. Analisis keperluan dilakukan secara khusus kepada individu atau kelompok khusus yang hendak dikaji. Dalam kajian ini, keperluan dirujuk sebagai jurang, atau perbezaan antara apa yang sedang dilakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan apa yang patut dilakukan. Satu set analisis keperluan telah dibangunkan untuk meninjau keperluan membangunkan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan untuk dijadikan sebagai rujukan aktiviti kokurikulum teater di sekolah menengah. Satu analisis keperluan yang mengandungi lima belas (15) soalan telah dibina melalui medium *Google Form*. Analisis keperluan ini telah dijalankan secara dalam talian.

Tinjauan keperluan telah diedarkan kepada guru pembimbing teater dan drama, jurulatih teater dan drama, pegawai teknikal teater, penolong kanan kokurikulum dan guru besar serta pengetua yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum teater dan pegawai kokurikulum di Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertanggungjawab dalam merancang, menggubal, mengurus, memantau dan melaksanakan program dan aktiviti teater dan drama murid sekolah di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah mendapatkan maklum balas dari analisis keperluan, maka fasa ketiga ialah Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Reka Bentuk. Dalam fasa ini penyelidik telah mereka bentuk sebuah Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan menggunakan teknik imaginasi dari Teori Lakonan Stella Adler dan Model DDR Richey & Klein untuk aktiviti kokurikulum teater di sekolah menengah sebagai pengukuhan kemahiran berfikir murid. Reka bentuk modul yang dibangunkan mempunyai lima (5) Unit Aktiviti. Unit satu (1) dan dua (2) mempunyai lima (5) sub unit. Unit tiga (3) mempunyai tujuh (7) sub unit. Unit empat (4) mempunyai empat (4) sub unit dan Unit lima (5) mempunyai lima (5) sub unit. Pembahagian bilangan sub unit adalah mengikut kepada durasi dan kompleksiti latihan yang diberikan berasaskan susunan dari mudah ke kompleks.

Pengisian latihan-latihan yang terkandung di dalam modul tersebut diasaskan oleh Aspirasi Murid (kemahiran berfikir) yang menggunakan konstruktivisme sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

fundamental pembangunan. Pengisian modul dibina secara konstruktivisme dengan mengambil kira bagaimana murid membina pengetahuan mereka dengan menguji idea dan pendekatan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada langsung mengaplikasikannya kepada situasi baru secara integrasi pengetahuan baru yang diperoleh melalui binaan intelektual yang sedia wujud (Briner,M.,1999).

Fasa keempat adalah fasa penilaian modul aktiviti. Fasa penilaian bagi modul aktiviti diaplikasikan dari metode Delphi. Tujuan metode Delphi diaplikasikan dalam kajian ini adalah untuk menentukan kebolehgunaan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan sebagai pengukuhan kemahiran berfikir murid dalam aktiviti kokurikulum teater di sekolah menengah. Seramai tiga (3) orang pakar yang terdiri daripada ahli akademik dan guru berpengalaman dalam bidang teater dan pendidikan telah dipilih untuk tujuan pengesahan modul aktiviti. Melengkapi amalan metode Delphi, tiga (3) orang pakar penilai tersebut dipilih sendiri oleh fasilitator yang mengemudikan urusan penilaian moldul aktiviti tersebut tanpa pengetahuan penyelidik. Selain itu juga, penyelia penyelidik yang berperanan sebagai fasilitator yang menguruskan pertimbangan dapatan penilaian. Penilaian modul dijalankan sebanyak dua (2) kali kitaran dan kedua-dua kitaran melibatkan penilai yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.2: Carta Alir Kajian, Olahan Nadhilah Suhaimi (2022)

3.4 Instrumen Kajian

Penyelidik akan menggunakan satu set instrumen soalan dalam merealisasikan kajian ini. Instrumen soalan dibina bertujuan untuk mengetahui dan mengenal pasti tahap kebolehgunaan modul aktiviti yang dihasilkan dan memenuhi standard objektif kajian yang ingin dicapai. Tidak dinafikan bahawa kaedah instrumen soalan sangat popular dalam kalangan penyelidik kerana mudah diurus, ditadbir, diproses dan dianalisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999). Mohd Sheffie Abu Bakar (1995) pula menjelaskan bahawa instrumen soalan dapat ditadbir dengan cepat, mudah dan merangkumi kawasan yang luas selain menjimatkan kos dan masa. Selain itu juga Berdie dan Anderson (1974) menerangkan instrumen soalan dapat meminimumkan bias kerana disediakan secara seragam dan hal ini menghalang penyelidik daripada mempengaruhi responden.

Jadual 3.1

Jadual Fasa, Sampel, Instrumen dan Bentuk Soal Selidik

Bil	Fasa	Sampel/Responden	Instrumen	Bentuk Soal Selidik
1.	Fasa Analisis Keperluan (Kajian Rintis Analisis Keperluan)	Pensampelan Purposif: 62 orang responden terdiri daripada guru sekolah, pegawai di PPD, JPN dan KPM.	Soal selidik *close-ended* melibatkan rangkaian pecahan soalan daripada jenis dikotomi dan senarai semak.	Soal selidik dalam talian
2.	Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Reka Bentuk)	Dua (2) orang pakar (Instrumen Penilaian Modul Aktivtiti) ● Seorang pensyarah dalam bidang pendidikan seni, instruksi dan teknologi seni ● Seorang pegawai kokurikulum dalam Sektor Pembangunan Murid (Unit Pembangunan Bakat Murid)	Soal selidik *close-ended* menggunakan 5 skala Likert	Soal selidik
3	Fasa Penilaian Reka Bentuk	Tiga (3) orang pakar (Kesahan Isi Kandungan Modul) ● Seorang pensyarah (PhD) dalam bidang pendidikan dan teater ● Seorang guru - Ketua Bidang Teater dari Sekolah Seni Malaysia ● Seorang pensyarah (PhD) dari bidang teater gunaan	Soal selidik Soal selidik *close-ended* menggunakan 5 skala Likert Teknik Delphi (Ubah suaian soal selidik 2 kitaran)	Soal selidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Pembangunan Instrumen Analisis Keperluan

Pembangunan instrumen analisis keperluan (dalam konteks penyelidikan ini ialah untuk tujuan pendidikan) ialah satu cara untuk mengetahui keperluan bagi memenuhi kemahiran dan pembelajaran sosial, emosi dan budaya murid. Dalam erti kata lain, analisis keperluan bagi kajian ini dilakukan untuk mengumpulkan, menyemak dan menganalisis maklumat dari pelbagai sumber tentang keperluan pendidikan dan keperluan pengguna (murid dan pendidik) bagi mengetahui sama ada wujudnya permintaan daripada pengguna.

Prosedur analisis keperluan dalam konteks kajian ini telah mengambil kira latar belakang bahasa dan budaya responden, pemikiran dan kesanggupan responden untuk mengambil bahagian dalam analisis keperluan. Selain itu, dalam memilih responden yang tepat, penyelidik turut mengambil kira faktor persekitaran yang mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan responden sebagai menyokong prosedur analisis keperluan terhadap penyelidikan ini.

Prosedur analisis keperluan telah dilaksanakan dengan sangat teratur, teliti dan berperingkat. Hal tersebut telah membantu penyelidik memperoleh maklumat yang lengkap untuk dianalisis bagi melaksanakan kajian yang seterusnya.

Proses analisis keperluan juga telah mengambil kira beberapa perkara penting termasuk pembangunan kognitif dan intelek, pencapaian semasa, bahasa, fungsi penyesuaian, kemahiran dan minat. Secara jelas, keupayaan responden dipertimbangkan dan diambil kira secara teliti sebelum penyelidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membuat keputusan untuk melibatkan mereka secara rasmi dalam penyelidikan ini.

Melalui analisis keperluan ini data awal tentang maklumat keperluan untuk pembelajaran, kesejahteraan digunakan untuk membuat keputusan tentang hala tuju pembangunan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan untuk aktiviti kokurikulum sekolah sebagi pengukuhan kemahiran berfikr murid.

Proses analisis keperluan yang dilaksanakan dalam penyelidikan ini telah menumpukan tunjuang pendidikan yang paling utama iaitu Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selain itu tumpuan pembangunan modul aktiviti untuk bidang kokurikulum yang menitikberatkan Aspirasi Murid menjadi teras perlaksanaan kajian ini. Penumpuan tersebut telah membantu penyelidik memahami sistem dan bahagian pendidikan yang boleh dikaitkan dengan pembangunan penyelidikan ini.

Satu set instrumen penilaian modul telah dibangunkan oleh penyelidik dalam penyelidikan ini. Instrumen penilaian dibangunkan berdasarkan analisis keperluan untuk pendidikan seperti yang di dalam jadual 3.2.

Jadual 3.2

Kemahiran Analisis Keperluan Untuk Pendidikan Sumber: (L&D Frameworks Archives, n.d.)

ANALISIS KEPERLUAN UNTUK PENDIDIKAN (Model Gary Stringer, 2020)	
Kemahiran yang manakah diperlukan untuk dimajukan sebagai kajian	● Pertimbangkan matlamat yang ingin dicapai dalam bidang yang ingin dikaji dan dibangunkan. ● Fahami persepsi pengamal dan penggiat dalam bidang yang ingin dikaji dan dibangunkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	● Menilai huraian secara langsung terhadap keperluan dan permintaan dalam bidang yang ingin dikaji dan dibangunkan.
Apakah tahap kemahiran semasa (potensi kajian)?	● Mengukur tahap keperluan dalam bidang yang ingin dikaji dan dibangunkan. ● Mendapatkan maklum balas daripada pengamal dan penggiat terhadap bidang yang ingin dikaji dan dibangunkan untuk menyokong pandangan penyelidik. ● Gunakan analisis pembelajaran untuk menentukan kemahiran yang dibangunkan dalam modul.
Kenal pasti jurang kemahiran	● Menentukan jurang antara kemahiran semasa dan yang dikehendaki dalam bidang yang ingin dikaji dan dibangunkan. ● Ukur kemahiran bidang semasa berbanding kemahiran spesifik yang diperlukan untuk dibangunkan dan dimajukan.
Bagaimana jurang kemahiran boleh memenuhi keperluan penyelidikan yang ingin dibangunkan?	● Wujudkan sumber berkaitan pembelajaran semasa dan pakar subjek yang ingin dikaji. ● Tentukan sumber dan pembekal kandungan yang diperlukan. ● Pertimbangkan jenis kandungan dan cara yang ingin disampaikan.
Melaksanakan projek yang dibangunkan dan membuat penilaian	● Tentukan apa yang membentuk kejayaan pembangunan modul dan bagaimana modul tersebut akan diukur. ● Menilai sama ada kemahiran yang diperlukan sedang dibangunkan. ● Gunakan platform yang sesuai untuk melakukan analisis.

Jadual 3.3

Jenis Soalan Analisis Kajian

Bil.	Soalan	Jenis Soalan	Jenis Tinjauan
1.	a) Adakah anda terlibat secara langsung dalam aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah?	Dikotomi	Nominal
	b) Jika anda tidak terlibat secara langsung dalam aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah, senaraikan aktiviti dan program teater dan drama yang anda terlibat: *(Penilaian program dan aktiviti teater, penggubalan program atau aktiviti teater,perancangan program atau aktivti*	Senarai Semak	Nominal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	teater dan pengurusan program atau aktiviti teater).		
2.	Adakah anda telah memiliki modul aktiviti teater dan drama?	Dikotomi	Nominal
3.	Sumber rujukan yang anda gunakan dalam pengendalian aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah: *(Modul teater yang diperoleh dari pasaran, buku teks teater Sekolah Seni Malaysia, buku teater dari penerbit berwasit, nota teater dan drama dari sumber internet dan pengalaman).*	Senarai Semak	Nominal
4.	Bahan rujukan teater dan drama dalam Bahasa Melayu khusus untuk kegunaan murid atau guru sekolah mudah didapati di pasaran.	Dikotomi	Nominal
5.	a) Modul aktiviti teater dan drama untuk kegunaan murid atau guru sekolah mudah didapati di pasaran Malaysia	Dikotomi	Nominal
	b) Jika anda bersetuju bahawa modul aktiviti teater dan drama mudah didapati di Malaysia, di manakah sumber terdapatnya modul yang telah anda perolehi: *(Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, perpustakaan universiti tempatan, internet dan hak milik perseorangan).*	Senarai Semak	Nominal
6.	Adakah anda bersetuju modul aktiviti dapat membantu pengendalian aktivti kokurikulum teater dan drama di sekolah	Dikotomi	Nominal
7.	a) Adakah anda bersetuju bahawa perlunya membangunkan sebuah modul aktiviti teater dan drama untuk dijadikan sebagai rujukan penting dalam menjalankan aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah.	Dikotomi	Nominal
	b) Jika anda tidak bersetuju apakah faktor modul aktiviti teater dan drama tidak diperlukan oleh anda? *(Menggunakan pengalaman sedia ada, merujuk sumber internet dan merujuk buku teater sedia ada).*	Senarai Semak	Nominal
8.	Adakah anda bersetuju aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah menyumbang kepada kemenjadian murid	Dikotomi	Nominal
9.	Berdasarkan pandangan anda, pilihan elemen yang menjelaskan bahawa aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah mengukuhkan Aspirasi Murid? *(Identiti nasional, etika dan kerohanian, kamahiran dwi bahasa, kemahiran*	Senarai Semak	Nominal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	memimpin, kemahiran memimpin, kemahiran berfikir dan pengetahuan).		
10.	Adakah anda bersetuju bahawa aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah melonjakkan pembangunan bakat murid?	Dikotomi	Nominal
11.	Adakah anda bersetuju bahawa aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah dapat mengukuhkan kemahiran berfikir murid	Dikotomi	Nominal
12.	Sila pilih komponen teater dan drama yang memerlukan modul aktiviti untuk pembangunan bakat murid bagi aktiviti ko kurikulum di sekolah. *(Lakonan, sinografi, pengurusan pentas, pengurusan produksi, penulisan skrip drama pentas, pengarahan dan pengurusan teknikal)*	Senarai Semak	Nominal
13	Adakah anda bersetuju bahawa latihan lakonan dalam aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah merangsang kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis	Dikotomi	Nominal
14.	Pilih formulasi reka bentuk kandungan yang anda rasakan sesuai untuk dimuatkan dalam sebuah modul aktiviti ko kurikulum drama dan teater untuk sekolah. *(Mengandungi elemen didik hibur, aras aktiviti dari mudah ke kompleks, isi kandungan organik dan boleh lentur, berorientasikan murid dan masyarakat, mengandungi elemen Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21), aktiviti harus berasaskan salah satu elemen kemahiran insaniah dan mengandungi sekurang-kurangnya tiga (3) Elemen Merentas Kurikulum (EMK).*	Senarai Semak	Nominal
15.	Kajian ini dilakukan untuk meninjau respons sokongan bagi menggubal sebuah Modul Aktiviti Lakonan berasaskan Teknik Imaginasi sebagai satu usaha untuk mengukuhkan Kemahiran Berfikir yang terkandung di dalam Aspirasi Murid. Dari asas tersebut, adakah anda menyokong tujuan dan penggubalan modul ini untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan pengendalian aktiviti ko kurikulum (khususnya lakonan) teater dan drama di sekolah anda?	Dikotomi	Nominal

Melalui jadual tersebut, terdapat 15 soalan yang digubal untuk analisis keperluan tidak termasuk tiga soalan pecahan dari soalan satu (1), soalan lima (5) dan soalan tujuh (7). sebelas (11) soalan digubal dari jenis dikotomi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manakala empat (4) soalan terdiri dari jenis senarai semak. Kelebihan menggunakan soalan dikotomi adalah bersifat pendek dan lebih mudah difahami responden. Pemilihan soalan jenis dikotomi amat bertepatan kerana memudahkan fasa tinjauan. Soalan tinjuan ini membawa kepada kadar penyelesaian tinjauan yang lebih baik. Manakala empat (4) soalan yang digubal secara senarai semak untuk mengumpul data daripada responden berhubung pengalaman dan pendapat mereka.

Jadual 3.4

Pembahagian Jenis Soalan

Bil.	Soalan	Jenis	Jumlah
1.	2, 4, 6, 8, 10, 11, 13, 15	Dikotomi	8
2.	3, 9, 12, 14	Senarai Semak	4
3.	1, 5, 7,	Dikotomi dan senarai semak	3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5

Topik Soalan Analisis Kajian Mengikut Jenis Soalan

Soalan	Topik Soalan	Jenis Soalan	Penerangan
1.	a) Penglibatan responden secara langsung dalam aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah.	Dikotomi	Melihat penglibatan pengamal secara langsung dalam aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah Melihat penglibatan pengamal secara tidak langsung secara tidak langsung dalam program atau aktiviti teater. Terdapat empat (4) aktiviti yang disenaraikan iaitu penilaian program dan aktiviti teater, penggubalan program atau aktiviti teater, perancangan program atau aktivti teater,
	b) Penglibatan responden secara tidak langsung dalam aktiviti kokurikulum teater dan drama	Dikotomi	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

			pengurusan program atau aktiviti teater.
2.	Semakan modul aktiviti teater dan drama	Dikotomi	Melihat adakah setiap pengamal mempunyai modul aktiviti teater dan drama untuk penggunaan aktiviti teater dan drama di sekolah.
3.	Semakan sumber rujukan digunakan dalam pengendalian aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah	Senarai semak	Melihat sumber rujukan sedia ada yang digunakan pengamal dalam pengendalian aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah.
4.	Semakan bahan rujukan teater dan drama dalam Bahasa Melayu di pasaran	Dikotomi	Melihat pandangan pengamal tentang pasaran bahan rujukan teater dan drama dalam Bahasa Melayu.
5.	a) Semakan modul aktiviti teater dan drama di pasaran Malaysia	Dikotomi	Melihat pandangan pengamal tentang kemudahan mendapatkan modul aktiviti teater dan drama di pasaran Malaysia. Melihat sumber terdapatnya modul aktiviti teater dan drama yang boleh didapati di Malaysia. Terdapat empat (4) sumber yang disenaraikan iaitu Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, perpustakaan universiti tempatan, sumber internet dan hak milik perseorangan.
	b) Semakan sumber modul yang telah diperolehi responden	Senarai semak	
6.	Semakan keperluan modul aktiviti untuk pengendalian aktiviti teater dan drama di sekolah	Dikotomi	Melihat permintaan pengamal terhadap keperluan modul aktiviti untuk pengendalian aktiviti teater dan drama di sekolah.
7.	a) Semakan keperluan terhadap pembangunan modul aktiviti teater dan drama sebagai rujukan penting aktiviti teater dan drama di sekolah	Dikotomi	Melihat permintaan pengamal terhadap keperluan pembangunan modul aktiviti teater dan drama untuk dijadikan sebagai rujukan penting dalam menjalankan aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah; serta melihat sebab modul aktiviti teater dan drama tidak diperlukan oleh pengamal.
8.	b) Semakan faktor modul aktiviti teater dan drama tidak	Senarai semak	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	diperlukan oleh anda?		Teradapat tiga (3) sebab yang disenaraikan iaitu menggunakan pengalaman sedia ada, merujuk sumber internet dan merujuk buku teater sedia ada.
	Semakan aktiviti teater dan drama menyumbang kepada kemenjadian murid	Dikotomi	Melihat pandangan pengamal tentang aktiviti kokurikulum teater dan drama yang dapat menyumbang kepada kemenjadian murid.
9.	Semakan pilihan elemen yang menjelaskan aktiviti teater dan drama di sekolah mengukuhkan Aspirasi Murid	Senarai semak	Melihat pandangan dan pilihan pengamal tentang elemen yang menjelaskan bahawa aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah mengukuhkan Aspirasi Murid. Terdapat tujuh (7) elemen yang disenaraikan iaitu identiti nasional, etika dan kerohanian, kamahiran dwi bahasa, kemahiran memimpin, kemahiran memimpin, kemahiran berfikir dan pengetahuan
10.	Semakan pendapat aktiviti teater dan drama di sekolah melonjakkan pembangunan bakat murid	Dikotomi	Melihat pandangan pengamal tentang aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah melonjakkan pembangunan bakat murid
11.	Semakan pendapat aktiviti teater dan drama di sekolah mengukuhkan kemahiran berfikir murid	Dikotomi	Melihat pandangan pengamal tentang aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah dapat mengukuhkan kemahiran berfikir murid.
12.	Semakan pilihan komponen teater dan drama yang memerlukan pembangunan modul aktiviti bagi aktiviti kokurikulum di sekolah.	Senarai semak	Melihat pandangan dan pilihan pengamal tentang komponen teater dan drama yang memerlukan modul aktiviti. Senarai pilihan tersebut merangkumi tujuh (7) komponen iaitu lakonan, sinografi, pengurusan pentas, pengurusan produksi, penulisan skrip drama pentas, pengarahan dan pengurusan teknikal.
13.	Semakan pendapat tentang latihan	Dikotomi	Melihat pandangan pengamal mengenai latihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	lakonan dalam aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah merangsang kemahiran berfikir murid		lakonan dalam aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah merangsang kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis.
14.	Semakan pilihan terhadap formulasi rekabentuk kandungan modul yang sesuai untuk dimuatkan dalam modul aktiviti teater dan drama untuk sekolah.	Senarai semak	Melihat pandangan dan pilihan pengamal tentang formulasi rekabentuk kandungan modul yang sesuai untuk dimuatkan dalam modul aktiviti teater dan drama untuk sekolah.Terdapat tujuh (7) formulasi yang disenaraikan iaitu bersifat kekinian; aktiviti berasaskan elemen kemahiran insaniah, mengandungi elemen pembelajaran abad ke-21, berorientasikan murid, isi kandungan organik dan mudah lentur, aras aktiviti dari mudah ke kompleks dan mengandungi elemen didik hibur.
15.	Semakan sokongan terhadap pembangunan Modul Aktiviti Lakonan berasaskan Teknik Imaginasi	Dikotomi	Melihat sokongan pengamal terhadap pembangunan Modul Aktiviti Lakonan berasaskan Teknik Imaginasi untuk kegunaan aktiviti kokurikulum sebagai pengukuhan kemahiran berfikir seperti yang digariskan dalam Aspirasi Murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025.d

Tujuan analisis keperluan dijalankan bagi melihat keperluan dan relevansi penyelidikan ini. Oleh yang demikian, segala maklumat berkenaan dapatan dari analisis keperluan menjadi sokongan penting untuk membangunkan modul ini. Melalui analisis keperluan juga penyelidik memberikan peluang kepada para responden untuk mengemukakan pandangan dari pengalaman mereka untuk membantu dalam penyelarasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan pembangunan modul drama dan teater untuk kegunaan aktiviti kokurikulum di sekolah.

3.4.1.1 Pemilihan Responden Analisis Keperluan

Penyelidik memilih responden analisis keperluan berdasarkan pensampelan purposif dengan menetapkan para responden yang mempunyai latar belakang pendidikan dan kesenian bidang teater dan drama. Penetapan dan pemilihan responden adalah dalam kalangan individu yang bekerja sebagai guru (guru pembimbing teater dan drama; jurulatih teater dan drama; pegawai teknikal kesenian negeri bidang teater dan drama; penolong kanan kokurikulum, guru besar atau pengetua yang terlibat secara langsung dalam aktiviti kokurikulum teater dan drama) dan pegawai di Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat secara tidak langsung dalam perancangan, penggubalan, pelaksanaan dan pemantauan program atau aktiviti kokurikulum teater dan drama di Malaysia. Pegawai tersebut mewakili negeri terpilih sahaja.

3.4.2 Pembangunan Instrumen Penilaian Modul Aktiviti

Data kualitatif adalah sama pentingnya dengan data kuantitatif, kerana membantu dalam mengenal pasti penemuan kajian utama. Walau bagaimanapun, kerana data kualitatif tidak boleh diukur, ketepatan dan kesahan data dalam kualitatif amat penting dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, bagi memastikan ketepatan data bagi kajian ini, Instrumen soalan dibina oleh penyelidik dalam bentuk borang yang mengandungi susunan soalan berdasarkan kandungan dalam modul aktiviti. Soalan dibina secara berstruktur berdasarkan skop kajian dan disertakan dengan pilihan jawapan mengikut skala Likert. Hal ini kerana, skala likert adalah skala penilaian yang digunakan untuk mengetahui cara orang berfikir, merasa atau bertindak. Penyelidik membina instrumen soalan dan menyenaraikan lima pilihan jawapan berdasarkan skala Likert. Jadi, para penilai telah memilih dan menandakan jawapan yang paling sesuai terhadap soalan yang dikemukakan.

Oleh kerana para penilai diberi pelbagai pilihan jawapan, maka skala Likert membolehkan penyelidik mendapat gambaran yang lebih bernuansa tentang sejauh mana penilai bersetuju atau sejauh mana menyokong Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan. Kritikan, komen dan ulasan penilai dalam borang soal selidik juga diambil kira dalam pengubahsuaian pembangunan modul aktiviti kitaran yang kedua. Dapatan tersebut bertujuan untuk mengukur kesahan dan konsensus penilai dari degi kebolehgunaan modul aktiviti sekali gus berperanan untuk membantu pencapaian kepada objektif kajian.

Instrumen penilaian di bahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu Bahagian 1 merupakan bahagian penilaian kandungan manakala Bahagian 2 terdiri dari bahagian penilaian aktiviti dan latihan.

Jadual 3.6

Soalan Instrumen Penilaian Modul

BAHAGIAN 1: KANDUNGAN
Penilaian merangkumi isi kandungan dan maklumat yang dinyatakan dalam modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1	Kandungan modul meliputi integrasi teknik imaginasi lakonan dan kemahiran berfikir.
2	Kandungan modul meliputi latihan yang diinspirasikan secara inovatif daripada teknik imaginasi lakonan Stella Adler.
3	Susunan kandungan modul adalah berkesinambungan antara aktiviti dengan kemahiran berfikir.
4	Kandungan modul membina dan membangunkan pengetahuan dan pengalaman intelek, jasmani, emosi dan rohani murid.
5	Skop dan kedalaman kandungan aktiviti dalam modul mencakupi pelbagai aras kemahiran berfikir.
6	Kandungan modul adalah sesuai dengan kumpulan sasar (murid sekolah menengah).
7	Kandungan modul membolehkan murid menguasai kemahiran berfikir.
8	Bahan kandungan modul berfungsi, menarik dan kreatif.
9	Pengolahan kandungan modul mempunyai strategi yang berpandukan teknik imaginasi lakonan Stella Adler.
10	Persembahan keseluruhan kandungan dan bahan modul adalah kreatif, interaktif serta mempunyai elemen kekinian.
BAHAGIAN 2 : AKTIVITI & LATIHAN	
Penilaian merangkumi aktiviti dan latihan yang dinyatakan dalam modul.	
1	Kepelbagaian aktiviti dan latihan adalah berpusatkan murid.
2	Pemeringkatan aktiviti dan latihan secara terancang menggalakkan murid terlibat secara aktif sama ada secara individu atau berkumpulan.
3	Pengolahan arahan aktiviti dan latihan adalah sesuai, jelas, ringkas serta mudah difahami.
4	Aktiviti dan latihan meliputi aras mudah, sederhana serta sukar.
5	Aktiviti dan latihan terdiri daripada integrasi kepelbagaian teknik imaginasi lakonan.
6	Pengolahan aktiviti dan latihan disusun secara terancang dan sistematik.
7	Aktiviti dan latihan sesuai untuk kumpulan sasar (murid sekolah menengah).
8	Aktiviti dan latihan dibina menggunakan bahan media yang merangsang daya imaginasi murid secara berperingkat.
9	Aktiviti dan latihan yang dibina menjana kemahiran berfikir murid.
10	Aktiviti dan latihan merangsang murid untuk mengeksplorasi daya imaginasi.

3.4.2.1 Pemilihan Pakar Penilai Instrumen Penilaian Modul

Seramai dua (2) orang pakar penilai instrumen penilaian modul aktiviti dilantik oleh penyelidik. Pakar dilantik berdasarkan kepada bidang kerja dan pengalaman pakar dalam mengendalikan instrumen penilaian. Selain kriteria berikut, pakar juga dilantik berdasarkan kelayakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akademik, pengalaman bekerja dan pengalaman secara tidak langsung dalam pengendalian aktiviti teater. Pakar tersebut ialah:

a) Dr. Norakmal binti Abdullah merupakan seorang pensyarah kanan dalam bidang Pendidikan Seni yang sedang berkhidmat di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau mempunyai kelulusan di dalam Diploma Pendidikan Seni, Ijazah Sarjana Muda Seni Reka, Ijazah Sarjana Seni Lukis dan Seni Reka dan Doktor Falsafah Seni Lukis dan Seni Reka. Selain itu, beliau juga pernah aktif di dalam bidang teater sebagai pereka, pelakon dan pengurus produksi. Pengalaman 16 tahun bekerja, Dr. Norakmal binti Abdullah mempunyai pelbagai pengalaman dalam pembinaan rancangan instruksional dan kurikulum di universiti dan juga sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) En. Mohamed Rushdan bin Maidin merupakan seorang Penolong Pengarah di Unit Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Beliau telah berkhidmat selama tujuh belas (17) tahun di Kementerian Pendidikan Malaysia. Sepanjang perkhidmatan, beliau berpengalaman mengajar, mengurus dan mentadbir pelbagai aktiviti di Unit Pembangunan Bakat Murid meliputi bidang sains, teknologi, multimedia, muzik, seni visual, tari dan teater.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Reka bentuk dan Pembangunan Modul Aktiviti

Reka bentuk dan pembangunan modul aktiviti yang dibangunkan dalam kajian ini berasaskan aktiviti lakonan dari teknik imaginasi lakonan Stella Adler dengan mengaplikasikan Model DDR Richie & Klein, Teori Konstruktivisme Jean Piaget dan Kemahiran berfikir kreatif dan kritis.

3.5.1 Model DDR (Richie & Klein)

Terdapat beberapa istilah yang digunakan untuk menggambarkan penyelidikan dan pembangunan. Gall et al.(2007) menggunakan singkatan R&D, yang boleh diterjemahkan sebagai penyelidikan dan pembangunan. Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan adalah istilah yang dicipta oleh Richey dan Klein (2014). Thiagarajan et. al. (1974) menggunakan model 4D (Define, Design, Development, and Dissemination) manakala Dick dan Carry (1996) mendefinisikan penyelidikan pembangunan sebagai ADDIE (Analysis, Design, Development, Implementation, and Evaluation).


Pembangunan Penyelidikan Reka Bentuk atau singkatannya DDR membincangkan secara mendalam tentang cara yang betul untuk melakukan penyelidikan mengenai reka bentuk dan pembangunan. Penyelidik sebenarnya boleh melakukan dua jenis penyelidikan reka bentuk dan pembangunan yang paling penting: 1) penyelidikan produk dan alat; dan 2) penyelidikan model. Masalah biasa yang dihadapi oleh penyelidik di lapangan semasa merancang dan menjalankan penyelidikan dibincangkan, dan prosedur diterangkan menggunakan contoh dari penyelidikan terkini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Richey dan Klein (2004) mentakrifkan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan sebagai kajian sistematik melibatkan proses perancangan, pembangunan, dan penilaian yang bertujuan mewujudkan asas empirikal bagi penghasilan modul. Gall dan Borg (2003) mendefinisikan penyelidikan dan pembangunan sebagai model pembangunan berasaskan industri kerana dapatan penyelidikan digunakan untuk mereka bentuk produk dan prosedur baharu yang kemudiannya diuji, dinilai dan diperhalusi secara sistematik sehingga memenuhi kriteria, kualiti dan standard yang ditetapkan. Menurut Sugiyono (2011), impak dari penyelidikan pembangunan bukan sekadar mewujudkan penciptaan produk baharu, tetapi juga mewujudkan penemuan maklumat baru atau penyelesaian kepada masalah. Proses reka bentuk dan pembangunan juga dicirikan sebagai kaedah penyelidikan yang digunakan untuk menghasilkan produk tertentu dan menilai keberkesanannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.3: Model DDR Richey dan Klein Olahan Nadhilah Suhaimi (2022)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.3 menjelaskan tentang tiga (3) tahap DDR yang diaplikasikan oleh penyelidik. Pendekatan untuk membangunkan dan memajukan modul dalam kajian penambahbaikan modul termasuk analisis keperluan. Menurut Richey dan Klein (2014), kekuatan reka bentuk dan pembangunan modul ialah boleh digunakan untuk menangani masalah tertentu. Selepas data dari konteks dan persekitaran yang dikaji telah dikumpulkan maka fasa analisis penyelidikan pun bermula.

Penyelidikan DDR memerlukan penyelidik untuk mengesahkan teori, model, rangka kerja serta amalan. Fokus DDR adalah pada penggunaan, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan, penilaian produk, alatan, program dan rangka kerja reka bentuk pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Richey dan Klein (2007) mendefinisikan DDR sebagai kajian sistematik yang melibatkan proses reka bentuk, pembangunan, penilaian untuk penciptaan produk, alat pengajaran serta model baharu. Hal ini demikian juga ditulis oleh Ellis & Levy (2010), yang menggariskan bahawa DDR merupakan penyelidikan berkonsepkan amalan, penciptaan, pelaksanaan dan penilaian artifak seperti produk, alatan, model, teknologi baharu dan objek pembelajaran. Menurut Ellis & Levy lagi, idea berkaitan imaginasi manusia, kreativiti, penglibatan dan interaksi adalah bidang penyelidikan DDR yang amat sesuai untuk pembangunan pendidikan

3.5.2 Teori Konstruktivisme Kognitif (Jean Piaget)

Konstruktivisme adalah pembinaan pengetahuan melalui integrasi pengalaman sedia ada dan pengetahuan baru (Fatimah Binti Ibrahim, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkataan konstruktivisme berasal dari pinjaman perkataan Inggeris iaitu *construct* yang bermaksud membina. Jonassen (1991) menyatakan bahawa tujuan ahli psikologi kognitif mengaplikasikan konstruktivisme terhadap murid adalah untuk mengawal suasana pembelajaran mereka secara berfokus kepada pendekatan realistik bagi menyelesaikan masalah.

Briner (1999) pernah mengulas secara terperinci tentang bagaimana seseorang individu dapat membentuk dan membina pengetahuan. Menurut Briner, konstruktivisme boleh dilakukan dengan cara menguji idea dan pendekatan menggunakan pengetahuan dan pengalaman sedia ada yang kemudiannya digunakan bersama pengetahuan baharu dalam situasi yang baharu. Hal ini disokong pula dengan Nik Azis Nik Pa (1999) yang berpendapat bahawa konstruktivisme dibina melalui pelbagai komitmen sehingga terhasilnya pengalaman yang baharu. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh murid melalui pengalaman terpilih yang sedia ada akan menghasilkan maklumat, pengetahuan dan pengajaran yang baharu.

Jadual 3.7

Perbandingan Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Tradisional dan Konstruktivis

Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Tradisional	Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Konstruktivisme
Pematuhan ketat kepada kurikulum yang ditetapkan.	Menghargai persoalan dan minat murid.
Pembelajaran adalah berdasarkan pengulangan.	Pembelajaran adalah secara interaktif, membina apa yang telah diketahui oleh murid.
Berpusatkan guru.	Berpusatkan murid.
Guru menyebarkan maklumat kepada murid manakala murid adalah penerima ilmu (pembelajaran pasif).	Guru mengadakan dialog dengan murid dan membantu murid membina pengetahuan mereka sendiri (pembelajaran aktif).
Guru berperanan memberi arahan, berpandukan autoriti.	Guru harus interaktif dan membimbing

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Murid melakukan kerja secara bersendirian (berdaya saing).	Murid melakukan kerja secara berkumpulan (bekerjasama).

Hasil daripada teori konstruktivisme Piaget, penyelidik membangunkan modul aktiviti yang menumpukan pemupukan dan pertumbuhan pemikiran logik dan konseptual murid. Penyelidik telah memberi penekanan kepada pengalaman dan interaksi murid dengan persekitaran sekeliling yang memainkan peranan penting semasa proses pembelajaran. Hal ini demikian akan meningkatkan pembangunan struktur kognitif murid melalui tujuh matlamat persekitaran konstruktivisme yang dinyatakan oleh Honebein (1996):


a) Memberi pengalaman dengan proses pembinaan pengetahuan
b) Memberi ruang murid menilai mengikut perspektif sendiri
c) Menyediakan ruang pembelajaran yang menghiburkan
d) Menggalakkan proses pembelajaran berpusatkan murid
e) Menerapkan kolaborasi pembelajaran dalam pengalaman sosial
f) Menggunakan pelbagai media seperti video, teks, audio, dan lain-lain.
g) Menggalakkan sesi sumbang saran sebagai pengukuhan pembinaan pengetahuan

Teori konstruktivisme Jean Piaget menegaskan bahawa manusia menghasilkan pengetahuan dan membina makna berdasarkan pengalaman mereka. Terdapat empat elemen dalam teori konstruktivisme Jean Piaget yang digunakan dalam kajian ini iaitu asimilasi dan akomodasi. Menurut Wadsworth, 1989 asimilasi dan akomodasi adalah dua elemen penting yang menyumbang kepada perkembangan pengetahuan baharu seseorang. Asimilasi ialah penggabungan pengalaman baru ke dalam pengalaman sebelumnya yang menggalakkan murid untuk membina perspektif baharu, mempertimbangkan idea sedia ada, menumpukan idea penting, dan menilai idea yang mewujudkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perspektif baharu. Akomodasi pula bermaksud merangka semula pengalaman baharu dalam keupayaan mental sedia ada murid.



Rajah 3.4: Kerangka Teori Konstruktivisme Kognitif (Jean Piaget), Olahan Nadhilah Suhaimi (2022)

Teori Konstruktivisme Kognitif Piaget dibahagikan kepada dua (2) elemen utama. Elemen pertama ialah konsep dan perkara kedua ialah prinsipal. Piaget menggariskan empat (4) fasa seperti berikut:

a) Skema

Skema dalam konstruktivisme ialah struktur pemikiran yang membantu seseorang untuk memahami cara sesuatu berfungsi. Skema mempunyai kaitan dengan cara individu menyusun ilmu. Semasa maklumat baharu diterima, murid harus menghubungkannya dengan perkara lain yang diketahui, dipercayai atau pernah dialami. Hubung kait tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membentuk struktur intelektual dalam minda yang disebut sebagai skema. Sebagai contoh, murid mendapati lebih mudah untuk menerima maklumat baharu kerana dirasakan sesuai dengan idea sedia ada. Skema memudahkan murid untuk meneroka secara lanjut tentang dunia sekeliling.

b) Asimilasi

Jean Piaget mendefinisikan asimilasi sebagai proses kemahiran kognitif yang memasukkan maklumat baharu ke dalam pemahaman sedia ada. Asimilasi juga bermaksud cara individu melihat dan menyesuaikan diri dengan maklumat baharu. Asimilasi juga merupakan proses analisis pengalaman baharu yang ditafsirkan semula dengan idea lama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c) Akomodasi

Akomodasi menurut Piaget merupakan proses kognitif yang melibatkan pembangunan dan pengubahan representasi minda. Akomodasi juga ditafsirkan sebagai proses seseorang individu belajar dan mengembangkan kebolehan kognitifnya. Sebagai contoh, apabila mendapat maklumat baharu, murid perlu menyusun semula atau melaraskan perkara yang telah diketahui supaya lebih sesuai dengan situasi. Istilah akomodasi juga merujuk kepada proses penyesuaian. melibatkan perubahan idea sedia ada seseorang sebagai hasil dari maklumat baharu atau pengalaman baharu.

d) Keseimbangan

Menurut Jean Piaget keseimbangan merupakan tindakan menstabilkan sesuatu. Piaget menganggap keseimbangan sebagai proses berterusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang memperhalus dan mengubah struktur pemikiran lantas membentuk asas perkembangan kognitif. Lebih banyak keseimbangan berlaku maka lebih cenderung untuk individu beralih dari satu peringkat perkembangan utama ke peringkat seterusnya. Dalam psikologi, istilah keseimbangan merujuk kepada proses asas pembangunan yang mengandungi kedua-dua proses asimilasi dan akomodasi.

Prinsipal konstruktivisme didasari oleh pembelajaran yang terdiri dari proses aktif dan bukan pasif. Pembelajaran bersifat menyeluruh dan sebenar. Dalam pendidikan, pembelajaran sebenar ialah pendekatan pengajaran yang membolehkan murid meneroka, berbincang, dan membina konsep yang melibatkan masalah dan dunia sebenar berkaitan dengan murid. Selain itu, pendekatan falsafah ini berkait rapat dengan pragmatisme dan relativisme.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori konstruktivisme Jean Piaget memfokuskan kepada bagaimana pembelajaran sebenar berlaku. Oleh yang demikian, adalah menjadi fokus kepada penyelidik untuk memastikan agar objektif pembelajaran yang dibangunkan untuk modul aktiviti dalam kajian ini bukan sahaja bertujuan membantu murid meningkatkan pemahaman malah meningkatkan paradigma kognitif mereka dalam pembelajaran.

Secara kesimpulannya, teori konstruktivisme Jean Piaget telah menjadi asas utama dalam pembangunan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan sebagai pengukuhan kemahiran berfikir kreatif dan kritis murid. Pembelajaran aktif diharap dapat mengukuhkan pertumbuhan kognitif murid dengan menyepadukan pengetahuan baharu dan lama sekali gus merangsang pemikiran murid dalam meningkatkan tahap intelektual mereka. Maka itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembinaan modul aktiviti ini mengaplikasikan konsep dan prinsipal yang telah digariskan oleh teori konstruktivisme bagi setiap aktiviti yang dibangunkan.

3.5.3 Kemahiran Berfikir (Aspirasi Murid)

Aspirasi kemahiran berfikir dibina dengan tujuan agar murid dapat berfikir secara lebih luas di luar konteks akademik melalui penguasaan pelbagai kemahiran kognitif merangkumi penaakulan, pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Oleh hal demikian, melalui pembelajaran sepanjang hayat dan sikap ingin tahu, murid akan dapat menghubungkan pelbagai disiplin ilmu dan mencipta ilmu yang baharu.

Dalam konteks penyelidikan ini, penyelidik telah memilih aspek kemahiran berfikir kreatif dan kritis yang terkandung dalam Aspirasi Murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kemahiran berfikir terbahagi kepada dua cabang iaitu pemikiran kritis dan pemikiran kreatif (Chaffe, 2010).

3.5.3.1 Pemikiran Kreatif

Poh Swee Hang (2000) mendefinisikan pemikiran kreatif sebagai suatu pemikiran produktif yang melibatkan penjanaan, sintesis idea menjadi satu hasil yang baru, asli dan luar biasa. Pemikiran kreatif juga boleh diertikan sebagai penggunaan operasi berfikir menggunakan daya fikir yang paling asas untuk dikembangkan bagi mencipta idea dan hasil yang baharu, estetik dan membina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohd Yusof Othman (1994) pula mempunyai pendapat yang tersendiri tentang pemikiran kreatif. Beliau menyatakan bahawa pemikiran kreatif berlaku apabila adanya proses memerhati, melihat, mencerap, menganalisis, mengolah dan mensintesiskan secara bersistematik. Tambah beliau lagi, seseorang pemikir yang kreatif akan mengambil iktibar tentang apa yang diperhatikannya lalu membuat kesimpulan dan rumusan. Hal ini sekaligus dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan sedia ada. Poh Swee Hiang (2000) menyatakan terdapat empat ciri pemikiran kreatif yang dikenal pasti iaitu keberanian, imaginatif, perkembangan idea dan reka cipta.

Jadual 3.8

Empat Ciri Pemikiran Kreatif

Bil.	Ciri Pemikiran Kreatif	Penerangan
1.	Keberanian	Pemikir perlu berfikiran terbuka, sanggup menerima risiko dan kritikan, bersedia untuk bertanggungjawab atas keputusannya serta berani untuk menghasilkan idea yang banyak, pelbagai dan baru tanpa disekat oleh idea yang lama.
2.	Imaginatif	Pemikir perlu berkemahiran sintesis dan mempunyai imaginasi yang bercapah berdasarkan pengalaman lalu
3.	Perkembangan idea	Hasil daripada imaginasi adalah perkembangan atau perluasan idea sedia ada. Walaupun hasil akhir bukan rekaan baru, namun alternatif yang baru tetap dapat dibina dan dikira sebagai idea.
4.	Reka cipta	Reka cipta dapat dihasilkan melalui proses sintesis sedia ada sehingga sesuatu yang asli dapat dibina

Menurut Rosnanaini Sulaiman et. at., (2011) pemikiran kreatif adalah merupakan keupayaan memperluas dan mengembangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daya imaginasi, kreativiti dan inovasi untuk memperoleh idea baharu atau ciptaan yang asli. Hal ini, merangkumi kemahiran menjana dan menghasilkan idea yang inovatif atau ciptaan yang asli seperti mencipta metafora, analogi atau definisi.

3.5.3.2 Pemikiran Kritis

Merujuk Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Standard Asas Pembelajaran Abad ke-21, pemikiran kritis berlaku apabila adanya penerokaan terhadap pemikiran untuk tujuan menilai sesuatu idea secara logik dan rasional melalui pertimbangan wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Chaffee (2010) menjelaskan pemikiran kritis adalah proses meneroka pemikiran yang teliti untuk memperjelaskan pemahaman dan membuat keputusan yang lebih bijak. Manakala, Fisher (2001) memetik definisi pemikiran kritis daripada Robert Ennis iaitu pemikiran kritis adalah pemikiran reflektif dan munasabah yang berfokus dalam menentukan apa yang harus dipercayai atau dilakukan. Selain itu, Fisher juga ada menyatakan bahawa pemikiran kritis adalah cara pemikiran tentang subjek, kandungan atau masalah. Tambahnya, pada tahap tersebut seseorang pemikir akan meningkatkan kualiti tahap pemikirannya dengan menggunakan pengetahuan sedia ada untuk mencetuskan daya intelektual mereka.

Beyer (1995) menyatakan bahawa perkataan kritis berasal daripada perkataan Yunani iaitu “kriterion” yang bererti penanda aras

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk membuat keputusan yang melibatkan pemikiran kognitif tahap tinggi meliputi empat ciri iaitu pemikiran reflektif, pemikiran kreatif, penyelesaian masalah dan membuat keputusan yang relatif.

Sementara itu, Hyram (1957) mengaitkan pemikiran kritis dengan keupayaan penaakulan logikal yang merangkumi aktiviti-aktiviti mental bagi tujuan merumuskan kesahan, melakukan tunjuk cara dan menyusun pengetahuan secara teratur. Harnadek (1981) pula menyatakan terdapat sembilan ciri individu pemikir kritis iaitu berfikiran terbuka, tidak berhujah tentang perkara yang tidak diketahui, peka dengan penggunaan maklumat tambahan apabila diperlukan, dapat membezakan rumusan yang mungkin atau pasti benar, sedar bahawa setiap manusia mempunyai pandangan berbeza, berusaha mengelakkan diri dari membuat kesalahan dalam penaakulan, bertanya soalan yang tidak munasabah, cuba membandingkan pemikiran emosi dan pemikiran logikal, dan berusaha untuk memperbanyakkan penguasaan perbendaharaan kata untuk memahami persoalan daripada orang lain agar dapat menyatakan idea secara jelas dan terperinci.

Selain itu juga, Lipman (1988) menyatakan bahawa pemikiran kritis adalah bersifat sensitif terhadap sesuatu isu yang membentuk kendiri seseorang individu. Ennis (1962) pula membincangkan pemikiran kritis sebagai proses pentaksiran yang tepat terhadap sesuatu pernyataan. Tambah Ennis lagi, pemikiran reflektif dan logik merupakan aspek utama dalam proses menentukan perkara yang harus dipercayai dan perkara yang boleh dibuat. Beliau turut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyenaraikan sebanyak 12 aspek pemikiran kritis dalam membuat penilaian iaitu mencari makna kepada sesuatu penyataan; mengetahui wujudnya kekaburan dalam proses penaakulan; menentukan kewujudan percanggahan antara penyataan; menentukan keperluan susulan kesimpulan; menentukan pemerincian sesuatu pernyataan; menentukan kewajaran apabila menggunakan sesuatu prinsip; menentukan kesahan sesuatu penyataan pemerhatian (obsevation statement); menentukan kebenaran kesimpulan induktif; mengenal pasti permasalahan; menentukan andaian, menentukan keperluan definisi; dan memahami arahan

Di samping itu juga Chiodo & Tsai (1995) menemukan empat jenis kemahiran yang wujud dalam proses pemikiran kritis dalam kajian Ennis (1987) iaitu kemahiran asas, kemahiran membuat inferens, kemahiran penjelasan dan kemahiran menyelesaikan masalah. Secara keseluruhannya Ponniah (2017) meringkaskan bahawa pemikiran kritis adalah pemikiran kognitif yang mendalam yang bukan sahaja memerlukan seseorang individu untuk membuat keputusan dan mempertimbangkan secara teliti dan serius, malah memerlukan pemikir membuat penilaian yang rasional tentang idea, objek, kejadian serta memiliki nilai untuk membuat sesuatu keputusan. Kesimpulannya, aktiviti pengukuhan kemahiran berfikir menggunakan elemen teater telah diimplementasikan dalam penyelidikan ini. Aktiviti pengukuhan kemahiran berfikir dirangka dan dibina secara berkualiti dalam pembangunan modul aktiviti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan teknik lakonan berteraskan pendidikan secara berstruktur, terancang, berobjektif dan disahkan oleh pakar penilai.


3.6 Metode Penilaian Delphi

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, penyelidik akan menggunakan metode Delphi untuk mencapai objektif yang ketiga iaitu melaksanakan penilaian kebolehgunaan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan menggunakan kaedah Stella Adler sebagai pengukuhan kemahiran berfikir murid sekolah menengah. Ciri-ciri utama metode Delphi bertujuan mendapatkan pandangan dan kesepakatan pakar penilai dalam menentukan kesahan objektif, isi kandungan,reka bentuk aktiviti pembelajaran dan kandungan yang sesuai digunapakai dalam modul aktiviti yang dibangunkan oleh penyelidik. Persetujuan dan konsensus antara panel penilai adalah penting untuk menentukan kebolehpercayaan yang tinggi untuk bagi sesuatu kajian (Linstone dan Turrof, 2002).

Panel pakar penilai yang dipilih mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang banyak tentang bidang yang dikaji. Menurut Helmer (1968) metode Delphi merupakan satu konsep yang memberi tumpuan kepada kesimpulan yang dibuat bersama oleh sekumpulan individu. Tambah beliau lagi, metode ini akan melalui penilaian yang terperinci dan perbincangan spesifik daripada pakar terpilih untuk menetapkan tujuan, kualiti penyelidikan dan andaian hasil kajian. Mengambil kira kesesuaian kaedah ini, maka sebuah kerangka struktur kitaran Delphi telah dihasilkan seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.5: Kerangka penilaian panel berdasarkan struktur Delphi, Olahan Nadhilah Suhaimi (2022)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Metode Delphi merupakan rangka kerja proses penilaian beberapa kitaran penilaian. Kitaran penilaian dalam metode Delphi boleh dilaksanakan melebihi dua kali melebihi kerangka yang dirancang oleh penyelidik. Namun, berdasarkan keperluan kitaran bagi penyelidikan ini, terdapat dua kitaran telah berjaya dilaksanakan kerana kesepakatan penilai untuk kitaran kedua telah mencapai persetujuan yang tinggi.

3.6.1 Prosedur Kajian Metode Delphi

Prosedur metode Delphi boleh dilaksanakan sama ada berjumpa secara bersemuka atau secara atas talian. Jadi bagi penyelidikan ini, penyelidik memilih untuk dilaksanakan prosedur metode Delphi secara atas talian kerana menjimatkan masa dan senang diurus. Prosedur bagi kajian metode Delphi memerlukan pemikiran dan penilaian teliti dari penilai yang dilantik kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempengaruhi kebolehgunaan modul aktiviti dan impak modul aktiviti tersebut terhadap kumpulan sasaran. Markah dan ulasan penilai pada borang penilaian adalah sulit dan tidak dilabelkan dengan nama penilai. Hal tersebut dilaksanakan bertujuan untuk memberikan kebebasan sepenuhnya kepada penilai terhadap pendapat mereka dan menggalakkan keterbukaan fikiran dalam proses penilaian berlangsung. Maka, setelah penilai selesai membuat penilaian terhadap modul aktiviti dan menyerahkannya kepada fasilitator bagi kitaran pertama metode Delphi, fasilitator akan menyemak maklumat penilaian tersebut dan membuat rumusan. Kemudian, fasilitator menyerahkannya kepada penyelidik untuk tindakan penambahbaikan modul. Setelah selesai penambahbaikan tersebut, prosedur penilaian metode Delphi sekali lagi diulang dan dilaksanakan sehingga semua penilai mencapai persetujuan dan kesepakatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2 Pemilihan Fasilitator

Fasilitator merujuk kepada individu yang menyelaraskan metode Delphi dan individu yang bertanggungjawab memproses maklumbalas penilaian oleh penilai. Fasilitator mestilah neutral dan arif tentang isu yang hendak dibincangkan. Fasilitator yang berkesan mampu menentukan skop proses dengan tepat. Justeru, mengambil kesesuaian dan ketepatan kepakaran keperluan kajian, fasilitator bagi kajian ini adalah merupakan penyelia kepada penyelidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.3 Pemilihan Pakar Penilai Modul

Metode Delphi adalah sangat bergantung kepada kepakaran panel penilai. Panel pakar penilai boleh terdiri daripada ahli penyelidik dalam kajian yang dijalankan serta pakar daripada organisasi atau industri yang dikaji. Bagi penyelidikan ini, pakar penilai yang dipilih adalah terdiri dari individu yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran yang relevan dan signifikan dalam kajian ini. Oleh hal yang demikian tiga orang panel pakar penilai telah dipilih dan dilantik untuk membuat penilaian terhadap kebolehgunaan dan kesesuaian Modul Aktiviti Lakonan Imaginasi. Maklum balas penilaian oleh penilai dalam dua kitaran adalah sulit dan tidak boleh diakses penyelidik. Hal ini bertujuan bagi memastikan tiada unsur bias atau *'conflict of interest'* yang mungkin timbul antara penyelidik dengan setiap penilai. Oleh yang demikian, komunikasi dengan para penilai bagi kajian ini dilaksanakan oleh fasilitator selain fasilitator juga bertanggungjawab menguruskan bahan maklumbalas penilaian dari setiap penilai

3.6.3.1 Penilai Pertama

Kriteria penilai pertama yang dicirikan oleh fasilitator adalah merupakan ahli akademik yang mempunyai kelayakan Doktor Falsafah dalam bidang teater. Selain itu, penilai yang dilantik juga mempunyai kelayakan dalam bidang pendidikan dan mempunyai pengalaman bekerja selama 20 tahun di dalam bidang pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.3.2 Penilai Kedua

Kriteria penilai kedua yang dicirikan oleh fasilitator adalah merupakan seorang ahli akademik yang mempunyai kelayakan Doktor Falsafah di dalam bidang teater. Selain itu, pakar juga mempunyai pengalaman mengajar di institusi atau sekolah dan mempunyai 10 tahun pengalaman bekerja dalam lapangan bidang teater gunaan.

3.6.3.3 Penilai Ketiga

Kriteria penilai ketiga yang dicirikan oleh fasilitator adalah merupakan seorang guru yang mempunyai kelayakan khusus dalam bidang teater. Selain itu, penilai adalah seorang yang aktif sebagai penggiat dan pengamal teater dan mempunyai pengalaman mengajar dalam bidang teater di sekolah selama lebih 10 tahun.

3.7 Kitaran Penilaian Modul Aktiviti

Metode Delphi yang digunakan dalam penyelidikan ini merangkumi 2 kitaran. Setiap kitaran melibatkan penilai yang sama, namun set instrumen penilaian adalah berbeza untuk kedua-dua kitaran. Selain itu. bagi kedua-dua kitaran, fasilitator bertanggungjawab menyelaras dan mengendalikan proses penyerahan modul aktiviti dan set instrumen penilaian serta mengutip hasil dapatan penilaian dan memproses dapatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.1 Kitaran 1: Pengembangan Idea

Bagi penilaian Modul kitaran pertama, setiap penilai telah diberikan satu set Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan yang telah dibangunkan penyelidik dan satu set soalan penilaian yang telah disahkan oleh penilai instrumen yang dilantik. Penilai telah diberikan tempoh masa selama sebulan untuk proses penilaian. Sepanjang tempoh tersebut, ketiga-tiga penilai telah menilai secara teliti dan terperinci Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan. Setelah menerima maklum balas dari ketiga-tiga penilai, fasilitator telah menganalisis dan merumuskan penilaian tersebut sebelum diserahkan kepada penyelidik. Hal ini bertujuan agar penyelidik mendapat satu konsensus pendapat untuk tujuan penambahbaikan modul aktiviti yang dibangunkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.2 Kitaran 2: Penilaian Idea

Pada fasa kitaran kedua, setiap penilai menerima keputusan penilaian Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan kitaran satu yang telah disusun dan dirumuskan oleh fasilitator. Setelah itu, setiap penilai membuat penilaian terhadap modul aktiviti dan memberikan ulasan masing-masing. Seperti kitaran pertama, fasilitator telah mengutip hasil ulasan serta maklumbalas penilaian dari ketiga-tiga penilai. Fasilitator telah mengulangi fasa menyusun dan merumuskan hasil penilaian Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan. Hasil dapatan penilaian modul aktiviti dari kitaran kedua telah menunjukkan keputusan bahawa kebolehgunaan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan untuk aktiviti kokurikulum teater di sekolah menengah telah mencapai kesahan dan konsensus yang tinggi oleh ketiga-tiga pakar penilai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Rumusan

Secara asasnya, dalam bahagian metodologi menunjukkan cara bagaimana penyelidik telah menjalankan dan membangunkan penyelidikan bermula dari fasa analisis keperluan, penyelidikan kajian pustaka, kemudian ke fasa pembangunan rekaan bentuk dan pembangunan modul aktiviti sehingga ke peringkat menjalankan penilaian kebolehgunaan modul menggunakan metode Delphi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Analisis Keperluan

Witkin (1997) menjelaskan analisis keperluan merupakan kaedah yang digunapakai dalam sesebuah kajian yang bertujuan mengenal pasti jurang yang wujud antara keadaan semasa dan keadaan sasaran. McKillip (1997) menyatakan bahawa analisis keperluan penting untuk membuktikan nilai penghakiman dari kumpulan terpilih terhadap sesuatu permasalahan yang perlu diselesaikan. Selari dengan konteks dan situasi kajian ini, penyelidik berpegang kepada kepentingan menjalankan analisis keperluan bagi mengumpul dan mengenalpasti maklumat tentang aspek kandungan modul yang paling komprehensif untuk dibangunkan. Sebanyak 62 orang responden berlatarbelakangkan pendidikan dipilih secara teliti sebagai pengamal berpengalaman dalam bidang teater dan drama. Kesemua responden telah mengenalpasti keperluan yang perlu diberi perhatian dalam pembangunan modul tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.1.1 Dapatan Demografi Responden

Soal selidik yang dijalankan ini berbentuk *close-ended* melibatkan rangkaian pecahan soalan daripada jenis dikotomi dan senarai semak yang dijalankan secara dalam talian. Persampelan untuk analisis keperluan ditetapkan kepada persampelan purposif yakni responden yang bekerja dalam bidang pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia.

4.1.2 Responden dan Latar Belakang

Maklumat di bawah ini memaparkan maklumat jantina, pengalaman bidang pengkhususan teater dan drama, tempat berkhidmat dan jawatan responden yang telah menjawab soal selidik ini. Sebanyak 62 orang responden telah menjawab soal selidik yang telah diedarkan menerusi platform *google form*.

4.1.2.1 Maklumat Jantina




Rajah 4.1. Graf Jantina Responden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.1 menunjukkan bilangan mengikut jantina responden yang terlibat dalam analisis keperluan. Taburan jantina yang terlibat sebagai responden hampir seimbang antara lelaki dan perempuan. Seramai 32 orang responden perempuan dan 30 orang responden lelaki terlibat dalam analisis keperluan kajian ini. Secara keseluruhannya bilangan responden perempuan hanya melebihi 2 orang sahaja berbanding dengan bilangan responden lelaki.

4.1.2.2 Maklumat Pengalaman Responden Dalam Bidang Teater Dan Drama



Rajah 4.2. Graf Pengalaman Responden Dalam Bidang Teater Dan Drama


Rajah 4.2 menunjukkan bilangan responden mengikut tahun pengalaman dalam bidang teater dan drama. Dapatan menunjukkan terdapat 10 orang responden yang berpengalaman bidang teater dan drama dalam tempoh 1 hingga 5 tahun, 23 orang responden berpengalaman dalam teater dan drama dalam tempoh 6-10 tahun, 16 orang responden berpengalaman dalam teater dan drama dalam tempoh 16-20 tahun, dan 2 orang responden berpengalaman dalam teater dan drama dalam tempoh 16-20 tahun. Secara keseluruhannya setiap orang responden yang terlibat dalam soal selidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

analisis keperluan adalah terdiri daripada individu yang mempunyai pengalaman dalam bidang teater dan drama.

4.1.2.3 Taburan Responden Mengikut Negeri di Malaysia



Rajah 4.3. Carta Taburan Responden Mengikut Negeri Seluruh Malaysia

Rajah 4.3 di atas menunjukkan taburan responden mengikut negeri di Malaysia. Sebanyak 16 negeri termasuk wilayah persekutuan yang terlibat dalam analisis keperluan ini. Terdapat 13 negeri mencatatkan peratusan taburan responden sebanyak 6% iaitu negeri Johor, Kedah, Kelantan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Sarawak, Selangor dan Perlis. Manakala dua negeri mencatatkan peratusan taburan responden sebanyak 5% iaitu negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Secara keseluruhannya, peratusan taburan responden bagi setiap negeri adalah seimbang dan semua negeri di Malaysia terlibat dalam soal selidik analisis keperluan. Purata keseluruhan tersebut menyumbang kepada nisbah hasil analisis dapatan yang menyeluruh dan seimbang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.2.4 Bidang Pekerjaan Responden



Rajah 4.4. Graf Bidang Pekerjaan Responden

Rajah 4.4 menunjukkan bidang pekerjaan 62 orang responden yang terlibat. Rekod menunjukkan seramai 48 orang responden adalah terdiri dalam kalangan guru sekolah, 7 orang responden yang bekerja sebagai pegawai kokurikulum di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), 4 responden yang bekerja sebagai pegawai kokurikulum di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan 3 orang responden yang bekerja sebagai pegawai kurikulum dan kokurikulum di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.2.5 Pengelasan Taburan Negeri Responden Mengikut Tempat Berkhidmat



Rajah 4.5. Carta Pengelasan Taburan Negeri Responden Mengikut Tempat Berkhidmat


Rajah 4.5 menunjukkan taburan negeri tempat responden berkhidmat yang dikategorikan kepada empat bahagian iaitu sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi kategori sekolah, terdapat 16 buah negeri yang direkodkan. Bagi kategori Pejabat Pendidikan Daerah terdapat 4 negeri yang direkodkan iaitu Terengganu, Sabah, Johor dan Kedah. Bagi kategori Jabatan Pendidikan Negeri, terdapat 7 negeri yang direkodkan iaitu Pahang, Perak, Kuala Lumpur, Kelantan, Sarawak, Pulau Pinang dan Selangor. Manakala bagi kategori Kementerian Pendidikan Malaysia, dikelaskan kepada 3 bahagian iaitu Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan serta Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian. Secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keseluruhannya, setiap kategori terdiri daripada responden yang berkhidmat dalam skop pendidikan yang signifikan dengan keperluan kajian.

4.1.2.6 Pengelasan Jawatan, Tugas & Peranan Responden



Rajah 4.6. Pengelasan Jawatan, Tugas & Peranan Responden Dalam Bidang Kesenian Teater / Kokurikulum / Kurikulum

Rajah 4.6 menunjukkan pengelasan jawatan, tugas & peranan responden dalam bidang pendidikan. Bagi kategori sekolah, seramai 10 orang responden yang berperanan sebagai guru pembimbing teater, 18 orang guru berperanan sebagai jurulatih teater, 4 orang responden yang memegang jawatan sebagai sebagai penolong kanan kokurikulum, serta 2 orang responden yang memegang jawatan sebagai guru besar atau pengetua. Bagi kategori Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) pula, direkodkan terdapat 4 orang responden yang bertugas di Unit Pembangunan Bakat Murid PPD dan memegang jawatan sebagai Penolong PPD Unit Pembangunan Bakat Murid. Bagi kategori Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), terdapat 7 orang responden yang bertugas di Unit Pembangunan Bakat Murid (Sub Unit Kesenian dan Sub

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Unit Bahasa) dan memegang jawatan sebagai Penolong Pengarah. Akhir sekali ialah 3 orang responden yang bertugas di Kementerian Pendidikan Malaysia. 3 orang responden tersebut memegang jawatan sebagai Penolong Pengarah di Bahagian Sains dan Teknologi Pendidikan, Ketua Penolong Pengarah di Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian dan Ketua Penolong Pengarah di Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM.

4.1.3 Dapatan Analisis Keperluan

Sebanyak 15 soalan telah digubal untuk analisis keperluan yang dijalankan. Seperti yang telah dijelaskan, fasa analisis keperluan telah dijalankan kepada 62 orang responden terdiri daripada guru sekolah dan pegawai kokurikulum Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri serta pegawai di Kementerian Pendidikan Malaysia. Berikut merupakan dapatan dari analisis keperluan yang dijalankan:

4.1.3.1 Dapatan Soal Selidik




Rajah 4.7. Carta Penglibatan Responden Dalam Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Di Sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.7 di atas menunjukkan peratusan penglibatan responden dalam aktiviti kokurikulum teater dan drama murid di sekolah. Dapatan menunjukkan 71% responden menyatakan terlibat secara langsung dalam aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah. Manakala 29% responden menyatakan tidak terlibat secara langsung dalam aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah. Berdasarkan data ini dapatlah diinterpretasikan bahawa purata penglibatan responden dalam aktiviti kokurikulum teater dan drama adalah berada pada tahap yang agak tinggi. 29% responden yang tidak terlibat secara langsung dalam aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah telah menyenaraikan program atau aktiviti kokurikulum teater dan drama luar sekolah seperti dalam graf di bawah:



Rajah 4.8. Graf Senarai Program / Aktiviti Luar Sekolah


Rajah 4.8 menunjukkan senarai program atau aktiviti teater dan drama luar sekolah oleh 29% responden. Terdapat 4 program atau aktiviti teater dan drama direkodkan yang melibatkan keterlibatan 29% responden. Program atau aktiviti teater dan drama tersebut adalah di luar sekolah. Penilaian Program dan aktiviti teater menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peratusan sebanyak 100%, pengurusan program dan aktiviti teater 79%, perancangan program dan aktiviti teater 64% manakala penggubalan program dan aktiviti teater sebanyak 14%. Secara keseluruhannya, jelas membuktikan responden yang berkhidmat dalam skop pendidikan tersebut masih terlibat secara tidak langsung dalam program atau aktiviti melibatkan teater dan drama di luar sekolah mengikut keperluan tugas dan perkhidmatan dalam bidang kokurikulum dan kurikulum.

4.1.3.2 Dapatan Soal Selidik 2




Rajah 4.9. Carta Responden Yang Memiliki Modul Aktiviti Teater Dan Drama

Rajah 4.9 di atas menunjukkan peratusan responden yang memiliki modul aktiviti teater dan drama. Sebanyak 93% responden tidak memiliki modul aktiviti manakala 7% lagi telah memiliki modul aktiviti teater dan drama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.3.3 Dapatan Soal Selidik 3




Rajah 4.10. Graf Sumber Rujukan Yang Digunakan Responden Dalam Pengendalian Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Di Sekolah

Berdasarkan hasil dapatan, Rajah 4.10 di atas menunjukkan sumber rujukan yang digunakan responden dalam pengendalian kokurikulum teater dan drama di sekolah. Sumber rujukan yang mencatatkan peratusan terbanyak iaitu 90% adalah dari pengalaman responden sendiri. Bahan rujukan dari nota teater dan drama yang diambil dari sumber internet mencatatkan peratusan kedua tertinggi iaitu 83.3%. Sumber rujukan dari buku teater dan drama dari penerbit berwasit mencatatkan peratusan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 45%. Sumber rujukan dari buku teks teater Sekolah Seni Malaysia mencatatkan peratusan sebanyak 25%. Akhir sekali ialah sumber rujukan dari modul aktiviti teater yang diperoleh dari pasaran mencatatkan peratusan sebanyak 23.3%.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.3.4 Dapatan Soal Selidik 4



Rajah 4.11. Carta Bahan Rujukan Teater Dan Drama Dalam Bahasa Melayu Khusus Untuk Kegunaan Murid Atau Guru Sekolah Mudah Didapati Di Pasaran Malaysia.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan maklumat dalam Rajah 4.11 di atas menunjukkan 85.5% orang responden tidak bersetuju bahawa bahan rujukan teater dan drama dalam Bahasa Melayu khusus untuk kegunaan murid atau guru sekolah mudah dan senang didapati di pasaran. Peratusan sebanyak 14.5% responden pula bersetuju bahan rujukan teater dan drama dalam Bahasa Melayu khusus untuk kegunaan murid atau guru sekolah mudah dan senang didapati di pasaran. Menerusi dapatan tinjauan ini dapat diinterpretasikan bahawa bahan-bahan rujukan teater dan drama masih sukar diperoleh di pasaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.3.5 Dapatan Soal Selidik 5




Rajah 4.12. Carta Modul Aktiviti Teater Dan Drama Untuk Kegunaan Murid Atau Guru Sekolah Mudah Didapati Di Pasaran Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Rajah 4.12 di atas, rekod dapatan hasil tinjauan menunjukkan 71% responden tidak bersetuju bahawa modul aktiviti teater dan drama untuk kegunaan murid atau guru sekolah mudah dan senang didapati di Malaysia. Manakala 29% responden pula bersetuju modul aktiviti teater dan drama untuk kegunaan murid atau guru sekolah mudah dan senang didapati. Menerusi dapatan tinjauan ini dapat diinterpretasikan bahawa modul aktiviti teater dan drama masih sukar diperoleh di Malaysia. 29% peratus responden menyatakan beberapa tempat terdapatnya modul aktiviti teater dan drama yang boleh didapati di pasaran Malaysia adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 4.13. Graf Sumber Lokasi Modul Aktiviti Teater Dan Drama

Berdasarkan Rajah 4.13 di atas menunjukkan empat lokasi terdapatnya modul aktiviti teater dan drama yang boleh didapati di Malaysia. Senarai tersebut dinyatakan oleh 29% responden. Walaubagaimanapun, responden menjelaskan bahawa modul sedia ada bukan semata-mata untuk kegunaan guru dan murid di sekolah sahaja. Mengambil sampel modul teater yang diterbitkan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Modul tersebut lebih berbentuk bimbingan yang dibangunkan khas untuk rujukan jurulatih seni budaya. Begitu juga halnya dengan modul teater dan drama yang didapati pada tiga sumber iaitu perpustakaan di universiti tempatan, sumber internet dan hak milik perseorangan yang kurang menepati keperluan semasa pengguna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.3.6 Dapatan Soal Selidik 6




Rajah 4.14. Carta Modul Aktiviti Dapat Membantu Pengendalian Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Di Sekolah

Berdasarkan maklumat dalam Rajah 4.14 di atas menunjukkan 100% responden bersetuju bahawa model aktiviti dapat membantu pengendalian aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah. Secara umumnya dapat difahami bahawa sesebuah modul memberikan pelbagai faedah. Antaranya adalah membantu guru dari segi persediaan bahan pengajaran, memberi panduan berfokus serta menjadikan aktiviti lebih terancang dan sistematik. Selain itu, modul aktiviti juga akan memudahkan individu merancang, menyelaras dan melaksanakan sesuatu aktiviti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.3.7 Dapatan Soal Selidik 7




Rajah 4.15. Carta Keperluan Pembangunan Modul Sebagai Rujukan Penting Dalam Menjalankan Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Di Sekolah

Rajah 4.15 di atas menunjukkan peratusan pendapat responden berhubung keperluan pembangunan modul sebagai rujukan penting dalam menjalankan aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah. Sebanyak 95.20% responden bersetuju dengan keperluan pembangunan modul. Manakala 4.80% responden mencatatkan tidak bersetuju dan menyenaraikan tiga alasan tidak memerlukan modul untuk dijadikan rujukan dalam menjalankan aktiviti teater dan drama di sekolah. Berikut merupakan peratusan bagi tiga alasan yang disenaraikan oleh 4.80% responden:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 4.16. Rujukan Responden Dalam Mengendalikan Aktiviti Teater Di Sekolah

Rajah 4.16 menunjukkan dapatan yang diterima daripada 4.80% responden yang menyatakan tidak memerlukan modul aktiviti teater dan drama untuk dijadikan sebagai rujukan. Dapatan menunjukkan 95.30% responden tidak memerlukan modul kerana menggunakan pengalaman sedia ada, 98.50% responden merujuk sumber internet dan 70.30% merujuk buku teater sedia ada sebagai rujukan ketika menjalankan aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah masing-masing. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa walaupun terdapat sejumlah kecil peratusan yang tidak bersetuju dengan keperluan pembangunan modul, namun dapat dilihat dengan jelas bahawa keperluan untuk membina dan membangunkan sebuah modul aktiviti teater dan drama sangat diperlukan dan mendapat permintaan yang tinggi oleh sejumlah besar responden iaitu 95.2%.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.3.8 Dapatan Soal Selidik 8




Rajah 4.17. Carta Pendapat Responden Terhadap Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Menyumbang Kepada Kemenjadian Murid

Rajah 4.17 menunjukkan peratusan pendapat responden terhadap aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah menyumbang kepada kemenjadian murid. Dapatan soal selidik menunjukkan sebanyak 98.4% responden menyatakan persetujuan dan hanya 1.6% sahaja yang menyatakan aktiviti kokurikulum teater dan drama tidak memberikan sumbangan kepada kemenjadian murid. Secara keseluruhan, majoriti responden bersetuju aktiviti kokurikulum teater dan drama mampu memberi sumbangan kepada kemenjadian murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.3.9 Dapatan Soal Selidik 9



Rajah 4.18. Graf Aktiviti Kokurikulum Drama Teater Di Sekolah Mengukuhkan Aspirasi Murid


Berdasarkan Rajah 4.18 menunjukkan peratusan pilihan responden berhubung aktiviti teater dan drama yang dapat mengukuhkan Aspirasi Murid. Terdapat 6 Aspirasi Murid yang disenaraikan iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. Berdasarkan kepada maklumbalas, nilai peratusan yang tertinggi adalah kemahiran berfikir iaitu sebanyak 93.5 %. Peratusan kedua tertinggi adalah kemahiran memimpin dan pengetahuan dengan masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 90.3%. Seterusnya adalah etika dan kerohanian dengan catatan peratusan sebanyak 85%. Keempat adalah identiti nasional iaitu mencatatkan peratusan sebanyak 80.6%. Akhir sekali adalah kemahiran dwi bahasa yang mencatatkan peratusan sebanyak sebanyak 77%. Secara keseluruhannya, jelas menunjukkan bahawa pilihan responden yang tertinggi dengan catatan peratusan terbanyak iaitu 93.50% yang berpendapat bahawa komponen kemahiran berfikir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kalangan murid sekolah dapat diperkukuh melalui aktiviti kokurikulum teater dan drama. Hal ini sekali gus memberikan signifikan dan rasional kepada pembangunan modul aktiviti untuk kajian ini.

4.1.3.10 Dapatan Soal Selidik 10




Rajah 4.19. Carta Aktiviti Kokurikulum Drama Teater Di Sekolah Dapat Melonjakkan Pembangunan Bakat Murid

Berdasarkan Rajah 4.19 di atas, 100% responden bersetuju bahawa aktiviti kokurikulum drama dan teater di sekolah dapat melonjakkan pembangunan bakat murid. Secara keseluruhannya, dapat diinterpretasikan bahawa aktiviti kokurikulum drama dan teater di sekolah telah memberi impak besar dalam melahirkan, mencungkil, mengasah sekaligus membangunkan bakat murid di sekolah secara holistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.3.11 Dapatan Soal Selidik 11




Rajah 4.20. Carta Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Di Sekolah Dapat Mengukuhkan Kemahiran Berfikir Murid

Rajah 4.20 di atas menunjukkan 100% responden bersetuju bahawa aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah dapat mengukuhkan kemahiran berfikir murid. Secara keseluruhannya dapat diinterpretasikan bahawa aktiviti teater dan drama yang meliputi pelbagai elemen seperti lakonan, pengarahan, sinografi, pengurusan produksi, pengurusan teknikal dan pengurusan pentas memberikan impak yang berkesan dalam mengukuhkan kemahiran berfikir murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.3.12 Dapatan Soal Selidik 12



Rajah 4.21. Graf Pilihan Komponen Dalam Teater Dan Drama Untuk Diimplementasikan Dalam Modul Aktiviti


Rajah 4.21 menunjukkan peratusan pilihan responden berhubung komponen teater dan drama yang perlu diimplimentasikan ke dalam modul aktiviti. Komponen yang mencatatkan peratusan tertinggi adalah lakonan dengan peratusan sebanyak 95%. Peratus bagi penulisan skrip dan drama pentas mencatatkan pilihan responden kedua tertinggi iaitu sebanyak 87.10%.Ketiga adalah komponen pengarahan yang mencatatkan peratusan sebanyak 85.50%. Keempat adalah komponen sinografi dengan catatan peratusan sebanyak 83.90%. Seterusnya, komponen yang kelima yang menjadi pilihan responden adalah pengurusan pentas dengan catatan peratusan sebanyak 82%. Berikutnya adalah komponen pengurusan teknikal mencatatkan 77.40%. Akhir sekali adalah pilihan komponen pengurusan produksi yang mencatatkan peratusan sebanyak 76%. Secara keseluruhannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

komponen lakonan menjadi pilihan utama responden untuk dijadikan kandungan dalam pembangunan modul.

4.1.3.13 Dapatan Soal Selidik 13




Rajah 4.22. Carta Latihan Lakonan Dalam Aktiviti Kokurikulum Teater Dan Drama Di Sekolah Merangsang Kemahiran Berfikir Secara Kreatif Dan Kritis

4.22 menunjukkan 98.40% responden bersetuju bahawa aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah merangsang kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis murid. Manakala hanya 1.6% responden sahaja tidak bersetuju. Berdasarkan hasil dapatan tersebut menunjukkan kemahiran berfikir kreatif dan kritis murid dapat dirangsang secara lebih bermakna melalui latihan lakonan dalam aktiviti kokurikulum teater dan drama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1.3.14 Dapatan Soal Selidik 14



Rajah 4.23. Graf 4 Pilihan Formulasi Rekabentuk Kandungan Modul Yang Sesuai Untuk Dimuatkan Dalam Modul Aktiviti Teater Dan Drama Di Sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Rajah 4.23 di atas menunjukkan peratusan pilihan responden untuk tujuh (7) formulasi rekabentuk kandungan modul untuk dimuatkan dalam modul aktiviti drama dan teater untuk sekolah. Peratusan rekabentuk kandungan yang paling tinggi menjadi pilihan responden adalah modul aktiviti teater dan drama perlu mengandungi elemen didik hibur dengan peratusan sebanyak 92%. Pilihan formulasi rekabentuk kandungan kedua tertinggi yang mencatatkan peratusan sebanyak 84% adalah modul aktiviti teater dan drama sekolah perlu berorientasikan murid. Seterusnya dengan catatan peratusan sebanyak 75.80%, responden memilih formulasi reka bentuk modul yang perlu mengandungi aras aktiviti mudah ke kompleks. Aktiviti berasaskan elemen kemahiran insaniah direkodkan dengan peratusan sebanyak 69.40% oleh responden. Isi kandungan organik dan mudah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lentur pula mencatatkan peratusan sebanyak 66%. Akhir sekali formulasi rekabentuk kandungan modul yang bersifat kekinian dan berorientasikan murid mencatatkan peratusan sebanyak 58.10%. Berdasarkan hasil dapatan tinjauan ini dapat dirumuskan bahawa permintaan bagi formulasi rekabentuk kandungan yang menjadi pilihan utama adalah modul aktiviti harus bersifat didik hibur selaras dengan konsep teater itu sendiri.

4.1.3.15 Dapatan Soal Selidik 15



Rajah 4.24. Carta Sokongan Responden Terhadap Pembangunan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Sebagai Pengukuhan Kemahiran Berfikir Murid

Berdasarkan hasil dapatan dalam Rajah 4.24 di atas menunjukkan 100% orang responden menyokong pembangunan modul aktiviti imaginasi lakonan sebagai pengukuhan kemahiran berfikir murid sekolah. Secara jelasnya, hasil analisis menunjukkan keperluan dan permintaan yang tinggi dalam kalangan pendidik terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembangunan modul aktiviti teater dan drama untuk kegunaan aktiviti kokurikulum di sekolah.

4.1.4 Rumusan Analisis Keperluan

Secara keseluruhannya, berdasarkan analisis yang telah diterangkan di atas menjelaskan dua perkara penting dalam analisis keperluan. Pertama adalah demografi responden yang terdiri daripada 62 orang responden terlibat dalam soal selidik analisis keperluan. Menjadi fokus utama kepada penyelidik untuk memilih responden yang bekerja dalam bidang pendidikan. Selain itu, pengalaman dan latar belakang setiap responden dalam bidang yang dikaji iaitu teater dan drama adalah perkara penting dalam mendapatkan maklumbalas yang komprehensif. Hal ini demikian kerana setiap responden telah mengalami, memahami situasi dan mengenal pasti isu atau permasalahan yang timbul dari pengalaman hasil mengurus, menyelaras dan melaksanakan aktiviti kokurikulum teater di sekolah. Oleh itu, hasil dari dapatan tinjauan telah menjelaskan keperluan yang signifikan untuk membangunkan sebuah modul aktiviti teater dan drama untuk kegunaan guru dan murid di sekolah. Hal ini dapat disokong oleh Aliza dan Zamri (2017) yang menjelaskan bahawa modul yang dibina perlu memfokuskan masalah atau isu-isu yang sedia ada dan menjelaskan keperluan kepada penyelesaian.

Dapatan analisis keperluan menunjukkan bahawa peratusan yang tinggi responden masih belum memiliki sebuah panduan khusus yakni modul aktiviti teater dalam menjalankan aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah. Modul aktiviti yang direka bentuk secara praktikal dan fungsional yang dibantu dengan beberapa elemen kandungan akan diimplimentasikan berorientasikan murid. Responden turut mencadangkan dua aspek penting

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang perlu diberi perhatian dalam modul aktiviti imaginasi lakonan. Aspek pertama yang harus difokuskan dalam pembangunan modul adalah kandungan aktiviti yang dibina mestilah jelas dan selari dengan objektif, penerangan arahan aktiviti yang jelas dan disediakan set latihan pengukuhan untuk setiap aktiviti sebagai pengembangan serta pengukuhan kemahiran berfikir kreatif dan kritis murid. Aspek kedua yang perlu difokuskan dalam pembangunan modul adalah aspek kandungan yang relevan dan pelbagai aras mencakupi pelbagai aras kemahiran berfikir, aktiviti yang berfungsi, menarik, kreatif dan berinteraktif.

Menerusi maklumat yang dihuraikan di atas menjelaskan bahawa modul aktiviti benar-benar signifikan untuk dibangunkan bagi mengatasi permasalahan dan memenuhi keperluan dalam pendidikan kokurikulum teater dan drama di sekolah. Melalui usaha ini, kemajuan ilmu pengetahuan dan pencapaian pada masa akan datang dapat dipertingkatkan dalam usaha untuk melahirkan lebih banyak modal insan yang berilmu pengetahuan dan berbakat sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh hal yang demikian, Aspirasi Murid yang berteraskan kemahiran berfikir akan dapat direalisasikan secara efektif terhadap murid-murid sekolah di Malaysia dengan pengaplikasian modul aktiviti lakonan menggunakan teknik imaginasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Reka bentuk dan Pembangunan Modul Aktiviti

Adalah penting untuk mempunyai matlamat atau hasil yang jelas dan boleh dicapai untuk modul dibina. Apakah yang kita mahu murid tahu, faham dan/atau boleh tunjukkan selepas mereka melengkapkan modul tersebut? Matlamat ini dikenali sebagai hasil pembelajaran atau objektif. Hasil pembelajaran adalah penyataan tentang kemahiran, pengetahuan, atau pembelajaran yang akan dimiliki oleh murid setelah mereka menyelesaikan modul tersebut.

Secara umumnya objektif pembelajaran bidang pendidikan yang diguna pakai adalah berdasarkan model pembelajaran hierarki Bloom 1950-an. Bloom mengkategorikan pembelajaran kepada tahap kecanggihan yang meningkat secara beransur-ansur, bermula dengan kemahiran pembelajaran asas, seperti mengingat semula maklumat, beralih kepada kemahiran pembelajaran yang lebih mendalam dalam penilaian dan penilaian. Hasil pembelajaran biasa untuk modul dipetakan pada hierarki Bloom menunjukkan perkembangan pembelajaran sepanjang tempoh modul berlangsung. Contohnya:

Jadual 4.1

Reka bentuk dan Pembangunan Modul Aktiviti


Pengetahuan	**Mudah**	Mengenali, menyatakan, menyenaraikan, melabelkan
Kefahaman		Mengenal pasti, menggambarkan, menerangkan, merumuskan
Aplikasi		Meramalkan, mencari, menggunakan, membina, mengira, menyelesaikan
Analisis		Membandingkan, membezakan, meneliti, memeriksa
Sintesis		Meringkaskan, berhujah, menyusun, mereka bentuk, merancang
Evaluasi	**Kompleks**	Menilai, mengkritik, membuat kesimpulan, menilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Modul yang baik mempunyai hasil atau objektif pembelajaran yang dinyatakan sejajar dengan aktiviti pengajaran dan penilaian (apa yang dipanggil penjajaran konstruktif). Dalam erti kata lain, walaupun kajian ini tidak melibatkan keberkesanan modul terhadap murid dalam konteks hasil pembelajaran, penyelidik telah menyenaraikan beberapa persoalan penting bagi memastikan pembinaan kandungan dalam Modul Aktiviti berada pada landasan yang betul. Antara persoalan tersebut adalah apakah aktiviti pembelajaran yang sesuai melibatkan murid, apakah jenis aktiviti yang akan membawa kepada pencapaian objektif pembelajaran, apakah kandungan yang diperlukan untuk mencapai hasil pembelajaran, apakah sokongan yang diperlukan oleh murid untuk mencapai hasil pembelajaran, apakah cara terbaik untuk menilai sejauh mana murid telah mencapai hasil pembelajaran dan bagaimana pengguna modul (guru atau murid) boleh menilai apa yang murid berjaya capai. Maka itu, untuk membangunkan sebuah Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan, penyelidik telah melalui fasa seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.25. Fasa Pembangunan Modul Aktiviti Imaginasi Imaginasi Lakonan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Jadual Kerangka Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 1

Unit	Tajuk Unit	Aktiviti	Tajuk Aktiviti	Bil Soalan	Tempooh Masa
Unit 1	Sayalah Si Apa Sahaja	Aktiviti A	Pekerjaan Saya	20	10 minit
		Aktiviti B	Haiwanku Sayang	20	10 minit
		Aktiviti C	Peralatkan Saya	20	10 minit
		Aktiviti D	Fantastik Fantasi	20	10 minit
		Aktiviti E	Kami Adalah Segala-galanya	10	5 minit
				90 soalan	45 minit

Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 1 : Sayalah Si Apa Sahaja merupakan aktiviti imaginasi lakonan yang paling asas. Unit 1 melibatkan aktiviti lakonan aras mudah dan merupakan pengenalan kepada lakonan imaginasi dalam lakonan. Terdapat lima latihan lakonan dalam Unit 1 iaitu Aktiviti A: Pekerjaan Saya, Aktiviti B: Haiwanku Sayang, Aktiviti C: Peralatkan Saya, Aktiviti D: Fantastik Fantasi dan Aktiviti E: Kami Adalah Segala-galanya. Aktiviti A adalah latihan imaginasi lakonan bertemakan pekerjaan, Aktiviti B bertemakan haiwan, Aktiviti C adalah bertemakan peralatan, Aktiviti D bertemakan fantasi dan futuristik serta Aktiviti E adalah bertemakan bebas. Aktiviti A, B, C dan E setiap satunya mengandungi 20 arahan manakala bagi Aktiviti E mengandungi 10 arahan. Tempoh masa bagi keseluruhan Unit 1 adalah 50 minit. Tempoh masa bagi setiap aktiviti pula adalah sebanyak 10 minit. Aktiviti imaginasi lakonan setiap Unit 1 berjalan pantas iaitu hanya selama 30 saat sahaja bagi setiap arahan. Pada akhir setiap aktiviti terdapat Aktiviti Rangsang Minda (ARM) yang diilhamkan dari Teknik Lakonan Stella Adler. ARM adalah latihan soal jawab berkonsepkan sumbang saran untuk menjana pemikiran kreatif dan kritis bagi mengembangkan idea murid. ARM mengandungi 10 soalan contoh yang memerlukan murid bersoal jawab antara satu sama lain yang bertujuan membina pemikiran yang lebih kritikal, logik dan lebih mendalam. Berikut merupakan petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 1:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 1

UNIT 1: SAYALAH SI APA SAHAJA	
Pengenalan	Sayalah Si Apa Sahaja merupakan aktiviti imaginasi lakonan menjadi apa sahaja. Antara contoh latihan lakonan Unit 1 ialah menjadi orang tua, kucing, gunting, makhluk asing dan lain-lain lagi yang memerlukan murid menggunakan daya imaginasi secara kreatif, logik dan bebas.
Cadangan masa	45 minit : bagi keseluruhan Unit 1 10 minit : bagi setiap aktiviti
Kandungan Unit 1	1. Aktiviti A : Pekerjaan Saya 2. Aktiviti B : Haiwanku Sayang 3. Aktiviti C : Peralatkan Saya 4. Aktiviti D : Fantastik Fantasi 5. Aktiviti E : Kami Adalah Segala-galanya

Jadual 4.4

Kerangka Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 2

Unit	Tajuk Unit	Aktiviti	Tajuk Aktiviti	Bil Arahan	Tempoh Masa
Unit 2	Sensasi Deria	Aktiviti A	Sensori Rasa	5	2 minit 30 saat
		Aktiviti B	Sensori Dengar	5	2 minit 30 saat
		Aktiviti C	Sensori Lihat	5	2 minit 30 saat
		Aktiviti D	Sensori Bau	5	2 minit 30 saat
		Aktiviti E	Gabungan Sensori	5	2 minit 30 saat
				25	12 minit 30 saat

Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 2: Sensasi Deria merupakan aktiviti imaginasi lakonan yang menggunakan empat (4) mekanisme deria. Terdapat lima (5) latihan lakonan dalam Unit 2 iaitu Aktiviti A: Sensori Rasa, Aktiviti B: Sensori Dengar, Aktiviti C: Sensori Lihat, Aktiviti D: Sensori Bau, dan Aktiviti E: Gabungan Sensori. Aktiviti A adalah latihan imaginasi lakonan menggunakan deria rasa, Aktiviti B menggunakan deria mendengar, Aktiviti C menggunakan deria melihat, Aktiviti D menggunakan deria menghidu serta Aktiviti E adalah latihan imaginasi lakonan menggunakan gabungan keempat-empat deria. Terdapat 5 arahan bagi setiap aktiviti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tempoh masa bagi keseluruhan Unit 2 adalah 12 minit 30 saat. Tempoh masa bagi setiap aktiviti ialah 2 minit 30 saat. Tempoh masa bagi setiap aktiviti pula adalah sebanyak 10 minit. Aktiviti imaginasi lakonan setiap Unit 1 berjalan pantas iaitu hanya selama 30 saat sahaja bagi setiap arahan. Pada akhir setiap aktiviti, dimasukkan Aktiviti Rangsang Minda (ARM) yang diilhamkan dari Teknik Lakonan Stella Adler (seperti Unit 1) untuk menjana pemikiran kreatif dan kritis bagi mengembangkan idea murid. ARM mengandungi 10 soalan contoh yang memerlukan murid yang memerlukan murid bersoal jawab antara satu sama lain yang bertujuan membina pemikiran yang lebih kritikal, logik dan lebih mendalam. Berikut merupakan petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 2:

Jadual 4.5

Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 2

UNIT 2: SENSASI DERIA	
Pengenalan	Sensasi Deria merupakan aktiviti imaginasi lakonan yang menggunakan mekanisme empat deria. Antara contoh latihan lakonan Unit 2 ialah melakonkan situasi yang menggunakan deria rasa, deria dengar, deria lihat dan deria bau. Latihan lakonan ini memerlukan murid menggunakan daya imaginasi secara kreatif, logik dan bebas.
Arahan	Murid perlu berimaginasi dan mencipta lakonan yang meyakinkan. Aktiviti ini berjalan pantas mengikut masa yang ditetapkan. Oleh itu, murid harus berfikir dengan cepat dan perlu menukar aksi lakonan sepantas 30 saat. Aksi, reaksi, ekspresi, emosi dan olah tubuh harus sesuai dengan arahan yang diberikan.
Cadangan masa	12 minit 30 saat : bagi keseluruhan Unit 2 2 minit 30 saat : bagi setiap aktiviti
Kandungan Unit 1	6. Aktiviti A : Sensori Rasa 7. Aktiviti B : Sensori Dengar 8. Aktiviti C : Sensori Lihat 9. Aktiviti D : Sensori Bau 10. Aktiviti E : Gabungan Sensori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Kerangka Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 3

Unit	Tajuk Unit	Aktiviti	Tajuk Aktiviti	Bil Arahan	Tempoh Masa
Unit 3	Mesin Emosi	Aktiviti A	Emosi Gembira	5	2 minit 30 saat
		Aktiviti B	Emosi Sedih	5	2 minit 30 saat
		Aktiviti C	Emosi Marah	5	2 minit 30 saat
		Aktiviti D	Emosi Kecewa	5	2 minit 30 saat
		Aktiviti E	Emosi Takut	5	2 minit 30 saat
		Aktiviti F	Emosi Jijik dan Muak	5	2 minit 30 saat
		Aktiviti G	Gabungan Emosi	10	5 minit
				40	17 minit 30 saat

Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 3: Mesin Emosi merupakan aktiviti imaginasi lakonan aras sederhana yang melibatkan emosi atau perasaan. Terdapat tujuh latihan lakonan yang dibangunkan dalam Unit 3 iaitu Aktiviti A: Emosi Gembira, Aktiviti B: Emosi Sedih, Aktiviti C: Emosi Marah, Aktiviti D: Emosi Kecewa, Aktiviti E: Emosi Takut, Aktiviti F: Emosi Jijik dan Muak serta Aktiviti G: Gabungan Emosi. Aktiviti A merupakan latihan imaginasi lakonan bertemakan perasaan gembira dalam pelbagai situasi. Begitu juga dengan Aktiviti B, C dan D, E dan F. Aktiviti G pula melibatkan gabungan semua perasaan. Aktiviti A, B, C, D, E dan F setiap satunya mengandungi 5 arahan manakala Aktiviti G pula mengandungi 10 soalan. Tempoh masa bagi keseluruhan Unit 2 adalah 17 minit 30 saat. Tempoh masa bagi setiap Aktiviti A, B, C, D dan E ialah 2 minit 30 saat. Manakala tempoh masa bagi Aktiviti G ialah 5 minit. Aktiviti imaginasi lakonan setiap Unit 3 berjalan pantas iaitu hanya selama 30 saat sahaja bagi setiap arahan. Terdapat Aktiviti Rangsang Minda (ARM) pada akhir setiap aktiviti yang diilhamkan dari Teknik Lakonan Stella Adler (seperti Unit 1 dan 2) untuk menjana pemikiran kreatif dan kritis bagi mengembangkan idea murid. ARM mengandungi 10 soalan contoh yang memerlukan murid bersoal jawab antara satu sama lain yang bertujuan membina pemikiran yang lebih kritikal, logik dan lebih mendalam. Berikut merupakan petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 3:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7

Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 3

UNIT 3: MESIN EMOSI	
Pengenalan	Mesin emosi merupakan aktiviti imaginasi lakonan yang menggunakan lima unsur emosi. Antara contoh latihan lakonan Unit 3 ialah melakonkan situasi yang menggunakan emosi gembira, sedih, kecewa marah dan takut. Latihan lakonan ini memerlukan murid menggunakan daya imaginasi secara kreatif, logik dan bebas.
Arahan	Murid perlu melakonkan dan meluahkan berdasarkan arahan dengan meyakinkan. Murid harus berfikir dengan sensitif, berimaginasi dan melakukan tindakan yang sesuai dengan arahan. Murid harus berfikir dengan kreatif dan kritis, berimaginasi melakukan tindakan dan perbuatan yang menunjukkan ekspresi, bahasa tubuh, aksi dan reaksi yang meyakinkan.
Cadangan masa	17 minit 30 saat : bagi keseluruhan Unit 3 2 minit 30 saat : bagi setiap Aktiviti A,B, C, D, E, dan F 5 minit : bagi Aktiviti G
Kandungan Unit 3	11. Aktiviti A : Emosi Gembira 12. Aktiviti B : Emosi Sedih 13. Aktiviti C : Emosi Marah 14. Aktiviti D : Emosi Kecewa 15. Aktiviti E : Emosi Takut 16. Aktiviti F : Emosi Jijik dan Muak 17. Aktiviti G : Gabungan Emosi

Jadual 4.8

Kerangka Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 4

Unit	Tajuk Unit	Aktiviti	Tajuk Aktiviti	Latihan	Tempoh Masa
Unit 4	Cipta Dan Lakonkan	Aktiviti A	Cipta Latar Bayangan	Latihan 1 : Sungai Tragedi	2 minit
				Latihan 2 : Basikal dan Anjing	2 minit
				Latihan 3 : Magis Cuaca	2 minit
				Latihan 4 : Anak Kecil	2 minit
				Latihan 5 : Si Tua	2 minit
				Latihan 6 : Saat Terakhir	2 minit
		Aktiviti B	Sambung Cerita	Latihan 1 : Cerita Realiti	5 minit
				Latihan 2 : Cerita Fantasi	5 minit
		Aktiviti C	Sambung Dialog	Latihan 1 (10 soalan)	10 minit
		Aktiviti D	Penglipur Lara	Latihan 1 : Misi Menyelamat Paling Mendebarkan	10 minit
				Latihan 2 : Memburu Rusa Di Hutan	10 minit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

				Latihan 3 : Gelandangan Yang Lapar	10 minit
				Latihan 4 : Hari Paling Tragis	10 minit
				Latihan 5 : Mekanik Paling Jujur	10 minit
				Latihan 6 : Hadiah Teristimewa	10 minit
				Latihan 7 : Orang Utan Tersesat Di Metropolitan	10 minit
				Latihan 8 : Tukang Jahit Si Penipu Raja	10 minit
				Latihan 9 : Hero Penyelamat Dunia	10 minit
				Latihan 10 : Bumi Jangan Menangis	10 minit
				Latihan 11 : Misteri Terowong Hujung Jalan	10 minit
				Latihan 12 : Saintis Menghidupkan Manusia Mati	10 minit
				Latihan 13 : Dendam dan Air Mata	10 minit
				Latihan 14 : Mimpi Terindah	10 minit
				Latihan 15 : Peperangan di Palestin	10 minit
				Latihan 16 : Kisah Penyu dan Anak-anaknya	10 minit
				Latihan 17 : Terbang di Awan Biru	10 minit
				Latihan 18 : Kem Pelarian Afghanistan	10 minit
				Latihan 19 : Dongeng Ikan Todak	10 minit
				Latihan 20 : Jembalang Berbulu Hitam	10 minit
				38 soalan/aktiviti	3 jam 42 minit

Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 4: Cipta dan Lakonkan merupakan aktiviti imaginasi lakonan aras tinggi yang memerlukan murid mencipta cerita dan membina lakonan secara serentak. Unit 4 ini melibatkan proses membina imaginasi seperti yang disarankan oleh Stella Adler yang mana pelakon harus membangunkan soalan-soalan yang memberi perincian kepada imaginasi untuk menterjemahkan lakonan yang berkualiti. Terdapat lima latihan lakonan yang dibangunkan dalam Unit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Antaranya termasuklah Aktiviti A: Cipta Latar Bayangan, Aktiviti B: Sambung Cerita, Aktiviti C: Sambung Dialog dan Aktiviti D: Penglipur Lara. Dalam setiap aktiviti yang dinyatakan, terdapat beberapa pecahan latihan.

Cipta Latar Bayangan bagi Aktiviti:A merupakan aktiviti lakonan imaginasi mencipta watak, latar tempat dan prop mengikut situasi seperti dalam arahan. Terdapat enam latihan dalam aktiviti ini iaitu Latihan 1: Sungai Tragedi, Latihan 2: Basikal dan Anjing, Latihan 3: Magis Cuaca, Latihan 4: Anak Kecil, Latihan 5: Si Tua dan Latihan 6: Saat Terakhir. Setiap latihan yang terdapat dalam Aktiviti A mengandungi 10 arahan. Tempoh masa bagi setiap latihan dalam Aktiviti A ialah 2 minit dengan peruntukan 10 saat bagi setiap arahan kecil dalam latihan.

Aktiviti B:Sambung Cerita memerlukan murid untuk menyambung cerita secara spontan. Bagi aktiviti ini, murid bebas untuk menyambung cerita mengikut kreativiti. Terdapat dua latihan dalam aktiviti Sambung Cerita iaitu Latihan 1: Cerita Realiti dan Latihan 2: Cerita Fantasi. Setiap latihan terbahagi kepada lima tema berbeza antaranya termasuklah Tetamu Misteri, Lucu!, Kemalangan, Lembaga dan Pujuk bagi Latihan 1: Cerita Realiti. Tema bagi Latihan 2: Cerita Fantasi ialah Makhluk Asing, Gergasi, Nenek Kebayan, Robot dan Semut. Berdasarkan tema-tema yang telah diberi, terdapat ayat permulaan yang disediakan seterusnya perlu disambung secara spontan oleh murid. Aktiviti ini berjalan pantas selama satu minit dan murid harus mempamerkan aksi, reaksi, ekspresi, emosi dan olah tubuh yang bersesuaian serta meyakinkan.

Aktiviti C: Sambung Dialog pula merupakan sebuah cabaran membina dialog spontan secara berpasangan atau berkumpulan. Aktiviti ini terbahagi kepada dua latihan iaitu Latihan 1: Cerita Realiti dan Latihan 2: Cerita Fantasi. Dalam pelaksanaan aktiviti ini, dialog permulaan disediakan seterusnya disambung oleh murid dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan kreativiti masing-masing. Setiap latihan dalam aktiviti Sambung Dialog mengandungi 10 soalan dan aktiviti ini berjalan pantas selama 1 minit. Aktiviti dan latihan dengan peruntukan masa yang singkat dapat merangsang murid untuk mengeksplorasi daya imaginasi serta menjana kemahiran berfikir.

Aktiviti yang terakhir dalam Unit 4 ialah Aktiviti D: Penglipur Lara. Penglipur Lara merupakan aktiviti imaginasi lakonan yang memerlukan murid untuk menjadi pencerita di hadapan penonton. Tempoh masa yang diperuntukkan ialah selama 15 minit dengan 5 minit masa persediaan dan 10 minit untuk bercerita. Terdapat 20 latihan dengan tajuk yang berbeza dan murid bebas menggunakan kreativiti untuk membina cerita berdasarkan tajuk yang diberi. Tajuk-tajuk yang terdapat dalam aktiviti ini termasuklah Misi Menyelamat Paling Mendebarkan, Memburu Rusa di Hutan, Hari Paling Tragis, Kes Langgar Lari, Mekanik Paling Jujur, Hadiah Teristimewa, Orang Utan Tersesat di Kota Metropolitan, Tukang Jahit Menipu Raja, Hero Penyelamat Dunia, Bumi Jangan Menangis, Misteri Terowong Jalan Mati, Saintis Menghidupkan Manusia Mati, Dendam dan Air Mata, Mimpi Terindah, Peperangan di Palestin, Kisah Penyu dan Anak-anaknya, Terbang di Awan Biru, Kem Pelarian Afghanistan, Dongeng Ikan Todak dan Jembalang Berbulu Hitam.

Aktiviti dan latihan yang dibangunkan dalam Unit 4 ini memerlukan murid mencipta pengetahuan baharu berdasarkan pengetahuan sedia ada. Ini sejajar dengan pendekatan konstruktivisme yang menjadikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) sebagai salah satu elemen penting. Pada akhir Unit 4, terdapat Aktiviti Rangsang Minda (ARM) yang diilhamkan daripada Teknik Lakonan Stella Adler yang memerlukan murid menjana pemikiran kreatif dan kritis menerusi latihan soal jawab berkonsepkan sumbang saran. Berikut merupakan petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 4:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9

Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 4

UNIT 4: CIPTA DAN LAKONKAN	
Pengenalan	Cipta dan Lakonkan merupakan aktiviti imaginasi lakonan mencipta cerita dan membina lakonan yang perlu dilakukan secara spontan dan serentak. Murid harus mencip ta dialog, membina cerita serta perlu menghidupkan watak, situasi, latar tempat dan latar masa seolah-olah sedang berlaku di depan mata. Cipta dan Lakonkan mengandungi 4 aktiviti iaitu Aktiviti A: Cipta Latar Bayangan, Aktiviti B: Sambung Cerita, Aktiviti C: Sambung Dialog dan Aktiviti D: Penglipur Lara.
Arahan	Murid perlu berimagnasi dengan mencipta cerita, dialog, latar dan situasi seolah-olah wujud dan berlaku di depan mata. Murid bebas berimaginasi dan membina lakonan yang meyakinkan pada setiap aktiviti. Aksi, reaksi ekspresi, emosi dan bahasa tubuh terhadap situasi yang wujud dalam imaginasi perlu jelas dilakonkan. Murid juga perlu menunjukkan kesinambungan lakonan dari awal hingga tamat cerita. Murid perlu mengikut ketetapan masa bagi setiap aktiviti.
Cadangan masa	3 jam 42 minit : bagi keseluruhan Unit 4 2 minit 30 saat : bagi setiap latihan Aktiviti A 5 minit : bagi setiap latihan Aktiviti B 10 minit : bagi Aktiviti C dan setiap latihan Aktiviti D
Kandungan Unit 4	1. Aktiviti A : Cipta Latar Bayangan Latihan 1 : Sungai Tragedi Latihan 2 : Basikal dan Anjing Latihan 3 : Magis Cuaca Latihan 4 : Anak Kecil Latihan 5 : Si Tua Latihan 6 : Saat Terakhir 2. Aktiviti B : Sambung Cerita Latihan 1 : Cerita Realiti Latihan 2 : Cerita Fantasi 3. Aktiviti C : Sambung Dialog 4. Aktiviti D : Penglipur Lara Latihan 1 : Misi Menyelamat Paling Mendebarkan Latihan 2 : Memburu Rusa Di Hutan Latihan 3 : Gelandangan Yang Lapar Latihan 4 : Hari Paling Tragis Latihan 5 : Mekanik Paling Jujur Latihan 6 : Hadiah Teristimewa Latihan 7 : Orang Utan Tersesat Di Metropolitan Latihan 8 : Tukang Jahit Si Penipu Raja Latihan 9 : Hero Penyelamat Dunia Latihan 10 : Bumi Jangan Menangis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	Latihan 11 : Misteri Terowong Hujung Jalan Latihan 12 : Saintis Menghidupkan Manusia Mati Latihan 13 : Dendam dan Air Mata Latihan 14 : Mimpi Terindah Latihan 15 : Peperangan di Palestin Latihan 16 : Kisah Penyu dan Anak-anaknya Latihan 17 : Terbang di Awan Biru Latihan 18 : Kem Pelarian Afghanistan Latihan 19 : Dongeng Ikan Todak Latihan 20 : Jembalang Berbulu Hitam

Jadual 4.10

Kerangka Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 5

Unit	Tajuk Unit	Aktiviti	Tajuk Aktiviti	Latihan	Tempoh Masa
Unit 5	Jom Berimaginasi!	Aktiviti A	Cabaran Lakonan	Latihan 1 : Tanpa Sengaja	2 minit
				Latihan 2 : Pertengkaran Dengan Mama	2 minit
				Latihan 3 : Cemburu	2 minit
				Latihan 4 : Cicak	2 minit
				Latihan 5 : Perpisahan	2 minit
				Latihan 6 : Main-main	2 minit
				Latihan 7 : Lewat	2 minit
				Latihan 8 : Sang Sakti	2 minit
				Latihan 9 : Insaf	2 minit
				Latihan 10 : Sakit Jiwa	2 minit
		Aktiviti B	Ayuh Lakonkan	Latihan 1 : Tema : Ibu	5 minit
				Latihan 2 : Tema : Mangsa Psiko Kejam	5 minit
				Latihan 3 : Tema: Perjuangan Di Medan Perang	5 minit
				Latihan 4 : Tema: Khabar Gembira	5 minit
				Latihan 5 : Tema:Robot Masa Depan	5 minit
				Latihan 6 : Tema : Sesat Di Hutan	5 minit
				Latihan 7 :Tema: Sumpah Nenek Kebayan	5 minit
				Latihan 8 : Tema : Semangat Kesukanan	5 minit
				Latihan 9 : Tema : Saintis Gila	5 minit
				Latihan 10 : Tema : Anugerah Terindah	5 minit
		Aktiviti C		Latihan 1	5 minit
				Latihan 2	5 minit
				Latihan 3	5 minit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

			Cipta Imaginasi Terhebat	Latihan 4	5 minit
				Latihan 5	5 minit
				Latihan 6	5 minit
				Latihan 7	5 minit
				Latihan 8	5 minit
				Latihan 9	5 minit
				Latihan 10	5 minit
				30 soalan	2 jam

Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 5: Jom Berimaginasi merupakan aktiviti lakonan cabaran imaginasi aras tinggi menggunakan bahan media interaktif. Unit 5 ini memberi galakan kepada murid untuk meneroka imaginasi dengan lebih jauh dan berfikir di luar kotak selain berupaya membantu membina lakonan yang lebih berkesan. Unit ini mengandungi tiga aktiviti iaitu Aktiviti A: Cabaran Lakonan, Aktiviti B: Ayuh Lakonkan dan Aktiviti C: Cipta Imaginasi Terhebat. Cadangan masa untuk setiap aktiviti adalah sebanyak 2 minit – 5 minit bagi setiap pecahan aktiviti.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Terdapat beberapa latihan yang dibangunkan dalam ketiga-tiga aktiviti utama Unit 5. Aktiviti A: Cabaran Lakonan mempunyai 10 latihan iaitu Latihan 1: Tanpa Sengaja, Latihan 2: Pertengkaran Dengan Mama, Latihan 3: Cemburu, Latihan 4: Cicak, Latihan 5: Perpisahan, Latihan 6: Main-main, Latihan 7: Lewat, Latihan 8: Sang Sakti, Latihan 9: Insaf dan Latihan 10: Sakit Jiwa. Cabaran Lakonan memerlukan penglibatan murid secara berpasangan atau berkumpulan. Murid perlu menyahut cabaran lakonan menggunakan video interaktif menerusi aplikasi *TikTok*.

Aktiviti B:Ayuh Lakonkan memerlukan murid untuk melakonkan dialog yang dipaparkan dan mempamerkan aksi, reaksi, emosi dan ekspresi yang meyakinkan. Aktiviti ini boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan sama ada di hadapan rakan-rakan atau menggunakan aplikasi *TikTok*. Aktiviti ini mengandungi 10 latihan dengan tema yang berbeza. Antaranya termasuklah Latihan 1 dengan tema Ibu, Latihan 2 dengan tema Mangsa Psiko Kejam, Latihan 3 bertemakan Perjuangan di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Medan Perang, Latihan 4 bertemakan Khabar Gembira, Latihan 5 bertemakan Robot Masa Depan. Latihan 6 melibatkan tema Sesat di Hutan, Latihan 7 dengan tema Sumpah Nenek Kebayan, Latihan 8 bertemakan Semangat Kesukanan, Latihan 9 bertemakan Saintis Gila dan Latihan 10 bertemakan Anugerah Terindah.

Aktiviti C: Cipta Imaginasi Terhebat memerlukan murid untuk mendengar muzik/audio dengan teliti. Seterusnya, murid bebas memilih tema/tajuk dan membina sebuah cerita yang sesuai dengan *mood* muzik/audio tersebut. Aktiviti ini terdiri daripada 10 latihan dengan latar suasana yang berbeza. Berikut merupakan petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 4:

Jadual 4.11

Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 5

UNIT 5: JOM BERIMAGINASI	
Pengenalan	Jom Berimaginasi merupakan aktiviti lakonan cabaran imaginasi menggunakan bahan media interaktif. Murid digalakkan meneroka imaginasi secara lebih jauh dan berfikir di luar kotak serta membina lakonan dengan lebih menarik. Jom Berimaginasi mengandungi 3 aktiviti iaitu Aktiviti A: Cabaran Lakonan, Aktiviti B: Ayuh Lakonkan dan Aktiviti C: Cipta Imaginasi Terhebat.
Cadangan masa	2 jam : bagi keseluruhan Unit 5 2 minit: bagi setiap latihan Aktiviti A 5 minit : bagi setiap latihan Aktiviti B dan C
Arahan	Murid perlu berimaginasi dengan mencipta cerita, dialog, latar dan situasi seolah-olah wujud dan berlaku di depan mata. Murid bebas berimaginasi dan membina lakonan yang meyakinkan pada setiap aktiviti. Aksi, reaksi ekspresi, emosi dan bahasa tubuh terhadap situasi yang wujud dalam imaginasi perlu jelas dilakonkan. Murid juga perlu menunjukkan kesinambungan lakonan dari awal hingga tamat aktiviti. Murid perlu mengikut ketetapan masa bagi setiap aktiviti.
Kandungan Unit 5	1. Aktiviti A : Cabaran Lakonan Latihan 1 : Tanpa Sengaja Latihan 2 : Pertengkaran Dengan Mama Latihan 3 : Cemburu Latihan 4 : Cicak Latihan 5 : Perpisahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	Latihan 6 : Main-main Latihan 7 : Lewat Latihan 8 : Sang Sakti Latihan 9 : Insaf Latihan 10 : Sakit Jiwa 2. Aktiviti B : Ayuh Lakonkan Latihan 1 : Tema : Ibu Latihan 2 : Tema : Mangsa Psiko Kejam Latihan 3 : Tema : Perjuangan Di Medan Perang Latihan 4 : Tema : Khabar Gembira Latihan 5 : Tema : Robot Masa Depan Latihan 6 : Tema : Sesat Di Hutan Latihan 7 : Tema : Sumpah Nenek Kebayan Latihan 8 : Tema : Semangat Kesukanan Latihan 9 : Tema : Saintis Gila Latihan 10 : Tema : Anugerah Terindah 3. Aktiviti C : Cipta Imaginasi Terhebat
Nota:	Guru/Pembimbimbing boleh memberi galakan kepada murid untuk meneroka imaginasi menggunakan pengalaman sedia ada. Pemerhatian bahan/ sumber sedia ada juga membantu murid mencipta dialog/cerita. Melalui bunyi, penghayatan akan membantu murid dalam menentukan tema/tajuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1 Aplikasi Teknik Imaginasi Lakonan Stella Adler Dalam Pembangunan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan

Merujuk Teknik Imaginasi Lakonan Stella Adler, Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan yang dibangunkan mengandungi pelbagai aras latihan aktiviti melibatkan penggunaan elemen berasaskan imaginasi secara aktif. Berikut merupakan beberapa contoh aplikasi Teknik Imaginasi Lakonan Stella Adler yang dibangunkan dalam Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12

Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 1

Unit 2: Sayalah Si Apa Sahaja *Aktiviti D: Fantasi Fantastik*	
i.	*Bayangkan anda robot yang sedang hilang kawalan*
ii.	*Bayangkan anda nenek kebayan yang sedang menilik bola magis*
iii.	***(…SULIT)***
iv.	*Bayangkan anda raksasa yang sedang memijak manusia*
v.	*Bayangkan anda matahari yang diselaputi salji*
vi.	*Bayangkan anda naga berapi yang sedang menyembur api kepada musuh*
vii.	***(…SULIT)***
viii.	*Bayangkan anda kartun yang masuk ke dunia realiti*
ix.	*Bayangkan anda superhero yang sedang menyelamatkan dunia*
x.	*Bayangkan anda harimau jadian yang sedang bertukar menjadi manusia*

Jadual 4.13

Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 2

Unit 2: Sensasi Deria *Aktiviti A: Sensori Dengar*	
xi.	***(…SULIT)***
xii.	*Bayangkan anda sedang mendengar bunyi guruh berdentum dan kilat sabung*
xiii.	*menyabung*
xiv.	*Bayangkan anda sedang mendengar suara orang meminta tolong*
xv.	*Bayangkan anda sedang mendengar bunyi suara makhluk halus menggilai yang sangat nyaring*
xvi.	***(…SULIT)***

Jadual 4.14

Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 3

Unit 3: Mesin Emosi *Aktiviti A: Emosi Gembira*	
i.	*Bayangkan anda memenangi sebuah pertandingan yang besar*
ii.	***(…SULIT)***
iii.	***(…SULIT)***
iv.	*Bayangkan anda sedang menerima anugerah dalam sebuah majlis berprestij*
v.	*Bayangkan anda melihat telatah lucu yang menggelikan hati.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 4

Unit 4: Cipta dan Lakonkan *Aktiviti A: Cipta Latar Bayangan* *Tema: Fantasi/Futuristik*
Latihan 6 : Saat Terakhir *i.* ***(…SULIT)*** *ii.* ***(…SULIT)*** *iii.* *Anda telah dipakaikan dengan alat bantuan pernafasan dan mulut anda telah dimasukkan tiub. Maka sukar untuk anda bercakap.* *iv.* *Datang ayah anda, bercakap dengan anda dan memandang anda dengan tenang dengan memberikan senyuman yang penuh kesayuan.* *v.* ***(…SULIT)*** *vi.* *Dalam kepayahan anda bercakap memohon maaf kepada ibu dan ayah serta mengucapkan perasaan kasih sayang kepada mereka.* *vii.* *Anda semakin sukar bernafas. Semakin sesak nafas dan rasa sakit semakin kuat* *viii.* *Ayah berteriak memanggil doktor, ibu pula menangis merangkul anda. Dalam kesakitan anda menangis tanpa suara* *ix.* ***(…SULIT)***

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16

Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 5

Unit 5: Jom Berimaginasi! *Aktiviti B: Ayuh Lakonkan*
Arahan: Murid perlu melakonkan dialog yang dipaparkan dengan mempamerkan aksi, reaksi, emosi dan ekspresi meyakinkan. Murid boleh melakukan aktiviti ini di hadapan rakan-rakan atau menggunakan aplikasi tiktok. *Latihan 9: Saintis Gila* *Akhirnya aku berjaya mencipta racun yang akan membunuh seluruh manusia di muka bumi ini. Inilah dia racun pembunuh paling kejam! Hahaha… Racun ini aku akan lepaskan ke udara.* ***(…SULIT)*** *lemah lembut masuk ke rongga tubuh mereka. Tajam menikam, mencarik, mengoyak, menghancurkan semua organ dalam tubuh. Kemudian, aah!!!... Aah!!!...sakit. Mereka mula sesak nafas, resah, gelisah, terseksa, sengsara, mengelupur, meronta dan menjerit, meraung, melolong! Aah!!! dalam masa beberapa saat mereka akan sesak nafas, terseksa dan sengsara!!!...sakit!!!* ***(…SULIT)*** *lumpuh dan sengsara! Tiada siapa yang mampu melawan dan menandingi kekuasaan aku! Akulah yang paling berkuasa! Haha..*


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan petikan aktiviti lakonan dalam Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan jelas bahawa, penumpuan Teknik Imaginasi Lakonan Stella Adler telah dibangunkan secara konsisten. Seperti yang telah dibincangkan dalam Bab Satu**,** aktiviti lakonan imaginasi akan menggerakkan pemikiran murid agar sentiasa aktif dalam menjana idea dan memprosesnya untuk mencipta lakonan yang paling meyakinkan. Hal ini berlaku apabila terdapat rangsangan kemahiran berfikir dan proses eksplorasi yang bebas tanpa sempadan dibina dalam minda murid. Murid akan menganalisis setiap pilihan jawapan yang mereka cipta dalam imaginasinya lantas memilih jawapan yang terbaik untuk dipersembahkan. Selain itu juga, teknik imaginasi Stella Adler akan mewujudkan suasana pembelajaran merasa aktif dan menyeronokkan untuk membuat analisis sepanjang latihan kerana melalui proses latihan seseorang individu boleh memilih untuk membuat tindakan yang berbeza.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sepuluh (10) matlamat yang diasaskan dari Teknik Imaginasi Lakonan Stella Adler diimplementasikan dalam pembangunan kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan seperti berikut:



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.26. 10 Matlamat Yang Diasaskan dari Teknik Imaginasi Lakonan Stella Adler Diimplementasi Dalam Pembangunan Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan

Sementelahan, pengisian kandungan kokurikulum juga merangkumi pelbagai elemen lain seperti keilmuan, sosiobudaya, kemanusiaan, sains dan teknologi, futuristik dan alam sekitar. Dalam pada itu, elemen nilai murni juga diterapkan dalam kandungan modul aktiviti ini seperti kasih sayang, simpati, empati, usaha, ketekunan, kegigihan, disiplin, keberanian serta patriotisme yang secara langsung membina dan membangunkan pengetahuan dan pengalaman intelek, jasmani, emosi dan rohani murid.

4.2.2 Aplikasi Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis Dalam Pembangunan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis, Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan yang dibangunkan mengandungi pelbagai aras latihan aktiviti melibatkan penggunaan kemahiran berfikir mereka secara aktif. Hal ini demikian dibuktikan dengan pembangunan kandungan dalam modul aktiviti yang konsisten dengan aktiviti melibatkan rangsangan minda pada setiap unit. Dalam Unit 2 misalnya, penyelidik telah menggunakan teknik sensori dalam latihan lakonan imaginasi sebagai rangsangan kepada pemikiran kreatif. Teknik Sensori yang telah diperkenalkan oleh M. Azhar (2001), membuktikan perkaitan kemahiran kreatif dengan deria. Sensitiviti deria terhadap persekitaran menjadikan murid lebih peka. Gabungan deria dan minda akan mewujudkan sebuah kerjasama yang bersifat semiotik dan kreatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17

Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Unit 2

Unit 2: Sensasi Deria *Aktiviti A: Sensori Lihat*
i. ***(…SULIT)*** *ii.* *Bayangkan anda sedang melihat sebatang pen yang dibaling kepada anda secara tiba-tiba* *iii.* *Bayangkan anda sedang melihat kapal terbang yang terbang tinggi di udara* *iv.* ***(…SULIT)*** *v.* *Bayangkan anda sedang melihat sebuah kereta bertembung dengan sebuah lori balak*

Pada Unit 1 hingga Unit 5, aplikasi kemahiran kreatif dan kritis telah dibangunkan secara eksplisit berbentuk aktiviti dan soalan dalam Aktiviti Rangsang Minda. ARM adalah aktiviti soal jawab berkonsepkan sumbang saran yang bertujuan merangsang dan menjana pemikiran kreatif dan kritis murid. Berikut merupakan antara petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan yang mengandungi unsur kemahiran berfikir:

Jadual 4.18

Petikan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan

Bil.	*Unit*	*Bahan Kandungan*	
1.	*Unit1*	*Sila **jelaska**n kekuatan ombak yang melambung anda.*	*Kemahiran Kritis Analisis*
2.	*Unit1*	*Haiwan Ternakan Nenek* *Murid A : Bayangkan anda ayam* *Murid B : Bayangkan anda itik* *Murid C : Bayangkan anda angsa* *Murid D : Bayangkan anda kucing* *Murid E : Bayangkan anda arnab* ***Bezakan** bunyi setiap haiwan ternakan nenek*	*Kemahiran Kritis Analisis*
3.	*Unit 2*	*Soalan 9* ***Bezakan** bau hangus tersebut dengan bau hangus yang pernah anda hidu? **Analisis** kan bau tersebut dan cirikan secara terperinci.*	*Kemahiran Kritis Analisis*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.	*Unit 2*	***Jelaskan** saiz, warna, corak dan panjang ular sawa tersebut.*	*Kemahiran Kritis Analisis*
5.	*Unit 3*	Berdasarkan **analisis** anda mengenai punca kekalahan anda dalam perlawanan tersebut. **Rancang** semula strategi permainan supaya anda boleh menang	*Kemahiran Kritis Analisis* *Kemahiran Kreatif Sintesis*
6.	*Unit 3*	***Cipta** sebuah situasi seorang pengemis datang meminta sedekah dan simpati dari anda.*	*Kemahiran Kreatif Sintesis*
7.	*Unit 4*	***Rumuskan** cerita Sumpah Nenek Kebayan dan lakonkan **semula** watak Nenek Kebayan versi robot*	*Kemahiran Kreatif Sintesis*
8.	*Unit 5*	***Bandingkan** cerita rakan anda dengan cerita superhero yang telah anda tonton dalam filem. Beri **justifikas**i atau sebab mengapa cerita rakan anda lebih baik berbanding dengan cerita anda.*	*Kemahiran Kreatif Penilaian*
9.	*Unit 5*	*Buat satu **kesimpulan** berdasarkan pengamatan anda terhadap penjual belon, strategi jualan dan matlamatnya terhadap golongan kanak-kanak.*	*Kemahiran Kritis Analisis*
10.	*Unit 4*	***Cipta** dialog bersama rakan yang bermula dengan dialog berikut:* *Dialog mula:* *Mari, mari, mari! Ikan segar, ikan segar! Sekilo lima ringgit, sekilo lima ringgit! (Sila sambung)*	*Kemahiran Kreatif Sintesis*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Jelas, aktiviti pengukuhan kemahiran berfikir dirangka dan dibina secara berkualiti dalam pembangunan modul aktiviti menggunakan teknik imaginasi lakonan berteraskan pendidikan secara berstruktur, terancang dan berobjektif. Menjadi tumpuan kepada penyelidik untuk membentuk pemikiran dan minda murid agar cenderung terhadap unsur, bahan, elemen, perkara dalam aktiviti imaginasi lakonan. Hal ini demikian kerana setiap aktiviti tersebut akan merangsang murid untuk melihat, menganalisis, mereka bentuk, membina dan menstruktur idea secara terperinci. Hal ini sekali gus membangunkan pemikiran kreatif dan kritis melibatkan proses kognitif yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memerlukan murid mengenalpasti, mengupas, memperinci dan menilai setiap aktiviti modul ini.

4.2.3 Aplikasi Teori Konstruktivisme Dalam Pembangunan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan

Seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 3: Metodologi, merujuk teori konstruktivisme, Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan yang dibangunkan mengandungi pelbagai aras latihan aktiviti melibatkan penggunaan kemahiran kognitif secara aktif. Murid menerima arahan, memproses dan menyelesaikan permasalahan dengan menggabungkan pengalaman dan pengetahuan sedia ada lalu mencipta jawapan baharu secara kreatif. Di samping itu, murid yang terlibat dalam sesi sumbang saran akan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kritis dan berkembang dengan baik. Jadual 4.19 menunjukkan aplikasi pembelajaran secara konstruktivisme yang diimplementasikan dalam Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan untuk perkembangan pemikiran murid sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.19

Aplikasi Pembelajaran Secara Konstruktivisme dalam Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan

Bil.	Aplikasi Pembelajaran Secara Konstruktivisme dalam Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan
1.	Menggalakkan dan menerima idea murid
2.	Menggunakan bahan interaktif
3.	Membina latihan kognitif seperti mencirikan, menganalisis, meramalkan, membayangkan dan mencipta dan mereka
4.	Menerima maklum balas murid dengan terbuka tanpa sekatan
5.	Menanyakan pemahaman murid tentang aktiviti sebelum dan berkongsi pemahaman murid tentang aktiviti tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.	Menggalakkan murid bercakap secara berbincang, bertanya soalan dan mengemukakan pendapat
7.	Menggalakkan inkuiri murid dengan mengemukakan soalan yang bernas, terbuka dan menarik minat mereka

Selain itu juga, Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan yang mengamalkan teori konstruktivisme Piaget akan mencabar murid untuk menjadi pemikir kritis yang berkesan. Modul aktiviti ini juga memberi peluang kepada murid untuk beraktiviti secara kolaboratif. Sternberg dan Williams (2010) mencerminkan konstruktivisme yang berpusatkan murid telah membawa peningkatan yang baik untuk meningkatkan peranan motivasi murid. Maka, penyelidik telah mengenalpasti lima cara bagaimana Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan dapat mewujudkan situasi pembelajaran berpusatkan murid:

Jadual 4.20

Senarai Lima Cara Bagaimana Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Mewujudkan Situasi Pembelajaran Berpusatkan Murid

1.	**Menerima Kompleksiti** Penciptaan persekitaran pembelajaran yang menghiburkan dan kompleks. Pembelajaran penyelesaian masalah yang menjana pemikiran kognitif murid.
2.	**Belajar Melalui Interaksi Sosial** Pembelajaran melibatkan interaksi sosial murid termasuk perbincangan, sumbang saran, soal jawab dan penilaian kritikal.
3.	**Mempersembahkan Kandungan Dalam Pelbagai Konteks** Pendekatan pelbagai medium bertujuan untuk membantu murid membangunkan representasi minda yang fleksibel, berguna, bebas dan berfungsi.
4.	**Menggunakan Prinsip Psikologi Untuk Menstruktur Pengajaran** Menggunakan prinsip psikologi kognitif untuk meningkatkan perkembangan intelek murid.
5.	**Menyedari Pembelajaran Yang Bermakna** Sensitif dan peka semasa sesi pembelajaran berlangsung dengan memfokuskan penglibatan aktif murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Idea utama konstruktivisme oleh Jean Piaget yang digunakan dalam kajian ini ialah mengenai pembinaan pengetahuan murid melalui pengetahuan sedia ada dan bagaimana murid membina pengetahuan baharu melalui aktiviti yang terkandung dalam modul. Pengetahuan sedia ada murid yang digabungkan dengan pengetahuan baharu secara tidak langsung mempengaruhi proses pembentukan, pengubahsuaian dan pembinaan kemahiran berfikir murid ketika pembelajaran berlangsung (Phillips, 1995).

Secara kesimpulannya, teori konstruktivisme Jean Piaget telah menjadi asas utama dalam pembangunan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan sebagai pengukuhan kemahiran berfikir kreatif dan kritis murid. Pembelajaran aktif diharap dapat mengukuhkan pertumbuhan kognitif murid dengan menyatukan pengetahuan baharu dan lama sekali gus merangsang pemikiran murid dalam meningkatkan tahap intelektual mereka. Maka itu, pembinaan modul aktiviti ini mengaplikasikan konsep dan prinsipal yang telah digariskan oleh teori konstruktivisme bagi setiap aktiviti yang dibangunkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Penilaian Modul Aktiviti Kitaran 1

Terdapat dua kaedah kesahan yang dijalankan terhadap Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan iaitu kesahan kandungan modul serta kesahan aktiviti dan latihan modul. Seramai tiga orang pakar dalam bidang teater dan pendidikan dilantik sebagai penilai modul aktiviti kitaran satu. Pengkaji memberikan satu set Borang Kesahan Pakar Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan kepada setiap pakar untuk membuat penilaian serta menentukan tahap isi kandungan, aktiviti dan latihan yang dinyatakan dalam modul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Skala penilaian bagi kesahan kandungan modul dan kesahan aktiviti dan latihan modul adalah berdasarkan skala Likert daripada skala 1 (sangat tidak setuju) hingga skala 5 (sangat setuju). Bagi menentukan tahap kesahan kandungan modul, jumlah skor yang ditentukan oleh pakar (x) akan dibahagikan dengan jumlah skor keseluruhan (y) kemudian didarabkan dengan seratus. Menurut Sidek dan Jamaludin (2005), apabila sesebuah modul memperoleh jumlah skor 70% ke atas, ini menunjukkan bahawa modul tersebut telah mencapai tahap kesahan kandungan yang tinggi dan dianggap telah menguasai tahap pencapaian yang tinggi. Berikut merupakan rumus pengiraan jumlah skor:

$$\frac{Jumlah\ Skor\ Pakar\ (x)}{Jumlah\ Skor\ Keseluruhan\ (y)} \times 100\ = Tahap\ Penguasaan\ Kesahan\ Kandungan$$

Penilaian kesahan pakar terhadap modul aktiviti merangkumi isi kandungan dan maklumat serta aktiviti dan latihan yang dinyatakan dalam modul. Terdapat sepuluh aspek yang dinilai dalam kedua-dua komponen Bahagian A: Kandungan dan Bahagian B: Aktiviti & Latihan oleh pakar berpandukan skala Likert.

Berdasarkan jadual 4.21, dapatan menunjukkan jumlah skor yang diperoleh daripada Penilai 1 ialah 93% manakala Penilai 2 sebanyak 88% dan Penilai 3 ialah 98%. Ini menjadikan purata keseluruhan markah penilaian oleh ketiga-tiga pakar ialah 93%. Hal ini menunjukkan bahawa semua penilai pakar telah bersetuju untuk menyatakan isi kandungan serta aktiviti dan latihan yang dibangunkan dalam modul aktiviti imaginasi lakonan adalah bersesuaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.21

Nilai Kesahan Pakar Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan

BAHAGIAN A: KANDUNGAN		**Penilai 1**	**Penilai 2**	**Penilai 3**	**Jumlah /15**
1	Kandungan modul meliputi integrasi teknik imaginasi lakonan dan kemahiran berfikir.	5	4	5	14
2	Kandungan modul meliputi latihan yang diinspirasikan secara inovatif daripada teknik imaginasi lakonan Stella Adler.	4	4	5	13
3	Susunan kandungan modul adalah berkesinambungan antara aktiviti dengan kemahiran berfikir.	5	4	5	14
4	Kandungan modul membina dan membangunkan pengetahuan dan pengalaman intelek, jasmani, emosi dan rohani murid.	5	3	5	13
5	Skop dan kedalaman kandungan aktiviti dalam modul mencakupi pelbagai aras kemahiran berfikir.	5	4	5	14
6	Kandungan modul adalah sesuai dengan kumpulan sasar (murid sekolah menengah).	5	4	5	14
7	Kandungan modul membolehkan murid menguasai kemahiran berfikir.	4	5	5	14
8	Bahan kandungan modul berfungsi, menarik dan kreatif.	5	5	4	14
9	Pengolahan kandungan modul mempunyai strategi yang berpandukan teknik imaginasi lakonan Stella Adler.	4	5	5	14
10	Persembahan keseluruhan kandungan dan bahan modul adalah kreatif, interaktif serta mempunyai elemen kekinian.	4	5	5	14
JUMLAH		**46**	**43**	**49**	**138**
BAHAGIAN B: AKTIVITI & LATIHAN		**Penilai 1**	**Penilai 2**	**Penilai 3**	**Jumlah /15**
1	Kepelbagaian aktiviti dan latihan adalah berpusatkan murid.	5	5	5	15
2	Pemeringkatan aktiviti dan latihan secara terancang menggalakkan murid terlibat secara aktif sama ada secara individu atau berkumpulan.	5	5	4	14
3	Pengolahan arahan aktiviti dan latihan adalah sesuai, jelas, ringkas serta mudah difahami.	5	3	5	13
4	Aktiviti dan latihan meliputi aras mudah, sederhana serta sukar.	5	4	5	14
5	Aktiviti dan latihan terdiri daripada integrasi kepelbagaian teknik imaginasi lakonan.	5	4	5	14
6	Pengolahan aktiviti dan latihan disusun secara terancang dan sistematik.	4	4	5	13

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7	Aktiviti dan latihan sesuai untuk kumpulan sasar (murid sekolah menengah).	4	5	5	14
8	Aktiviti dan latihan dibina menggunakan bahan media yang merangsang daya imaginasi murid secara berperingkat.	5	5	5	15
9	Aktiviti dan latihan yang dibina menjana kemahiran berfikir murid.	4	5	5	14
10	Aktiviti dan latihan merangsang murid untuk mengeksplorasi daya imaginasi.	5	5	5	15
JUMLAH		**47**	**45**	**49**	**141**

Penilai 1
Bahagian A: 46
Bahagian B: 47
Jumlah: 93/100

Penilai 2
Bahagian A: 43
Bahagian B: 45
Jumlah: 88/100

Penilai 3
Bahagian A: 49
Bahagian B: 49
Jumlah: 98/100

Purata Markah Penilaian: (93 + 88 + 98) ÷ 3 = 93%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.21: Nilai Kesahan Pakar Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan, pengkaji mendapati peratus kesahan yang paling tinggi ialah 93.33% bagi komponen kandungan modul dengan jumlah skor 14 untuk lapan daripada sepuluh aspek yang dinyatakan manakala peratus yang terendah ialah 86.66% dengan jumlah skor 13 untuk dua aspek yang lainnya. Peratus kesahan yang paling tinggi bagi komponen aktiviti dan latihan modul pula ialah 100% dengan jumlah skor maksimum 15 bagi tiga aspek yang dinyatakan dalam modul diikuti dengan peratus kedua tertinggi ialah 93.33% dengan jumlah skor 14 bagi lima aspek yang seterusnya dan peratus terendah ialah 86.66% dengan jumlah skor 13 bagi aspek yang berikutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya menjadikan jumlah markah penilaian bahagian A ialah sebanyak 92% berbanding bahagian B dengan peratus yang lebih tinggi iaitu 94% seterusnya menjadikan purata jumlah penilaian bagi kedua-dua bahagian ialah 93%. Analisis kesahan ini dapat dilihat dengan lebih jelas berdasarkan jadual 4.22 berikut:

Jadual 4.22:

Kesahan Kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan

BAHAGIAN A: KANDUNGAN		**Jumlah /15**	**Peratus (%)**
1	Kandungan modul meliputi integrasi teknik imaginasi lakonan dan kemahiran berfikir.	14	93.33
2	Kandungan modul meliputi latihan yang diinspirasikan secara inovatif daripada teknik imaginasi lakonan Stella Adler.	13	86.66
3	Susunan kandungan modul adalah berkesinambungan antara aktiviti dengan kemahiran berfikir.	14	93.33
4	Kandungan modul membina dan membangunkan pengetahuan dan pengalaman intelek, jasmani, emosi dan rohani murid.	13	86.66
5	Skop dan kedalaman kandungan aktiviti dalam modul mencakupi pelbagai aras kemahiran berfikir.	14	93.33
6	Kandungan modul adalah sesuai dengan kumpulan sasar (murid sekolah menengah).	14	93.33
7	Kandungan modul membolehkan murid menguasai kemahiran berfikir.	14	93.33
8	Bahan kandungan modul berfungsi, menarik dan kreatif.	14	93.33
9	Pengolahan kandungan modul mempunyai strategi yang berpandukan teknik imaginasi lakonan Stella Adler.	14	93.33
10	Persembahan keseluruhan kandungan dan bahan modul adalah kreatif, interaktif serta mempunyai elemen kekinian.	14	93.33
JUMLAH		**138**	**91.99**
BAHAGIAN B: AKTIVITI & LATIHAN		**Jumlah /15**	**Peratus (%)**
1	Kepelbagaian aktiviti dan latihan adalah berpusatkan murid.	15	100
2	Pemeringkatan aktiviti dan latihan secara terancang menggalakkan murid terlibat secara aktif sama ada secara individu atau berkumpulan.	14	93.33

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3	Pengolahan arahan aktiviti dan latihan adalah sesuai, jelas, ringkas serta mudah difahami.	13	86.66
4	Aktiviti dan latihan meliputi aras mudah, sederhana serta sukar.	14	93.33
5	Aktiviti dan latihan terdiri daripada integrasi kepelbagaian teknik imaginasi lakonan.	14	93.33
6	Pengolahan aktiviti dan latihan disusun secara terancang dan sistematik.	13	86.66
7	Aktiviti dan latihan sesuai untuk kumpulan sasar (murid sekolah menengah).	14	93.33
8	Aktiviti dan latihan dibina menggunakan bahan media yang merangsang daya imaginasi murid secara berperingkat.	15	100
9	Aktiviti dan latihan yang dibina menjana kemahiran berfikir murid.	14	93.33
10	Aktiviti dan latihan merangsang murid untuk mengeksplorasi daya imaginasi.	15	100
JUMLAH		**141**	**93.99**

Julat Markah Penilaian Bahagian A: (138 ÷150) = 92%
Julat Markah Penilaian Bahagian B: (141 ÷150) = 94%

Peratus Bahagian A + Peratus Bahagian B ÷ 2 = %
92% + 94% = 93%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1 Kandungan Modul

Kandungan modul merupakan antara komponen penting untuk membangunkan sebuah modul aktiviti yang komprehensif. Penilaian terhadap komponen ini terdiri daripada sepuluh aspek merangkumi isi kandungan dan maklumat yang dinyatakan dalam Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan. Purata daripada penilaian pakar bagi setiap elemen yang terdapat dalam komponen kandungan modul dapat dilihat menerusi Jadual 4.23 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.23

Purata Kesahan Kandungan Modul

Bil.	Perkara	Purata (min)
1	Kandungan modul meliputi integrasi teknik imaginasi lakonan dan kemahiran berfikir.	4.667
2	Kandungan modul meliputi latihan yang diinspirasikan secara inovatif daripada teknik imaginasi lakonan Stella Adler.	4.333
3	Susunan kandungan modul adalah berkesinambungan antara aktiviti dengan kemahiran berfikir.	4.667
4	Kandungan modul membina dan membangunkan pengetahuan dan pengalaman intelek, jasmani, emosi dan rohani murid.	4.333
5	Skop dan kedalaman kandungan aktiviti dalam modul mencakupi pelbagai aras kemahiran berfikir.	4.667
6	Kandungan modul adalah sesuai dengan kumpulan sasar (murid sekolah menengah).	4.667
7	Kandungan modul membolehkan murid menguasai kemahiran berfikir.	4.667
8	Bahan kandungan modul berfungsi, menarik dan kreatif.	4.667
9	Pengolahan kandungan modul mempunyai strategi yang berpandukan teknik imaginasi Stella Adler.	4.667
10	Persembahan keseluruhan kandungan dan bahan modul adalah kreatif, interaktif serta mempunyai elemen kekinian.	4.667

Merujuk kepada aspek penilaian terhadap kandungan modul meliputi integrasi teknik imaginasi lakonan dan kemahiran berfikir telah mendapat persetujuan daripada dua orang penilai pakar dengan masing-masing memberi skor tertinggi (5) dengan pendapat bahawa modul aktiviti ini menunjukkan kepelbagaian ragam imaginasi yang mampu merangsang keupayaan murid pada tahap optimum. Penilai seterusnya memberi skor kedua tertinggi (4) dengan ulasan pengkaji harus memantapkan kandungan modul daripada aspek pembangunan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Ini menjadikan keseluruhan skor terkumpul ialah sebanyak 14 seterusnya menjadikan purata skor bersamaan 4.667.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jumlah skor keseluruhan bagi aspek kedua iaitu kandungan modul meliputi latihan yang diinspirasikan secara inovatif daripada teknik imaginasi lakonan Stella Adler ialah 13 dengan purata 4.333. Berdasarkan ulasan penilai, elemen inovasi dalam kandungan modul aktiviti dapat dilihat melalui penggabungjalinan pelbagai media yang mudah diakses oleh pengguna. Penilai 1 dan 2 masing-masing memberi skor 4 manakala Penilai ketiga dengan skor 5.

Aspek penilaian terhadap susunan kandungan modul adalah berkesinambungan antara aktiviti dengan kemahiran berfikir telah mendapat persetujuan daripada dua orang penilai pakar dengan masing-masing memberi skor tertinggi (5) dengan pendapat bahawa modul aktiviti ini bersandar kemas mengikut tingkat kecerdasan pelbagai oleh Howard Gardner. Penilai seterusnya memberi skor kedua tertinggi (4) dengan ulasan susunan kandungan antara aktiviti dan kemahiran berfikir adalah pada tahap yang baik. Ini menjadikan keseluruhan skor terkumpul ialah sebanyak 14 seterusnya menjadikan purata skor bersamaan 4.667.

Aspek penilaian terhadap kandungan modul membina dan membangunkan pengetahuan dan pengalaman intelek, jasmani, emosi dan rohani murid telah mendapat purata skor kesahan 4.333 dengan mengumpul nilai tertinggi (5) daripada dua orang penilai pakar manakala penilai yang lainnya hanya memberi skor serendah 3 skala Likert. Penilai berpendapat bahawa modul ini mampu memberi pengalaman dan pembelajaran merentas kurikulum secara bersepadu apabila murid terlibat secara menyeluruh dalam menjalankan aktiviti mengikut modul yang tersedia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Skop dan kedalaman kandungan aktiviti dalam modul mencakupi pelbagai aras kemahiran berfikir telah mendapat tahap kesahan yang tinggi dengan purata 4.667. Penilai masing-masing memberi skor 4 dan 5 yang merupakan antara skor tertinggi dalam skala Likert. Ini menjadikan jumlah keseluruhan skor ialah 14. Penilai berpendapat bahawa modul ini menepati ciri kecerdasan pelbagai.

Jumlah skor keseluruhan bagi aspek seterusnya iaitu kandungan modul adalah sesuai dengan kumpulan sasar (murid sekolah menengah) ialah 14 dengan purata 4.667. Berdasarkan ulasan, penilai bersetuju bahawa kandungan modul aktiviti ini bersesuaian dengan kelompok remaja tahap awal, pertengahan dan hujung. Penilai 1 dan 3 masing-masing memberi skor 5 manakala Penilai ketiga dengan skor 4 skala Likert.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi aspek kandungan modul membolehkan murid menguasai kemahiran berfikir, ketiga-tiga pakar memberi pandangan positif dengan purata 4.667 bersama jumlah penilaian antara yang tertinggi iaitu 14. Penilaian ini turut sama dengan aspek yang berikutnya iaitu bahan kandungan modul berfungsi, menarik dan kreatif. Penilai berpandangan bahawa murid yang mempelajari teater berpandukan modul ini akan melalui pengalaman intensif yang mampu meningkatkan kemahiran berfikir.

Merujuk kepada aspek pengolahan kandungan modul, penilai bersetuju bahawa modul aktiviti ini mempunyai strategi yang berpandukan teknik imaginasi lakonan Stella Adler serta bersesuaian dengan rancangan aktiviti dan latihan yang dibina. Berdasarkan ulasan, pengkaji dikatakan berjaya mengolah kandungan dengan terancang dan efektif mengikut teknik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lakonan Stella Adler. Ini sekali gus menjadikan aspek pengolahan kandungan modul antara yang menerima purata tertinggi iaitu 4.667.

Aspek terakhir yang dinilai dalam komponen kandungan modul ialah berkaitan persembahan keseluruhan kandungan dan bahan modul. Dengan jumlah skor 14 yang membawa purata 4.667 seperti aspek yang sebelumnya, penilai bersepakat menyatakan bahawa keseluruhan kandungan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan adalah bersifat kreatif, interaktif serta mempunyai elemen kekinian melibatkan pelbagai media yang bersesuaian dengan kumpulan sasaran modul.

4.3.2 Aktiviti dan Latihan Modul

Penilaian terhadap komponen aktiviti dan latihan modul terdiri daripada sepuluh aspek merangkumi perangkaan aktiviti dan latihan yang dinyatakan dalam Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan. Purata daripada penilaian pakar bagi setiap aspek yang terdapat dalam komponen aktiviti dan latihan modul dapat dilihat menerusi Jadual 4.24 di bawah.

Jadual 4.24

Purata Kesahan Aktiviti dan Latihan Modul

Bil	**Perkara**	**Purata (min)**
1	Kepelbagaian aktiviti dan latihan adalah berpusatkan murid.	5
2	Pemeringkatan aktiviti dan latihan secara terancang menggalakkan murid terlibat secara aktif sama ada secara individu atau berkumpulan.	4.667
3	Pengolahan arahan aktiviti dan latihan adalah sesuai, jelas, ringkas serta mudah difahami.	4.333

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4	Aktiviti dan latihan meliputi aras mudah, sederhana serta sukar.	4.667
5	Aktiviti dan latihan terdiri daripada integrasi kepelbagaian teknik imaginasi lakonan.	4.667
6	Pengolahan aktiviti dan latihan disusun secara terancang dan sistematik.	4.333
7	Aktiviti dan latihan sesuai untuk kumpulan sasar (murid sekolah menengah).	4.667
8	Aktiviti dan latihan dibina menggunakan bahan media yang merangsang daya imaginasi murid secara berperingkat.	5
9	Aktiviti dan latihan yang dibina menjana kemahiran berfikir murid.	4.667
10	Aktiviti dan latihan merangsang murid untuk mengeksplorasi daya imaginasi.	5

Merujuk kepada penilaian terhadap kepelbagaian aktiviti dan latihan berpusatkan murid, ketiga-tiga penilai bersetuju memberi skor tertinggi iaitu 5 skala Likert seterusnya menjadikan jumlah keseluruhan skor daripada penilai adalah yang tertinggi iaitu 15 dengan purata keseluruhan ialah skor penuh (5). Berdasarkan ulasan aspek, penilai memberi pandangan bahawa aktiviti dan latihan yang dirangka melibatkan penyertaan murid secara menyeluruh. Oleh itu, penglibatan murid adalah di tahap maksimum dan berpotensi untuk terlibat secara aktif.

Jumlah skor keseluruhan bagi aspek kedua iaitu pemeringkatan aktiviti dan latihan secara terancang ialah 14 dengan purata 4.667. Pemeringkatan aktiviti dan latihan secara terancang dapat menggalakkan murid terlibat secara aktif sama ada secara individu atau berkumpulan. Namun begitu, terdapat penilai yang berpendapat sekiranya sesuatu tugasan itu mengandungi banyak aktiviti dalam satu arahan, ini dapat mengganggu fokus murid yang berada dalam tahap penguasaan rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek penilaian terhadap pengolahan arahan aktiviti dan latihan telah mendapat persetujuan daripada dua orang penilai pakar dengan masing-masing memberi skor tertinggi (5) dengan pendapat bahawa pengolahan arahan aktiviti dan latihan yang dibina dalam modul ini adalah menggunakan laras bahasa yang sesuai, jelas, ringkas serta mudah difahami manakala penilai seterusnya memberikan skor penilaian 3. Secara keseluruhannya skor terkumpul ialah sebanyak 13 yang menjadikan purata skor bersamaan 4.333.

Bagi penilaian terhadap aspek aktiviti dan latihan meliputi aras mudah, sederhana dan sukar telah mendapat purata skor kesahan 4.667 dengan mengumpul nilai tertinggi (5) daripada dua orang penilai pakar manakala penilai seterusnya memberi skor 4 skala Likert. Penilai berpendapat bahawa perancangan aktiviti dan latihan yang dibina oleh pengkaji dalam modul ini melibatkan penyusunan tugasan secara konstruktif dan berfokus serta mengandungi elemen kecerdasan yang pelbagai.

Aktiviti dan latihan yang dinyatakan dalam Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan ini terdiri daripada integrasi kepelbagaian teknik imaginasi lakonan. Aktiviti dan latihan merupakan antara aspek penting yang perlu dinilai dalam pembangunan modul. Penilai berpendapat bahawa setiap aktiviti dan latihan yang disediakan dalam modul ini berjaya menggabungkan pelbagai teknik imaginasi selain berjaya merentas kurikulum. Purata keseluruhan yang diperoleh berdasarkan penilaian kesahan ialah 4.667.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jumlah skor keseluruhan bagi aspek seterusnya iaitu pengolahan aktiviti dan latihan ialah 13 dengan purata 4.333. Berdasarkan ulasan, penilai bersetuju bahawa aktiviti dan latihan yang terdapat dalam modul ini diolah dan disusun secara terancang dan sistematik. Menurut penilai pakar, aspek ini turut memudahkan jurulatih mentadbir modul ini dengan baik. Penilai 1 dan 2 masing-masing memberi skor 5 manakala Penilai 3 dengan tertinggi iaitu skor 4 skala Likert.

Bagi aspek kesesuaian aktiviti dan latihan untuk kumpulan sasaran murid sekolah menengah, ketiga-tiga pakar memberi pandangan positif dengan purata 4.667 dengan jumlah penilaian antara yang tertinggi iaitu 14. Penilaian ini turut sama dengan aspek yang berikutnya iaitu pembinaan aktiviti dan latihan menggunakan bahan media yang merangsang daya imaginasi murid secara berperingkat. Penilai berpendapat bahawa penggunaan media yang pelbagai seperti audio, elemen teknologi digital dan media interaktif secara tidak langsung merangsang kemahiran berfikir murid. Selain itu juga, pengguna mempunyai lebih banyak alternatif dalam mengakses penggunaan media semasa melaksanakan aktiviti.

Merujuk kepada aktiviti dan latihan yang dibina dalam modul aktiviti ini, penilai bersetuju bahawa aktiviti dan latihan tersebut mampu menjana kemahiran berfikir murid. Berdasarkan ulasan, pengkaji menyatakan bahawa modul yang dinilai sebagai berjaya membina aktiviti dan latihan yang mampu menjana kemahiran berfikir dalam kalangan murid. Tambahan penilai pakar, aktiviti yang disediakan dilihat mampu merangsang serta memberi pengalaman kecerdasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang pelbagai kepada murid. Hal ini sekali gus menjadikan aspek tersebut antara aspek yang menerima purata tertinggi iaitu 4.667.

Aspek terakhir yang dinilai dalam komponen aktiviti dan latihan yang dapat merangsang murid untuk mengeksplorasi daya imaginasi. Dengan jumlah skor 15 yang membawa purata penuh 5, ketiga-tiga penilai memberikan ulasan positif. Penilai 1 menyatakan bahawa aktiviti yang disediakan dapat memberi peluang kepada murid meneroka idea kecil menjadi sebuah pengkaryaan yang sangat baik. Penilai 2 pula menyatakan melalui aktiviti dan latihan, penerokaan imaginasi yang luar biasa semasa menjalani aktiviti dan latihan dalam modul aktiviti bakal menjadikan murid lebih kritis menghuraikan alasan yang logik dan kritikal dalam menyelesaikan masalah. Manakala Penilai 3 pula menyatakan bahawa tahap keupayaan berfikir murid yang rendah akan dapat dipertingkatkan dan mungkin akan menjadi luar biasa dengan aktiviti yang terkandung dalam komponen aktiviti dan latihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3 Rumusan

Kajian ini menunjukkan bahawa kesahan kandungan modul serta aktiviti dan latihan yang dinyatakan dalam Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan berada pada tahap pencapaian yang tinggi. Hal ini demikian dapat dibuktikan menerusi peratus keseluruhan yang dicapai iaitu 93%. Jumlah peratus yang dicatatkan menjelaskan bahawa aspek-aspek yang dititikberatkan oleh pengkaji dalam komponen-komponen utama dalam pembangunan modul aktiviti lakonan adalah bersesuaian dan sangat baik. Secara keseluruhannya, penilaian modul aktiviti imaginasi kitaran pertama telah selesai dan seterusnya akan dimurnikan sebelum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui proses kitaran kedua. Proses pemurnian adalah merujuk kepada penilaian terperinci oleh ketiga-tiga pakar penilai kitaran pertama.

4.4 Penilaian Modul Aktiviti Kitaran 2

Jadual 1 menunjukkan dapatan jumlah skor keseluruhan bagi penilaian kesahan pakar modul aktiviti imaginasi lakonan. Penilaian kesahan ini termasuklah jumlah kedua-dua bahagian yang dinilai iaitu aspek kandungan modul serta aspek aktiviti dan latihan modul sama seperti penilaian kesahan kitaran sebelumnya (Kitaran 1). Berdasarkan keputusan penilaian, terdapat peningkatan jumlah yang memberangsangkan sekali gus kebolehpercayaan dan kesahan modul aktiviti adalah pada tahap yang baik serta memuaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.25

Nilai Kesahan Pakar Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan Kitaran 2

BAHAGIAN A: KANDUNGAN		**Penilai 1**	**Penilai 2**	**Penilai 3**	**Jumlah /15**
1	Kandungan modul meliputi integrasi teknik imaginasi lakonan dan kemahiran berfikir.	5	5	5	15
2	Kandungan modul meliputi latihan yang diinspirasikan secara inovatif daripada teknik imaginasi lakonan Stella Adler.	5	5	5	15
3	Susunan kandungan modul adalah berkesinambungan antara aktiviti dengan kemahiran berfikir.	5	5	5	15
4	Kandungan modul membina dan membangunkan pengetahuan dan pengalaman intelek, jasmani, emosi dan rohani murid.	5	4	5	14
5	Skop dan kedalaman kandungan aktiviti dalam modul mencakupi pelbagai aras kemahiran berfikir.	4	5	5	14

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6	Kandungan modul adalah sesuai dengan kumpulan sasar (murid sekolah menengah).	5	5	5	15
7	Kandungan modul membolehkan murid menguasai kemahiran berfikir.	5	5	5	15
8	Bahan kandungan modul berfungsi, menarik dan kreatif.	5	5	5	14
9	Pengolahan kandungan modul mempunyai strategi yang berpandukan teknik imaginasi lakonan Stella Adler.	5	5	5	15
10	Persembahan keseluruhan kandungan dan bahan modul adalah kreatif, interaktif serta mempunyai elemen kekinian.	5	5	5	15
JUMLAH		**49**	**49**	**50**	**148**
BAHAGIAN B: AKTIVITI & LATIHAN		**Penilai 1**	**Penilai 2**	**Penilai 3**	**Jumlah /15**
1	Kepelbagaian aktiviti dan latihan adalah berpusatkan murid.	5	5	5	15
2	Pemeringkatan aktiviti dan latihan secara terancang menggalakkan murid terlibat secara aktif sama ada secara individu atau berkumpulan.	5	5	5	15
3	Pengolahan arahan aktiviti dan latihan adalah sesuai, jelas, ringkas serta mudah difahami.	5	5	5	15
4	Aktiviti dan latihan meliputi aras mudah, sederhana serta sukar.	5	5	5	15
5	Aktiviti dan latihan terdiri daripada integrasi kepelbagaian teknik imaginasi lakonan.	5	5	5	15
6	Pengolahan aktiviti dan latihan disusun secara terancang dan sistematik.	5	5	5	15
7	Aktiviti dan latihan sesuai untuk kumpulan sasar (murid sekolah menengah).	5	5	5	15
8	Aktiviti dan latihan dibina menggunakan bahan media yang merangsang daya imaginasi murid secara berperingkat.	5	5	5	15
9	Aktiviti dan latihan yang dibina menjana kemahiran berfikir murid.	5	5	5	15
10	Aktiviti dan latihan merangsang murid untuk mengeksplorasi daya imaginasi.	5	5	5	15
JUMLAH		**50**	**50**	**50**	**150**
Penilai 1 Bahagian A: 49 Bahagian B: 50 Jumlah: 99/100					

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilai 2
Bahagian A: 49
Bahagian B: 50
Jumlah: 99/100

Penilai 3
Bahagian A: 50
Bahagian B: 50
Jumlah: 100/100

Purata Markah Penilaian: (99 + 99 + 100) ÷ 3 = 99%

Berdasarkan keputusan penilaian kesahan kandungan modul aktiviti imaginasi lakonan, dapatan menunjukkan jumlah skor keseluruhan yang diperoleh daripada Penilai 1 ialah 99%. Terdapat peningkatan jumlah sebanyak 6% berbanding penilaian kitaran sebelumnya dengan jumlah 93%. Peningkatan keputusan penilaian ini melibatkan perbezaan jumlah Bahagian A dan Bahagian B iaitu jumlah skor Bahagian A ialah 49/50 berbanding kitaran sebelumnya dengan jumlah 46/50. Jurang perbezaan nilai adalah sebanyak 3 skor manakala jumlah Bahagian B pula ialah 50/50 berbanding kitaran sebelumnya iaitu 47/50 dengan jurang perbezaan nilai adalah sebanyak 3 skor. Sebagai kesimpulan kesahan, Penilai 1 menurunkan pandangan positif bahawa pembinaan kandungan serta aktiviti dan latihan yang terdapat dalam modul aktiviti imaginasi lakonan adalah bertepatan dengan keperluan menjana kemahiran berfikir dalam kalangan murid.

Skor keseluruhan yang diperoleh daripada Penilai 2 juga ialah sebanyak 99% dengan peningkatan jumlah yang lebih ketara iaitu 11%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berbanding penilaian kitaran sebelumnya dengan jumlah 88%. Peningkatan keputusan penilaian ini melibatkan perbezaan jumlah Bahagian A dan Bahagian B yang ketara iaitu jumlah skor Bahagian A ialah 49/50 berbanding kitaran sebelumnya dengan jumlah 43/50 dengan jurang perbezaan nilai adalah sebanyak 6 skor. Jumlah bahagian B pula ialah 50/50 berbanding kitaran sebelumnya iaitu 45/50 dengan jurang perbezaan nilai adalah sebanyak 5 skor. Penilai 2 berpendapat bahawa modul aktiviti yang telah dihasilkan ini merupakan satu modul latihan pelakon yang komprehensif dan menarik. Pengolahan aktiviti dan latihan yang sistematik dapat membantu meningkatkan eksplorasi daya imaginasi pelakon.

Jumlah yang diperoleh daripada Penilai 3 dalam penilaian modul aktiviti kitaran kedua bagi modul aktiviti imaginasi lakonan ialah 100% berbanding penilaian kitaran sebelumnya dengan jumlah 98%. Ini merupakan jumlah skor keseluruhan yang tertinggi berbanding ketiga-tiga jumlah skor keseluruhan oleh penilai pakar. Dengan jurang markah sebanyak 2%, hal ini membuktikan bahawa kebolehpercayaan kandungan modul aktiviti imaginasi lakonan telah mencapai tahap yang tinggi dengan kesahan kedua-dua Bahagian A dan Bahagian B memperoleh skor penuh iaitu 50/50. Secara keseluruhannya, penilai berpendapat bahawa modul ini sangat bermanfaat dalam memberi pengalaman pembelajaran teater serta dapat membantu meningkatkan tahap fokus murid dalam pembelajaran akademik. Selain itu, teknik-teknik yang terdapat dalam modul aktiviti ini juga boleh digunakan sebagai pendekatan tambahan dalam menyampaikan ilmu akademik yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.26

Nilai Kesahan Kandungan, Aktiviti dan Latihan Modul

BAHAGIAN A: KANDUNGAN		**Jumlah /15**	**Peratus (%)**
1	Kandungan modul meliputi integrasi teknik imaginasi lakonan dan kemahiran berfikir.	15	100
2	Kandungan modul meliputi latihan yang diinspirasikan secara inovatif daripada teknik imaginasi lakonan Stella Adler.	15	100
3	Susunan kandungan modul adalah berkesinambungan antara aktiviti dengan kemahiran berfikir.	15	100
4	Kandungan modul membina dan membangunkan pengetahuan dan pengalaman intelek, jasmani, emosi dan rohani murid.	14	93.33
5	Skop dan kedalaman kandungan aktiviti dalam modul mencakupi pelbagai aras kemahiran berfikir.	14	93.33
6	Kandungan modul adalah sesuai dengan kumpulan sasar (murid sekolah menengah).	15	100
7	Kandungan modul membolehkan murid menguasai kemahiran berfikir.	15	100
8	Bahan kandungan modul berfungsi, menarik dan kreatif.	15	100
9	Pengolahan kandungan modul mempunyai strategi yang berpandukan teknik imaginasi lakonan Stella Adler.	15	100
10	Persembahan keseluruhan kandungan dan bahan modul adalah kreatif, interaktif serta mempunyai elemen kekinian.	15	100
JUMLAH		**148**	**98.67**
BAHAGIAN B: AKTIVITI & LATIHAN		**Jumlah /15**	**Peratus (%)**
1	Kepelbagaian aktiviti dan latihan adalah berpusatkan murid.	15	100
2	Pemeringkatan aktiviti dan latihan secara terancang menggalakkan murid terlibat secara aktif sama ada secara individu atau berkumpulan.	15	100
3	Pengolahan arahan aktiviti dan latihan adalah sesuai, jelas, ringkas serta mudah difahami.	15	100
4	Aktiviti dan latihan meliputi aras mudah, sederhana serta sukar.	15	100
5	Aktiviti dan latihan terdiri daripada integrasi kepelbagaian teknik imaginasi lakonan.	15	100

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6	Pengolahan aktiviti dan latihan disusun secara terancang dan sistematik.	15	100
7	Aktiviti dan latihan sesuai untuk kumpulan sasar (murid sekolah menengah).	15	100
8	Aktiviti dan latihan dibina menggunakan bahan media yang merangsang daya imaginasi murid secara berperingkat.	15	100
9	Aktiviti dan latihan yang dibina menjana kemahiran berfikir murid.	15	100
10	Aktiviti dan latihan merangsang murid untuk mengeksplorasi daya imaginasi.	15	100
JUMLAH		**150**	**100**

Julat Markah Penilaian Bahagian A: (148 ÷150) = 99%
Julat Markah Penilaian Bahagian B: (150 ÷150) = 100%

Peratus Bahagian A + Peratus Bahagian B ÷ 2 = %
99% + 100% ÷ 2 = 99%

Jadual 4.26 menerangkan jumlah skor bagi setiap aspek yang dinilai dalam kandungan serta aktiviti dan latihan modul beserta nilai kesahannya. Pengkaji mendapati peratus kesahan yang paling tinggi bagi komponen kandungan modul ialah 100% dengan jumlah skor penuh (15) berbanding penilaian kitaran satu dengan pencapaian tertinggi ialah 93.33% manakala peratus yang terendah ialah 93.33% dengan jumlah skor 14 untuk dua daripada sepuluh aspek dalam komponen yang dinilai. Nilai kesahan yang tertinggi bagi komponen aktiviti dan latihan modul pula ialah 100% dengan jumlah skor maksimum 15 bagi kesemua aspek yang dinilai. Berbeza dengan penilaian kesahan dalam kitaran yang sebelumnya, aspek-aspek yang terdapat dalam komponen aktiviti dan latihan modul mengalami peningkatan nilai kesahan yang baik dengan peratus maksimum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini menjadikan jumlah markah penilaian Bahagian A iaitu kandungan modul ialah sebanyak 99% dengan jumlah skor keseluruhan 148/150 berbanding penilaian kitaran pertama dengan jumlah skor 138/150 bersamaan 92%. Jika dibandingkan penilaian Bahagian A kitaran pertama dan kedua, peratus peningkatan bagi kesahan komponen kandungan modul adalah sebanyak 7%.

Merujuk kepada jumlah markah penilaian Bahagian B pula, komponen aktiviti dan latihan modul mendapat peratus maksimum iaitu 100% dengan skor keseluruhan ialah 150/150 seterusnya menjadikan purata jumlah penilaian kedua-dua bahagian bagi kesahan pakar kitaran kedua ialah 99%. Secara kesimpulannya, keputusan penilaian kesahan pakar modul aktiviti imaginasi lakonan bagi kitaran kedua mengalami peningkatan yang ketara berbanding penilaian sebelumnya dengan jumlah keseluruhan sebanyak 93%.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbandingan keputusan yang dapat dilihat menerusi penilaian kesahan antara kedua-dua kitaran menunjukkan bahawa modul aktiviti imaginasi lakonan ini telah mencapai tahap kesahan kandungan yang tinggi dan dianggap telah menguasai tahap pencapaian yang tinggi berdasarkan jumlah maksimum yang dicadangkan oleh Sidek dan Jamaludin (2005) dengan perolehan skor melebihi 70%.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1 Kandungan Modul

Jadual 4.27:

Purata Kesahan Kandungan Modul

Perkara		Kitaran 1		Kitaran 2	
		Jumlah (/15)	**Purata (min)**	**Jumlah (/15)**	**Purata (min)**
1	Kandungan modul meliputi integrasi teknik imaginasi lakonan dan kemahiran berfikir.	14	4.667	15	5
2	Kandungan modul meliputi latihan yang diinspirasikan secara inovatif daripada teknik imaginasi lakonan Stella Adler.	13	4.333	15	5
3	Susunan kandungan modul adalah berkesinambungan antara aktiviti dengan kemahiran berfikir.	14	4.667	15	5
4	Kandungan modul membina dan membangunkan pengetahuan dan pengalaman intelek, jasmani, emosi dan rohani murid.	13	4.333	14	4.667
5	Skop dan kedalaman kandungan aktiviti dalam modul mencakupi pelbagai aras kemahiran berfikir.	14	4.667	14	4.667
6	Kandungan modul adalah sesuai dengan kumpulan sasar (murid sekolah menengah).	14	4.667	15	5
7	Kandungan modul membolehkan murid menguasai kemahiran berfikir.	14	4.667	15	5
8	Bahan kandungan modul berfungsi, menarik dan kreatif.	14	4.667	15	5
9	Pengolahan kandungan modul mempunyai strategi yang berpandukan teknik imaginasi lakonan Stella Adler.	14	4.667	15	5
10	Persembahan keseluruhan kandungan dan bahan modul adalah kreatif, interaktif serta mempunyai elemen kekinian.	14	4.667	15	5

Jadual 4.27 menunjukkan dapatan perbandingan purata kesahan kandungan modul kitaran satu dan kitaran dua. Secara umumnya, jelas kelihatan bahawa terdapat peningkatan nilai kesahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kandungan dalam kitaran kedua. Merujuk kepada aspek pertama yang terdapat dalam komponen kesahan kandungan modul iaitu kandungan modul meliputi integrasi teknik imaginasi lakonan dan kemahiran berfikir, aspek ini telah mengumpul jumlah keseluruhan maksimum (15/15) dengan purata tertinggi (5) berbanding kitaran sebelumnya dengan jumlah skor 14/15 bersamaan purata skor 4.667. Hal ini menunjukkan bahawa aspek kandungan modul meliputi integrasi teknik imaginasi lakonan dan kemahiran berfikir telah mencapai tahap yang lebih baik berbanding sebelumnya.

Jumlah skor keseluruhan bagi aspek kandungan modul meliputi latihan yang diinspirasikan secara inovatif daripada teknik lakonan Stella Adler merujuk penilaian kitaran kedua ialah 15/15 dengan nilai purata tertinggi (5). Aspek ini telah mendapat skor maksimum daripada ketiga-tiga penilai pakar berbanding penilaian kitaran sebelumnya dengan mata yang lebih rendah iaitu 13/15 dengan nilai purata 4.333. Terdapat perubahan jumlah skor yang ketara daripada penilaian kitaran pertama sekali gus menjadikan kesahan aspek ini berada pada tahap yang baik dan memuaskan.

Berdasarkan penilaian terhadap susunan kandungan modul adalah berkesinambungan antara aktiviti dengan kemahiran berfikir, aspek ini telah mendapat skor kesahan tertinggi daripada ketiga-tiga penilai pakar dengan dapatan jumlah skor keseluruhan maksimum (15/15) yang menjadikan nilai purata berjumlah 5 berbanding jumlah skor penilaian kitaran pertama (14/15) dengan purata 4.667.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian terhadap aspek seterusnya yang terdapat dalam komponen kandungan modul iaitu kandungan modul membina dan membangunkan pengetahuan dan pengalaman intelek, jasmani, emosi dan rohani telah mendapat purata skor kesahan 4.667 dengan jumlah skor 14/15. Walaupun aspek ini tidak mendapat jumlah keseluruhan maksimum tetapi aspek ini tetap mempunyai peningkatan penilaian berbanding kitaran sebelumnya dengan jumlah skor 13/15 dengan purata 4.333.

Merujuk kepada aspek skop dan kedalaman kandungan aktiviti dalam modul mencakupi pelbagai aras kemahiran berfikir, aspek ini tidak mengalami sebarang perubahan nilai skor dan masih mengekalkan jumlah penilaian yang tinggi (14/15) dengan purata 4.667 sama seperti purata kesahan dalam kitaran pertama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jumlah skor keseluruhan bagi aspek seterusnya iaitu kandungan modul adalah sesuai dengan kumpulan sasar (murid sekolah menengah) ialah 15/15 dengan purata 5. Terdapat peningkatan penilaian bagi aspek ini berbanding penilaian kesahan dalam kitaran sebelumnya dengan jumlah 14/15 dan purata sebanyak 4.667. Ketiga-tiga penilai pakar masing-masing memberi skor tertinggi dalam skala likert.

Bagi aspek kandungan modul membolehkan murid menguasai kemahiran berfikir, ketiga-tiga pakar memberi pandangan positif dalam penilaian kitaran kedua dengan purata keseluruhan ialah 5 bersama jumlah penilaian antara yang tertinggi iaitu 15/15. Dapatan skor penilaian ini turut sama dengan aspek yang berikutnya iaitu bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kandungan modul berfungsi, menarik dan kreatif yang mana kedua-dua aspek ini dalam kitaran sebelumnya berupaya mengumpul jumlah keseluruhan 14/15 dengan purata 4.667.

Merujuk kepada aspek pengolahan kandungan modul, penilai bersetuju bahawa modul aktiviti ini mempunyai strategi yang berpandukan teknik imaginasi lakonan Stella Adler serta bersesuaian dengan rancangan aktiviti dan latihan yang dibina. Dalam penilaian kitaran kedua, pengkaji melakukan olahan kandungan dengan terancang dan efektif mengikut teknik lakonan Stella Adler berdasarkan cadangan penambahbaikan oleh penilai pakar. Ini sekali gus menjadikan aspek ini menerima purata yang lebih tinggi berbanding penilaian kitaran pertama dengan jumlah skor penuh 15/15 bersamaan purata keseluruhan ialah 5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek terakhir yang dinilai dalam komponen kandungan modul ialah berkaitan persembahan keseluruhan kandungan dan bahan modul. Dengan jumlah skor penilaian penuh 15/15 yang membawa purata 5 seperti aspek yang sebelumnya, penilai bersepakat memberikan nilai kesahan yang tinggi berbeza dengan penilaian kitaran pertama dengan peroleh jumlah skor sebanyak 14/15 bersamaan purata 4.667.

Secara kesimpulannya, terdapat peningkatan dalam kesahan kandungan modul kitaran dua berbanding kitaran pertama dengan julat keseluruhan markah penilaian Bahagian A (Kandungan Modul)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebanyak 99% dengan skor terkumpul 148/150 berbanding julat markah penilaian kitaran pertama iaitu 92% dengan skor 138/150.

4.4.2 Aktiviti dan Latihan Modul

Jadual 4.28:

Purata Kesahan Aktiviti dan Latihan Modul

Perkara		Kitaran 1		Kitaran 2	
		Jumlah (/15)	**Purata (min)**	**Jumlah (/15)**	**Purata (min)**
1	Kepelbagaian aktiviti dan latihan adalah berpusatkan murid.	15	5	15	5
2	Pemeringkatan aktiviti dan latihan secara terancang menggalakkan murid terlibat secara aktif sama ada secara individu atau berkumpulan.	14	4.667	15	5
3	Pengolahan arahan aktiviti dan latihan adalah sesuai, jelas, ringkas serta mudah difahami.	13	4.333	15	5
4	Aktiviti dan latihan meliputi aras mudah, sederhana serta sukar.	14	4.667	15	5
5	Aktiviti dan latihan terdiri daripada integrasi kepelbagaian teknik imaginasi lakonan.	14	4.667	15	5
6	Pengolahan aktiviti dan latihan disusun secara terancang dan sistematik.	13	4.333	15	5
7	Aktiviti dan latihan sesuai untuk kumpulan sasar (murid sekolah menengah).	14	4.667	15	5
8	Aktiviti dan latihan dibina menggunakan bahan media yang merangsang daya imaginasi murid secara berperingkat.	15	5	15	5
9	Aktiviti dan latihan yang dibina menjana kemahiran berfikir murid.	14	4.667	15	5
10	Aktiviti dan latihan merangsang murid untuk mengeksplorasi daya imaginasi.	15	5	15	5

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4 menunjukkan purata kesahan aktiviti dan latihan modul antara kitaran satu dan kitaran dua. Berdasarkan jadual tersebut, dapatan jelas menunjukkan bahawa terdapat peningkatan purata bagi setiap aspek yang dinilai. Merujuk kepada penilaian terhadap kepelbagaian aktiviti dan latihan berpusatkan murid, ketiga-tiga penilai memberikan skor tertinggi iaitu 5 skala likert seterusnya menjadikan jumlah skor keseluruhan ialah 15/15 dengan purata keseluruhan ialah 5.

Terdapat perbezaan jumlah skor keseluruhan bagi aspek kedua iaitu pemeringkatan aktiviti dan latihan secara terancang bagi penilaian kitaran kedua berbanding kitaran pertama. Jumlah skor keseluruhan yang diperoleh bagi penilaian kitaran kedua ialah 15/15 dengan purata 5. Berbeza dengan penilaian dalam kitaran pertama, aspek ini mengumpulkan jumlah skor sebanyak 14/15 dengan purata 4.667. Pengkaji telah mengambil maklum akan penambahbaikan yang perlu diberi perhatian berdasarkan cadangan penambahbaikan yang dinyatakan oleh penilai pakar berkaitan pencapaian fokus murid yang berada dalam tahap penguasaan rendah.

Aspek penilaian terhadap pengolahan arahan aktiviti dan latihan mengalami peningkatan yang memberangsangkan dengan memperoleh jumlah skor keseluruhan yang lebih tinggi dalam penilaian kitaran kedua berbanding kitaran yang sebelumnya. Ketiga-tiga penilai pakar mencapai kata sepakat dengan memberikan skor keseluruhan 15/15 dengan purata 5 berbanding kitaran sebelumnya dengan jumlah skor 13/15 bersamaan purata 4.333.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi penilaian terhadap aspek aktiviti dan latihan meliputi aras mudah, sederhana dan sukar, aspek ini telah mendapat purata skor kesahan 5 dengan mengumpul nilai tertinggi 15/15 daripada semua penilai pakar. Purata bagai penilaian sebelumnya ialah sebanyak 4.667 dengan jumlah skor 14/15. Ini membuktikan bahawa perancangan aktiviti dan latihan yang dibina oleh pengkaji dalam modul ini berada pada tahap kesahan yang tinggi dan memuaskan.

Merujuk kepada penilaian kitaran pertama bagi aspek aktiviti dan latihan dalam modul terdiri daripada integrasi kepelbagaian teknik imaginasi lakonan, purata keseluruhan yang diperoleh berdasarkan penilaian kesahan ialah 4.667 dengan skor 14/15. Aspek ini seterusnya memperoleh skor keseluruhan tertinggi dengan jumlah 15/15 dan nilai puratanya ialah 5 bagi penilaian kesahan aktiviti dan latihan modul kitaran kedua.

Jumlah skor keseluruhan bagi aspek seterusnya iaitu pengolahan aktiviti dan latihan disusun secara terancang dan sistematik ialah 15/15 dengan purata 5. Dalam penilaian kitaran pertama, penilai pakar memberikan markah keseluruhan berjumlah 13/15 dengan purata keseluruhan adalah sebanyak 4.333. Dengan peningkatan jumlah skor keseluruhan, ini cukup membuktikan bahawa pengolahan yang dilakukan terhadap kandungan aktiviti dan latihan yang terdapat dalam modul adalah bersifat sistematik dan terancang.

Bagi aspek kesesuaian aktiviti dan latihan untuk kumpulan sasaran murid sekolah menengah, ketiga-tiga penilai pakar memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keputusan penilaian yang positif dengan jumlah keseluruhan 15/15 seterusnya menjadikan purata keseluruhan adalah di tahap yang tinggi dengan skor 5. Dapatan penilaian kesahan ini turut sama dengan aspek yang berikutnya berkaitan pembinaan aktiviti dan latihan menggunakan bahan media yang mampu merangsang daya imaginasi murid secara berperingkat. Aspek ini turut memperoleh jumlah skor keseluruhan dengan nilai purata 5.

Merujuk kepada penilaian terhadap kesahan aktiviti dan latihan yang dibina mampu menjana kemahiran berfikir murid, jumlah skor keseluruhan yang diperoleh daripada penilai pakar ialah 15/15 dengan purata 5. Berbanding nilai kesahan daripada kitaran pertama, aspek ini memperoleh jumlah keseluruhan 14/15 dengan purata 4.667. Peningkatan ini menunjukkan bahawa aspek ini memilik tahap kesahan yang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek terakhir yang dinilai dalam komponen aktiviti dan latihan yang dinyatakan dalam modul ini ialah berkaitan menyediakan aktiviti dan latihan yang dapat merangsang murid untuk mengeksplorasi daya imaginasi. Aspek ini mengekalkan nilai kesahan yang sama dengan penilaian kitaran sebelumnya dengan jumlah skor 15/15 yang membawa kepada dapatan purata penuh 5.

Secara keseluruhannya, nilai kesahan komponen aktiviti dan latihan yang dinyatakan dalam modul bagi penilaian kitaran kedua menunjukkan peningkatan secara holistik dengan julat keseluruhan markah penilaian Bahagian B (Aktiviti dan Latihan Modul) sebanyak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

100% dengan pengumpulan skor penuh 150/150 berbanding julat markah penilaian kitaran pertama iaitu 94% dengan skor 141/150.

4.4.3 Rumusan

Merujuk kepada kedua-dua kitaran penilaian modul aktiviti, kajian ini menunjukkan bahawa kesahan kandungan modul serta aktiviti dan latihan modul aktiviti imaginasi lakonan adalah pada tahap yang tinggi dengan julat markah penilaian kitaran satu ialah 93% manakala julat markah penilaian kitaran dua pula ialah 99%. Julat markah penilaian kitaran dua kelihatan memiliki jumlah yang lebih tinggi berbanding kitaran satu kerana terdapat beberapa penambahbaikan yang telah dilakukan oleh pengkaji berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh penilai-penilai pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan jumlah keseluruhan melebihi 70%, tahap kesahan kandungan modul serta aktiviti dan latihan modul berada pada tahap pencapaian tinggi dan memuaskan. Segala aspek yang dinyatakan dalam modul aktiviti imaginasi lakonan memiliki tahap kesahan yang tinggi sekali gus menjadikan tahap kebolehpercayaan modul aktiviti juga adalah tinggi. Ini dapat dilihat menerusi jumlah purata dan skor yang diperoleh melalui penilaian kitaran yang dilaksanakan. Oleh itu, modul aktiviti ini dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan pendidik dalam memberikan pengajaran terhadap kemahiran berfikir menerusi aktiviti imaginasi lakonan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Perbincangan dan Kesimpulan

Menerusi analisis keperluan yang telah dilakukan, penyelidik mendapati bahan rujukan untuk aktiviti kokurikulum teater dan drama sangat kurang di pasaran Malaysia. Dapatan daripada responden telah mengesahkan isu tersebut dan telah dibincangkan serta dibuktikan pada bab sebelum ini. Sebagai contoh dapatan dari analisis keperluan menunjukkan 85.5% responden bersetuju bahawa bahan rujukan teater dan drama dalam Bahasa Melayu khusus untuk kegunaan murid atau guru sekolah sukar diperoleh di pasaran Malaysia. Pembangunan modul aktiviti teater dan drama adalah sangat penting berikutan analisis dapatan 90% menunjukkan aktiviti pengajaran kokurikulum teater dan drama di sekolah dijalankan berdasarkan pengalaman responden. Tambahan pula, 83.3% menunjukkan responden hanya menggunakan bahan rujukan daripada nota teater dan drama yang diambil daripada sumber Internet.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai keperluan daripada hasil dapatan serta sokongan kepada matlamat kokurikulum, penyelidik telah membangunkan kajian ini sebagai sumbangan untuk pendidikan negara, aktiviti kokurikulum serta untuk kegunaan guru dan murid di sekolah. Atas keperluan pembangunan kajian dan penyelidikan ini, terhasilkan sebuah Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan yang berteraskan kajian reka bentuk pembangunan berasaskan teori konstruktivisme. Rasional pembangunan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan ini adalah sebagai rujukan kepada guru dalam pengendalian aktiviti kokurikulum teater dan drama. Selain itu juga, pengisian kandungan modul aktiviti yang menggunakan teknik imaginasi lakonan diharap dapat membantu mengukuhkan kemahiran berfikir kreatif dan kritis murid secara lebih berkesan. Dijangka Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan akan lebih menjadikan perjalanan, pengendalian aktiviti kokurikulum teater dan drama di sekolah lebih teratur, berimpak dan memberi kesan yang positif bukan sahaja kepada pengguna yakni murid dan guru malah kepada perkembangan teater dan pendidikan itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini dibuktikan dengan hasil dapatan penilaian daripada pakar penyelidik seperti yang dibincangkan dalam bab empat yang menyatakan bahawa Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan merangkumi kurikulum kebangsaan, menepati pedagogi bidang teater dan drama, bersesuaian untuk kegunaan aktiviti kokurikulum sekolah dan dapat membantu merangsang kemahiran berfikir murid sekolah. Oleh yang demikian penghasilan Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan diharap bakal memberi sumbangan kepada pengamal dan penggiat teater, warga pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia atau institusi yang berkeperluan. Modul aktiviti ini juga telah disediakan dalam pelbagai bentuk iaitu salinan cetak dan salinan lembut yang telah diprogramkan ke media digital melalui aplikasi YouTube dan Tiktok. Menerusi inisiatif tersebut diharapkan modul aktiviti boleh diakses dengan mudah, boleh dijalankan pada bila-bila masa yang diperlukan dan boleh dilaksanakan di mana-mana ruang yang sesuai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan formulasi reka bentuk kandungan modul yang bersifat kekinian, mengandungi kemahiran insaniah, kandungan organik dan mudah lentur serta aktiviti disusun dari mudah ke kompleks, modul ini dilihat sangat relevan dengan keperluan semasa dunia pendidikan kini. Penghasilan modul aktiviti yang terancang, sistematik dan interaktif akan menarik minat pengguna dan membolehkan isi kandungan disampaikan dengan berkesan.

5.2 Cadangan Kajian Lanjutan

Pendidikan merupakan tunjang dalam pertumbuhan intelektual sesebuah negara. Intelektual negara Malaysia bergantung kepada ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang dimiliki yang dimiliki rakyat. Menghadapi keperluan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melakarkan pelbagai inisiatif bagi memastikan hala tuju pendidikan sentiasa ke depan dan seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan strategi Kementerian Pendidikan bagi memperkasakan bidang pendidikan Malaysia. Tiga objektif khusus PPPM 2013-2025 dibangunkan dengan visi dan aspirasi yang jelas mendukung Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Maka itu, sebagai usaha menuju kepada pembudayaan ilmu yang cemerlang dan sempurna, dua bidang utama yakni kurikulum dan kokurikulum perlu diberikan tumpuan, menyeluruh dan berterusan tanpa perlu ada pemisah. Bidang kokurikulum menggariskan matlamat antaranya memastikan keseimbangan perkembangan mental dengan perkembangan jasmani, rohani dan emosi murid, mengukuhkan interaksi dan komunikasi yang berkesan dalam kalangan murid sekolah, membina serta membangunkan bakat dan potensi murid, meningkatkan disiplin murid seta mewujudkan budaya pengajaran dan pembelajaran yang menarik, menyeronokkan dan berimpak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menutup penyelidikan ini, penyelidik mencadangkan beberapa aspek yang boleh diberi perhatian untuk kelangsungan dan lonjakan paradigma ilmu teater dan pendidikan di Malaysia. Seperti yang kita sedia maklum, bidang kurikulum mempunyai buku teks yang menjadi pegangan kepada guru dan murid, bagaimanakah pula pegangan kepada bidang kokurikulum yang boleh dijadikan panduan kepada pengguna dan pengamalnya? Tidak dinafikan bahawa, beberapa modul garis panduan dan modul latihan sedia ada yang telah dibangunkan untuk beberapa aktiviti kokurikulum di sekolah. Contohnya seperti modul silat, modul Kadet Bomba, modul latihan sukan badminton, dan lain-lain lagi. Namun, adalah sangat jelas penggubalan dan pelaksanaannya tidak dibangunkan secara saksama untuk semua badan berunifom, kelab dan persatuan atau sukan dan permainan yang ada di Malaysia. Berdasarkan kelompangan tersebut, paradigma bidang kokurikulum perlu diangkat sewajarnya. Inisiatif kepada pembangunan modul yang mengandungi bahan pengajaran dan pembelajaran untuk kegunaan program kokurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia mungkin boleh menjadi satu usaha yang berterusan membantu sistem pendidikan untuk mengangkat gagasan pendidikan kebangsaan ke tahap yang lebih tinggi. Kendatipun penyelidikan seumpama ini telah banyak dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu, namun demikian hal ini menjadi keutamaan kepada mereka untuk membangunkan modul berteraskan kurikulum kerana visi mengutamakan kecemerlangan kurikulum menjadi minat dan pilihan utama mereka. Maka, dapat dilihat dengan jelas, bagaimana sistem pendidikan negara melahirkan pakar ilmuwan pembina modul kurikulum yang berbagai-bagai jenis dan bentuk modul dengan formulasi dan inovasi yang berteknologi tinggi. Namun yang demikian apabila diperhalusi dan dilihat secara dalam, bagaimanakah pula halnya dalam usaha melahirkan pakar intelektual bidang kokurikulum yang melihat keistimewaan kokurikulum dari ruang lingkup yang besar dan bermakna kepada guru dan murid? Justeru, diharap penyelidik akan datang dapat menjadikan kajian ini sebagai inspirasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk menumpukan penghasilan modul kokurikulum pada masa akan datang sekali gus melahirkan lebih ramai lagi ilmuan yang cakna membantu guru dan murid dalam aktiviti kokurikulum dari peringkat akar umbi.

Daripada perspektif teater dalam pendidikan, kita sedia maklum bahawa perkembangan teater dan drama di sekolah Malaysia berkembang dengan konsistem dan baik. Dalam bab satu, penyelidik telah menghuraikan sejarah teater dunia dan perkembangan teater di Malaysia serta bagaimana teater dalam pendidikan diberi perhatian serius dan dibangunkan di institusi pendidikan seluruh Malaysia. Sekolah Seni Malaysia contohnya merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia yang patut dipuji kerana mengangkat martabat pendidikan teater sebagai subjek yang berimpak tinggi sebaris dengan pendidikan muzik, seni visual dan seni tari. Mungkin masih ada segelintir masyarakat yang sensitif dengan teater kerana beranggapan bahawa elemen teater hanyalah sebuah pementasan berbentuk hiburan yakni lakonan yang tidak memberikan faedah dan nilai tambah kepada murid sekolah. Namun demikian, bagaimanakah kita mengangkat persepsi tersebut dan membuang jauh daripada minda mereka? Atas isu tersebut, kajian lanjutan bagi membuktikan kemenjadian dan keberhasilan murid dalam teater dan drama boleh diwujudkan sebagai mengubah persepsi masyarakat sekali gus menggambarkan perkembangan sihat bidang teater dalam pendidikan di Malaysia. Selain itu juga, jika menelusuri kajian literatur seperti yang dibincangkan dalam bab dua, telah banyak kajian membuktikan keberhasilan penggunaan teater dan drama dalam pelbagai bidang lain seperti perubatan, matematik, teknologi, bahasa dan lain-lain. Maka, sebagai cadangan penyelidikan lanjut, dicadangkan agar bidang teater dalam pendidikan diperluaskan secara menyeluruh kepada bidang kokurikulum merentas mata pelajaran yang lain. Pembinaan modul untuk aktiviti kokurikulum teater dan drama berasaskan elemen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merentas kurikulum untuk semua cabang keilmuan lain dilihat dapat memberi manfaat kepada pembangunan intelektual murid sekolah di Malaysia.

Selain itu, program penggalakan, pembangunan dan kecemerlangan yang terdapat dalam pelan dan gerak kerja Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) Kementerian Pendidikan Malaysia, boleh diteliti dan diberi perhatian. BSKK telah merangka pelbagai program khusus untuk aktiviti kokurikulum. Contohnya Kem Kesenian Murid Malaysia, Bengkel Perkampungan Santai Teater, Pertandingan Jom Teater, Festival Teater dan Sayembara Monolog. Jadi atas dasar tanggungjawab yang besar BSKK kepada sistem pendidikan kokurikulum negara dan kepentingan merangka program yang efisien pada masa akan datang, penyelidik mencadangkan agar pihak BSKK KPM menggunakan modul-modul aktiviti yang telah dibangunkan secara ilmiah seperti ini untuk dijadikan sebagai dokumen rasmi aktiviti kokurikulum di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai kesimpulan, penyelidik dapat merumuskan bahawa satu dimensi baharu untuk Teater Dalam Pendidikan boleh bermula dengan penyelidikan kecil seperti ini yang berpotensi memberi manfaat serta memberikan faedah seluas-luasnya bukan sahaja murid dan guru malah kepada keseluruhan sistem pendidikan di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abdul Halim Abdullah (2014). *Pisa 2012: dimana kedudukan Malaysia untuk subjek matematik?* Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan.

Abdullah, A.H., et.al. (2014). Menjana kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) murid melalui sistem MyGSP. Kertas kerja dibentangkan di The 4th International Conference on Learner Diversity (ICELD 2014). Bagi, 17-18 September 2014.

Abu Bakar, Mohd. S. (1987). Metodologi penyelidikan untuk ekonomi dan bidang-bidang berkaitan (1st ed.). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali & Shamsuddin Othman, (2016). *Pengaplikasian teknik didik hibur meningkatkan pencapaian penulisan karangan bahasa melayu.* Jurnal Pendidikan Malaysia.

Adler, S. (2000). The art of acting. Applause Books ; Tonbridge, Kent, U.K.

Adler, S. (1990). The Technique of Acting. Bantam.

Ahmad, F., Mohd Lazim, Z., & Ibrahim, K. (2010). KOMSAS: penguasaan, konflik dan harapan pelajar [Review of KOMSAS: penguasaan, konflik dan harapan pelajar]. Jurnal Linguistik, 10(Special Edition), 118–136. Persatuan Linguistik Malaysia. issn: 1823-9242

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Alfonso-Benlliure, V., Motos Teruel, T., & Lee Fields, D. (2021). Is it true that young drama practitioners are more creative and have a higher emotional intelligence? Thinking Skills and Creativity, 39, 100788. https://doi.org/10.1016/j.tsc.2021.100788

Alharthi, A. M. (2011). The thinking skills of children with learning disability through creative drama and storytelling: A case study in a primary school in Jeddah. Institute of Education, International Islamic University Malaysia.

Asante, E., & Yirenkyi, S. M. (2018). Engaging communities for development action: The theatre for development (TfD) approach [Review of Engaging communities for development action: The theatre for development (TfD) approach]. International Journal of Development and Sustainability, 7(2), 589–603. International Society for Development & Sustainibility. https://www.isdsnet.com/ijds.html

Azani Ismail @ Yaakub, and Azman Che Mat, and Mat Taib Pa, (2012) Membina kemahiran pertuturan menerusi aktiviti lakonan dalam pengajaran Bahasa Arab. GEMA: Online Journal of Language Studies, 12 (1). pp. 325-337. ISSN 1675-8021

Azani Ismail@Yaakub, Azman Che Mat & Mat Taib Pa, (2012). *Membina kemahiran pertuturan menerusi aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa Arab.* GEMA: Online Journal of Languange Studie.

Aziah Tajudin dan Mohd. Fazli Tajuid, (2016). *Kamus pelajar Bahasa Melayu Dewan edisi kedua.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Babbage, F. (2004). *Agusto Boal (Routledge Performance Practitionars).* Florence Production Ltd.

Bailey, C., Froggatt, K., Field, D., & Krishnasamy, M. (2002). The nursing contribution to qualitative research in palliative care 1990-1999: a critical evaluation. Journal of Advanced Nursing, 40(1), 48–60. https://doi.org/10.1046/j.1365-2648.2002.02339.x

Bailey, C.A. (2007). *A guide to qualitative field research.* United States: SAGE Publications, Inc.

Beyer, B. K. (1995). *Critical thinking. Bloomington.* Arlington: Phi Delta Kappa Educational Foundation.

Berdie, D.R., & Anderson, J. R. (1974). *Questionnaires: design and use.* New Jersey: The Scarecrow Press.

Blessing. (2015). Innovative Applications of Educational Technology Tools in Teaching and Learning. Trafford Publishing.

Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of education objective handbook* I: cognitive domain.
New York: Mckay.

Boal, A. (2008), *Theatre of the oppressed* London: Pluto Press.

Bryman (2006). Integrating quantitative and qualitative research: how is it done? Qualitative Research 6, 97–113.

Bryman, A. (2007). Barriers to Integrating Quantitative and Qualitative Research. Journal of Mixed Methods Research, 1(1), 8–22. https://doi.org/10.1177/2345678906290531

Briner, M. (1999). What is constructivism? University of Colorado at Denver School of Education. Retrieved from https://curriculum.calstatela.edu/faculty/psparks/theorists/501const.htm

Catterall, J. S. (2007). Enhancing peer conflict resolution skills through drama: an experimental study. Research in Drama Education: The Journal of Applied Theatre and Performance, 12(2), 163–178. https://doi.org/10.1080/13569780701321013

Chaffee, J. (2010). *Thinking critically.* Boston: Wadsworth Cengage Leaming.

Chiodo, J. J., & Tsai, M.-H. (1995). Taiwanese students in American universities: Are they ready for critical thinking? College Student Journal, 29(3), 374–382.

Chin, L. F. H., Rahman, M. K. A., & Hashim, N. S. N. (2021). Increasing Literacy Using Drama Activities as Alternative Methods for Malay Language Teaching and Facilitation among Dyslexia Students. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 11(12), 1122–1133

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Chua, Y. P. (2014). *Kaedah dan statistik penyelidikan* (3rd ed.) Kuala Lumpur: Mcgraw Hill (M) Sdn. Bhd.

Cresswell, J.W, & Clark, V. L. P. (2005). *Designing and conducting mixed methods research.* Thousand Oaks: Sage Publications.

Creswell and Plano Clark (2011). Designing and Conducting Mixed Methods Research, 2nd ed., Thousand Oaks, CA: Sage.

Creswell and Plano Clark (2011). Designing and Conducting Mixed Methods Research, 2nd ed., Thousand Oaks, CA: Sage

Collins, H. F. (1964). Talma, a Biography of an Actor. New York: Hill and Wang.

Dack, G.H., Prejean, L. & Ford, M.J. (2005). Technology, Readers Theatre and the Constructivist Learning Model. In C. Crawford, R. Carlsen, I. Gibson, K. McFerrin, J. Price, R. Weber & D. Willis (Eds.), Proceedings of SITE 2005--Society for Information Technology & Teacher Education International Conference (pp. 3142-3149). Phoenix, AZ, USA: Association for the Advancement of Computing in Education (AACE). Retrieved February 25, 2022 from https://www.learntechlib.org/primary/p/19605/.

De Silva, M.B. (2018) The importance of a drama program in cultivating soft skills: The actors studio academy as a case study / Mark Beau De Silva. Masters thesis, University of Malaya.

Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2005). Kamus Dewan Edisi Keempat (4th ed.). Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Dick, W., & Carey, L. (1996). The systematic design of instruction. 4th ed. New York, NY: Harper Collin Gustafson, K. and Branch, R. (1997) Revisioning Models of Instructional Development. Educational Technology, Research and Development, 45 (3), 73-89.

Duatepe-Paksu, A., & Ubuz, B. (2009). Effects of Drama-Based Geometry Instruction on Student Achievement, Attitudes, and Thinking Levels. The Journal of Educational Research, 102(4), 272–286. https://doi.org/10.3200/joer.102.4.272-286

Ennis, R. H. (1962). A Concept of Critical Thinking. Harvard Educational Review, 32(1), 81-111.

Fatimah Binti Ibrahim (2015). *Keberkesanan pembelajaran konstruktivisme terhadap pemahaman komponen sastera.* Perak:: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Fisher, A. (2001). *Critical thinking: an introduction.* UK: Cambridge University Press.

Gamwel P. (2005). *Intermediate students' experiences with an art based unit: An action research.* Canadian Jumal Of Education.

Gall, M. D., Gall, J. P., & Borg, W. R. (2007). Educational research: an introduction

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(8th ed.). Pearson/Allyn & Bacon.

Greene (2008). Is mixed methods social inquiry a distinctive methodology? Journal of Mixed Methods Research 2, 7–22.

Gesa Kirsch, & Sullivan, P. A. (1992). Methods and methodology in composition research. Southern Illinois University Press

Golafshani, N. (2003). Understanding Reliability and Validity in Qualitative Research. The Qualitative Report, 8(4), 597-606. https://doi.org/10.46743/2160-3715/2003.1870

Hajah Noresah bt. Baharom. (2010). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Harnadek, A. (1981). *Critical thinking: Book One, teacher's manual.* Pasific Grove, CA: Critical Thinking Press & Software.

Heinich, R.,Molenda, M., Russell,J.D &Smaldino, S.E.(1999). ASSURE Model.

Helmer, O. (1968) Analysis of the Future: The Delphi Method, Technological Forecasting for Industry and Government Methods and applications. Prentice-Hall, Englewood Cliffs.

Honebein, P.C. (1996), “Seven Goals for the Design of Constructivist Learning Environments”,In Constructivist Learning Environments: Case Studies in Instructional Design. Brent G. Wilson (Ed.). Englewood Cliffs: Educational Technology Publications: 11-24. Retrieved at: http://ed205.net/assure_model.html(Accessed 2013/07122)

Hussin, A. A. (2017). Kerangka Perlaksanaan Teater Forum Sebagai Medium Luahan Emosi Remaja Melayu Secara Terkawal dan Selamat. International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT), 5(1), 1–24. https://doi.org/10.47252/teniat.v5i1.278

Hyram, G. H. (1957). *An experiment in developing critical thinking in children.* Jounal of Experimental Education.

Irmawati Mascom. (2012). *Drama sebagai pedagogi dalam pembelajaran bahasa melayu di sekolah menengah.* Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Ivankova et al., (2006). Using mixed methods sequential explanatory design: from theory to practice. Field Methods 18, 3–20.

Jalal, F., & Omar, A. (2014). Aktiviti Lakonan Murid bagi Pemupukan Nilai Murni dan Perpaduan Kaum:Analisis di Pekan, Pahang: Acting Activities among Pupils inInculcating Good Values and Ethnic Integrity:An Analysis in Pekan, Pahang. Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan, 6(2), 26–41. Retrieved from https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1661

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jamian, A. R. (2016). Pengaplikasian teknik didik hibur meningkatkan pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jamieson, S. (2004). Likert scales: how to (ab) use them. Medical Education, 38(12), 1217-1218.

Jonassen, D. (1991). *Objectivisme vs. constructism.* Educational Technology Research and Development. United States: Springer.

Johnson and Onwuegbuzie (2004). Mixed methods research: a research paradigm whose time has come. Educational Researcher 33(7), 14–26.

Kamarudin, F. (2015). Increasing Students' Comprehension And Motivation To Learn Literature Through The Reader's Theatre.

Kukuh Masgumelar, N., & Setya Mustafa, P. (2021). Teori Belajar Konstruktivisme dan Implikasinya dalam Pendidikan dan Pembelajaran. GHAITSA : Islamic Education Journal , 2(1), 49-57. Retrieved from https://www.siducat.org/index.php/ghaitsa/article/view/188

Liamputtong, P. & Ezzy, D. (2005). *Qualitative research methods.* Victoria: Oxford University Press.

Lim Chap Sam, A., A., & H. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan.* Selangor: McGraw Hill Education (M) Sdn. Bhd.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Lin, Y. (2010). Drama and possibility thinking – Taiwanese pupils' perspectives regarding creative pedagogy in drama. Thinking Skills and Creativity, 5(3), 108–119. https://doi.org/10.1016/j.tsc.2010.09.001

Lipman, M. (1988). *Critical thinking- what can it be?* Educational leadership, 46(1), 38-43.

Linstone, H. A, & Turoff, M. (2002). *The Delphi Method: Techniques and applications.* United States: Addison-Wesley Publishing Company.

McBrien, J. L. & Brandt, R. S. (1997). *The languange of/earning: A guide to education terms.* Alexandria, VA: Association for supervision and curiculum development.

McAvoy, M., Hunt, K., & van de Water, M. (2015). Drama and Education: Performance Methodologies for Teaching and Learning. Routledge.

Merriam, S.B. (1997). *Qualitative research and case study applications in education: Revised and expanded.from case study research in education.* USA: Wiley.

Mohamad, M. M., Sulaiman, N. L., Sern, L. C., & Salleh, K. M. (2015). Measuring the Validity and Reliability of Research Instruments. Procedia - Social and Behavioral Sciences, 204, 164–171. https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.08.129

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan pendidikan.* Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia

Mohd Sheffie Abu Bakar. (1995). *Metodo/ogi pendidikan.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd YusofOthrnan (1994). *Pemikiran kreatif: ke arah kecemer/angan.* Kajang: Aras Mega Sdn. Bhd.

Morgan (2007). Paradigms lost and pragmatism regained: methodological implications of combining qualitative and quantitative methods. Journal of Mixed Methods Research 1, 48–76.

Mohd Hasnul Mohd Sani (2018). *Asah kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah.*
Retrieved from https://leaderonomics.com/brn/artikel/asah-kemahiran-berfikir Monica Prendergast, Juliana Saxton. (2009). *Aplied theatre.* Bristol: Intellect Ltd.

Moore, M. M. (2004). Using drama as an effective method to teach elementary students. Michigan: Eastern Michigan University.

Muhammad Imran Yousuf. (2007). Using experts' opinions through Delphi Technique. Journal of Practical Assessment, Research & Evaluation, Vol 12, No 4

Neelands, J. (2016). Applied Theatre: Research. Research in Drama Education: The Journal of Applied Theatre and Performance, 21(2), 270–272. https://doi.org/10.1080/13569783.2016.1159505

Nik Azis Nik Pa. (1999). *Pendekatan konstruktivisme radikal da/am matematik.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Noor Azizah Binti Ahmad, (2006). *Pengaplikasian teori konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembe/ajaran mata pe/ajaran reka cipta.* Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Nurkhamimi Zainuddin, (2017). *Pemikiran kritis bentuk pendidik cemerlang.* Retrieved fromhttp://www.sinarharian.com.my/kampus/pemikiran-kritis-bentuk- pendidik-cemerlang.

Oga-Baldwin, W. L. Q. (2019). Acting, thinking, feeling, making, collaborating: The engagement process in foreign language learning. System, 86, 102128. https://doi.org/10.1016/j.system.2019.102128

Olaf Helmer dan Norman Dalkey, (1963). *An experimental application of the delphi method to the use of expert.* Management Science Journal. Vol. 9, No. 3 (Apr., 1963).

Perviz Sawoski (2010). *The stanislavski system Growrh and methodology.* United States: Santa Monica College.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Plano Clark and Badiee (2010). Research questions in mixed methods research. In: Handbook of Mixed Methods Research, 2nd ed., ed. A. Tashakkori and C. Teddlie, Thousand Oaks, CA: Sage, 275–304.

Poh Swee Hiang, (2000). *Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.* Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Ponniah, K. (2017). Pemikiran Kritis dan Amalannya Dalam Masyarakat India Berpendidikan Tamil di Malaysia Berpandukan Teks Tirukkural (p. 301) [PhD Thesis Pemikiran Kritis dan Amalannya Dalam Masyarakat India Berpendidikan Tamil di Malaysia Berpandukan Teks Tirukkural].

Raju, L. D. V. (2020). Integrasi pendekatan Caring melalui teater forum dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral tingkatan satu.

Rasmussen, B. (2010). The “good enough” drama: reinterpreting constructivist aesthetics and epistemology in drama education. Research in Drama Education: The Journal of Applied Theatre and Performance, 15(4), 529–546. https://doi.org/10.1080/13569783.2010.512187

Rita C Richey & James D. Klein, (2007). *Design and development research: methods, strategies and issues.* New York: Lawrance Erlbaum Associates, Inc.

Richey, R. C., & Klein, J. D. (2014). Design and Development Research. Routledge.

Rosba, E., Zubaidah, S., Mahanal, S., & Sulisetijono. (2021). College students’ critical thinking skills and creativity. THE 4TH INTERNATIONAL CONFERENCE on MATHEMATICS and SCIENCE EDUCATION (ICoMSE) 2020: Innovative Research in Science and Mathematics Education in the Disruptive Era. https://doi.org/10.1063/5.0043294

RotteJ. (2000). Acting with Adler. Limelight Editions.

Saldaña, J. (2005). Ethnodrama. Rowman Altamira.

Saldaña, J. (2016). Ethnotheatre: Research from page to stage. Routledge.

Saputro, M. N., & Pakpahan, P. (2021). Mengukur Keefektifan Teori Konstruktivisme dalam Pembelajaran. JOEAI (Journal of Education and Instruction), 4(1), 24-39. https://doi.org/https://doi.org/10.31539/joeai.v4i1.2151

Sternberg, R. J., & Williams, W. M. (2010). Educational psychology (2nded.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc.

Sharifah Alwiah Alsagoff. (1981). *Pengenalan pengajaran individu dengan tumpuan khas kepada modul pengajaran dan modul pembelajaran.* Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Sheana Ochoa. (2014). Stella! : mother of modern acting. Applause Theatre & Cinema Books, An Imprint Of Hal Leonard Corporation.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sidek Mohd. Noah. (2005). *Pembinaan modul: bagaimana membina modul latihan dan modul akademik.* Serdang: Universiti PutraMalaysia.

Siburian, et.al. (2019). The Correlation Between Critical and Creative Thinking Skills on Cognitive Learning Results. Eurasian Journal of Educational Research, 19(81), 1–16. https://doi.org/10.14689/ejer.2019.81.6

Sönmez, H. (2019). Prospective Teachers' Activity Designing Skills in Accordance with Cognitive Constructivism Strategies. Journal of Qualitative Research in Education, 7(4), 1–24. https://doi.org/10.14689/issn.2148-2624.1.7c.4s.16m

Sulaiman, R., Aziz, M., & Soon Sang, M. (2011). Kemahiran Berfikir [Review of Kemahiran Berfikir]. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd

Syahida Nadia Zakaria (2015). *Kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera bahasa melayu.* Jumal Pendidikan Bahasa Melayu.

Tashakkori and Teddlie (1998). Mixed Methodology: Combining Qualitative and Quantitative Approaches, Thousand Oaks, CA: Sage.

Tashakkori and Teddlie (2010). SAGE Handbook of Mixed Methods in Social and Behavioral Research, 2nd ed., Thousand Oaks, CA: Sage.

Taylor, SJ dan R Bogdan. (1984). *Introduction to qualitative reasearch methods: the search for meaning.* Second Edition.Toronto: John Wiley and Sons.

Taylor, P. (2003, February). The Applied Theatre. For full text: http://theatre. asu. edu/symposium/Taylor. doc.

Thambu, N., & Balakrishnan, V. (2014). Teater Forum Sebagai Strategi Perkembangan Emosi Moral: Satu Kajian Tindakan [Review of Teater Forum Sebagai Strategi Perkembangan Emosi Moral: Satu Kajian Tindakan]. JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 2(3), 11–21. OJS. http://ojie.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/8079

Thiagarajan, S., Semmel, D. S., & Semmel, M. I. (1974). Instructional Development for Training Teachers of Exceptional Children.

Umi Nadiha Mohd Nor, Zamri Mohamad, Jamaludin Badusah (2011). *Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru Bahasa* Melayu sekolah menengah. Jumal Pendidikan Bahasa Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wadsworth, B. J. (1989). Piaget's Theory of Cognitive and Affective Development. Longman Publishing Group.

Wan Norehan Binti Wan Mamat. (2013). *Tahap penguasaan kemahiran pemikiran kritis dalam kalangan pelajar kejuruteraan dan hubungannya dengan pencapaian pelajar.* Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Wan Wardatul Amani Wan Salim. (2011).
Retrieved from http://amaniresearch.blogspot.com/2011/03/teknik-delphi-satu-method- kajian.html

Wright, D. (2007). ConstructivistInquiry andLearning inDrama. NJ, 31(1), 45–54. https://doi.org/10.1080/14452294.2007.11649508

Wooster, R. (2007). *Contemporary theatre in education*. Intellect.

Yang, X. (2022). Constructivism-based drama activities in EFL reading classes. TESOL Journal, 13(4). https://doi.org/10.1002/tesj.681

Zainal Abidin Zainuddin & Afrinaleni Suardi (2010), *Keberkesanan kaedah konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran matematik.* Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Zakkai, J. D. (1997). *Dance as a way of knowing.* Portland, ME: Stenhouse.

Internet

Adams Jr., C. N., & Kuftinec, S. (2012). Staging Education: Practices, Problems, and Potentials of Theatre in Education. ProQuest Dissertations and Theses, January.

Anderson, M., & Donelan, K. (2009). Drama in schools: meeting the research challenges of the twenty-first century. *Research in Drama Education: The Journal of Applied Theatre and Performance*, *14*(2). https://doi.org/10.1080/13569780902868499

Allen, G., Allen, I., & Dalrymple, L. (1999). Ideology, Practice and Evaluation: developing the effectiveness of Theatre in Education. *Research in Drama Education: The Journal of Applied Theatre and Performance*, *4*(1). https://doi.org/10.1080/1356978990040103

Alrutz, M. (2011). Performative galleries: Integrating applied theatre and digital media into museum settings. *Youth Theatre Journal*, *25*(2). https://doi.org/10.1080/08929092.2011.618367

Barnych, M., & Horbachuk, N. (2021). Acting: From Imagination to Transformation. *Bulletin of Kyiv National University of Culture and Arts. Series in Audiovisual Art and Production*, *4*(1). https://doi.org/10.31866/2617-2674.4.1.2021.235062

Bakare, L. E., & James, J. A. (2019). Drama-In-Education In Understanding The Contributing Factors To Aggressive Behaviour Among Teenagers. *Gender & Behaviour*, *17*(2).

Beare, D. (2009). A/r/tography, secondary theatre teaching, and the theatre of possibilities project. *Youth Theatre Journal*, *23*(2). https://doi.org/10.1080/08929090903281444

Berghammer, G. (1988). Drama Goes to School: An Examination of Theatre-in-Education. *Youth Theatre Journal*, *2*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Case, G. A., & Brauner, D. J. (2010). Perspective: The doctor as performer: A proposal for change based on a performance studies paradigm. In *Academic Medicine* (Vol. 85, Issue 1). https://doi.org/10.1097/ACM.0b013e3181c427eb

Crossley, M., Barrett, A., Brown, B. J., Coope, J., & Raghaven, R. (2019). A systematic review of applied theatre practice in the Indian context of mental health, resilience and wellbeing. *Applied Theatre Research*, *7*(2). https://doi.org/10.1386/atr_00017_1

Dai, J. (2020). Promoting Children's Creativity through Drama in Education. *Studies in English Language Teaching*, *8*(2). https://doi.org/10.22158/selt.v8n2p68

Eldhose, A., & Das, N. (2015). Theatre for Re-education: experimenting with documentary form in Kerala. *Research in Drama Education*, *20*(4). https://doi.org/10.1080/13569783.2015.1076333

Gjærum, R. G., & Rasmussen, B. (2010). The achievements of disability art: A study of inclusive theatre, inclusive research, and extraordinary actors. *Youth Theatre Journal*, *24*(2). https://doi.org/10.1080/08929092.2010.518909

Gomes, S. S. (2021). An archive on theater and education: Problematizations in the field of invention. *Educacao and Realidade*, *46*(3). https://doi.org/10.1590/2175-6236104309

Gonzalez, J. B. (2018). Towards recognition and regard: Creating connectivity in theatre education through intentional wakefulness. *Youth Theatre Journal*, *32*(1). https://doi.org/10.1080/08929092.2018.1445051

Greer, S. (2011). Staging legitimacy: Theorising identity claims in anti-homophobia theatre-in education. *Research in Drama Education*, *16*(1). https://doi.org/10.1080/13569783.2011.541608

Hager, L. L. (2010). Youth arts residencies: Implications for policy and education. *Youth Theatre Journal*, *24*(2). https://doi.org/10.1080/08929092.2010.519676

Hart, J. D. (2020). Utilizing the Stanislavski System and Core Acting Skills to Teach Actors in Arts Entrepreneurship Courses. *Journal of Arts Entrepreneurship Education*, *2*(1). https://doi.org/10.46776/jaee.v2.49

Hallgren, E., & Österlind, E. (2019). Process drama in civic education: Balancing student input and learning outcomes in a playful format. *Education Sciences*, *9*(3). https://doi.org/10.3390/educsci9030231

Hines, A. R. (2013). The Theatrical Ties that Bind: An Examination of the Hidden Curriculum of Theatre Education. In *ProQuest Dissertations and Theses*.

Jang, Y. (2021). A Study on the Possibility of Liberal Theatre Class Employing Documentary Theatre Focusing on Die Ermittlung and The Acting Motivation. *The Korean Association of General Education*, *15*(4). https://doi.org/10.46392/kjge.2021.15.4.151

Jarrah, H. Y. (2019). The impact of using drama in education on life skills and reflective thinking. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, *14*(9). https://doi.org/10.3991/ijet.v14i09.7978

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jensen, A. (2012). Digital culture, and the viewing/participating pre-service teacher: (Re)envisioning theatre teacher training for a social media culture. *Research in Drama Education*, *17*(4). https://doi.org/10.1080/13569783.2012.727626

Jensen, A. P. (2011). Convergence culture, learning, and participatory youth theatre performance. In *Youth Theatre Journal* (Vol. 25, Issue 2). https://doi.org/10.1080/08929092.2011.569528

Jensen, A. P., & Lazarus, J. (2014). Theatre teacher beliefs about quality practice in the secondary theatre classroom: An ethnographic study. *Youth Theatre Journal*, *28*(1). https://doi.org/10.1080/08929092.2014.897661

Jerlström, C., & Adolfsson, A. (2020). Prevention of Chlamydia Infections With Theater in School Sex Education. *Journal of School Nursing*, *36*(3). https://doi.org/10.1177/1059840518811912

Joseph, C. O. (2016). The 'invisible' drama/theatre in education curriculum in Kenya. *Research in Drama Education*, *21*(1). https://doi.org/10.1080/13569783.2015.1127148

Kim, B.-J. (2009). A journey of change with a Big Blue Whale: a theatre-in-education (TIE) programme on disability and dilemmas in the inclusive classroom in Korea. *Research in Drama Education: The Journal of Applied Theatre and Performance*, *14*(1). https://doi.org/10.1080/13569780802655848

Kitchen, J. (2021). Theatre and drama education and populism: The ensemble 'family' as a space for dialogic empathy and civic care. *British Educational Research Journal*, *47*(2). https://doi.org/10.1002/berj.3668

Klein, J. (2019). Creativity in theatre: theory and action in theatre/drama education. *Youth Theatre Journal*, *33*(2). https://doi.org/10.1080/08929092.2019.1685326

Lu, J. (2021). Michael Chekhov's acting technique: a practitioner's guide. *Theatre, Dance and Performance Training*, *12*(4). https://doi.org/10.1080/19443927.2021.1991159

L&D Frameworks Archives. (n.d.). HowNow. Retrieved February 16, 2023, from https://gethownow.com/blog/category/frameworks/

MacIntosh, J. M. (2006). Theatre-based peer education for youth: A powerful medium for HIV prevention, sexuality education and social change. In *ProQuest Dissertations and Theses*.

Mages, W. K. (2018). Does theatre-in-education promote early childhood development?: The effect of drama on language, perspective-taking, and imagination. *Early Childhood Research Quarterly*, *45*. https://doi.org/10.1016/j.ecresq.2017.12.006

Manna, N. (2021). Velvi's Theatre Intervention for Children with Autism Spectrum Disorder (ASD): An Assessment of Effect of Drama Therapy. *Indian Journal of Health & Wellbeing*, *12*(3).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maritz, G. U., & Coetzee, M. H. (2012). Creative synergy: Using community theatre and appreciative inquiry for young people's critical participation in HIV prevention and education. *Youth Theatre Journal*, *26*(2). https://doi.org/10.1080/08929092.2012.722904

May, H., Kloess, J. A., Davies, K., & Hamilton-Giachritsis, C. E. (2021). Young People's Experiences of Attending a Theater-in-Education Program on Child Sexual Exploitation. *Frontiers in Psychology*, *11*. https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.609958

Mavroudis, N. (2021). THE EFFECT OF DRAMA IN EDUCATION TOWARDS THE SUBJECT OF PHYSICAL EDUCATION IN ELEMENTARY SCHOOLS. *European Journal of Physical Education and Sport Science*, *7*(1). https://doi.org/10.46827/ejpe.v7i1.3760

Mavroudis, N., & Kondoyianni, A. (2022). The Effect of Drama in Education Towards the Acceptance of Different Religious Identities in a Intercultural School. *International Journal of Education and the Arts*, *23*(2). https://doi.org/10.26209/ijea23n2

McAvoy, M. (2020). Theater arts, global education, and policy; or, what Chance the Rapper taught us about arts education. *Arts Education Policy Review*, *121*(3). https://doi.org/10.1080/10632913.2019.1658248

McCammon, L. A., O'Farrell, L., Sæbø, A. B., & Heap, B. (2010). Connecting with their inner beings: An International survey of drama/theatre teachers' perceptions of creative teaching and teaching for creative achievement. *Youth Theatre Journal*, *24*(2). https://doi.org/10.1080/08929092.2010.518907

Mohd Amir Mohd Zahari, Rohizani Yaakub, Azrul Azizi Amirul, & Anida Sarudin. (2020). Kewajaran Penggunaan Produksi Teater dalam Pembelajaran Genre Drama Melalui Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif. *Gendang Alam*, *10*(2020).

Norris, J. (2000). Drama as research: Realizing the potential of drama in education as a research methodology. Youth theatre journal, 14(1), 40-51.

O'Toole, J. (2009). Writing Everyday Theatre : applied theatre, or just TIE rides again? . *Research in Drama Education: The Journal of Applied Theatre and Performance*, *14*(4). https://doi.org/10.1080/13569780903285982

Orji, B. E. (2020). Aestheticism in visual symbols: catalysts for theatre patronage in contemporary play production. *EJOTMAS: Ekpoma Journal of Theatre and Media Arts*, *7*(1–2). https://doi.org/10.4314/ejotmas.v7i1-2.27

Orr, S. H. (2015). Training the peer facilitator: using participatory theatre to promote engagement in peer education. *Research in Drama Education*, *20*(1). https://doi.org/10.1080/13569783.2014.983466

Österlind, E., Østern, A. L., & Thorkelsdóttir, R. B. (2016). Drama and theatre in a Nordic curriculum perspective – a challenged arts subject used as a learning medium in compulsory education. *Research in Drama Education*, *21*(1). https://doi.org/10.1080/13569783.2015.1126174

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Özbek, G. (2014). Drama in education: key conceptual features. *Sodobna Pedagogika*, *65*(1).

Perry, M. (2011). Theatre and knowing: Considering the pedagogical spaces in devised theatre. *Youth Theatre Journal*, *25*(1). https://doi.org/10.1080/08929092.2011.569461

Pilgrim, K., Ventura, N., Bingen, A., Faith, E., Fort, J., Reyes, O., Richmond, M., Rosenthal-Schutt, S., Schwinn, S. A., & Butler, J. D. (2020). From a distance: Technology and the first low-residency drama therapy education program. Drama Therapy Review, 6(1). https://doi.org/10.1386/dtr_00014_1

Poupart, F., Bouscail, M., Sturm, G., Bensoussan, A., Galliot, G., & Gozé, T. (2021). Acting on delusion and delusional inconsequentiality: A review. In *Comprehensive Psychiatry* (Vol. 106). https://doi.org/10.1016/j.comppsych.2021.152230

Putra, I. N. D. (2008). Modern performing arts as a reflection of changing Balinese identity. *Indonesia and the Malay World*, *36*(104). https://doi.org/10.1080/13639810802017842

Rahayu, D. S., Sulistyo, B. W., & Laksmiyanti, D. P. E. (2021). Penerapan Tema Arsitektur Neo Vernakular pada Fasilitas Seni Teater Boneka di Kota Surabaya. *Tekstur (Jurnal Arsitektur)*, *2*(2). https://doi.org/10.31284/j.tekstur.2021.v2i2.1922

Sallis, R. J. T. (2014). Ethnographic performance and drama education: A meaningful communication between researcher, teacher, and student. *Youth Theatre Journal*, *28*(1). https://doi.org/10.1080/08929092.2014.898003

Samidi, S. (2019). Identitas Budaya Masyarakat Kota: Teater Tradisi di Kota Surabaya Pada Awal Abad XX. *Indonesian Historical Studies*, *3*(1). https://doi.org/10.14710/ihis.v3i1.5308

Sedano-Solís, A. S. (2019). The Applied Theatre as an interdisciplinary field of research in theatre studies. *Artnodes*, *2019*(23). https://doi.org/10.7238/a.v0i23.3260

Sharma, K., Gaiha, S. M., Pati, S., & Sarabhai, M. (2021). Actor–doctor partnership for theatre-based public health education. *Health Education Journal*, *80*(1). https://doi.org/10.1177/0017896920949604

Sinan Özmen, K. (2011). Acting and Teacher Education: The {BEING} Model for Identity Development. *Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry*, *2*(April).

Supardan, D. (2016). THE CIREBONAN THEATRICAL PERFORMING ART IN THE MIDDLE OF GLOBALIZATION EXPOSURE. *Historia: Jurnal Pendidik Dan Peneliti Sejarah*, *14*(2). https://doi.org/10.17509/historia.v14i2.2034

Slate, N. (2022). The drama of nonviolence: theatre as education within the American civil rights movement. *Research in Drama Education*, *27*(1). https://doi.org/10.1080/13569783.2021.1916454

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tabone, C., & Weltsek, G. J. (2019). A qualitative summative assessment for theater education. *Arts Education Policy Review*, *120*(3). https://doi.org/10.1080/10632913.2019.1596854

Thambu, N., Othman, M. K. H., & Naidu, N. B. M. (2020). Using forum theatre to develop various levels of thinking skills among moral education students in secondary school. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, *17*(2). https://doi.org/10.32890/mjli2020.17.2.6

Truc, L. Q. (2020). Theater in education at Ho Chi Minh City Open University in Vietnam: students' awareness of benefits and challenges in English and American literature classes. *SOCIAL SCIENCES*, *9*(1). https://doi.org/10.46223/hcmcoujs.soci.en.9.1.269.2019

van de Water, M. (2021). Drama in education: why drama is necessary. *SHS Web of Conferences*, *98*. https://doi.org/10.1051/shsconf/20219802009

Verstegen, N., Smid, W., & van der Schoot, J. (2021). Drama education as part of a good lives model treatment approach. *Journal of Forensic Practice*, *23*(2). https://doi.org/10.1108/JFP-11-2020-0045

Vieites García, M. F. (2014). Theatre Education: A proposal for systematization. *Teoria de La Educacion*, *26*(1). https://doi.org/10.14201/teoredu201426177101

Walker, E. M., McFadden, L. B., Tabone, C., & Finkelstein, M. (2011). Contribution of drama-based strategies. *Youth Theatre Journal*, *25*(1). https://doi.org/10.1080/08929092.2011.569471

Ward, S. (2018). Boal, theatre in education and the promotion of fundamental British values. *Journal for Critical Education Policy Studies*, *16*(3).

Wartemann, G. (2009). Theatre as interplay: Processes of collective creativity in theatre for young audiences. *Youth Theatre Journal*, *23*(1). https://doi.org/10.1080/08929090902851528

Winston, J. (2001). Drug Education through Creating Theatre in Education. *Research in Drama Education*, *6*(1). https://doi.org/10.1080/13569780124185

Xu, S., Wang, J., & Tateo, L. (2022). Dramatizing Living-in-the-World: Affective Generalization in Drama-in-Education Workshop. Integrative Psychological and Behavioral Science, 56(3). https://doi.org/10.1007/s12124-021-09625-9

Thesis

Hussain Chin, L. F. (2020). Akulturasi Dan Neo Budaya Dalam Drama Pascakolonial Malaysia: Evolusi Identiti Kebangsaan [PhD Thesis Akulturasi Dan Neo Budaya Dalam Drama Pascakolonial Malaysia: Evolusi Identiti Kebangsaan]. http://eprints.usm.my/55610/

Redington, C. A. (1979). Theatre in education: an historical and analytical study (p. 460) [PhD Thesis Theatre in education: an historical and analytical study].

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

https://theses.gla.ac.uk/2535/1/1979redingtonphd.pdf

Wan Mamat, W. N. (2013). Tahap Penguasaan Kemahiran Pemikiran Kritis Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Pelajar (p. 101) [Review of Tahap Penguasaan Kemahiran Pemikiran Kritis Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Pelajar]. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Website

Asah Kemahiran Berfikir Dan Menyelesaikan Masalah. (2018, February 21). Leaderonomics. https://www.leaderonomics.com/ms/articles/kepimpinan/asah-kemahiran-berfikir

Scriven, M. and Paul, R. (1987) Defining Critical Thinking. 8th Annual International Conference on Critical Thinking and Education Reform.
http://www.criticalthinking.org/pages/defining-critical-thinking/766

Seni Kreatif Programme, USM, Penang. (n.d.). Retrieved February 18, 2023, from https://myartseducationarchive.com/selected-programs/seni-kreatif-programme-usm-penang/

05-4506832 tbupsi

Video

STELLA ADLER: On Imagination. (n.d.). Www.youtube.com. Retrieved January 18, 2022, from https://youtu.be/NbEMciGHXtQ

Temu Bual

Abdullah, Z. (2019, May 1). Sejarah Penubuhan Program Minor Teater Dalam Pendidikan UPSI (N. Suhaimi, Interviewer) [Review of Sejarah Penubuhan Program Minor Teater Dalam Pendidikan UPSI].

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN A

Contoh Sebahagian Modul Unit 1

Aktiviti A: Pekerjaan Saya

Penglibatan murid: Individu atau berkumpulan	Masa: 10 minit
Arahan: Murid perlu berimaginasi dan mencipta lakonan dengan meyakinkan mengikut arahan yang diberikan. Aktiviti ini berjalan pantas mengikut masa yang ditetapkan. Jadi murid harus berfikir dengan cepat dan perlu menukar aksi lakonan sepantas 30 saat. Aksi, reaksi, ekspresi dan olah tubuh harus sesuai dengan arahan yang diberikan.	**Media:**

Aktiviti Imaginasi Lakonan:

1. Bayangkan anda seorang pemandu bas yang sedang memandu bas
2. Bayangkan anda seorang nelayan yang sedang menjala ikan
3. Bayangkan anda seorang penoreh getah yang sedang menoreh getah
4. Bayangkan anda seorang anggota polis yang sedang menangkap penjahat
5. Bayangkan anda seorang tukang masak yang sedang memasak makanan
6. Bayangkan anda seorang penarik beca yang sedang mengayuh beca
7. Bayangkan anda seorang doktor yang sedang merawat pesakit
8. Bayangkan anda seorang ahli muzik yang sedang bermain alat muzik
9. Bayangkan anda seorang angkasawan yang sedang berjalan di atas bulan
10. Bayangkan anda seorang pembaca berita yang sedang membaca berita
11. Bayangkan anda seorang mekanik yang sedang membaiki kereta
12. Bayangkan anda seorang ahli bina badan yang sedang mengangkat berat
13. Bayangkan anda seorang guru yang sedang mengajar di kelas
14. Bayangkan anda seorang penjual yang sedang menjual barang di pasar malam
15. Bayangkan anda seorang juruterbang yang sedang menerbangkan pesawat
16. Bayangkan anda seorang tukang cuci yang sedang membersihkan tandas
17. Bayangkan anda seorang penyanyi yang sedang menyanyi di konsert
18. Bayangkan anda seorang petani yang sedang menanam pokok
19. Bayangkan anda seorang peminta sedekah yang sedang mengemis
20. Bayangkan anda seorang peguam yang sedang bersidang di mahkamah

Aktiviti Rangsang Minda:

Murid dikehendaki membina soalan berdasarkan aktiviti di atas dan rakan-rakan yang lain harus menjawab soalan tersebut secara spontan. Berikut adalah contoh soalan yang boleh dijadikan panduan dan digunakan dalam Aktiviti Rangsang Minda:

Aktiviti 18: Bayangkan anda seorang petani yang sedang menanam pokok.

1. Adakah anda petani moden atau petani kampung?
2. Apakah jenis pokok yang ditanam?
3. Huraikan ciri fizikal pokok tersebut?
4. Berapakah keluasan ladang/kebun dan anggarkan bilangan pokok di situ?
5. Bilakah waktu anda menyiram pokok di ladang anda?
6. Adakah tanaman tersebut di tanam dikawasan tanah rendah, berair atau di kawasan berbukit?
7. Adakah tanaman anda memerlukan cuaca yang panas atau sejuk?
8. Adakah tanaman anda diserang haiwan perosak?
9. Berapa lama hasil tanaman anda boleh dituai?
10. Bagaimanakah cara anda menuai hasil tanaman tersebut?

Nota:

- *Murid boleh menggunakan carian di internet sebagai rujukan (jika perlu).*
- *Bentuk jawapan secara bertulis atau menggambar boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian.*
- *Selepas selesai Aktiviti Rangsang Minda, dicadangkan agar murid mengulang aktiviti lakonan unit ini bertujuan untuk melihat pengukuhan daya kemahiran berfikir murid.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN B

Contoh Sebahagian Modul Unit 2

Aktiviti E: Gabungan Sensori	
Penglibatan murid : Individu atau berkumpulan	Masa: 2 minit 30 saat
Arahan: Murid perlu berimaginasi dan mencipta lakonan yang meyakinkan mengikut arahan yang diberikan. Aktiviti ini berjalan pantas mengikut masa yang ditetapkan. Oleh itu, murid harus berfikir dengan cepat dan perlu menukar aksi lakonan sepantas 30 saat. Aksi, reaksi, ekspresi dan olah tubuh harus sesuai dengan arahan yang diberikan.dengan menunjukkan emosi, ekspresi dan olah tubuh yang tepat.	**Media:**

Aktiviti:

1. Bayangkan anda sedang menghidu bau busuk bangkai sambil sedang makan kari yang sangat masin
2. Bayangkan kaki anda sedang memijak ais yang sangat sejuk sambil melihat seekor harimau yang mahu menerkam anda
3. Bayangkan anda sedang mendengar muzik rock dan pada masa yang sama sedang memasukkan benang ke dalam lubang jarum
4. Bayangkan anda sedang makan pisang yang pahit sambil kaki anda sedang dibelit seekor ular sawa
5. Bayangkan lengan anda disimbah air panas dan terhidu bau bangkai yang sangat hanyir
6. Bayangkan anda sedang minum susu kemudian ada sekor kucing sedang menggigit kaki anda
7. Bayangkan anda sedang bermain gitar kemudian tali gitar terputus lalu tali tersebut terkena mata anda
8. Bayangkan anda tertelan air liur basi dan pada masa yang sama anda ternampak seekor labah-labah merangkak di kaki anda
9. Bayangkan seekor burung berak di atas kepala anda dan pada masa yang sama anda ternampak bas sekolah terlanggar tiang lampu isyarat
10. Bayangkan anda sedang minum air limau yang pahit dan masam sambil terhidu bau busuk bangkai tikus.

Aktiviti Rangsang MInda:

Murid dikehendaki membina soalan berdasarkan aktiviti di atas dan rakan-rakan yang lain harus menjawab soalan tersebut secara spontan. Berikut adalah contoh soalan yang boleh dijadikan panduan dan digunakan dalam Aktiviti Rangsang Minda:

Aktiviti 4: Bayangkan anda sedang makan pisang yang pahit sambil kaki anda sedang dibelit seekor ular sawa

1. Kenapakah anda memakan pisang yang pahit? Adakah itu pilihan anda atau atas sebab lain?
2. Apakah jenis pisang yang anda makan? Jelaskan rupa, saiz, warna dan baunya.
3. Di manakah anda memakan pisang tersebut? Di kebun pisang atau di rumah? Huraikan latar tempat anda.
4. Bagaimanakah ular sawa tersebut membelit anda?
5. Adakah ular sawa yang membelit anda itu ular peliharaan ataupun ular liar?
6. Jelaskan saiz, warna, corak dan panjang ular sawa tersebut.
7. Apakah yang anda lakukan ketika anda sedar kaki anda dibelit?
8. Bagaimanakah keadaan anda pada ketika itu? Adakah anda berada seorang diri atau sebaliknya? Jika anda tidak berada seorang diri, dengan siapakah anda berapa? Jelaskan.
9. Apakah yang anda lakukan ketika ular sawa itu membelit?
10. Bagaimanakah anda menyelamatkan diri anda?

Nota:

- *Murid boleh menggunakan carian di internet sebagai rujukan (jika perlu).*
- *Bentuk jawapan secara bertulis atau menggambar boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian.*
- *Selepas selesai Aktiviti Rangsang Minda, dicadangkan agar murid mengulang aktiviti lakonan unit ini bertujuan untuk melihat pengukuhan daya kemahiran berfikir murid.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN C

Contoh Sebahagian Modul Unit 3

Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan UNIT 3

Aktiviti G: Gabungan Emosi	
Penglibatan murid : Individu atau berkumpulan	Masa: 2 minit 30 saat
Arahan: Murid perlu melakonkan dan meluahkan berdasarkan arahan dengan meyakinkan. Murid harus berfikir dengan sensitif, berimaginasi dan melakukan tindakan yang sesuai dengan arahan. Murid harus harus berfikir dengan kreatif dan kritis, berimaginasi melakukan tidakan dan perbuatan yang menunjukkan ekspresi, bahasa tubuh, aksi dan reaksi yang meyakinkan.	**Media:**
Aktiviti: 1. Anda cemas dan takut apabila ditangkap mengedar dadah sedangkan anda tidak bersalah. 2. Anda teruja apabila diberikan sebuah hadiah istimewa dari seseorang yang anda minati sehingga menangis kegembiraan 3. anda geram dan marah kerana abang membolot semua harta dan berasa jengkel dengan sikap tamaknya 4. Anda menangis kerana orang yang tersayang telah mati dan berasa kecewa kerana tiada siapa yang memberitahu anda tentang berita tersebut 5. Anda terkejut, cemas dan takut apabila secara tiba-tiba lampu lif terpadam sehingga terpeluk seseorang yang turut sama terperangkap di dalam lif tersebut. 6. Anda rasa bersalah dan ketakutan kerana tidak sengaja menendang bola sehingga menyebabkan kecederaan kepada pelajar lain. 7. Anda tersinggung dengan teguran guru dan berasa amat malu kerana dimalukan di depan khalayak ramai 8. Anda masih bersemangat berjuang melawan pihak musuh dalam sebuah pertarungan walau mengalami kesakitan yang dahsyat di banhagian perut 9. Anda terkejut kerana tidak menyangka dan berasa terlalu gembira kerana diumumkan pemenang hadiah wang yang lumayan dalam sebuah peraduan 10. Anda berasa geram dan berdendam kerana telah dalam sebuah pertempuran namun	
Aktiviti Rangsang MInda: Murid dikehendaki membina soalan berdasarkan aktiviti di atas dan rakan-rakan yang lain harus menjawab soalan tersebut secara spontan. Berikut adalah contoh soalan yang boleh dijadikan panduan dan digunakan dalam Aktiviti Rangsang Minda: **Aktiviti 5: Anda terkejut, cemas dan takut apabila secara tiba-tiba lampu lif terpadam sehingga terpeluk seseorang yang turut sama terperangkap di dalam lif tersebut.** 1. Apakah perasaan anda ketika lif rosak dan lampu lif terpadam menjadikan keadaan gelap gelita? 2. Ceritakan apakah yang berlaku dalam keadaan cemas tersebut? Adakah lif terberhenti atau memecut naik ke atas atau turun bawah? 3. Gambarkan ciri fizikal orang asing yang bersama dengan anda di dalam lif. 4. Kenapakah anda memeluk orang asing semasa kejadian ini? 5. Apakah yang dilakukan orang asing itu apabila anda memeluknya secara tiba-tiba? 6. Ceritakan selanjutnya apakah yang berlaku selepas anda terpeluk orang asing itu? 7. Berapa lama anda terperangkap dalam lif tersebut? Dan apakah yang berlaku selama waktu itu? 8. Siapakah yang menyelamatkan anda? Berapa ramai yang terlibat dengan misi menyelamat? 9. Bagaimanakah anda semua diselamatkan? 10. Ketika lif itu terbuka semasa anda diselamatkan? Apakah yang anda lihat?	**Nota:** • *Murid boleh menggunakan carian di internet sebagai rujukan (jika perlu).* • *Bentuk jawapan secara bertulis atau menggambar boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian.* • *Selepas selesai Aktiviti Rangsang Minda, dicadangkan agar murid mengulang aktiviti lakonan unit ini bertujuan untuk melihat pengukuhan daya kemahiran berfikir murid.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN D

Contoh Sebahagian Modul Unit 4

Aktiviti C : Sambung Dialog	
Penglibatan murid : Berpasangan atau berkumpulan	Masa: 1 minit
Arahan: Sambung Dialog merupakan aktiviti cabaran mencipta dialog spontan secara berpasangan atau berkumpulan. Dialog mula akan diberikan. Murid A perlu menyambungnya sambil melakonkannya secara spontan kemudian perlu disambung pula oleh Murid B dan diteruskan secara bergilir-gilir antara Murid A dan Murid B . Aktiviti ini berjalan pantas selama satu minit. Murid harus menunjukkan aksi, reaksi, ekspresi, emosi, dan olah tubuh yang sesuai serta meyakinkan.	**Media:**

Aktiviti:

1. Dialog mula: Cis, dasar mawas berbulu! Kau memang kejam! **(Sila sambung)**
2. Dialog mula: Tolonglah saya wahai gergasi, tolong kasihanilah saya. Tolonglah jangan apa-apakan saya!.. (Sila sambung)
3. Dialog mula: Aduh, sakitnya perut ni.. Encik, tolonglah saya, saya merayu encik.. (Sila Sambung)
4. Dialog mula: Hahaha! Hei, tak malukah pakai baju buruk ni? Dahlah buruk, busuk pulak tu!.. (Sila sambung)
5. Dialog mula: Jeng jeng jeng! Hahahah! Huwaa.. Kenapa dari tadi magik aku tak menjadi ni?!... (Sila sambung)
6. Dialog mula: Adik, tolong angkat kain dah nak hujan ni. Cepatlah adik!.. (Sila sambung)
7. Dialog mula: Tarik..tarik..tarik..tarik..tarik.. tarik cepat lagi, kuat lagi! Tarik, tarik tu kuat lagi!!.. (Sila sambung)
8. Dialog mula: Mamak,saya nak pesan satu mee goreng mamak, dua nasi lemak. Bungkus tau!.. (Sila sambung)
9. Dialog mula: Mari, mari, mari! Ikan segar, ikan segar! Sekilo lima ringgit, sekilo lima ringgit! (Sila sambung)
10. Dialog mula: Pedasnya, air, air.. alamak tak tahan ni, pedas sangat! Air, air, air, air, air (Sila sambung)

Aktiviti Rangsang Minda:

Murid dikehendaki membina soalan berdasarkan aktiviti di atas dan rakan-rakan yang lain harus menjawab soalan tersebut secara spontan. Berikut adalah contoh soalan yang boleh dijadikan panduan dan digunakan dalam Aktiviti Rangsang Minda:

Aktiviti 2: Dialog mula: Tolonglah saya wahai gergasi, tolong kasihanilah saya. Tolonglah jangan apa-apakan saya!.. (Sila sambung)

1. Anda berada di mana dan bagaimana anda boleh sampai ke situ.
2. Sila huraikan suasana, masa dan keadaan di sekeliling.
3. Apakah yang ada di sekeliling anda?
4. Jelaskan perincian rupa, fizikal dan saiz gergasi itu. Berapakah beratnya?

Nota:

- *Murid boleh menggunakan carian di internet sebagai rujukan (jika perlu).*
- *Bentuk jawapan secara bertulis atau menggambar boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian.*
- *Selepas selesai Aktiviti Rangsang Minda, dicadangkan agar murid mengulang aktiviti lakonan unit ini bertujuan untuk melihat pengukuhan daya kemahiran berfikir murid.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN E

Contoh Sebahagian Modul Unit 5

AKTIVITI A: CABARAN LAKONAN

Penglibatan murid : Berpasangan atau berkumpulan	Masa: 1 minit

Arahan:

Murid perlu menyahut cabaran lakonan menggunakan video interaktif dengan menggunakan aplikasi tiktok. Murid harus mempamerkan aksi, reaksi, emosi dan ekspresi yang meyakinkan semasa menghasilkan video lakonan.

Nota: Apabila memuat naik video lakonan anda di aplikasi tiktok, jangan lupa *tag* akaun tiktok Modul Aktiviti Imaginasi Lakonan dan letakkan tanda pagar #JomBerimaginasi.

Latihan 1: Tanpa Sengaja

Media:

A : Aduh., aduhh.. Macam mana ni, macam mana nak buat ni..?
B : Apa dah jadi? Eh, apa tak kena ni?
A : Tengok apa aku dah buat! Tolong aku..
B : Ha? Eh, sepatutnya terus balik rumah kan? Kan aku dah pesan tadi hati-hati. Teruknya kucing ni. Kau nak buat apa ni?
A : Ya, aku tahu, Aku memang dalam perjalanan balik rumah. Straight away balik dan aku sangat berhati-hati tadi! Tapi entahla tiba-tiba dia muncul dari mana aku pun tak tahu.
B : Eh, aku rasa dia dah tak bernyawa! Kesiannya, mesti mak dia cari dia..
A : Aku tak sengaja langar dia. Aku rasa berdosa sangat. Tapi, benda dah nak jadi kan..

Latihan 2: Pertengkaran dengan Mama

Media:

A : Saya tak percaya dengan mama. Stop mama. Saya dah matang dan cukup akal untuk pilih arah tujuan hidup saya. Jadi tolong jangan campur urusan hidup saya lagi.
B : Mama bukan nak campur. Mama nak yang terbaik untuk kamu. Mama tak faham kenapa kamu kena bersikap macam...-
A : Stop Mama. Berhenti risaukan saya dan saya merayu sangat. Saya merayu pada mama, Mama tolong risaukan hidup mama yang akan kehilangan saya.
B : Jadi? Kamu ugut Mama? Kamu akan tinggalkan mama?
A : Mama puncanya!

Latihan 3: Cemburu

Media:

A : Saya harap lepas ni kita jangan cakap atau bincang dah tentang dia.
B : Serius? Cemburu ya? Apa masalah awak? Hahaha
A : Masalah utama sekarang ialah awak. Cara awak cakap dengan dia, pandang dia, layan dia, senyum pada dia tak sama macam awak dengan saya.
B : Eh, awak ni pelik betul. Jangan fikir bukan-bukan boleh? Gila! Cemburu buta!
A : Gila? You know what, sebenarnya I don't care! Memang saya buta sampai tak nampak penipuan awak selama ni.
B : Please saya dah tak nak gaduh lagi hari ni..penat lah!
A : Sama! Jiwa saya dah penat dan letih dengan awak.

Latihan 4: Cicak

Media:

A : Eh, kau dah kenapa ni?
B : Ak..aku..aku..
A : Apa? Kau ni menakutkan akulah! Cepatlah cakap.
B : Aku sebenarnya tengah menahan geli. Ada cicak masuk dalam baju aku. Aku nak jerit tak boleh sini malu orang ramai.
A : Alamak! Kau ok tak ni?
B : Jangan tanya, memang aku tak ok.
A : Tahan, tahan, jangan jerit malu orang tengok.
B : Aaaa!!!
A : (Terkejut)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi